JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR
(PLANMalaysia Selangor)
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN *Negeri Selangor*









JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR
(PLANMalaysia Selangor)
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN *Negeri Selangor*






Cetakan 2025
@Hakcipta
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
(PLANMalaysia Selangor)

Panduan Pelaksanaan Pelancongan Negeri Selangor ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 5/2025 pada 27 Oktober 2025 dan telah dilancarkan oleh Y.A.B Menteri Besar Selangor pada 8 November 2025

Hakcipta terpelihara

Mana-mana bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam apa-apa bentuk cara, sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu

Bahagian Rancangan Pembangunan,
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
(**PLAN**Malaysia Selangor)
Menara Pertubuhan Peladang Negeri Selangor
Tingkat 2-4, 9 Menara PPPNS
Persiaran Damai, Seksyen 11
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-5650 1800
Fax: 03-5650 1855

ISI KANDUNGAN

		MUKA SURAT
BAB 1: PENGENALAN		
1.1	Pendahuluan	1-1
1.2	Matlamat dan Objektif	1-3
1.3	Justifikasi dan Kepentingan PPPNS	1-4
1.4	Profil Asas Negeri Selangor	1-6
1.5	Penduduk Negeri Selangor	1-8
1.6	Asas Ekonomi Negeri Selangor	1-8
BAB 2: SEKTOR PELANCONGAN DI NEGERI SELANGOR		
2.1	Pendahuluan	2-1
2.2	Rangka Kerja Dasar Perancangan Pelancongan	2-1
	2.2.1 Dasar Perancangan Pelancongan Peringkat Antarabangsa	2-2
	2.2.2 Dasar Perancangan Pelancongan Peringkat Negara	2-2
	2.2.3 Dasar Perancangan Pelancongan Peringkat Negeri	2-4
	2.2.4 Kluster Pelancongan Di Negeri Selangor	2-5
2.3	Kategori dan Produk Pelancongan	2-8
	2.3.1 Produk Pelancongan Di Negeri Selangor	2-10
	2.3.2 Produk Pelancongan Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan	2-11
	2.3.3 Kategori Pelancongan Bagi Panduan Pelaksanaan Pelancongan Negeri Selangor (PPPNS)	2-36
2.4	Prestasi Pelancongan Di Negeri Selangor	2-37
	2.4.1 Kedatangan Pelancong Antarabangsa ke Negeri Selangor	2-38
	2.4.2 Kedatangan Pelancong Domestik ke Negeri Selangor	2-39
	2.4.3 Kedatangan Pelancong ke Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan	2-40
2.5	Penginapan dan Perkhidmatan Pelancongan Di Negeri Selangor	2-41
	2.5.1 Penginapan Pelancongan	2-41
	2.5.2 Perkhidmatan Pelancongan	2-42
2.6	Rumusan Penemuan Produk Pelancongan	2-44
BAB 3: PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN ALAM SEMULA JADI		
3.1	Pendahuluan	3-1
	3.1.1 Definisi	3-12
	3.1.2 Subkategori Pelancongan Alam Semula Jadi	3-12
	3.1.3 Objektif Panduan	3-15
	3.1.4 Skop Panduan	3-16
	3.1.5 Prinsip Panduan	3-17
3.2	Komponen Panduan Pelaksanaan	3-18
	3.2.1 Pengelasan Zon Kawasan Sensitif Alam Sekitar	3-18
	3.2.2 Penetapan Daya Tampung Pengunjung Berdasarkan Pengiraan *Carrying Capacity* dan Penentuan Tahap Daya Ambang	3-20

ISI KANDUNGAN

		MUKA SURAT
3.2.3	Kategori Tapak Perkhemahan	3-23
3.2.4	Panduan Susun Atur Tapak Perkhemahan	3-26
3.2.5	Panduan Penyediaan Kemudahan Sokongan	3-32
3.2.6	Kawalan Aktiviti Berisiko	3-34
3.2.7	Pendidikan dan Interpretasi	3-46
3.2.8	Pembangunan Komuniti Setempat	3-48
3.3	Pelaksanaan Panduan	3-49
3.3.1	Kawalan Pembangunan	3-49
3.3.2	Kawalan Penggunaan Tanah	3-51
3.3.3	Pemutihan Tapak Pelancongan Alam Semula Jadi/ Tapak Perkhemahan	3-52
3.4	Pemantauan dan Penilaian	3-58

BAB 4: PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN WARISAN & BUDAYA

4.1	Pendahuluan	4-1
4.1.1	Definisi	4-14
4.1.2	Sub Kategori Pelancongan Warisan dan Budaya	4-14
4.1.3	Objektif Panduan	4-15
4.1.4	Skop Panduan	4-16
4.1.5	Prinsip Panduan	4-21
4.2	Komponen Panduan	4-22
4.2.1	Panduan Menjadikan Tapak Warisan Ketara *(Tangible Heritage)* Sebagai Produk Pelancongan	4-22
4.2.2	Panduan Pewartaan Tapak Warisan	4-23
4.2.3	Penyepaduan Warisan Ketara dan Tidak Ketara Produk Pelancongan Warisan dan Budaya	4-24
4.2.4	Penambahan Kemudahan Sokongan Pelancongan	4-26
4.2.5	Pengelasan Zon Pengurusan Tapak Warisan	4-28
4.2.6	Zon Penampan Pembangunan Baharu Sekitar Tapak Pelancongan Warisan dan Budaya	4-30
4.2.7	Daya Tampung Pelawat	4-31
4.2.8	Kawalan Aktiviti Pelancongan Warisan Ketara	4-33
4.2.9	Kawalan Aktiviti Pelancongan Warisan Tidak Ketara	4-34
4.2.10	Kawalan Keselamatan, Kesihatan Dan Pengurusan Pelawat	4-35
4.2.11	Intepretasi dan *Storytelling*	4-37
4.2.12	Penyertaan Komuniti Setempat dan Konsep *Living Museum*	4-39
4.3	Panduan Pelaksanaan	4-41
4.3.1	Perundangan dan Pelesenan	4-41
4.3.2	Pembangunan Pelancongan Warisan dan Budaya	4-42
4.3.3	Pemutihan Tapak Pelancongan Warisan dan Budaya Sedia Ada	4-43
4.4	Pemantauan dan Penilaian	4-46
4.5	Panduan Penyediaan Pemetaan Budaya	4-49

ISI KANDUNGAN

		MUKA SURAT
BAB 5: PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN SUKAN & REKREASI		
5.1	Pendahuluan	5-1
5.1.1	Definisi	5-14
5.1.2	Subkategori Pelancongan Sukan dan Rekreasi	5-15
5.1.3	Objektif Panduan	5-17
5.1.4	Skop Panduan	5-18
5.1.5	Prinsip Panduan	5-19
5.2	Komponen Panduan	5-20
5.2.1	Perancangan Lokasi dan Infrastruktur	5-20
5.2.2	Pembangunan Aktiviti Sukan dan Rekreasi	5-21
5.2.3	Pengurusan Keselamatan dan Risiko Bahaya	5-22
5.2.4	Integrasi Pendidikan dalam Pelancongan Sukan	5-22
5.2.5	Pengurusan Aktiviti Sukan dan Rekreasi	5-23
5.2.6	Pengurusan Operator Bagi Aktiviti Sukan dan Rekreasi	5-29
5.3	Pelaksanaan Panduan	5-30
5.3.1	Pemutihan Pelancongan Sukan dan Rekreasi	5-31
5.4	Pemantauan & Penilaian	5-32
5.4.1	Matriks RACI (*Responsible, Accountable, Consulted* dan *Informed*)	5-33
BAB 6: PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN KESIHATAN (KESEJAHTERAAN)		
6.1	Pendahuluan	6-1
6.1.1	Definisi	6-2
6.1.2	SubKategori Pelancongan Kesihatan	6-2
6.1.3	Objektif Panduan	6-5
6.1.4	Skop Panduan	6-5
6.1.5	Prinsip Panduan	6-6
6.2	Komponen Panduan	6-7
6.2.1	Pembangunan dan Pengurusan Produk	6-7
6.2.2	Pengurusan pelancong/ pelawat dan sumber tenaga manusia	6-13
6.3	Pelaksanaan Panduan	6-17
6.3.1	Pemutihan Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan)	6-19
6.4	Pemantauan dan Penilaian	6-22
BAB 7: PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN BANDAR & GAYA HIDUP		
7.1	Pendahuluan	7-1
7.1.1	Definisi	7-14
7.1.2	Subkategori Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup	7-14
7.1.3	Objektif Panduan	7-15
7.1.4	Skop Panduan	7-16
7.1.5	Prinsip Panduan	7-17
7.2	Komponen Utama Panduan	7-18
7.2.1	Inventori dan Pemetaan Produk Pelancongan	7-18
7.2.2	*Standard* dan Spesifikasi Aktiviti	7-19
7.2.3	Aspek Keselamatan dan Kesihatan	7-20

ISI KANDUNGAN

		MUKA SURAT
7.2.4	Pengurusan Pelawat	7-21
7.2.5	Penetapan Daya Tampung Pelawat	7-22
7.2.6	Penetapan Daya Tampung Pelawat Berdasarkan Tahap Daya Ambang *(Limit of Acceptable Change* - LAC*)*	7-23
7.2.7	Panduan Penyediaan Kemudahan Berkaitan	7-25
7.2.8	Tahap Kawalan Aktiviti Berdasarkan Subkategori Serta Strategi Pelaksanaan dan Langkah Kawalan Pemantauan	7-27
7.2.9	Intepretasi Pendidikan dalam Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup	7-31
7.3	Pelaksanaan Panduan	7-32
7.3.1	Kaedah Pelaksanaan di Lapangan	7-32
7.3.2	Tanggungjawab Agensi dan Pihak Berkepentingan	7-32
7.3.3	Aspek Kawalan Pembangunan	7-33
7.3.4	Aspek Pemantauan	7-33
7.3.5	Jadual Pelaksanaan	7-34
7.3.6	Keperluan Latihan/ *Capacity Building*	7-35
7.3.7	Langkah Pemutihan Tapak Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup Sedia Ada	7-36
7.4	Pemantauan dan Penilaian Panduan	7-39

BAB 8: PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN AGRO

8.1	Pendahuluan	8-1
8.1.1	Definisi	8-1
8.1.2	Subkategori Pelancongan Agro	8-13
8.1.3	Objektif Panduan	8-14
8.1.4	Skop Panduan	8-14
8.1.5	Prinsip Panduan	8-15
8.2	Komponen Panduan	8-16
8.2.1	Pemilihan Tapak Yang Bersesuaian	8-16
8.2.2	Reka Bentuk Kemudahan Pelawat	8-17
8.2.3	Jarak Penampan ke Kawasan Sekitar	8-20
8.2.4	Keselamatan dan Standard Prosedur	8-21
8.2.5	Sistem Pengurusan Sisa	8-24
8.2.6	Aktiviti Pendidikan dan Interaktif	8-25
8.2.7	Pembangunan Komuniti Setempat	8-26
8.3	Pelaksanaan Panduan	8-27
8.3.1	Aspek Kawalan Penggunaan Tanah	8-28
8.3.2	Pertimbangan Lain Dalam Kawalan Penggunaan Tanah	8-29
8.3.3	Pemutihan Tapak Pelancongan Agro Sedia ada	8-30
8.4	Pemantauan dan Penilaian	8-33

ISI KANDUNGAN

		MUKA SURAT
BAB 9: PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN INAP DESA DAN INAP DUSUN		
9.1	Pendahuluan	9-1
	9.1.1 Definisi	9-5
	9.1.2 Subkategori Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun	9-6
	9.1.3 Objektif Panduan	9-8
	9.1.4 Skop Panduan Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun	9-9
	9.1.5 Prinsip Panduan	9-10
9.2	Komponen Panduan	9-11
	9.2.1 Pemilihan Tapak Yang Bersesuaian	9-11
	9.2.2 *Standard* dan Spesifikasi Aktiviti	9-11
	9.2.3 Panduan Umum	9-12
	9.2.4 Aspek Keselamatan dan Kesihatan	9-14
	9.2.5 Pengurusan Sisa Domestik	9-17
	9.2.6 Integrasi Pendidikan dalam Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun	9-18
	9.2.7 Interpretasi dan *Storytelling*	9-19
	9.2.8 Pengurusan Pelancong	9-20
	9.2.9 Modul Latihan Kepada Operator Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun	9-21
	9.2.10 Penglibatan Komuniti Setempat	9-22
9.3	Panduan Pelaksanaan	9-23
	9.3.1 Pemutihan Inap Desa dan Inap Dusun Sedia Ada	9-25
9.4	Pemantauan dan Penilaian	9-27
BAB 10: MEKANISME PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN		
10.1	Pendahuluan	10-1
10.2	Struktur Pengurusan dan Pelaksanaan Pelancongan	10-1
	10.2.1 Pengurusan dan Pelaksanaan Pembangunan Pelancongan Negeri	10-2
	10.2.2 Pengurusan dan Pelaksanaan Pembangunan Pelancongan Peringkat Tempatan	10-2
	10.2.3 Pengawal Selia Pembangunan Tanah dan Aktiviti Pelancongan	10-8
	10.2.4 Program Pemutihan Pelancongan	10-12
10.3	*Smart Partnership* Pelancongan	10-13
	10.3.1 *Smart Partnership* Bersama Organisasi Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan Komuniti dan Operator Pelancongan Swasta	10-14
10.4	Pendigitalan Pelancongan Negeri Selangor	10-15
	10.4.1 *Smart Destination* dan *Smart Attraction*	10-15
	10.4.2 Data Raya Pelancongan Negeri Selangor	10-17
	10.4.3 Sistem Maklum Balas Komuniti dan Pelancong	10-18
BAB 11: KESIMPULAN		

SENARAI JADUAL

		MUKA SURAT
1.1	Maklumat Asas Mengikut Daerah di Negeri Selangor.	1-6
1.2	Bilangan Penduduk Mengikut Daerah di Negeri Selangor, 2024	1-8
2.1	Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori dan Pihak Berkuasa Tempatan.	2-11
2.2	Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori di MBSA	2-12
2.3	Bilangan Produk Pelancongan mengikut Kategori di MBPJ	2-14
2.4	Bilangan Produk Pelancongan mengikut Kategori di MBSJ	2-16
2.5	Bilangan Produk Pelancongan mengikut Kategori di MBDK	2-18
2.6	Bilangan Produk Pelancongan mengikut Kategori di MPKj	2-20
2.7	Bilangan Produk Pelancongan mengikut Kategori di MPAJ	2-22
2.8	Bilangan Produk Pelancongan mengikut Kategori di MPS	2-24
2.9	Bilangan Produk Pelancongan mengikut Kategori di MPSp	2-26
2.10	Bilangan Produk Pelancongan mengikut Kategori di MPHS	2-28
2.11	Taburan Produk Pelancongan mengikut Kategori di MPKL	2-30
2.12	Taburan Produk Pelancongan mengikut Kategori di MPKS	2-32
2.13	Taburan Produk Pelancongan mengikut Kategori di MDSB	2-34
2.14	Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori Pelancongan Berdasarkan Kajian PPPNS 2025	2-36
3.1	Subkategori Pelancongan Alam Semula Jadi.	3-14
3.2	Komponen Pengelasan Zon Berdasarkan Teori Man *and Biosphere Reserve*	3-19
3.3	Contoh pengezonan bagi subkategori Pelancongan Alam Semula Jadi.	3-19
3.4	Perbezaan Kaedah Pengiraan *Carrying Capacity* dan Penentuan Tahap Daya Ambang	3-23
3.5	Jenis-jenis Tapak Perkhemahan dan Ciri-cirinya.	3-23
3.6	Pembahagian Zon di Tapak	3-24
3.7	Penentuan Asas Kapasiti Tapak	3-24
3.8	Perincian Umum Satu Modul Tapak Perkhemahan	3-25
3.9	Perbandingan Amalan Antarabangsa dan Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan	3-30
3.10	Penyelarasan Amalan dan Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan Bagi PPPNS	3-31
3.11	Aspek Kawalan Aktiviti Berisiko	3-34
3.12	Kawalan Aktiviti Berisiko Mengikut Subkategori Pelancongan Alam Semula Jadi	3-35
3.13	Perincian penyediaan kemudahan pendidikan dan intepretasi	3-45
3.14	Contoh Interpretasi dan Penceritaan Bagi Destinasi Kelip-Kelip Kuala Selangor	3-47
3.15	Strategi Pembangunan Komuniti Setempat Dalam Pelancongan Alam Semula Jadi	3-48
3.16	Kawalan dan Pemantauan Pembangunan Komuniti Setempat	3-48
3.17	Jenis Kawalan Operasi Tapak Perkhemahan Oleh PBT	3-50
3.18	Pematuhan Minimum Tapak Pelancongan Alam Semula Jadi/ Tapak Perkhemahan	3-52
3.19	Pematuhan Minimum Kemudahan Tapak Pelancongan Alam Semula Jadi/ Tapak Perkhemahan	3-54
3.20	Pematuhan Minimum Operasi Tapak Pelancongan Alam Semula Jadi/ Tapak Perkhemahan	3-55
3.21	Pematuhan Minimum Undang-undang Berkaitan Pelancongan Alam Semula Jadi/ Tapak Perkhemahan	3-56

SENARAI JADUAL

		MUKA SURAT
3.22	Perincian Pemantauan Aktiviti Berisiko Mengikut Subkategori Pelancongan Alam Semula Jadi	3-58
3.23	Tindakan Pelaksanaan dan Agensi Bertanggungjawab	3-60
4.1	Komponen Utama Aset Warisan	4-1
4.2	Subkategori Pelancongan Warisan dan Budaya	4-14
4.3	Contoh Tapak Tanah Bersejarah / Warisan Ketara di Negeri Selangor	4-17
4.4	Contoh Warisan Tidak Ketara dan Makanan Tradisi di Negeri Selangor	4-18
4.5	Contoh Landskap Warisan Semula Jadi di Negeri Selangor	4-19
4.6	Contoh Kemudahan dan Acara Warisan dan Budaya Negeri Selangor	4-20
4.7	Pengenalpastian Status Pewartaan dan Implikasi Sebagai Produk Pelancongan	4-22
4.8	Proses Penyepaduan Antara Warisan Ketara Dan Tidak Ketara Bagi Produk Pelancongan Warisan Dan Budaya	4-24
4.9	Contoh Penyepaduan Warisan Ketara dan Tidak Ketara di Negeri Selangor	4-25
4.10	Prinsip Umum Penambahan Kemudahan Sokongan Pelancongan	4-26
4.11	Panduan Umum Penambahan Kemudahan Sokongan Pelancongan	4-27
4.12	Cadangan Zon Penampan atau Anjakan Pembangunan Baharu di Tapak Pelancongan Warisan dan Budaya	4-31
4.13	Faktor Mengelakkan Kesan Negatif Terhadap Tapak Warisan.	4-32
4.14	Perincian kawalan aktiviti terhadap pelancongan warisan ketara	4-33
4.15	Perincian kawalan aktiviti terhadap pelancongan warisan tidak ketara	4-34
4.16	Kawalan Keselamatan, Kesihatan dan Pengurusan Pelawat	4-35
4.17	Perkara melibatkan Intepretasi dan *Storytelling*	4-37
4.18	Strategi Penyertaan Setempat	4-40
4.19	Kawalan Dan Pemantauan Pembangunan Komuniti	4-40
4.20	Perundangan dan Pelesenan	4-41
4.21	Perincian Pemantauan Aktiviti Berisiko Mengikut Sub-kategori Pelancongan Warisan dan Budaya	4-46
4.22	Tindakan Pelaksanaan Dan Agensi Bertanggungjawab	4-48
4.23	Contoh Panduan Pembangunan Kluster Pelancongan Berpotensi.	4-49
5.1	Subkategori Pelancongan Sukan dan Rekreasi	5-15
5.2	Komponen Utama bagi Perancangan Lokasi dan Infrastruktur Panduan Pelancongan Sukan dan Rekreasi	5-20
5.3	Aktiviti Pendidikan dan Interaktif Pelancongan Sukan dan Rekreasi	5-22
5.4	Perincian Pematuhan Pengurusan Sukan dan Rekreasi	5-23
5.5	Kawalan dan Pemantauan Pelancongan Sukan dan Rekreasi	5-30
5.6	Perincian Pemutihan Pelancongan Sukan dan Rekreasi	5-31
5.7	Perincian Pemantauan Aktiviti Pelancongan Sukan dan Rekreasi Menerusi RACI	5-33
5.8	Tindakan Pelaksanaan dan Cadangan Indikator Pemantauan Mengikut Komponen Kawalan Utama	5-34
6.1	Subkategori dan Ciri Utama Pelancongan Kesihatan	6-2
6.2	Senarai Badan Pengamal Perubatan Mengikut Bidang Amalan Diiktiraf	6-14
6.3	Strategi Pembangunan Komuniti Setempat	6-16
6.4	Kawalan dan Pemantauan Berkala Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan)	6-18

SENARAI JADUAL

		MUKA SURAT
6.5	Perincian Pemantauan Aktiviti Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan) Menerusi RACI	6-22
6.6	Perincian Pemantauan Aktiviti Kesejahteraan (Forest Bathing) Menerusi RACI	6-23
6.7	Tindakan Pelaksanaan dan Cadangan Indikator Pemantauan Mengikut Komponen Kawalan Utama	6-24
7.1	Subkategori Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup	7-14
7.2	Kawalan Pelancongan Bandar & Gaya Hidup	7-21
7.3	Penetapan Daya Tampung Pelawat Berdasarkan Tahap Daya Ambang	7-23
7.4	Panduan Penyediaan Kemudahan Berkaitan	7-25
7.5	Kawalan Aktiviti Berisiko Bagi Pelancongan Membeli-Belah	7-27
7.6	Kawalan Aktiviti Berisiko Bagi Pelancongan Kulinari	7-27
7.7	Kawalan Aktiviti Berisiko Bagi Pelancongan MICE	7-28
7.8	Kawalan Aktiviti Berisiko Pelancongan Taman Tema	7-29
7.9	Contoh Kerangka Pelan Tindakan Kecemasan	7-29
7.10	Tanggungjawab Lain-lain Agensi	7-32
7.11	Aspek Kawalan Pembangunan Berdasarkan Subkategori Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup	7-33
7.12	Aspek Pemantauan Berdasarkan Subkategori Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup	7-33
7.13	Jadual Pelaksanaan bagi Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup	7-34
7.14	Kategori dan Fokus Latihan bagi Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup	7-35
7.15	Perincian RACI bagi Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup	7-39
8.1	Subkategori dan Ciri Utama Pelancongan Agro	8-13
8.2	Kawalan Keselamatan Pengoperasian Pelancongan Agro.	8-22
8.3	Risiko Keselamatan dan Tindakan Kawalan di Kawasan Pelancongan Agro Berasaskan Tanaman	8-22
8.4	Risiko Keselamatan dan Tindakan Kawalan di Kawasan Pelancongan Agro Berasaskan Ternakan	8-23
8.5	Contoh Amalan Baik Sistem Pengurusan Sisa Pelancongan Agro	8-25
8.6	Aktiviti Pendidikan dan Interaktif Pelancongan Agro	8-25
8.7	Strategi Pembangunan Komuniti Setempat Dalam Pelancongan Agro	8-26
8.8	Kawalan dan Pemantauan Pembangunan Komuniti Setempat	8-26
8.9	Kawalan dan Pemantauan Berkala Bagi Sektor Pelancongan Agro	8-27
8.10	Perincian Proses Pemutihan Bagi Sektor Pelancongan Agro	8-30
8.11	Perincian Pemantauan Aktiviti Pelancongan Agro Menerusi RACI	8-33
8.12	Tindakan Pelaksanaan dan Cadangan Indikator Pemantauan Mengikut Komponen Kawalan Utama	8-34
9.1	Subkategori dan Ciri Utama Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun dan Homestay	9-6
9.2	Standard dan Spesifikasi Minimum Untuk Pembangunan Inap Desa dan Inap Dusun	9-11
9.3	Panduan Umum Untuk Pembangunan Inap Desa dan Inap Dusun	9-12
9.4	Langkah Pencegahan dan Pengurusan Risiko Keselamatan dan Kesihatan	9-15
9.5	Integrasi Pendidikan dalam Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun	9-18

SENARAI JADUAL

		MUKA SURAT
9.6	Aktiviti dan Kaedah Interpretasi dan *Storytelling* dalam Pembangunan Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun.	9-19
9.7	Kaedah Pengurusan Pelancong Dalam Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun	9-20
9.8	Senarai Latihan Utama Bagi Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun	9-21
9.9	Strategi Penglibatan Komuniti Setempat	9-22
9.10	Kawalan dan Pemantauan Berkala Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun	9-24
9.11	Perincian Pemantauan Aktiviti Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun Menerusi RACI	9-27
9.12	Tindakan Pelaksanaan dan Cadangan Indikator Pemantauan Mengikut Komponen Kawalan Utama	9-28
10.1	Aktiviti Pelancongan dan Peruntukan Undang-Undang Sedia Ada Mengikut PBT, 2025	10-3
10.2	Peranan Pejabat Daerah dan Tanah Dalam Tadbir Urus Pelancongan Negeri Selangor	10-9
10.3	Peranan Jabatan dan Agensi Teknikal Berkaitan Dalam Tadbir Urus Pelancongan Negeri Selangor	10-10

SENARAI RAJAH

		MUKA SURAT
1.1	Sebahagian Liputan Berita Insiden Serta Kelemahan dan Kegagalan Pematuhan Prosedur Pengoperasian Pelancongan di Negeri Selangor, 2018-2025	1-2
1.2	Objektif Panduan Pelaksanaan Pelancongan Negeri Selangor (PPPNS)	1-3
1.3	Justifikasi dan Kepentingan Panduan Pelaksanaan Pelancongan Negeri Selangor (PPPNS)	1-4
1.4	Sempadan Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor	1-7
2.1	Rangka Kerja Dasar Perancangan Pelancongan	2-1
2.2	Cadangan Zon dan Aktiviti Pelancongan Negeri Selangor	2-6
2.3	Cadangan Zon dan Kategori Pelancongan Negeri Selangor.	2-7
2.4	Penyelarasan Kategori Pelancongan di Negeri Selangor	2-9
2.5	Taburan Produk Pelancongan Majlis Bandaraya Shah Alam	2-13
2.6	Taburan Produk Pelancongan Majlis Bandaraya Petaling Jaya	2-15
2.7	Taburan Produk Pelancongan Majlis Bandaraya Subang Jaya	2-17
2.8	Taburan Produk Pelancongan Majlis Bandaraya Diraja Klang	2-19
2.9	Taburan Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Kajang	2-21
2.10	Taburan Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2-23
2.11	Taburan Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Selayang	2-25
2.12	Taburan Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Sepang	2-27
2.13	Taburan Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Hulu Selangor	2-29
2.14	Taburan Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Kuala Langat	2-31
2.15	Taburan Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Kuala Selangor	2-33
2.16	Taburan Produk Pelancongan Majlis Daerah Sabak Bernam	2-35
2.17	Penyesuaian Kategori Pelancongan Terpilih	2-36
2.18	Pengelasan Kategori Pelancongan Untuk PPPNS	2-37

SENARAI RAJAH

		MUKA SURAT
3.1	Taburan Produk Pelancongan Alam Semula Jadi Negeri Selangor	3-3
3.2	Produk Pelancongan Alam Semula Jadi Daerah Petaling	3-5
3.3	Produk Pelancongan Alam Semula Jadi Daerah Gombak	3-4
3.4	Produk Pelancongan Alam Semula Jadi Daerah Klang	3-7
3.5	Produk Pelancongan Alam Semula Jadi Daerah Hulu Langat	3-8
3.6	Produk Pelancongan Alam Semula Jadi Daerah Sepang	3-9
3.7	Produk Pelancongan Alam Semula Jadi Daerah Kuala Langat	3-10
3.8	Produk Pelancongan Alam Semula Jadi Daerah Hulu Selangor	3-11
3.9	Produk Pelancongan Alam Semula Jadi Daerah Kuala Selangor	3-12
3.10	Produk Pelancongan Alam Semula Jadi Daerah Sabak Bernam	3-13
3.11	Skop Panduan Pelaksanaan Pelancongan Alam Semula Jadi	3-16
3.12	Prinsip Pemakaian Panduan Pelaksanaan Pelancongan Alam Semula Jadi	3-17
3.13	Pengelasan Zon dan Aktiviti Yang Dibenarkan Mengikut Zon Kawasan Alam Semula Jadi	3-18
3.14	Aspek Penentuan *Carrying Capacity*	3-20
3.15	Langkah Kawalan Pembangunan Tapak Perkhemahan	3-50
3.16	Aspek Kawalan Penggunaan Tanah	3-51
3.17	Proses Pemutihan Tapak Pelancongan Alam Semula Jadi	3-57
4.1	Taburan Produk Pelancongan Warisan dan Budaya Negeri Selangor	4-3
4.2	Taburan Produk Pelancongan Warisan dan Budaya Daerah Petaling	4-5
4.3	Taburan Produk Pelancongan Warisan dan Budaya Daerah Gombak	4-6
4.4	Taburan Produk Pelancongan Warisan dan Budaya Daerah Klang	4-7
4.5	Taburan Produk Pelancongan Warisan dan Budaya Daerah Hulu Langat	4-8
4.6	Taburan Produk Pelancongan Warisan dan Budaya Daerah Sepang	4-9
4.7	Taburan Produk Pelancongan Warisan dan Budaya Daerah Kuala Langat	4-10
4.8	Taburan Produk Pelancongan Warisan dan Budaya Daerah Hulu Selangor	4-11
4.9	Taburan Produk Pelancongan Warisan dan Budaya Daerah Kuala Selangor	4-12
4.10	Taburan Produk Pelancongan Warisan dan Budaya Daerah Sabak Bernam	4-13
4.11	Prinsip Panduan Kategori Warisan dan Budaya	4-21
4.12	Proses Pewartaan Tapak Warisan	4-23
4.13	Peringkat Pelaksanaan Penambahan Kemudahan Sokongan Pelancongan	4-26
4.14	Pengelasan Zon Pengurusan Tapak Warisan	4-28
4.15	Proses Permohonan Penyediaan Produk Pelancongan Warisan dan Budaya	4-42
4.16	Proses Pemutihan Tapak Pelancongan Warisan dan Budaya	4-45
4.17	Kluster Istana/Kg. Bandar – Bukit Jugra – Kampung Budaya Mah Meri	4-51
5.1	Taburan Produk Pelancongan Sukan dan Rekreasi Negeri Selangor	5-3
5.2	Taburan Produk Pelancongan Sukan dan Rekreasi Daerah Petaling	5-5
5.3	Taburan Produk Pelancongan Sukan dan Rekreasi Daerah Gombak	5-6
5.4	Taburan Produk Pelancongan Sukan dan Rekreasi Daerah Klang	5-7

SENARAI RAJAH

		MUKA SURAT
5.5	Taburan Produk Pelancongan Sukan dan Rekreasi Daerah Hulu Langat	5-8
5.6	Taburan Produk Pelancongan Sukan dan Rekreasi Daerah Sepang	5-9
5.7	Taburan Produk Pelancongan Sukan dan Rekreasi Daerah Kuala Langat	5-10
5.8	Taburan Produk Pelancongan Sukan dan Rekreasi Daerah Hulu Selangor	5-11
5.9	Taburan Produk Pelancongan Sukan dan Rekreasi Daerah Kuala Selangor	5-12
5.10	Taburan Produk Pelancongan Sukan dan Rekreasi Daerah Sabak Bernam	5-13
5.11	Skop Panduan Pelaksanaan Pelancongan Sukan dan Rekreasi	5-18
5.12	Prinsip Panduan Kategori Pelancongan Sukan dan Rekreasi	5-19
5.13	Cadangan Prosedur Pengurusan Aktiviti Sukan *White Water Rafting*	5-25
5.14	Cadangan Prosedur Pengurusan Aktiviti Sukan *Paragliding*	5-26
5.15	Cadangan Prosedur Pengurusan Aktiviti Sukan *Stand Up Paddle*.	5-27
5.16	Cadangan Prosedur Pengurusan Aktiviti Sukan *Flying Fox*.	5-28
6.1	Kategori Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta	6-3
6.2	Tujuh (7) Bidang Amalan Yang Diiktiraf	6-4
6.3	Objektif Panduan Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan)	6-5
6.4	Contoh Kerangka Pengurusan Aduan Pelancong/ Pelawat	6-13
6.5	Proses Pendaftaran Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari	6-15
6.6	Proses Pemutihan Tapak Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan)	6-21
7.1	Taburan Produk Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup Negeri Selangor	7-3
7.2	Taburan Produk Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup Daerah Petaling	7-5
7.3	Taburan Produk Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup Daerah Gombak	7-6
7.4	Taburan Produk Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup Daerah Klang	7-7
7.5	Taburan Produk Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup Daerah Petaling	7-8
7.6	Taburan Produk Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup Daerah Sepang	7-9
7.7	Taburan Produk Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup Daerah Kuala Langat	7-10
7.8	Taburan Produk Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup Daerah Hulu Selangor	7-11
7.9	Taburan Produk Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup Daerah Kuala Selangor	7-12
7.10	Taburan Produk Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup Daerah Sabak Bernam	7-13
7.11	Skop Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup	7-16
7.12	Prinsip Pemakaian Panduan Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup	7-17
7.13	Lima (5) Prinsip Khusus Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup	7-17
7.14	Jenis Premis Makanan yang Wajib Didaftarkan	7-20
7.15	Penetapan Daya Tampung Pelawat	7-22
7.16	Proses Pemutihan Tapak Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup	7-38
8.1	Taburan Produk Pelancongan Agro Negeri Selangor	8-3
8.2	Taburan Produk Pelancongan Agro Daerah Petaling	8-5
8.3	Taburan Produk Pelancongan Agro Daerah Gombak	8-6
8.4	Taburan Produk Pelancongan Agro Daerah Hulu Langat	8-7

SENARAI RAJAH

		MUKA SURAT
8.5	Taburan Produk Pelancongan Agro Daerah Sepang	8-8
8.6	Taburan Produk Pelancongan Agro Daerah Kuala Langat	8-9
8.7	Taburan Produk Pelancongan Agro Daerah Hulu Selangor	8-10
8.8	Taburan Produk Pelancongan Agro Daerah Kuala Selangor	8-11
8.9	Taburan Produk Pelancongan Agro Daerah Sabak Bernam	8-12
8.10	Prinsip Panduan Kategori Pelancongan Agro	8-15
8.11	Proses Pemutihan Tapak Pelancongan Agro	8-32
9.1	Taburan Program Pengalaman Homestay MOTAC Negeri Selangor	9-3
9.2	Skop Pelancongan Inap Desa, Inap Dusun dan *Homestay*	9-9
9.3	Prinsip Panduan Kategori Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun	9-10
9.4	Proses Pemutihan Tapak Pelancongan Komuniti, Inap Desa dan Inap Dusun	9-26
10.1	Struktur Tadbir Urus Pelancongan Negeri Selangor	10-1
10.2	Kebaikan Sistem *Augmented Reality/ Virtual Reality* Dalam Pembangunan Pelancongan	10-16

SENARAI CARTA

		MUKA SURAT
1.1	KDNK Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, Negeri Selangor, 2024	1-8
2.1	Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori di Negeri Selangor	2-10
2.2	Kekuatan Produk Pelancongan di Negeri Selangor	2-11
2.3	Kekuatan Produk Pelancongan MBSA	2-12
2.4	Kekuatan Produk Pelancongan MBPJ	2-14
2.5	Kekuatan Produk Pelancongan MBSJ	2-16
2.6	Kekuatan Produk Pelancongan MBDK	2-18
2.7	Kekuatan Produk Pelancongan MPKj	2-20
2.8	Kekuatan Produk Pelancongan MPAJ	2-22
2.9	Kekuatan Produk Pelancongan MPS	2-24
2.10	Kekuatan Produk Pelancongan MPSp	2-26
2.11	Kekuatan Produk Pelancongan MPHS	2-28
2.12	Kekuatan Produk Pelancongan MPKL	2-30
2.13	Kekuatan Produk Pelancongan MPKS	2-32
2.14	Kekuatan Produk Pelancongan MDSB	2-34
2.15	Trend Kedatangan Pelancong ke Negeri Selangor, 2019-2024	2-37
2-16	10 Pasaran Pelancong Antarabangsa Utama ke Negeri Selangor,2024	2-38
2.17	Komponen Perbelanjaan Bagi Pelancong Antarabangsa ke Negeri Selangor, 2024	2-38
2.18	Bilangan Kedatangan Pelancong Domestik ke Negeri Selangor, 2024	2-39
2.19	Komponen Perbelanjaan Bagi Pelancong Domestik ke Negeri Selangor, 2024	2-39
2.20	Kedatangan Pelancong Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor, 2024	2-40
2.21	Perbelanjaan Pelancongan Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor, 2024.	2-40
2.22	Bilik Penginapan Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan, 2024.	2-41
2.23	Hos Komuniti Setempat Selangor Mengikut Daerah, 2024.	2-43

SINGKATAN KATA	
BKKM	Bahagian Kesihatan dan Kualiti Makanan
CAAM	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia
CBT	*Community Based Tourism*
CC	*Carrying Capacity*
DPN	Dasar Pelancongan Negara
DOA	Jabatan Pertanian
DOF	Jabatan Perikanan Malaysia
FRIM	Forest Research Institute Malaysia
FGD	*Focus Group Discussion*
GHLGp	Geopark Gombak–Hulu Langat
GP	Garis Panduan
GPK	Garis Panduan Khusus
GPP	Garis Panduan Perancangan
HSK	Hutan Simpanan Kekal
IADA	Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu
IADA BLS	*Northwest Selangor Integrated Agricultural Development Area*
IRF	International Rafting Federation
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JBPM	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
JKKP	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
JKR	Jabatan Kerja Raya
JKNS	Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
JMG	Jabatan Mineral dan Geosains
JPNS	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
JPS	Jabatan Pengairan Dan Saliran
JPV	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
JWN	Jabatan Warisan Negara
KM	Kebenaran Merancang
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPP	Kadar Purata Penginapan
KPDN	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

SINGKATAN KATA	
KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KSAS	Kawasan Sensitif Alam Sekitar
KTM	Keretapi Tanah Melayu
KTN	Kanun Tanah Negara
KUSKOP	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
LAC	*Limit of Acceptable Change*
LUAS	Lembaga Urus Air Selangor
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
MBDK	Majlis Bandaraya Diraja Klang
MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam
MBSJ	Majlis Bandaraya Subang Jaya
MDSB	Majlis Daerah Sabak Bernam
MHTC	Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia
MITI	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
MPAJ	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
MPHS	Majlis Perbandaran Hulu Selangor
MPKj	Majlis Perbandaran Kajang
MPKL	Majlis Perbandaran Kuala Langat
MPKS	Majlis Perbandaran Kuala Selangor
MPS	Majlis Perbandaran Selayang
MPSp	Majlis Perbandaran Sepang
MPTK	Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari
MRA	Malaysia Rafting Association
MSAF	Persekutuan Sukan Udara Malaysia
MyGap	Malaysian Good Agricultural Practices
OKU	Orang Kelainan Upaya
PADAT	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PBPT	Pihak Berkuasa Perancang Tempatan
PKCT	Port Klang Cruise Terminal
PDT	Pejabat Daerah dan Tanah

SINGKATAN KATA	
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PLANMalaysia	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Malaysia
PLANMalaysia Selangor	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
PPPNS	Panduan Pelaksanaan Pelancongan Negeri Selangor
PTG	Pejabat Tanah Dan Galian
PeWARIS	GPP Pemuliharaan Kawasan dan Bangunan Warisan
RKK	Rancangan Kawasan Khas
RS	Rancangan Struktur
RS-1	Rancangan Selangor Pertama 2021-2025

SINGKATAN KATA	
RT	Rancangan Tempatan
RFN	Rancangan Fizikal Negara
SFV	Selangor Fruit Valley
TER	Taman Eko Rimba
TOBTAB	Agensi Pengendalian Pelancongan dan Agensi Pengembaraan
TSSB	Tourism Selangor Sdn. Bhd.
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri
UUK	Undang-undang Kecil
UNESCO	*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*
UNWTO	*United Nations World Tourism Organization*



1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

1.2 Matlamat dan Objektif

1.3 Justifikasi dan Kepentingan PPPNS

1.4 Profil Asas Negeri Selangor

1.5 Asas Ekonomi Negeri Selangor



Istana Bandar, Kuala Langat

Sumber: PPPNS (2025)

BAB 1
PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

PELANCONGAN merupakan antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor, dengan kedudukan negeri yang strategik, sebagai pintu masuk utama negara, kemudahan infrastruktur yang lengkap dan maju, serta kepelbagaian produk dan tarikan pelancongan yang meliputi kategori alam semula jadi, budaya dan warisan, serta rekreasi dan sukan bertaraf antarabangsa.

Merujuk kepada Pertubuhan Pelancongan Dunia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations World Tourism Organization* - UNWTO), "Pelancongan" ditakrifkan sebagai:

"Suatu fenomena sosial, budaya dan ekonomi yang melibatkan pergerakan individu ke negara atau destinasi di luar persekitaran biasa mereka bagi tujuan peribadi atau urusan perniagaan. Individu-individu ini dikenali sebagai pelawat, iaitu merangkumi pelancong atau pelawat harian sama ada penduduk tetap atau bukan penduduk. Pelancongan merangkumi aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pelawat, yang mana sebahagiannya melibatkan perbelanjaan pelancongan."

Manakala "Perbelanjaan Pelancongan" ditakrifkan sebagai:

"Jumlah yang dibayar untuk memperolehi sesuatu barangan dan perkhidmatan bagi tujuan kegunaan sendiri atau untuk diberikan kepada orang lain, sama ada sebelum atau semasa melakukan perjalanan pelancongan. Ia merangkumi perbelanjaan yang ditanggung oleh seseorang pelawat itu sendiri, dan perbelanjaan yang dibayar atau dibayar balik oleh pihak lain."

Dalam sepanjang usaha pembangunan sektor pelancongan negeri, terdapat pelbagai insiden dan isu yang telah berlaku, dan sebahagiannya didapati menyebabkan kehilangan nyawa (**Rajah 1.1**). Ini membawa kesan yang amat buruk dan cabaran kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam pembangunan sektor ini.

Rajah 1.1: Sebahagian Liputan Berita Insiden Serta Kelemahan dan Kegagalan Pematuhan Prosedur Pengoperasian Pelancongan di Negeri Selangor, 2018-2025



Sumber: Olahan PPPNS (2025)


Selain faktor kelemahan pengurusan destinasi, didapati sebahagian besar isu-isu ini adalah berpunca daripada faktor kelalaian dan tindakan tidak bertanggungjawab, sama ada dalam kalangan pemain industri atau operator pelancongan, serta pelawat dan pengunjung itu sendiri.



Aktiviti *Paragliding* adalah antara aktiviti pelancongan yang menjadi tarikan di Negeri Selangor

Sumber: PPPNS (2025).

1.2 Matlamat dan Objektif



PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN NEGERI SELANGOR (PPPNS) disediakan sebagai **Panduan Utama dan Rujukan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pihak Berkepentingan** dalam perancangan pembangunan pelancongan untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai sebuah destinasi **Pelancongan Yang Kondusif dan Dinamik**.

Bagi mencapai matlamat panduan ini, sebanyak enam (6) objektif telah dirangka seperti berikut:

Rajah 1.2: Objektif Panduan Pelaksanaan Pelancongan Negeri Selangor (PPPNS)

01 **Menyelaras perancangan aktiviti pelancongan dan guna tanah semasa dan zoning** Negeri Selangor

02 Menjadikan Pembangunan pelancongan sebagai **salah satu penggerak utama ekonomi** di Negeri Selangor

03 Memastikan **penyediaan infrastruktir dan kemudahan sokongan pelancongan yang berkualiti tinggi**

04 **Memartabatkan khazanah dan keindahan warisan alam semula jadi dan pengurusan mampan**


05 Meningkatkan **keberkesanan pengurusan dan pelaksanaan pembangunan pelancongan** di Negeri Selangor

06 Menjadikan panduan pelaksanaan ini sebagai **dasar rujukan bagi Pembangunan pelancongan** Negeri Selangor

1.3 Justifikasi dan Kepentingan PPPNS

Empat (4) justifikasi dan kepentingan telah diolah dalam mencapai matlamat dan objektif PPPNS. Justifikasi tersebut adalah seperti berikut:

Rajah 1.3: Justifikasi dan Kepentingan Panduan Pelaksanaan Pelancongan Negeri Selangor (PPPNS)





Antara kepelbagaian produk pelancongan yang terdapat di Negeri Selangor

Sumber: PPPNS (2025).

Panduan ini juga penting sebagai rujukan utama dalam memastikan aktiviti pelancongan di Negeri Selangor dijalankan secara terkawal, selamat dan mampan kepada pihak berkepentingan seperti berikut:

A. Pihak Berkuasa Tempatan

- Membantu PBT dalam menilai, meluluskan dan mengawal aktiviti pelancongan di kawasan pentadbiran mereka.
- Menjadi rujukan untuk menetapkan syarat kelulusan pembangunan, mengurus permit, menyelia pematuhan Prosedur Operasi Standard dan menguatkuasa aktiviti yang menjejaskan kemampanan alam sekitar.

B. Agensi dan Jabatan Teknikal

- Menjadi asas rujukan bagi agensi dan jabatan teknikal untuk memberikan nasihat, syor teknikal, serta kelulusan berkaitan pembangunan dan pengurusan aktiviti pelancongan.
- Memastikan pendekatan antara agensi lebih selaras dan konsisten.

C. Pengusaha atau Operator Pelancongan

- Memberi garis sempadan yang jelas kepada pengusaha atau operator dalam merancang, membangun dan mengendali aktiviti serta produk pelancongan.
- Memastikan aktiviti yang ditawarkan adalah selamat, mesra alam dan komuniti.


D. Komuniti Tempatan

- Memberi peluang kepada komuniti untuk terlibat secara aktif dalam sektor pelancongan dengan peranan seperti pemandu pelancong, pengendali inap desa, atau pengusaha produk komuniti.
- Menjamin manfaat ekonomi dan sosial dapat dinikmati secara adil sambil memelihara adat, budaya, dan identiti setempat.

1.4 Profil Asas Negeri Selangor

Negeri Selangor, negeri yang terletak di Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan Negeri Perak di utara, Negeri Pahang di timur, Negeri Sembilan di selatan, serta mengelilingi dua (2) Wilayah Persekutuan, iaitu Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Negeri Selangor mempunyai keluasa seluas **792,116.10 hektar**, ia terdiri daripada **sembilan (9) daerah** yang diurus tadbir oleh **12 Pihak Berkuasa Tempatan** (PBT) seperti yang ditunjukkan seperti di **Rajah 1.4** dan **Jadual 1.1**.



Jadual 1.1: Maklumat Asas Mengikut Daerah di Negeri Selangor

Daerah	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Bil. Mukim	Luas (hek.)
Petaling	1. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) 2. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) 3. Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)	5	49,839.19
Gombak	4. Majlis Perbandaran Selayang (MPS) 5. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	4	62,639.47
Klang	6. Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)	2	62,359.75
Hulu Langat	7. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) 8. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	7	83,700.86
Sepang	9. Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	3	55,147.36
Kuala Langat	10. Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL)	7	85,091.82
Hulu Selangor	11. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS)	13	175,169.63
Kuala Selangor	12. Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS)	9	118,856.94
Sabak Bernam	13. Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	5	99,311.08
	Jumlah	**55**	**792,116.10**

Nota: Sebahagian MPAJ terletak di dalam Daerah Gombak dan Daerah Hulu Langat.

Sumber: RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan).



Rajah 1.4:

SEMPADAN DAERAH DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR

Petunjuk:

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

- Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)
- Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)
- Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)
- Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)
- Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
- Majlis Perbandaran Selayang (MPS)
- Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)
- Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL)
- Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS)
- Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS)
- Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)

Lain-Lain

- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

1.5 Penduduk Negeri Selangor

Pada tahun 2024, Negeri Selangor telah mencatatkan jumlah penduduk seramai **7.36 juta orang**. Daripada sembilan (9) daerah dalam Negeri Selangor, Daerah Petaling mencatatkan jumlah penduduk tertinggi, iaitu seramai 2.36 juta orang (32.1%).

Ini menjadikan Daerah Petaling sebagai daerah yang paling padat, berikutan dengan kewujudan bandar-bandar utama seperti Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya yang juga berfungsi sebagai pusat pentadbiran, ekonomi, dan kediaman utama di Negeri Selangor.

Manakala daerah-daerah lain yang turut mencatatkan peratusan penduduk tinggi adalah Hulu Langat (20.5%), Klang (16.0%) dan Gombak (13.3%). Ini menggambarkan corak urbanisasi dan pertumbuhan yang pesat di kawasan Lembah Klang.

Sebaliknya, daerah-daerah seperti Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Sabak Bernam mencatatkan peratusan penduduk yang lebih rendah. Ini menunjukkan taburan penduduk yang tidak seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar (**Jadual 1.2**).

Jadual 1.2: Bilangan Penduduk Mengikut Daerah di Negeri Selangor, 2024

Daerah	Penduduk ('000 orang)	Peratus (%)
Petaling	2,360.0	32.1%
Gombak	980.3	13.3%
Klang	1,174.9	16.0%
Hulu Langat	1,508.1	20.5%
Sepang	346.9	4.7%
Kuala Langat	326.3	4.4%
Hulu Selangor	258.1	3.5%
Kuala Selangor	298.4	4.1%
Sabak Bernam	110.3	1.5%
Jumlah	**7,363.3**	**100.0%**


Sumber: 'Laporan Sosioekonomi Negeri Selangor, 2024'. Jabatan Perangkaan Malaysia (Ogos 2025).

1.6 Asas Ekonomi Negeri Selangor

Negeri Selangor mencatatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak **RM432,116 juta** pada tahun 2024, iaitu sebanyak 26.2% daripada KDNK Negara (RM1.65 trillion).

Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK Negeri Selangor dengan kadar peratusan sebanyak **61.1% atau RM263,947 juta** (**Carta 1.1**). Antara pemacu utamanya adalah subsektor 'perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman, penginapan' dengan mencatatkan **RM95,925 juta**, yang mana ini termasuklah aktiviti pelancongan.

Carta 1.1: KDNK Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, Negeri Selangor, 2024



Sumber: 'Laporan Sosioekonomi Negeri Selangor, 2024'. Jabatan Perangkaan Malaysia (Ogos 2025)



2

SEKTOR PELANCONGAN DI NEGERI SELANGOR

2.1	Pendahuluan
2.2	Rangka Kerja Dasar Perancangan Pelancongan
2.3	Pengelasan Kategori dan Produk Pelancongan
2.4	Prestasi Pelancongan di Negeri Selangor
2.5	Penginapan dan Perkhidmatan Pelancongan di Negeri Selangor
2.6	Rumusan Penemuan Produk Pelancongan



The Sticks, Hulu Selangor

Sumber: TheSticks.my

BAB 2
SEKTOR PELANCONGAN DI NEGERI SELANGOR

2.1 Pendahuluan

Perancangan pembangunan sektor pelancongan boleh diteliti menerusi beberapa elemen utama iaitu;


i. Rangka kerja dasar perancangan pelancongan,
ii. Kategori dan segmen pelancongan yang ditawarkan,
iii. Kesediaan infrastruktur dan kemudahan pelancongan yang baik dan menyeluruh,
iv. Sumber manusia yang terlatih,
v. Promosi dan pemasaran yang berkesan.

Bagi melaksanakan elemen-elemen pembangunan sektor pelancongan ini, ia melibatkan beberapa agensi pelaksanaan dan pengurusan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan.

2.2 Rangka Kerja Dasar Perancangan Pelancongan

Rangka kerja dasar dan konsep perancangan pelancongan merupakan asas pembentukan hala tuju sektor pelancongan yang mampan, inklusif dan berdaya saing. Ia merangkumi prinsip, dasar, strategi serta pendekatan pelaksanaan yang memastikan pembangunan pelancongan bukan sahaja menjana manfaat ekonomi, malah memelihara nilai budaya dan kemampanan alam sekitar. Untuk itu, beberapa dokumen dasar perancangan berkaitan sektor pelancongan di peringkat antarabangsa, negara dan negeri telah dirujuk sebagai asas penyediaan PPPNS.

Rajah 2.1: Rangka Kerja Dasar Perancangan Pelancongan



Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).

2.2.1 Dasar Perancangan Pelancongan Peringkat Antarabangsa

Di peringkat antarabangsa, antara rangka kerja dasar dan konsep perancangan pembangunan pelancongan adalah seperti berikut.

Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* - SDGs)	Agenda global yang dirangka oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menerusi 17 matlamat dengan 169 sasaran. Antara yang berkaitan dengan pelancongan adalah: **SDG 8 – Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi** Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang menyeluruh dan mampan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua. **Strategi 8.9 – Menggalakkan Pelancongan Yang Bermanfaat Dan Mampan** "Menjelang 2030, susun dan laksanakan dasar untuk mempromosikan pelancongan mampan yang mencipta pekerjaan dan mempromosikan budaya dan produk tempatan".
Agenda Perbandaraan Baharu (*New Urban Agenda* - NUA)	Komitmen global kepada pembangunan bandar mampan dan merealisasikan pembangunan mampan secara bersepadu. Pelaksanaan NUA di dalam pelancongan mampan komited untuk mengekal dan menyokong ekonomi bandar untuk peralihan secara beransur-ansur kepada produktiviti yang lebih tinggi melalui sektor bernilai tambah tinggi, menggalakkan kepelbagaian, peningkatan teknologi, penyelidikan dan inovasi. Pelaksanaan inisiatif ini termasuk **penciptaan pekerjaan berkualiti**, serta **mempromosi industri budaya dan kreatif**, **seni persembahan** dan **aktiviti pemuliharaan warisan**.


2.2.2 Dasar Perancangan Pelancongan Peringkat Negara

Di peringkat negara, antara rangka kerja dasar dan konsep perancangan pembangunan pelancongan adalah seperti berikut.


Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13), 2026-2030	RMK13 dirangka menerusi empat (4) tonggak dan sembilan (9) tumpuan. Sektor pelancongan dikenal pasti sebagai antara sektor strategik di bawah Tumpuan 2 dan diperincikan perancangannya menerusi strategi "**Memantapkan Pelancongan Berpendapatan Tinggi dan Lestari**". Empat (4) inisiatif telah digariskan, iaitu: a) Mewujudkan zon pelancongan khusus b) Mengekalkan kelestarian produk pelancongan c) Memanfaatkan aset seni, budaya dan warisan d) Memperkukuh pelancongan berasaskan inap desa, terutama di luar bandar




Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4)	RFN4 dibentuk menerusi tiga (3) teras, yang mana sektor pelancongan dirangka di bawah teras "Pertumbuhan Dinamik dan Seimbang" dan dua (2) strategi, iaitu: a) **Mempelbagaikan produk dan liputan sektor pelancongan** sebagai salah satu penggerak utama ekonomi negara. b) Memastikan **penyediaan infrastruktur dan kemudahan sokongan pelancongan berkualiti tinggi**.
Draf **Rancangan Fizikal Negara Kelima (RFN5)**	Draf RFN5 menggariskan lima (5) fokus pembangunan, dan sektor pelancongan dikenal pasti di bawah fokus "Pembangunan Ekonomi Seimbang". Dua (2) tindakan pembangunan pelancongan dirangka menerusi strategi "membangunkan ekonomi tempatan berasaskan sumber", iaitu: a) **Memperkukuh kluster pembangunan pelancongan berimpak tinggi** berdasarkan keunikan tempatan. b) Memperkukuh kluster pelancongan melalui inisiatif *Tourism Improvement Hub* (TIH).
Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030	Bermatlamat menjamin kelangsungan industri pelancongan serta menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terpillih di peringkat global. Untuk itu, enam (6) strategi telah digariskan. Antaranya Strategi 1 menekankan **pemerkasaan kapasiti urus tadbir pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam pengurusan destinasi pelancongan**. Manakala **pelancongan mampan** (*sustainable tourism*) dan **pelancongan bertanggungjawab** (*responsible tourism*), iaitu konsep pelancongan baharu turut ditekankan menerusi Strategi 5.
Pelan Eko-pelancongan Kebangsaan (*National Ecotourism Plan* – NEP) 2016-2025	**Memajukan sektor pelancongan eko negara secara mampan, berdaya saing dan inklusif** menerusi pembentukkan lima (5) teras pembangunan, iaitu: a) pelaburan dalam pelancongan eko; b) sinergi antara pelancongan eko dan pemuliharaan; c) konsesi pelancongan di tapak pelancongan eko; d) pemasaran pelancongan eko, dan e) kluster pelancongan eko.









2.2.3 Dasar Perancangan Pelancongan Peringkat Negeri

Di peringkat negeri, antara rangka kerja dasar dan konsep perancangan pembangunan pelancongan adalah seperti berikut.

Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)	Dirangka menerusi tiga (3) teras pembangunan, yang mana di bawah teras "Ke Arah Negeri Dinamik, Maju dan Berdaya Saing", lima (5) hala tuju strategik telah dikenal pasti, termasuklah Hala Tuju 3: peningkatan potensi produk pelancongan dan kemudahan sokongan bagi memantapkan peranan Selangor sebagai salah satu destinasi pelancongan utama negara. Hala tuju ini seterusnya diperincikan kepada dua (2) dasar, iaitu: a) BM7 – Potensi produk pelancongan diperkukuhkan dan pembangunannya akan dilaksana secara bersepadu dan mampan. b) **BM8 – Kemudahan sokongan pelancongan dan kemudahsampaian akan dipertingkatkan.**
Rancangan Selangor Pertama (RS-1)	Empat (4) tema strategik dibentuk sebagai kerangka RS-1. Antaranya Tema Strategik 1: Pengukuhan Ekonomi dibentuk untuk memacu projek pemangkin melalui sektor tumpuan utama dengan memanfaatkan kelebihan negeri, termasuklah sektor pelancongan. Ini seterusnya diperincikan kepada mempertingkatkan kadar pembangunan dan pemasaran subsektor dan produk baharu, serta mempergiatkan penggunaan teknologi digital bagi menambah baik pengalaman pelancong, memperhalusi Dasar Perkongsian Awam Swasta (PPP), serta memastikan tadbir urus dan pemantauan yang efektif.
Kajian Separuh Penggal (KSP) RS-1	Mensasarkan **peningkatan kemasukan pelancongan dan nilai perbelanjaan** menerusi usaha promosi pelancongan, insentif kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), menjana produk perkhidmatan pelancongan baharu, dan mendapatkan pengiktirafan antarabangsa bagi kawasan-kawasan pelancongan terpilih.







2.2.4 Kluster Pelancongan Di Negeri Selangor

A. Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)

Merujuk kepada RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan), tiga (3) kluster pelancongan yang menerapkan kekuatan produk alam semula jadi dan agro, produk warisan, serta produk bandar dan gaya hidup telah dirangka. Kluster-kluster pelancongan ini telah disepadukan dalam strategi pembangunan spatial Negeri Selangor secara keseluruhannya (**Rajah 2.1**).

Senarai kluster pelancongan:

a) **Kluster Pelancongan Eko dan Pelancongan Agro**
   i. Sebahagian Daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor
   ii. Sebahagian Daerah Hulu Selangor, Gombak dan Hulu Langat
   iii. Sebahagian Daerah Sepang dan Kuala Langat
b) **Kluster Pelancongan Warisan**
   i. Daerah Klang
   ii. Daerah Kuala Langat
c) **Kluster Pelancongan Sukan, Membeli-Belah, Gastronomi dan MICE**
   i. Daerah Sepang
   ii. Daerah Petaling



Istana Bandar Jugra, Kuala Langat.
Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).

B. Pelan Eko Pelancongan Kebangsaan 2016-2025


Pelan Eko Pelancongan Kebangsaan 2016-2025 (MOTAC) disediakan sebagai rangka kerja strategik yang menetapkan hala tuju pembangunan eko pelancongan negara dengan menitikberatkan aspek konservasi, kebudayaan dan manfaat ekonomi secara lestari. Tiga (3) kluster eko pelancongan telah dirangka, selaras dengan kekuatan Negeri Selangor dalam sektor pelancongan alam semula jadi (**Rajah 2.2**).

Senarai kluster eko pelancongan:

a) **Taman Warisan Negeri Selangor**
   i. Permatang Kuarza
   ii. Taman Eko Rimba Gunung Nuang
   iii. Taman Eko Rimba Kanching
b) **Sepang – Putrajaya – Shah Alam**
   i. Paya Indah *Wetlands*
c) **Kuala Selangor – Bukit Malawati – Sabak Bernam**
   i. Kelip-kelip Kampung Kuantan
   ii. Hutan Simpan Malawati (Taman Alam Kuala Selangor)

Kluster Eko Pelancongan Bandaraya Kuala Lumpur yang terletak di tengah-tengah Negeri Selangor dengan berpusatkan Taman Eko Rimba Kuala Lumpur turut dicadangkan oleh Pelan Eko Pelancongan Kebangsaan 2016-2025.

Perancangan kluster ini dilihat sebagai penghubung dan pelengkap kepada kluster dan ekosistem eko pelancongan di Negeri Selangor.



Rajah 2.2:

CADANGAN ZON DAN AKTIVITI PELANCONGAN NEGERI SELANGOR


Petunjuk:

Zon Pelancongan RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)

- Zon Eko Pelancongan dan Perdagangan Agro
- Zon Pelancongan Warisan
- Zon Pelancongan Sukan, Membeli Belah, Gastronomi dan MICE

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)



Sumber:
1. PPPNS (2025)
2. RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)

Rajah 2.3:

CADANGAN ZON DAN KATEGORI PELANCONGAN NEGERI SELANGOR

Petunjuk:

Zon Pelancongan RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)

- Zon Eko Pelancongan dan Perdagangan Agro
- Zon Pelancongan Warisan
- Zon Pelancongan Sukan, Membeli Belah, Gastronomi dan MICE

Kategori Pelancongan

- Pelancongan Alam Semula Jadi
- Pelancongan Warisan & Budaya
- Pelancongan Sukan & Rekreasi
- Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan)
- Pelancongan Bandar & Gaya Hidup
- Pelancongan Agro
- Program Pengalaman Homestay MOTAC

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

2.3 Kategori dan Produk Pelancongan













Daripada hasil penelitian ke atas rangka kerja perancangan pelancongan daripada UNWTO, DPN 2020-2030 dan RFN, terdapat pelbagai istilah serta bilangan kategori pelancongan telah diperkenal dan dipasarkan.

Namun, dari segi konsep dan prinsip kategori pelancongan yang diberi penekanan di bawah istilah-istilah baharu tersebut adalah **selaras dengan 11 kategori pelancongan yang dirancangkan dalam RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)**.


Berpandukan inventori produk pelancongan di Negeri Selangor dan dapatan daripada sesi libat urus bersama PBT dan pihak berkepentingan, PPPNS mencadangkan penyesuaian semula kategori pelancongan ini. Antaranya termasuk merangkumkan kategori "Pelancongan Makanan", "Pelancongan Membeli-Belah", "Pelancongan MICE" dan "Pelancongan Air (Taman Tema)" di bawah kategori "Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup".

Manakala kategori "Pelancongan Eko" dirangkumkan bersama dengan tarikan alam semula jadi yang lain seperti air terjun dan sungai di bawah kategori "Pelancongan Alam Semula Jadi". Ini kerana secara amnya bukan semua tarikan atau produk pelancongan berteraskan alam semula jadi adalah menepati prinsip pelancongan eko.


Merujuk kepada **Rajah 2.4**, kategori pelancongan disesuaikan semula **daripada 11 kategori kepada lapan (8) kategori pelancongan** bagi tujuan menggambarkan senario penawaran produk pelancongan semasa di Negeri Selangor.

Menurut "**Ecotourism and Sustainable Development**" (M.Honey, 1990), **tujuh (7) prinsip pelancongan eko** adalah:

a) melancong ke kawasan semula jadi; dan
b) mengurangkan kesan; dan
c) membina dan meningkatkan kesedaran alam sekitar; dan
d) membawa faedah kewangan secara langsung untuk pemuliharaan; dan
e) memberi faedah ekonomi kepada masyarakat setempat; dan
f) menghormati budaya tempatan; dan
g) menyokong hak asasi manusia.



Rajah 2.4: Penyelarasan Kategori Pelancongan di Negeri Selangor



Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).



Sungai Tekala

Sumber: https://malaysia-asia.my/2022/12/gombak-hulu-langat-geopark/



Kampung Budaya Mah Meri

Sumber: https://www.visitselangor.com/mah-meri-cultural-village/



Selangor Fruits Valley

Sumber:https://www.tripadvisor.com.my/Attraction_Review-g2431626-d13778808-Reviews-Selangor_Fruits_Valley-Rawang_Selangor.html

2.3.1 Produk Pelancongan Di Negeri Selangor


Produk pelancongan merupakan komponen asas dalam pembangunan sektor pelancongan dengan menarik kedatangan pelancong ke destinasi tertentu, sekali gus membuka peluang pekerjaan serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan dan negeri.

Menurut Pertubuhan Pelancongan Dunia (UNWTO), "**Produk Pelancongan**" ditakrifkan sebagai:

> "gabungan elemen yang ketara dan tidak ketara, seperti sumber semula jadi, budaya dan buatan manusia, tarikan, kemudahan, perkhidmatan dan aktiviti di sekitar pusat tertentu serta menggabungkannya dengan aktiviti pemasaran destinasi dan mewujudkan pengalaman pengunjung secara keseluruhan. Produk pelancongan akan ditetapkan harga dan dijual melalui saluran pengedaran dan ia mempunyai kitaran hayat destinasi pelancongan."

Berdasarkan hasil pengelasan lapan (8) kategori pelancongan dan inventori produk pelancongan sehingga Ogos 2025, Negeri Selangor mencatatkan sejumlah **825 produk pelancongan**. Daripada jumlah ini, ia didominasi oleh 225 (27.27%) produk Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup. Ia diikuti oleh Pelancongan Alam Semula Jadi (20%), Pelancongan Pendidikan (13.82%), serta Pelancongan Warisan dan Budaya (13.82%). Manakala bilangan produk bagi kategori Pelancongan Kesihatan, Program Pengalaman Homestay MOTAC dan Pelancongan Agro masih kecil, tetapi berpotensi tinggi untuk dipertingkatkan (Rujuk **Carta 2.1**).

Carta 2.1: Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori di Negeri Selangor




Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).

2.3.2 Produk Pelancongan Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan

Kajian mendapati terdapat 825 produk pelancongan Negeri Selangor, 116 produk (14%) terletak dalam kawasan MPHS dengan didominasi oleh 59 produk alam semula jadi. Ini diikuti oleh MBSA (95 produk atau 12%) dan MPKj (84 produk atau 10%) yang masing-masing didominasi oleh produk pelancongan bandar dan gaya hidup, serta pelancongan alam semula .

Merujuk kepada **Jadual 2.1** dan **Carta 2.2**, kekuatan pelancongan atau *niche product* bagi Negeri Selangor adalah menjurus kepada kategori **pelancongan bandar dan gaya hidup**, serta kategori **pelancongan alam semula jadi**.

Carta 2.2: Kekuatan Produk Pelancongan di Negeri Selangor



Jadual 2.1: Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori Pelancongan dan Pihak Berkuasa Tempatan

Bil.	PBT	Kategori Pelancongan								Jumlah
		Alam Semula Jadi	Warisan dan Budaya	Sukan dan Rekreasi	Kesihatan	Pendidikan	Bandar dan Gaya Hidup	Agro	Program Pengalaman Homestay MOTAC	
1.	MBSA	11	6	11	12	11	42	2	0	**95**
2.	MBPJ	2	2	12	9	28	30	0	0	**83**
3.	MBSJ	8	3	9	8	20	22	6	0	**76**
4.	MBDK	4	17	5	9	6	17	0	0	**58**
5.	MPKj	26	5	3	5	6	34	5	0	**84**
6.	MPAJ	9	3	3	3	7	18	6	0	**49**
7.	MPS	18	4	4	1	7	19	3	1	**57**
8.	MPSp	4	6	4	3	9	16	5	1	**48**
9.	MPKL	7	16	4	6	1	10	8	5	**57**
10.	MPHS	59	24	7	0	11	6	8	1	**116**
11.	MPKS	9	24	10	3	8	6	6	3	**69**
12.	MDSB	8	4	7	0	0	5	3	6	**33**
Jumlah		**165**	**114**	**79**	**59**	**114**	**225**	**52**	**17**	**825**
Peratusan (%)		**20.00%**	**13.82%**	**9.58%**	**7.15%**	**13.82%**	**27.27%**	**6.30%**	**2.06%**	**100%**

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).

A. Produk Pelancongan Majlis Bandaraya Shah Alam

Merujuk kepada **Jadual 2.2**, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menawarkan sejumlah **95 produk pelancongan**. Ini didominasi oleh **produk pelancongan bandar dan gaya hidup (42 produk atau 44.2%)**, iaitu sejajar dengan imej Shah Alam sebagai bandar moden dan pusat pentadbiran Negeri Selangor.

Antara tarikan utama pelancongan bandar seperti i-City, SACC Mall, Kompleks Sukan Panasonic, serta rangkaian pusat komersial dan rekreasi bandar telah memperkukuhkan identiti Shah Alam sebagai destinasi gaya hidup kontemporari.

Carta 2.3 menunjukkan selain daripada pelancongan kesihatan yang terdiri daripada 12 produk (12.6%), pelancongan pendidikan, alam semula jadi, serta sukan dan rekreasi masing-masing mencatatkan 11 produk (11.6%).

Tarikan produk seperti Taman Botani Negara Shah Alam, Taman Tasik Shah Alam serta kemudahan institusi pendidikan dan pusat latihan melengkapkan imej Shah Alam sebagai destinasi mesra keluarga, rekreasi dan pendidikan.


Bagi produk pelancongan agro, walaupun dalam bilangan yang kecil (2 produk), ia berpotensi untuk dipertingkatkan lagi yang seterusnya membawa kepada pembangunan produk inap desa/ inap dusun bagi menambahkan dimensi komuniti dan kemampanan kepada produk pelancongan Shah Alam.

Jadual 2.2: Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori di MBSA

Bil.	Kategori Pelancongan	Bilangan Produk
1.	Alam Semula Jadi	11
2.	Warisan dan Budaya	6
3.	Sukan dan Rekreasi	11
4.	Kesihatan	12
5.	Pendidikan	11
6.	Bandar dan Gaya Hidup	42
7.	Agro	2
8.	Program Pengalaman Homestay MOTAC	0
	Jumlah	**95**

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).


Carta 2.3: Kekuatan Produk Pelancongan MBSA





Zipline Shah Alam

Sumber: https://selangor.travel/listing/zipline-shah-alam/



Rajah 2.5 **Taburan Produk Pelancongan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)**

Petunjuk:

Kategori Pelancongan

- Pelancongan Alam Semula Jadi
- Pelancongan Warisan & Budaya
- Pelancongan Sukan & Rekreasi
- Pelancongan Kesihatan
- Pelancongan Pendidikan
- Pelancongan Bandar & Gaya Hidup
- Pelancongan Agro

Lain-lain

- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTMB
- Lapangan Terbang

B. Produk Pelancongan Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Jadual 2.3 menunjukkan sejumlah **83 produk pelancongan** dikenal pasti di MBPJ. Catatan ini didominasi oleh **produk pelancongan bandar dan gaya hidup (30 produk atau 36.1%)**, seperti 1 Utama, IKEA, Paradigm Mall, Jaya Shopping Centre dan pelbagai pusat hiburan, serta restoran yang mencerminkan gaya hidup kosmopolitan.

Tarikan pelancongan pendidikan turut menonjol dengan catatan 28 produk (33.7%), yang mana majoritinya merupakan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bertaraf antarabangsa yang menawarkan perkhidmatan pendidikan dan latihan, sama ada kepada pelajar tempatan atau luar negara.

Perkembangan ini sejajar dengan imej Petaling Jaya sebagai bandar satelit moden yang berkembang pesat. Kepelbagaian pusat komersial, hiburan, kulinari, dan institusi pendidikan bertaraf antarabangsa menjadikan MBPJ destinasi pelancongan bandar yang dinamik.


Dengan imejnya sebagai destinasi pelancongan bandar moden yang berteraskan gaya hidup dan pembelajaran, tiada tarikan pelancongan agro dan homestay yang dibangunkan dalam kawasan MBPJ. Manakala tarikan warisan dan budaya, serta alam semula jadi adalah jauh lebih rendah berbanding dengan PBT-PBT seperti MBDK dan MPHS yang sememangnya kaya dengan aset warisan budaya dan alam semula jadi.

Jadual 2.3: Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori di MBPJ

Bil.	Kategori Pelancongan	Bilangan Produk
1.	Alam Semula Jadi	2
2.	Warisan dan Budaya	2
3.	Sukan dan Rekreasi	12
4.	Kesihatan	9
5.	Pendidikan	28
6.	Bandar dan Gaya Hidup	30
7.	Agro	0
8.	Program Pengalaman Homestay MOTAC	0
	Jumlah	**83**

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).


Carta 2.4: Kekuatan Produk Pelancongan MBPJ





IKEA Damansara

Sumber: https://www.ikea.com/my/en/stores/damansara/



Rajah 2.6 **Taburan Produk Pelancongan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)**

Petunjuk:

Kategori Pelancongan

- Pelancongan Alam Semula Jadi
- Pelancongan Warisan & Budaya
- Pelancongan Sukan & Rekreasi
- Pelancongan Kesihatan
- Pelancongan Pendidikan
- Pelancongan Bandar & Gaya Hidup

Lain-lain

- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen LRT (Laluan Kelana Jaya)
- Stesen KTMB

C. Produk Pelancongan Majlis Bandaraya Subang Jaya

Merujuk **Jadual 2.4**, MBSJ mencatatkan sejumlah **76 produk pelancongan** dengan didominasi oleh kategori **pelancongan bandar dan gaya hidup (22 produk atau 28.9%)**. Antaranya merangkumi tarikan ikonik seperti Sunway Pyramid, Sunway Lagoon Theme Park serta pusat hiburan dan kulinari moden yang terkenal di peringkat antarabangsa.

Ini diikuti oleh pelancongan pendidikan, dengan adanya 20 produk (26.3%) yang terdiri daripada universiti, kolej antarabangsa dan pusat pembelajaran.

Manakala pelancongan kesihatan (8 produk) melengkapkan imej bandar ini menerusi hospital swasta ternama, pusat kesihatan dan rawatan alternatif yang selalu bersedia memberi perkhidmatan perubatan pakar kepada pesakit (pelancong) tempatan dan luar negara.

Perkembangan ini sejajar dengan peranannya sebagai antara bandar perkhidmatan moden dan pusat pembelajaran di Lembah Klang. Kepelbagaian produk berasaskan institusi, gaya hidup bandar dan kemudahan kesihatan menjadikan MBSJ sebagai sebuah destinasi pelancongan berorientasikan perkhidmatan yang kukuh.


Walaupun pelancongan warisan dan budaya masih kurang menonjol, ia tetap berpotensi untuk diperkembangkan sebagai pelengkap industri, sekali gus menjadikan MBSJ destinasi pelancongan yang lebih seimbang antara komersial, pendidikan, komuniti dan rekreasi.

Jadual 2.4: Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori di MBSJ

Bil.	Kategori Pelancongan	Bilangan Produk
1.	Alam Semula Jadi	8
2.	Warisan dan Budaya	3
3.	Sukan dan Rekreasi	9
4.	Kesihatan	8
5.	Pendidikan	20
6.	Bandar dan Gaya Hidup	22
7.	Agro	6
8.	Program Pengalaman Homestay MOTAC	0
	Jumlah	**76**

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).


Carta 2.5: Kekuatan Produk Pelancongan MBSJ





Sunway Lagoon – Captain's Splash Adventure

Sumber:https://sunwaylagoon.com/attraction/sunwaylostlagoon/



Rajah 2.7 **Taburan Produk Pelancongan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)**

Petunjuk:

Kategori Pelancongan

- Pelancongan Alam Semula Jadi
- Pelancongan Warisan & Budaya
- Pelancongan Sukan & Rekreasi
- Pelancongan Kesihatan
- Pelancongan Pendidikan
- Pelancongan Bandar & Gaya Hidup
- Pelancongan Agro

Lain-lain

- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen MRT (Laluan Putrajaya)

D. Produk Pelancongan Majlis Bandaraya Diraja Klang

Merujuk kepada **Jadual 2.5**, sejumlah **58 produk pelancongan** telah dikenal pasti dalam kawasan MBDK. Daripada jumlah ini, **17 produk (29.3%) merupakan produk pelancongan warisan dan budaya**.

Klang, sebagai sebuah bandar bersejarah DiRaja, identiti ini diperkuatkan dengan kewujudan Istana Alam Shah, Masjid India Klang, Little India, Kuil Sri Nagara Thendayuthapani serta tradisi kebudayaan yang mencerminkan kepelbagaian masyarakat setempat.

Kekuatan aset ini telah memposisikan Klang sebagai antara destinasi pelancongan warisan dan budaya yang penting di Negeri Selangor.

Bagi pelancongan bandar dan gaya hidup yang juga mencatatkan 17 produk, ia ditonjolkan menerusi pelbagai tarikan moden seperti pusat membeli-belah dan kulinari ikonik atau Bak Kut Teh yang melengkapkan imej Klang sebagai bandar bersejarah yang terus berkembang dengan gaya hidup kontemporari.


Manakala lain-lain produk yang turut dikenal pasti dalam kawasan MBDK adalah produk pelancongan kesihatan (15.5%), pelancongan pendidikan (10.3%), pelancongan sukan dan rekreasi (8.6%), serta pelancongan alam semula jadi (6.9%). Gabungan kepelbagaian produk ini seterusnya memperkukuhkan imej pelancongan warisan sejarah dan moden Klang.

Jadual 2.5: Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori di MBDK

Bil.	Kategori Pelancongan	Bilangan Produk
1.	Alam Semula Jadi	4
2.	Warisan dan Budaya	17
3.	Sukan dan Rekreasi	5
4.	Kesihatan	9
5.	Pendidikan	6
6.	Bandar dan Gaya Hidup	17
7.	Agro	0
8.	Program Pengalaman Homestay MOTAC	0
	Jumlah	**58**

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).


Carta 2.6: Kekuatan Produk Pelancongan MBDK





Little India, Klang

Sumber: https://www.visitselangor.com/little-india-klang/



Rajah 2.8 **Taburan Produk Pelancongan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)**

Petunjuk:

Kategori Pelancongan

- Pelancongan Alam Semula Jadi
- Pelancongan Warisan & Budaya
- Pelancongan Sukan & Rekreasi
- Pelancongan Kesejahteraan (Kesihatan)
- Pelancongan Pendidikan
- Pelancongan Bandar & Gaya Hidup

Lain-lain

- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Pelabuhan
- Lebuh Raya
- Jalan Negeri
- Jalan Persekutuan
- Laluan Rel
- Stesen KTMB

E. Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Kajang

Merujuk **Jadual 2.6**, sejumlah **84 produk pelancongan** dikenal pasti dalam kawasan MPKj, yang mana majoritinya **(34 produk atau 37.5%) merupakan produk pelancongan bandar dan gaya hidup**. Tarikan ini didorong dengan pembangunan aktiviti komersial dan kulinari seperti Sate Kajang yang berkembang dalam kawasan MPKj.

Ini diikuti oleh produk pelancongan alam semula jadi (26 produk atau 32.5%) seperti Taman Eko Rimba Gunung Nuang, Sungai Chongkak dan Bukit Broga.

Di samping pelancongan pendidikan (6 produk seperti Universiti Kebangsaan Malaysia dan German-Malaysia Institute), pelancongan warisan dan budaya, pelancongan kesihatan dan pelancongan agro masing-masing mencatatkan lima (5) produk (6.3%).


Dengan kombinasi kekuatan Kajang sebagai pusat perkembangan akademik dan teknologi dengan tarikan alam semula jadi, serta lain-lain tarikan akan meningkatkan lagi daya saing sektor pelancongan di MPKj.

Jadual 2.6: Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori di MPKj

Bil.	Kategori Pelancongan	Bilangan Produk
1.	Alam Semula Jadi	26
2.	Warisan dan Budaya	5
3.	Sukan dan Rekreasi	3
4.	Kesihatan	5
5.	Pendidikan	6
6.	Bandar dan Gaya Hidup	34
7.	Agro	5
8.	Program Pengalaman Homestay MOTAC	0
	Jumlah	**84**

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).

Carta 2.7: Kekuatan Produk Pelancongan MPKj






Satay Kajang – tarikan utama di MPKj.

Sumber: https://hckgroup.my/top-3-places-for-satay-in-kajang/



Bukit Broga

Sumber: https://museumvolunteersjmm.com/2021/03/08/a-very-rough-guide-to-broga/



Sumber: PPPNS (2025)
RT Majlis Perbandaran Kajang, 2035 (Penggantian)

Rajah 2.9 **Taburan Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)**

Petunjuk:

Kategori Pelancongan

- Pelancongan Alam Semula Jadi
- Pelancongan Warisan & Budaya
- Pelancongan Sukan & Rekreasi
- Pelancongan Kesihatan
- Pelancongan Pendidikan
- Pelancongan Bandar & Gaya Hidup
- Pelancongan Agro

Lain-lain

- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Negeri
- Jalan Persekutuan
- Laluan Rel
- Stesen MRT (Laluan Kajang)

F. Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Jadual 2.7 menunjukkan sejumlah **49 produk pelancongan** telah dikenal pasti dalam kawasan MPAJ dengan majoritinya merupakan **produk pelancongan bandar dan gaya hidup (18 produk atau 37.5%)**. Antaranya termasuklah Ampang Point, Galaxy Ampang Mall dan pusat kulinari Jalan Ampang yang mencerminkan kepelbagaian gaya hidup bandar. Kedudukannya yang berhampiran dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur turut mendorong pembangunan pesat dalam sektor komersial dan gaya hidup moden.

Ini diikuti oleh pelancongan alam semula jadi yang mencatatkan sembilan (9) produk atau 18.8%, serta pelancongan pendidikan yang mencatatkan tujuh (7) produk atau 14.6%.


Tarikan seperti Taman Rimba Ampang, Bukit Saga, Bukit Putih serta institusi pendidikan dan program pembelajaran memperkukuh imej MPAJ sebagai destinasi pelancongan alam semula jadi – pendidikan yang pelbagai. Ini dilengkapkan lagi dengan penawaran pelancongan kesihatan melalui pusat kecergasan dan rawatan alternatif.

Jadual 2.7: Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori di MPAJ

Bil.	Kategori Pelancongan	Bilangan Produk
1.	Alam Semula Jadi	9
2.	Warisan dan Budaya	3
3.	Sukan dan Rekreasi	3
4.	Kesihatan	3
5.	Pendidikan	7
6.	Bandar dan Gaya Hidup	18
7.	Agro	6
8.	Program Pengalaman Homestay MOTAC	0
	Jumlah	**49**

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).

Carta 2.8: Kekuatan Produk Pelancongan MPAJ






Pusat Membeli-Belah Ampang Point.

Sumber:https://shawatetravel.com/en/guide/4/topic/19/ampang-point-kuala-lumpur-malaysia



Bukit Saga Ampang

Sumber:https://hamydy.wordpress.com/wp-content/uploads/2012/03/p30305682.jpg



Rajah 2.10 **Taburan Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)**

Petunjuk:

Kategori Pelancongan

- Pelancongan Alam Semula Jadi
- Pelancongan Warisan & Budaya
- Pelancongan Sukan & Rekreasi
- Pelancongan Kesihatan
- Pelancongan Pendidikan
- Pelancongan Bandar & Gaya Hidup
- Pelancongan Agro

Lain-lain

- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Negeri
- Jalan Persekutuan
- Laluan Rel
- Stesen MRT (Laluan Ampang)

G. Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Selayang

Jadual 2.8 menunjukkan sejumlah **57 produk pelancongan** dikenal pasti dalam kawasan MPS. Antaranya didominasi oleh **19 produk (33.3%) pelancongan bandar dan gaya hidup**, iaitu merangkumi Selayang Mall dan restoran yang turut mencerminkan pertumbuhan bandar yang pesat.

Ini diikuti oleh 18 produk (31.6%) pelancongan alam semula jadi seperti Taman Rimba Komanwel dan FRIM Kepong yang popular untuk aktiviti mendakia dan pendidikan hutan. Pembangunan bandar moden dan kekayaan khazanah alam telah mengukuhkan identiti MPS sebagai destinasi *urban–nature tourism*.


Manakala tarikan lain adalah pelancongan pendidikan (10.5%), pelancongan warisan dan budaya (8.8%), serta pelancongan sukan dan rekreasi (7.0%). Walau bagaimanapun, kedudukan MPS yang bersempadanan dengan W.P. Kuala Lumpur menjadikannya sebagai tumpuan utama pelancong untuk mencari keseimbangan antara gaya hidup kontemporari, warisan budaya dan rekreasi alam semula jadi.

Jadual 2.8: Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori di MPS

Bil.	Kategori Pelancongan	Bilangan Produk
1.	Alam Semula Jadi	18
2.	Warisan dan Budaya	4
3.	Sukan dan Rekreasi	4
4.	Kesihatan	1
5.	Pendidikan	7
6.	Bandar dan Gaya Hidup	19
7.	Agro	3
8.	Program Pengalaman Homestay MOTAC	1
	Jumlah	**57**

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).

Carta 2.9: Kekuatan Produk Pelancongan MPS






Batu Caves – Tokong Sri Velayuthar.

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).



Taman Rimba Komanwel

Sumber:https://www.visitselangor.com/commonwealth-forest-park-taman-eko-rimba-komanwel/



Rajah 2.11 **Taburan Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Selayang (MPS)**

Petunjuk:

Kategori Pelancongan

- Pelancongan Alam Semula Jadi
- Pelancongan Warisan & Budaya
- Pelancongan Sukan & Rekreasi
- Pelancongan Kesihatan
- Pelancongan Pendidikan
- Pelancongan Bandar & Gaya Hidup
- Pelancongan Agro
- Program Pengalaman Homestay MOTAC

Lain-lain

- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Negeri
- Jalan Persekutuan
- Laluan Rel

H. Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Sepang

Jadual 2.9 menunjukkan terdapat sejumlah **48 produk pelancongan** dalam MPSp dengan didominasi oleh **16 produk pelancongan bandar dan gaya hidup (33.3%)**. Catatan ini seiring dengan pembangunan tarikan membeli-belah seperti KLIA2 dan Mitsui Outlet yang berkembang sebagai hab pelancongan membeli-belah. Identiti ini mengukuhkan kedudukan Sepang sebagai destinasi berorientasikan komersial antarabangsa.

Sementara itu, penawaran sembilan (9) produk pendidikan (18.8%) melalui penubuhan institusi pendidikan antarabangsa dan pusat latihan kemahiran seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tenaga Malaysia (UNITEN) dan Universiti Multimedia mengukuhkan lagi imej Sepang sebagai hab pendidikan nasional dan antarabangsa.


Tambahan, MPSp turut menawarkan empat (4) produk sukan dan rekreasi dan satu daripadanya merupakan tarikan global, iaitu *Sepang International Circuit* (SIC), sekali gus melonjakkan lagi imej dan kedudukan MPSp sebagai destinasi pelancongan antarabangsa.

Jadual 2.9: Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori di MPSp

Bil.	Kategori Pelancongan	Bilangan Produk
1.	Alam Semula Jadi	4
2.	Warisan dan Budaya	6
3.	Sukan dan Rekreasi	4
4.	Kesihatan	3
5.	Pendidikan	9
6.	Bandar dan Gaya Hidup	16
7.	Agro	5
8.	Program Pengalaman Homestay MOTAC	1
	Jumlah	**48**

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).

Carta 2.10: Kekuatan Produk Pelancongan MPSp






Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sumber: https://selangor.travel/listing/universiti-putra-malaysia/



Litar Antarabangsa Sepang

Sumber: https://en.engear.tv/news/2024/09/24/f1-teams-excited-to-return-to-sepang-circuit-mam-president/516078/



Sumber: PPPNS (2025)
RT Majlis Perbandaran Sepang 2035 (Penggantian)

Rajah 2.12 **Taburan Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)**

Petunjuk:

Kategori Pelancongan

- Pelancongan Sukan & Rekreasi
- Pelancongan Pendidikan
- Pelancongan Bandar & Gaya Hidup
- Pelancongan Agro
- Program Pengalaman Homestay MOTAC

Lain-lain

- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Negeri
- Jalan Persekutuan
- Laluan Rel
- Stesen MRT (Laluan Putrajaya)
- KLIA Transit
- Lapangan Terbang

I. Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Kuala Langat

Merujuk kepada **Jadual 2.10**, sejumlah **57 produk pelancongan** dikenal pasti dalam kawasan MPKL dengan didominasi oleh **16 produk (27.6%) pelancongan warisan dan budaya**, iaitu tapak-tapak bersejarah dan muzium yang masih aktif dipelihara. Antaranya seperti Istana Bandar, Muzium Insitu Jugra dan Pejabat Daerah Lama Kuala Langat.

Ini diikuti oleh 10 produk (19.0%) pelancongan bandar dan gaya hidup berikutan dengan kesediaan tarikan membeli-belah (seperti *Sanctuary Mall*) dan taman tema (seperti *Amverton Riverine Splash*). Selain itu, terdapat juga lapan (8) produk pelancongan agro, tujuh (7) produk pelancongan alam semula jadi dan enam (6) produk pelancongan kesihatan yang ditawarkan di sekitar MPKL.


Kekayaan pelbagai produk pelancongan ini membolehkan MPKL menawarkan kombinasi tarikan warisan budaya, alam semula jadi dan gaya hidup yang unik, manakala pelancongan agro dan *homestay* berpotensi menjadi pemacu pelancongan mampan berasaskan komuniti.

Jadual 2.10: Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori di MPKL

Bil.	Kategori Pelancongan	Bilangan Produk
1.	Alam Semula Jadi	7
2.	Warisan dan Budaya	16
3.	Sukan dan Rekreasi	4
4.	Kesihatan	6
5.	Pendidikan	1
6.	Bandar dan Gaya Hidup	10
7.	Agro	8
8.	Program Pengalaman Homestay MOTAC	5
	Jumlah	**57**

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).

Carta 2.11: Kekuatan Produk Pelancongan MPKL





Sanctuary Mall – pasaraya besar yang dilengkapi dengan pelbagai kedai membeli-belah

Sumber: https://www.mpkl.gov.my/pelawat/tempat-membeli-belah/sanctuary-mall



Muzium Insitu Jugra – penjara pertama di Negeri Selangor yang dibina pada tahun 1875

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).



Rajah 2.13 **Taburan Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL)**

Petunjuk:

Kategori Pelancongan

- Pelancongan Alam Semula Jadi
- Pelancongan Warisan & Budaya
- Pelancongan Sukan & Rekreasi
- Pelancongan Kesihatan
- Pelancongan Pendidikan
- Pelancongan Bandar & Gaya Hidup
- Pelancongan Agro
- Program Pengalaman Homestay MOTAC

Lain-lain

- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Pelabuhan
- Lebuh Raya
- Jalan Negeri
- Jalan Persekutuan
- Laluan Rel

J. Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Hulu Selangor

Jadual 2.11 menunjukkan sejumlah **116 produk pelancongan** telah dikenal pasti dalam kawasan MPHS. Catatan ini didominasi oleh **produk pelancongan alam semula jadi (59 atau 51%)** seperti Sungai Chiling, Air Terjun Kanching dan Bukit Kutu yang popular untuk aktiviti rekreasi, pendakian dan sungai.

Ini diikuti oleh pelancongan warisan dan budaya, iaitu sebanyak 24 produk (20%) menerusi catatan sejarah kolonial dan warisan komuniti setempat. Antaranya seperti Makam Syed Mansho, Kerling dan Perigi Tujuh Serendah.

Manakala terdapat juga 11 produk pelancongan pendidikan, lapan (8) produk pelancongan agro, serta tujuh (7) produk pelancongan sukan dan rekreasi.


Kekayaan tarikan pelancongan yang pelbagai ini memperkukuh identiti MPHS sebagai pusat rekreasi dan pelancongan alam semula jadi di Negeri Selangor.

Jadual 2.11: Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori di MPHS

Bil.	Kategori Pelancongan	Bilangan Produk
1.	Alam Semula Jadi	59
2.	Warisan dan Budaya	24
3.	Sukan dan Rekreasi	7
4.	Kesihatan	0
5.	Pendidikan	11
6.	Bandar dan Gaya Hidup	6
7.	Agro	8
8.	Program Pengalaman Homestay MOTAC	1
	Jumlah	**116**

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).

Carta 2.12: Kekuatan Produk Pelancongan MPHS






Aktiviti *white water rafting* di Kuala Kubu Bharu

Sumber:https://www.facebook.com/malayaoutworld/posts/white-water-rafting-kuala-kubu-bharu/1321279176671347/



Aktiviti *paragliding* di Kuala Kubu Bharu

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).



Sumber: PPPNS (2025)
RT Daerah Hulu Selangor 2035 (Penggantian)

Rajah 2.14 **Taburan Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS)**

Petunjuk:

Kategori Pelancongan

- Pelancongan Alam Semula Jadi
- Pelancongan Warisan & Budaya
- Pelancongan Sukan & Rekreasi
- Pelancongan Pendidikan
- Pelancongan Agro
- Program Pengalaman Homestay MOTAC

Lain-lain

- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Negeri
- Jalan Persekutuan
- Laluan Rel
- Stesen KTMB

K. Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Kuala Selangor

Merujuk kepada **Jadual 2.12**, MPKS mencatatkan sejumlah **69 produk pelancongan** dengan didominasi oleh **24 (37.5%) produk pelancongan warisan dan budaya**. Ini mencerminkan kekayaan aset sejarah dan identiti budaya setempat di Kuala Selangor, termasuklah tinggalan kolonial, mercu tanda maritim dan warisan komuniti.

Manakala tarikan yang lain adalah pelancongan sukan dan rekreasi (10 produk atau 13.9%), pelancongan alam semula jadi (12.5%), serta pelancongan pendidikan (11.1%).

Seiring dengan daya tarikan ikonik Kuala Selangor - kelip-kelip di Kampung Kuantan, penawaran tarikan utama yang lain seperti Taman Alam dan Permatang Angsa (*Sky Mirror*) telah mengukuhkan imej dan kedudukan Kuala Selangor sebagai antara destinasi alam semula jadi berkepentingan negeri.


Tambahan, penawaran produk pelancongan agro dan homestay, seperti Taman Agroteknologi MARDI, Farm Fresh Agro, Homestay Sungai Sembilang, Homestay FELDA Bukit Cherakah turut meningkatkan lagi pembangunan pelancongan Daerah Kuala Selangor, di samping menonjolkan latihan kemahiran pertanian serta memacu pertumbuhan pelancongan berasaskan komuniti dan pelancongan mampan.

Jadual 2.12: Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori di MPKS

Bil.	Kategori Pelancongan	Bilangan Produk
1.	Alam Semula Jadi	9
2.	Warisan dan Budaya	24
3.	Sukan dan Rekreasi	10
4.	Kesihatan	3
5.	Pendidikan	8
6.	Bandar dan Gaya Hidup	6
7.	Agro	6
8.	Program Pengalaman Homestay MOTAC	3
	Jumlah	**69**

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).

Carta 2.13: Kekuatan Produk Pelancongan MPKS





Rumah Api Kuala Selangor di atas Bukit Melawati

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).



Rajah 2.15 **Taburan Produk Pelancongan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS)**

Petunjuk:

Kategori Pelancongan

- Pelancongan Alam Semula Jadi
- Pelancongan Warisan & Budaya
- Pelancongan Sukan & Rekreasi
- Pelancongan Kesihatan
- Pelancongan Pendidikan
- Pelancongan Agro
- Program Pengalaman Homestay MOTAC

Lain-lain

- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Negeri
- Jalan Persekutuan
- Laluan Rel

L. Produk Pelancongan Majlis Daerah Sabak Bernam

Merujuk kepada **Jadual 2.13**, MDSB mencatatkan sejumlah **33 produk pelancongan**, dengan didominasi oleh **lapan (8) produk pelancongan alam semula jadi (26.5%)**, serta tujuh (7) produk pelancongan sukan dan rekreasi (20.6%). Antaranya seperti Pantai Redang Sekinchan dan Bagan Nakhoda Omar (BNO) memperkukuh penawaran aktiviti rekreasi seperti memancing, sukan air dan rekreasi keluarga.

Ini diikuti oleh enam (6) produk pelancongan *homestay*, yang mana *Homestay* Sungai Haji Dorani merupakan antara yang paling popular di Malaysia dengan menawarkan pengalaman hidup desa seperti memukat ikan, masakan kampung dan aktiviti budaya tempatan.

Sebagai kawasan pertanian utama, MDSB terkenal dengan tarikan sawah padi Sekinchan yang menjadi ikon pelancongan agro negara. Landskap sawah padi yang luas menarik kedatangan pelancong untuk melengkapkan pengalaman lawatan desa dan pertanian moden, serta fotografi.

Kekayaan dengan pelbagai kategori dan produk pelancongan telah memposisikan MDSB sebagai destinasi agro-desa bersepadu menerusi penglibatan komuniti (pelancongan berasaskan komuniti) yang aktif.


Sehubungan itu, MDSB berpotensi menjadi sebuah destinasi pelancongan unik yang menggabungkan tarikan komuniti, warisan dan budaya setempat, serta tarikan alam semula jadi secara mampan.

Jadual 2.13: Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori di MDSB

Bil.	Kategori Pelancongan	Bilangan Produk
1.	Alam Semula Jadi	8
2.	Warisan dan Budaya	4
3.	Sukan dan Rekreasi	7
4.	Kesihatan	0
5.	Pendidikan	0
6.	Bandar dan Gaya Hidup	5
7.	Agro	3
8.	Program Pengalaman Homestay MOTAC	6
	Jumlah	**33**

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).

Carta 2.14: Kekuatan Produk Pelancongan MDSB





Sawah Padi Sekinchan

Sumber: https://www.traveloka.com/ms-my/explore/destination/destinasi-menarik-di-sekinchan/302806



Rajah 2.16 **Taburan Produk Pelancongan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)**

Petunjuk:

Kategori Pelancongan

- Pelancongan Alam Semula Jadi
- Pelancongan Warisan & Budaya
- Pelancongan Sukan & Rekreasi
- Pelancongan Bandar & Gaya Hidup
- Pelancongan Agro
- Program Pengalaman Homestay MOTAC


Lain-lain

- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan rel

2.3.3 Kategori Pelancongan Bagi Panduan Pelaksanaan Pelancongan Negeri Selangor (PPPNS)

Berdasarkan hasil penelitian ke atas produk-produk pelancongan dan keputusan "Mesyuarat Pasukan Kajian Bil.3/2025 Bagi Peringkat Draf Akhir", (berdasarkan lapan (8) kategori pelancongan) perincian produk kepada tiga (3) kategori pelancongan disesuaikan semula bagi tujuan penyediaan PPPNS (**Rajah 2.17**).

Rajah 2.17 : Penyesuaian Kategori Pelancongan Terpilih



Sumber: PPPNS (2025).

a) fokus kepada "Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun". Produk *Homestay* termaktub kepada garis panduan dan lain-lain ketetapan berkaitan di bawah MOTAC.
b) fokus kepada "Pelancongan Kesejahteraan (Kesihatan)". Pelancongan kesihatan atau perubatan moden termaktub kepada garis panduan dan lain-lain ketetapan berkaitan di bawah KKM dan MHTC.
c) "Komponen Pendidikan" fokus kepada elemen pembelajaran semasa perjalanan pelancongan bagi setiap kategori pelancongan, dan tidak merangkumi pendidikan rasmi atau pendidikan tertiari.
d) Selepas mengambil kira penyesuaian kategori-kategori terlibat, produk pelancongan Negeri Selangor mengalami perubahan kepada **711 produk pelancongan.**

Jadual 2.14: Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Kategori Pelancongan Berdasarkan Kajian PPPNS 2025

Bil.	PBT	Kategori Pelancongan							Jumlah
		Alam Semula Jadi	Warisan dan Budaya	Sukan dan Rekreasi	Kesihatan (Kesejahteraan)	Bandar dan Gaya Hidup	Agro	Program Pengalaman Homestay MOTAC	
1.	MBSA	11	6	11	12	42	2	0	**84**
2.	MBPJ	2	2	12	9	30	0	0	**55**
3.	MBSJ	8	3	9	8	22	6	0	**56**
4.	MBDK	4	17	5	9	17	0	0	**52**
5.	MPKj	26	5	3	5	34	5	0	**78**
6.	MPAJ	9	3	3	3	18	6	0	**42**
7.	MPS	18	4	4	1	19	3	1	**50**
8.	MPSp	4	6	4	3	16	5	1	**39**
9.	MPKL	7	16	4	6	10	8	5	**56**
10.	MPHS	59	24	7	0	6	8	1	**105**
11.	MPKS	9	24	10	3	6	6	3	**61**
12.	MDSB	8	4	7	0	5	3	6	**33**
Jumlah		**165**	**114**	**79**	**59**	**225**	**52**	**17**	**711**
Peratus		**23.21%**	**16.03%**	**11.11%**	**8.30%**	**31.65%**	**7.31%**	**2.39%**	**100.00%**

Sumber: PPPNS (Ogos, 2025).

Rajah 2.18: Pengelasan Kategori Pelancongan Untuk PPPNS




Sumber: PPPNS (2025).

2.4 Prestasi Pelancongan Di Negeri Selangor

Prestasi pelancongan Negeri Selangor dan kawasan PBT secara khususnya digambarkan menerusi petunjuk-petunjuk seperti bilangan kedatangan pelawat, jumlah perbelanjaan dan tujuan perjalanan pelancongan, dengan berpandukan data-data sekunder terbitan agensi dan jabatan berkaitan.

Merujuk kepada **Carta 2.15**, dengan adanya kempen penggalakan pelancongan yang giat dijalankan oleh Tourism Selangor seperti "Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu!" dan "*Splendid Selangor, Take Me Anywhere*", Negeri Selangor mencatatkan **kedatangan pelancong** seramai **7.72 juta orang**, iaitu peningkatan sebanyak 18.1% berbanding dengan catatan tahun 2023 atau 6.54 juta orang.

Carta 2.15: Trend Kedatangan Pelancong ke Negeri Selangor, 2019-2024



Sumber: Tourism Selangor. 'Prestasi Kedatangan Pelancong ke Negeri Selangor, 2019-2024'.

2.4.1 Kedatangan Pelancong Antarabangsa Ke Negeri Selangor

Daripada jumlah pelancong negeri, **34.2% atau 2.64 juta orang** merupakan **pelancong antarabangsa**. Tiga (3) pasaran utama adalah China (584,566 orang atau 22.1%), Singapura (12.4%) dan Indonesia (6.9%) (**Carta 2.16**).

Dengan jumlah pelancong antarabangsa ini, **RM10.79 bilion perbelanjaan pelancongan** atau **RM4,087.00 perbelanjaan per kapita** telah dicatatkan pada tahun 2024.

Merujuk kepada **Carta 2.17**, catatan ini dapat diperincikan kepada komponen membeli-belah sebanyak RM3.66 bilion (33.9%), penginapan (18.8%), makanan dan minuman (14.9%), serta bayaran penerbangan (11.6%).


Carta 2.16: 10 Pasaran Pelancong Antarabangsa Utama ke Negeri Selangor, 2024



Sumber: Tourism Selangor. 'Prestasi Kedatangan Pelancong ke Negeri Selangor, 2019-2024'.

Senario ini menunjukkan kepentingan dan potensi penaiktarafan komponen atau tarikan membeli-belah, di samping komponen penginapan, serta makanan dan minuman.

Carta 2.17: Komponen Perbelanjaan Bagi Pelancong Antarabangsa ke Negeri Selangor, 2024




Sumber: Tourism Selangor. 'Prestasi Kedatangan Pelancong ke Negeri Selangor, 2019-2024'.

2.4.2 Kedatangan Pelancong Domestik Ke Negeri Selangor

Pada tahun 2024, seramai **5.08 juta orang pelancong domestik** ke Negeri Selangor telah dicatatkan. Merujuk kepada **Carta 2.18**, 36.8% daripada jumlah pelancong domestik atau 1.87 juta orang adalah berasal dari Negeri Sarawak. Ini diikuti oleh pelancong dari W.P. Kuala Lumpur (10.3%), Johor (8.5%), Perak dan Pahang.

Carta 2.18: Bilangan Kedatangan Pelancong Domestik ke Negeri Selangor, 2024




Sumber: Tourism Selangor. 'Prestasi Kedatangan Pelancong ke Negeri Selangor, 2019-2024'.

Dengan jumlah pelancong domestik ini, **perbelanjaan pelancongan sebanyak RM3.14 bilion** (atau RM618.00 perbelanjaan per kapita) adalah dicatatkan.

Merujuk kepada **Carta 2.19**, komponen membeli-belah mencatatkan komposisi perbelanjaan tertinggi, iaitu RM1,046 juta (33.3%). Ini diikuti oleh perbelanjaan penginapan (18.8%), makanan dan minuman (14.9%), penerbangan (11.6%) dan pengangkutan tempatan (6.4%).

Carta 2.19: Komponen Perbelanjaan Bagi Pelancong Domestik ke Negeri Selangor, 2024




Sumber: Tourism Selangor. 'Prestasi Kedatangan Pelancong ke Negeri Selangor, 2019-2024'.

2.4.3 Kedatangan Pelancong Ke Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan

Dalam konteks PBT, **MBSJ mencatatkan kedatangan pelancong teramai**, iaitu **2.24 juta orang** atau 29.0% daripada jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Selangor (2024). Ini diikuti oleh MBPJ di tangga kedua (18.4% atau 1.42 juta orang) dan MPSp (15.5%) (**Carta 2.20**).


Carta 2.20: Kedatangan Pelancong Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor, 2024



Sumber: Tourism Selangor. 'Prestasi Kedatangan Pelancong ke Negeri Selangor, 2024'.

Berdasarkan perbelanjaan per kapita RM618.00 untuk pelancong domestik dan RM4,086.60 untuk pelancong antarabangsa, dianggarkan sejumlah **RM4,430.32 juta perbelanjaan pelancongan** telah dijanakan dalam kawasan MBSJ. Manakala MPBJ dan MPSp masing-masing mencatatkan RM2,853.75 juta dan RM2,265.87 juta perbelanjaan pelancongan (**Carta 2.21**).

Carta 2.21: Perbelanjaan Pelancongan Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor, 2024




Sumber: Tourism Selangor. 'Prestasi Kedatangan Pelancong ke Negeri Selangor, 2024'.

2.5 Penginapan dan Perkhidmatan Pelancongan Di Negeri Selangor

Bagi menyokong dan memudahkan perjalanan aktiviti pelancongan, pelbagai jenis kemudahan dan perkhidmatan pelancongan telah ditawarkan, di samping infrastruktur dan mod perkhidmatan pengangkutan yang turut disediakan untuk kegunaan awam.

2.5.1 Penginapan Pelancongan

Menurut catatan Tourism Selangor, sebanyak 353 buah premis penginapan dan 29,297 buah bilik penginapan telah ditawarkan di sekitar Negeri Selangor pada tahun 2024. Daripada jumlah bilik ini, ia merangkumi **42.7% (12,521 buah) bilik bertaraf bintang** dan **1.7% (506 buah) bilik bertaraf orkid**. Manakala 55.5% (16,270 buah) bilik selebihnya adalah tiada penarafan.




Hotel
(Negeri Selangor)
353 buah
29,297 bilik
(2024)

Daripada jumlah bilik penginapan yang ditawarkan ini, **55% kadar purata penginapan** (KPP) telah dicatatkan pada tahun 2024

Merujuk kepada **Carta 2.22**, daripada jumlah bilik penginapan yang ditawarkan di Negeri Selangor, **6,556 buah (22.4%) bilik penginapan bertumpu di kawasan MBSJ**. Ini diikuti oleh kawasan MBPJ (5,351 buah atau 18.3%) dan kawasan MPSp (4,630 buah atau 15.8%).

Carta 2.22: Bilik Penginapan Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan, 2024



Sumber: Tourism Selangor. 'Prestasi Kedatangan Pelancong ke Negeri Selangor 2024'.

2.5.2 Perkhidmatan Pelancongan

Perkhidmatan pelancongan merangkumi perkhidmatan yang disediakan oleh agensi pelancongan dan pengendali pelancongan, perkhidmatan pemandu pelancong.

A. Agensi Pelancongan

Merujuk kepada Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482], agensi pelancongan didefinisikan sebagai **Agensi Pengendalian Pelancongan dan Agensi Pengembaraan (TOBTAB)**. Sehingga 2025, terdapat sebanyak **1,121 TOBTAB berdaftar** di Negeri Selangor. Daripada jumlah ini, 87.1% atau 976 agensi merupakan ibu pejabat agensi dan 12.9% (145) merupakan cawangan agensi.

Selain itu, terdapat juga sebanyak **321 Agensi Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Bagi Umrah/ Ziarah berdaftar** di Negeri Selangor.



Agensi Pengendalian Pelancongan & Agensi Pengembaraan
(Negeri Selangor)
1,121 TOBTAB Berdaftar
(2025)

B. Pemandu Pelancong

Di Negeri Selangor, perkhidmatan pemandu pelancong yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) boleh diteliti kepada tiga (3) kategori berikut.

Bagi kategori **pemandu pelancong bandar**, MOTAC Negeri Selangor telah menerima sebanyak 192 permohonan lesen baharu dan **984 permohonan pembaharuan lesen** - 35.2% daripada jumlah pemandu pelancong bandar negara (2024). Manakala bagi kategori **pemandu pelancong alam semula jadi setempat** (*nature guide*), MOTAC Negeri Selangor hanya menerima **enam (6) permohonan pembaharuan lesen**, manakala tiada permohonan lesen baharu – 2.7% daripada jumlah *nature guide* negara (2024).



Pemandu Pelancong Bandar
(Negeri Selangor)
984 Permohonan Pembaharuan Lesen
6 Permohonan Lesen Baharu
(2024)

Merujuk kepada **Carta 2.23**, seramai **22 orang pemandu pelancong (Hos Komuniti Setempat - HKS) berdaftar** di Negeri Selangor, yang mana 31.8% (7 orang) berdaftar di Daerah Hulu Selangor. Ini diikuti oleh Daerah Klang (27.3%), Kuala Langat (18.2%) dan Sabak Bernam (13.6%).

Pemandu Pelancong Alam Semula Jadi Setempat
(Negeri Selangor)
6 Permohonan Pembaharuan Lesen
(2024)

Carta 2.23: Hos Komuniti Setempat Selangor Mengikut Daerah, 2024



Nota: Tiada HKSS Berdaftar di Daerah Petaling, Sepang dan Gombak.


Sumber: Tourism Selangor (Julai 2025).

Pemandu Pelancong (Hos Komuniti Setempat)
(Negeri Selangor)
22 HKSS Berdaftar
(2024)

C. Malim Gunung Perhutanan

Menerusi Kursus Malim Gunung Perhutanan yang dibangunkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), terdapat seramai **171 Malim Gunung Perhutanan Berdaftar** sedia berkhidmat untuk para pendaki di kawasan Negeri Selangor (2024).

Malim Gunung Berdaftar
(Negeri Selangor)
171 orang
(2024)



Kawasan air terjun di dalam kawasan FRIM

Sumber: Selangor.travels

2.6 Rumusan Penemuan Produk Pelancongan


Hasil dapatan kajian terhadap inventori dan ciri produk pelancongan dalam PPPNS menunjukkan, tiga (3) zon kluster pelancongan kekal mengikut RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan) iaitu:

a. Kluster Pelancongan Eko dan Pelancongan Agro
b. Kluster Pelancongan Warisan
c. Kluster Pelancongan Sukan, Membeli- Belah, Gastronomi dan MICE

Penilaian semula terhadap kategori dan bilangan produk pelancongan di Negeri Selangor merupakan antara dapatan penting dalam penyediaan PPPNS. Berdasarkan inventori awal, sebanyak **825 produk pelancongan** telah dikenal pasti merangkumi **lapan (8) kategori pelancongan** . Namun, analisis mendalam terhadap ciri produk, fungsi sebenar, tahap pematuhan garis panduan serta hasil libat urus bersama pihak berkepentingan mendapati bahawa pengelasan tersebut memerlukan penstrukturan semula bagi memastikan kejelasan, kebolehlaksanaan dan keberkesanan pelaksanaan dasar.


Sehubungan itu, PPPNS telah menyelaraskan semula kategori pelancongan dengan memfokuskan kepada **tujuh (7) kategori utama** iaitu:

Penyelarasan ini melibatkan pengasingan yang lebih jelas antara pelancongan berasaskan pengalaman dan pembelajaran dengan pendidikan formal, di samping penetapan bahawa pelancongan kesihatan dan homestay tertakluk kepada garis panduan khusus kementerian berkaitan. Hasilnya, jumlah produk pelancongan negeri telah diselaraskan kepada **711 produk pelancongan**, mencerminkan penawaran produk yang lebih realistik dan selari dengan kerangka pelaksanaan sebenar.





Kawasan Jelapang Padi Sabak Bernam yang menjadi salah satu kawasan pelancongan di Negeri Selangor
Sumber: RTMDSB 2035 (Penggantian)



3

PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN SEMULA JADI

3.1	Pendahuluan
3.2	Komponen Panduan Pelaksanaan
3.3	Pelaksanaan Panduan
3.4	Pemantauan dan Penilaian



FRIM Forest Skywalk, Kepong

Sumber: PPPNS (2025)

BAB 3
PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN ALAM SEMULA JADI

3.1 Pendahuluan



Sehingga Ogos 2025, terdapat sejumlah **165 produk pelancongan alam semula jadi** dikenal pasti di sekitar Negeri Selangor (**Rajah 3.1 hingga Rajah 3.10** bagi taburan produk pelancongan tersebut), yang mana produk-produk ini boleh dikategorikan kepada **lima (5)** iaitu:



Senarai produk ini juga termasuk Gombak-Hulu Langat *Geopark* (GHLGp) yang melibatkan 31 geotapak, enam (6) biotapak, serta 11 tapak budaya dan warisan yang telah diiktiraf sebagai Geopark Kebangsaan di Negeri Selangor pada 14 November 2022 dan merupakan Tapak Geopark Kebangsaan Ke-7 di Malaysia.

Dengan pengiktirafan *Forest Research Institute Malaysia Forest Park Selangor* (FRIM FPS) sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 11 Julai 2025, pencapaian ini melonjakkan lagi kepentingan pelancongan alam semula jadi dan keterlihatan (*visibility*) Negeri Selangor di mata dunia.





Permatang Kuarza (Gombak-Hulu Langat Geopark) dan FRIM Forest Park Selangor; antara tarikan pelancongan alam semula jadi dalam Negeri Selangor yang berkepentingan antarabangsa.

Sumber : https://selangor.travel/listing/quartz-ridge-gombak/

Sumber :https://themalaysianreserve.com/2025/07/12/frim-selangor-forest-park-listed-as-unesco-world-heritage-site/

Walau bagaimanapun, peningkatan permintaan terhadap pelancongan alam semula jadi, termasuklah tarikan geo pelancongan memperlihatkan keperluan kawalan yang sistematik untuk mengelakkan kemusnahan habitat, konflik dengan komuniti dan risiko keselamatan pengunjung/ pelawat.

Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong

Rajah 3.1:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN ALAM SEMULA JADI NEGERI SELANGOR

Daerah Petaling

P1 Taman Rekreasi Sungai Buloh
P2 Taman Eko Rimba Kota Damansara
P3 Denai Alam Recreational
P4 Bukit Sapu Tangan
P5 Eco Ardence Park1
P6 Taman Botani Negara
P7 Taman Tasik Shah Alam
P8 Taman Rekreasi Raja Mulu
P9 Catopia
P10 Taman Persahabatan Selangor-Jepun
P11 Antan Batura Watersports
P12 Taman Hutan Bandar USJ 3
P13 Tasik Subang Ria
P14 Hutan Pendidikan Bukit Gasing
P15 Tasik Taman Rekreasi Wawasan
P16 Bukit Wawasan
P17 Tasik Taman Puchong Perdana
P18 Taman Alam Impian
P19 Taman Komuniti Putra Heights
P20 Tasik Kg. Sri Aman
P21 Tasik Sri Serdang

Daerah Gombak

G1 Tasik Biru Kundang
G2 Taman Rimba Komanwel
G3 Taman Eko Rimba Kanching
G4 Kolam Air Panas
G5 FRIM
G6 Empangan Batu
G7 Taman Ekstrem Gua Damai
G8 Lembah Damai
G9 Kuil Sri Subramaniar Swamy, Batu Caves
G10 Bukit Hulu Rumput
G11 Genting Bidai
G12 Bukit Tabur
G13 Bukit Tabor (Permatang Kuarza)
G14 Zoo Negara
G15 Air Terjun sepanjang sungai Kg. Kemensah
G16 Bukit Batu Chondong
G17 Air Terjun Batu Asah
G18 View Point Bukit Antarabangsa
G19 Panorama Bukit Kembara
G20 Bukit Kembara
G21 Taman Eko Rimba Ampang

Daerah Sepang

S1 Bukit Bangkong
S2 Tanjung Rhu
S3 Pantai Bagan Lalang
S4 Sepang River Cruise

Daerah Klang

K1 Mangrove Point
K2 Esplanade Tg. Harapan
K3 Tanjung Harapan
K4 Pulau ketam

Daerah Kuala Selangor

R1 Rumah Hijau
R2 Permatang Angsa (Sky Mirror)
R3 Perpustakaan Taman Alam
R4 Taman Alam
R5 Pekan Lama Kuala Selangor
R6 Jeti Pelancongan
R7 Kelip-kelip Kg. Kuantan
R8 Dewan Berembang MPKS
R9 Important Bird Area (IBA)

Daerah Hulu Selangor

H1 Gunung Semangkok
H2 Pine Tree Hill, Bukit Fraser
H3 Bukit Fraser
H4 Air Terjun Semangkok
H5 Air Terjun Sungai Chiling
H6 Riverwood Homes, KKB
H7 The Sticks Eco Resort, KKB
H8 Santuari Ikan Kelah Sungai Chiling
H9 Air Terjun Sungai Chiling
H10 Air Terjun Lata Medang
H11 Air Terjun Sungai Luit
H12 Bukit Kutu
H13 Lookout Point, Empangan Sungai Selangor
H14 Bukit Batu Pahat
H15 Taman Milenium
H16 Fraser Valley, KKB
H17 Rasa Durio Eco Glamz, KKB
H18 Sarang By The Brooke, KKB
H19 Sky Villa, KKB
H20 Woodhouse Retreat, KKB
H21 The Senja KKB
H22 Kolam Air Panas Kerling
H23 Beacon Resort, Kalumpang
H24 Wadi Sungai Inki
H25 Sri Damai Resort, Kalumpang
H27 Fedina Cottage, Kalumpang
H28 Sri Damai Riverside, Kalumpang
H29 Sungai Inki, Kalumpang
H30 The Nahara, Kalumpang
H31 Shalin Homestay, Kalumpang
H32 Kalumpang Resort, Kalumpang
H33 Pasir Puteh Resort, Kalumpang
H34 Mashomestay (Inki River Park), Kalumpang
H35 The Lumpang, Kalumpang
H36 RM Homestay, Kalumpang
H37 Happy Valley, Kalumpang
H38 Pusat Konservasi Hidupan Liar Sg. Dusun
H39 Huda Heaven, Rasa
H40 Hulu Tamu Eco Resort
H41 The Hillock Hulu Tamu, Batang Kali
H42 Kem Rimba Tamu, Batang Kali
H43 Tok Ba Campsite
H44 Kolam Air Panas Hulu Tamu
H45 Cholo Cholo Hot Spring
H46 Dusun Bonda, Batang Kali
H47 Sojuk Riverside
H48 Rumah Hutan Bonda Rozita Ibrahim
H49 Rumah Sungai Baitul Nahri
H50 Beehappy Eco Farm
H51 Canaan Valley, Serendah
H52 Taman Eko Rimba Sungai Sendat
H53 Taman Eko Rimba Sungai Kedondong
H54 Gunung Hulu Kali
H55 Air Terjun Serendah
H56 Sekeping Serendah
H57 Tasik Kebun Serendah
H58 Perigi Tujuh, Serendah
H59 Carpe Diem, Serendah

Daerah Kuala Langat

L1 Paya Bakau Sijangkang
L2 Bukit Jugra
L3 Pantai Kelanang
L4 Pantai Morib
L5 Pantai Batu Laut
L6 Pantai Cunang
L7 Paya Indah Wetland

Daerah Hulu Langat

T1 Bukit Chenuang
T2 Air Terjun Sungai Lepoh
T3 Lata Bomoh Ali
T4 Bukit Genting Jemeloi
T5 Taman Eko Rimba Gunung Nuang
T6 Taman Eko Rimba Sungai Congkak
T7 Air Terjun Ulu Perdik
T8 Jeram Perlus
T9 Taman Eko Rimba Sungai Gabai
T10 Gunung Hitam
T11 Bukit Resam Ambat
T12 Genting Peres
T13 Lata Berembun (Air Terjun Sungai Batangsi)
T14 Taman Eko Rimba Sungai Tekala
T15 Kolam Air Panas Sungai Lalang
T16 Bukit Moyan Kaban
T17 Bukit Lapan Belas
T18 Bukit Broga
T19 Bukit Ketumbar
T20 Bukit Apek
T21 Bukit Saga, Ampang
T22 Alop
T23 Bukit Belacan
T24 Kolam Air Panas Dusun Tua
T25 Bukit Angkau
T26 Bukit Payong

Daerah Sabak Bernam


B1 Denai Mangrove Sungai Air Tawar
B2 Pantai Sungai Lang
B3 Pantai BNO
B4 Pantai Bumi Hijau
B5 Bagan Sungai Burung Blue Tears
B6 Pantai Redang
B7 Pusat Pemerhatian Burung Enggang, HS Sg. Karang
B8 Kelip-Kelip Sungai Panjang

Petunjuk

- Pelancongan Alam Semula Jadi
- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Sumber: PPPNS (2025)

Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong



Rajah 3.2:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN ALAM SEMULA JADI DAERAH PETALING

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Alam Semula Jadi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Lapangan Terbang

Pelan Kunci





Rajah 3.3:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN ALAM SEMULA JADI DAERAH GOMBAK

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Alam Semula Jadi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Lapangan Terbang

Pelan Kunci





Rajah 3.4:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN ALAM SEMULA JADI DAERAH KLANG

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Alam Semula Jadi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci





Rajah 3.5:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN ALAM SEMULA JADI DAERAH HULU LANGAT

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Alam Semula Jadi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM

Pelan Kunci





Rajah 3.6:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN ALAM SEMULA JADI DAERAH SEPANG

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Alam Semula Jadi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Lapangan Terbang

Pelan Kunci





Rajah 3.7:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN ALAM SEMULA JADI DAERAH KUALA LANGAT

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Alam Semula Jadi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci





Sumber: PPPNS (2025)

Rajah 3.8:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN ALAM SEMULA JADI DAERAH HULU SELANGOR

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Alam Semula Jadi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM

Pelan Kunci





Rajah 3.9:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN ALAM SEMULA JADI DAERAH KUALA SELANGOR

Petunjuk:

Pelancongan

- Pelancongan Alam Semula Jadi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci





Rajah 3.10:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN ALAM SEMULA JADI DAERAH SABAK BERNAM

Petunjuk:

Pelancongan

- Pelancongan Alam Semula Jadi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci



3.1.1 Definisi

Pelancongan Alam Semula Jadi merujuk kepada semua jenis pelancongan di mana tarikan utamanya adalah unsur-unsur alam semula jadi dan pengalaman alam sekitar, termasuk flora, fauna, landskap, ekosistem dan warisan semula jadi, dalam keadaan yang tidak terlalu diubah dan mampan. Pelancongan jenis ini merangkumi aktiviti seperti pemerhatian hidupan liar, penghayatan hutan, pelancongan eko dan lawatan ke kawasan perlindungan alam, serta dijalankan dengan motivasi penghargaan terhadap alam serta budaya tempatan.

3.1.2 Subkategori Pelancongan Alam Semula Jadi

Kategori pelancongan alam semula jadi boleh diteliti kepada tujuh (7) subkategori seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1: Subkategori Pelancongan Alam Semula Jadi

Bil.	Subkategori	Fokus	Ciri Utama	Contoh Aktiviti	Contoh Lokasi
1.	**Pelancongan Eko**	Konservasi, pendidikan dan komuniti	Aktiviti berimpak rendah, interpretasi alam, manfaat untuk komuniti	Memerhati burung, merentas denai hutan, lawatan hutan paya gambut	Hutan Simpan Raja Musa, Hutan Simpan Melawati (Taman Alam Kuala Selangor)
2.	**Pelancongan Pengembaraan**	Cabaran fizikal dan eksplorasi	Aktiviti mencabar, risiko sederhana–tinggi	Merentas denai hutan, mendaki tebing batu, arung jeram	Bukit Kutu (Hulu Selangor), Gua Damai (Batu Caves), Sungai Selangor
3.	**Pelancongan Rekreasi Alam**	Santai dan keseronokan	Fokus kepada riadah, rekreasi dan kesihatan	Berkelah, berkhemah, larian denai, berkhemah	Sungai Congkak, TER Sungai Tua, TER Bukit Lagong
4.	**Pelancongan Hidupan Liar**	Pemerhatian fauna dan flora	Pengalaman, pendidikan biodiversiti	Pemerhatian burung, safari malam, lawatan pusat konservasi	Kuala Selangor (burung migrasi), Sungai Dusun (tapir)
5.	**Pelancongan Marin dan Pesisir**	Aktiviti laut dan pesisir	Gabungan rekreasi air, budaya dan ekologi marin	Berkayak, memancing, eko pelancongan bakau	Pulau Ketam, Pantai Remis, Kuala Selangor *Mangrove Trail*
6.	**Geo Pelancongan**	Warisan geologi dan landskap bumi	Penerokaan dan pendidikan geologi	Eksplorasi gua, interpretasi batuan dan formasi geologi	Gombak – Hulu Langat *Geopark*
7.	**Pelancongan Kesihatan Alam**	Pemulihan dan kesejahteraan	Aktiviti santai berkait kesihatan fizikal, mental dan rohani	Terapi hutan (*shinrin-yoku*), meditasi yoga, rawatan spa herba	TER Kanching, Bukit Broga, Rumah Hutan Terapi Alam (Batang Kali)

Sumber: PPPNS (2025). Nota: "Pelancongan Pengembaraan" merupakan subkategori kepada "Pelancongan Sukan dan Rekreasi". Manakala "Pelancongan Kesihatan Alam" merupakan subkategori kepada "Pelancongan Kesejahteraan".


3.1.3 Objektif Panduan

Objektif panduan ini adalah untuk memastikan penglibatan aktif komuniti tempatan dalam pembangunan produk pelancongan alam semula jadi, di samping memastikan kemampanan aset dan sumber alam semula jadi di Negeri Selangor. Sehubungan itu, ia boleh diteliti kepada beberapa aspek seperti berikut:

1. **Memastikan Kemampanan Kawasan Semula Jadi**
kawalan rapi terhadap pemeliharaan ekosistem, biodiversiti, serta landskap semula jadi supaya tidak terjejas akibat aktiviti pelancongan, sekaligus mengekalkan keseimbangan alam sekitar.

2. **Mengawal Pembangunan dan Aktiviti Pelancongan Supaya Berimpak Rendah**
memberi penekanan kepada penggunaan kemudahan mesra alam, pengurusan pelawat yang terkawal, serta penguatkuasaan terhadap aktiviti yang berisiko merosakkan alam sekitar.

3. **Memberi Manfaat Ekonomi dan Sosial Kepada Komuniti Tempatan**
penglibatan aktif mereka dalam penyediaan perkhidmatan, pembangunan produk pelancongan berasaskan komuniti, serta memberi peluang pekerjaan yang dapat meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat setempat.



Paya Indah Wetland, Kuala Langat

Sumber: Selangor. Travel

3.1.4 Skop Panduan

Selaras dengan pengenalpastian subkategori pelancongan alam semula jadi seperti yang dibincangkan, pembentukan panduan ini berfokuskan kepada enam (6) skop seperti di **Rajah 3.1**.

Panduan pelaksanaan ini perlu dibaca bersama dengan:

i. Panduan Pelaksanaan Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun;
ii. Panduan Pelaksanaan Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan); dan
iii. Panduan Pelaksanaan Pelancongan Sukan dan Rekreasi.

Rajah 3.11: Skop Panduan Pelaksanaan Pelancongan Alam Semula Jadi




Sumber: PPPNS (2025).

3.1.5 Prinsip Panduan

Pelaksanaan aktiviti pelancongan yang berdaya tahan memerlukan panduan yang jelas. Justeru itu, **tiga (3) prinsip utama** telah ditetapkan sebagai asas dalam merancang dan melaksanakan pembangunan pelancongan alam semula jadi iaitu:

Rajah 3.12: Prinsip Pemakaian Panduan Pelaksanaan Pelancongan Alam Semula Jadi



Sumber: PPPNS (2025).

Pendekatan ini adalah untuk memastikan keseimbangan antara pemuliharaan dan pembangunan, serta menjamin keselamatan pengunjung dan kemampanan kawasan pelancongan dalam jangka panjang.



Air Terjun Sungai Lepoh (Hulu Langat)

Sumber: https://www.wikiloc.com/hiking-trails/sungai-lepoh-waterfall-2019-40262941/photo-26124684

3.2 Komponen Panduan Pelaksanaan

3.2.1 Pengelasan Zon Kawasan Sensitif Alam Sekitar

Kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) iaitu kawasan hutan simpan, tanah tinggi, lembangan sungai, gua dan pulau seperti yang dikenal pasti di dalam Rancangan Struktur (RS) Negeri Selangor 2035 (Pengubahan) dan rancangan tempatan (RT) telah dikelaskan mengikut tahap perlindungan dengan had aktiviti yang berbeza mengikut zon. Pengelasan zon kawasan sensitif mengikut teori antarabangsa menekankan **tiga (3) klasifikasi** dari segi tahap perlindungan dan jenis aktiviti yang dibezakan seperti berikut:

1	2	3
TERAS	**PENAMPAN**	**PERALIHAN**
Konservasi Dengan Jumlah Pelawat Sangat Terhad	Pelancongan Eko Terkawal	Pembangunan Komuniti dan Produk Pelancongan

Teori pengelasan zon kawasan alam semula jadi yang dirujuk ialah **UNESCO *Man and the Biosphere Programme* (MAB)**[1]. Program ini menetapkan bahawa setiap *Biosphere Reserve* mesti mempunyai kaedah penentuan zon rasmi yang terdiri daripada **tiga (3) zon** di atas.

Rajah 3.13: Pengelasan Zon dan Aktiviti Yang Dibenarkan Mengikut Zon Kawasan Alam Semula Jadi



Sumber: Olahan daripada Biosphere Reserve - Zones and Their Importance – GeeksforGeeks.

[1] https://www.unesco.org/en/mab

Jadual 3.2 menunjukkan pengelasan zon ini dengan fungsi dan tahap perlindungan yang berbeza.

Jadual 3.2: Komponen Pengelasan Zon Berdasarkan Teori *Man and Biosphere Reserve*

Bil.	Zon	Tahap Perlindungan / Keterlibatan Manusia	Contoh Aktiviti Yang Dibenarkan
1.	**Zon Teras (*Core Area*)**	Perlindungan paling ketat, intervensi manusia sangat minimum.	Penyelidikan saintifik, pemantauan ekosistem, perlindungan habitat spesies terancam .
2.	**Zon Penampan (*Buffer Zone*)**	Kegiatan manusia terkawal yang tidak menjejaskan fungsi ekosistem di zon teras.	Aktiviti pendidikan alam, latihan, lawatan berpandu, tapak perkhemahan, aktiviti komuniti yang berimpak rendah.
3.	**Zon Peralihan (*Transition Zone*)**	Zon dengan sekatan paling longgar, memberi ruang kepada pembangunan dan penggunaan sumber semula jadi yang mampan.	Aktiviti ekonomi komuniti, rekreasi terkawal, *chalet* penginapan, *homestay*, pelancongan agro, penggunaan sumber semula jadi secara lestari.

Sumber: Olahan daripada Biosphere Reserve - Zones and Their Importance – GeeksforGeeks.

Setiap produk pelancongan alam semula jadi (mengikut subkategori) perlu diteliti secara terperinci dari segi zon-zon terlibat dan jenis aktiviti pelancongan yang dibenarkan. **Jadual 3.3** menunjukkan **tiga (3) contoh pengezonan** bagi subkategori pelancongan eko, pelancongan pengembaraan dan pelancongan rekreasi alam.

Jadual 3.3: Contoh Pengezonan Mengikut Subkategori Pelancongan Alam Semula Jadi

Zon Teras (*Core Area*)	Zon Penampan (*Buffer Zone*)	Zon Peralihan (*Transition Zone*)
Pelancongan Eko (Contoh: Taman Negeri / Taman Eko Rimba)		
Kawasan biodiversiti tinggi dan habitat spesies sensitif seperti: Kawasan paya gambut, habitat burung migrasi.	Laluan interpretasi, stesen penyelidikan, aktiviti pendidikan alam.	Trek rekreasi, *chalet,* tapak perkhemahan, aktiviti ekonomi setempat.
Pelancongan Pengembaraan *(Adventure Tourism)*		
Kawasan puncak gunung/ tebing curam dengan risiko tinggi: Hanya dibuka untuk penyelidikan atau pengunjung berpermit khas.	Laluan pendakian rasmi, kem asas, papan tanda keselamatan.	Kawasan parkir, pusat informasi pelancong, gerai komuniti (kampung berdekatan).
Pelancongan Rekreasi Alam *(Nature-Based Recreation)*		
Air terjun / kolam semula jadi: Dilindungi daripada aktiviti besar-besaran.	Kawasan perkhemahan terkawal, pondok rehat, tandas mesra alam.	Kawasan parkir, gerai makanan, pusat rekreasi komuniti.

Sumber: PPPNS (2025).

3.2.2 Penetapan Daya Tampung Pengunjung Berdasarkan Pengiraan *Carrying Capacity* dan Penentuan Tahap Daya Ambang

Penetapan daya tampung pengunjung merupakan langkah penting dalam **memastikan keseimbangan antara pemuliharaan sumber, keselamatan pengunjung dan kemampanan aktiviti *pelancongan*** di sesuatu tapak. Terdapat **dua (2) kaedah utama** yang lazim digunakan bagi menentukan had optimum jumlah pengunjung, iaitu pengiraan *carrying capacity* dan penentuan tahap daya ambang.

A. Pengiraan *Carrying Capacity*

Carrying capacity (CC) adalah kaedah pengiraan menggunakan pendekatan kuantitatif untuk **menentukan jumlah pengunjung maksimum yang boleh diterima di sesuatu tapak tanpa menyebabkan kemerosotan terhadap sumber semula jadi, kemudahan fizikal, atau kualiti pengalaman pengunjung**.

Pengiraan ini mengambil kira faktor seperti keluasan kawasan, tempoh lawatan, kapasiti kemudahan dan keupayaan tenaga kerja penyelenggaraan.

Ini memberi nilai yang jelas dan mudah dirujuk oleh pengurus tapak pelancongan dan membolehkan perancangan infrastruktur dan jadual lawatan disusun dengan lebih sistematik. Ia sesuai digunakan bagi tapak yang mempunyai struktur dan persekitaran yang terkawal seperti taman rekreasi, tapak warisan bertiket atau resort pelancongan eko.

Kaedah penentuan boleh dilaksanakan melalui kajian saintifik, pengumpulan data jumlah pengunjung, pemantauan impak alam sekitar, serta maklum balas pengunjung. **Rujuk Rajah 3.14** bagi penerangan aspek penentuan CC.

Rajah 3.14: Aspek Penentuan *Carrying Capacity*

'ECOLOGICAL CC '

Daya tampung **EKOLOGI** merujuk kepada had bilangan pelawat yang boleh diterima tanpa menjejaskan flora, fauna dan proses ekosistem, seperti kualiti air sungai, hakisan tanah, atau gangguan habitat hidupan liar.

'PHYSICAL CC'

Daya tampung **FIZIKAL** ditentukan oleh keluasan kawasan, laluan trek, kapasiti kemudahan asas (parkir, tandas, pondok rehat), serta keupayaan infrastruktur menyokong jumlah pelawat pada satu-satu masa.

'SOCIAL CC'

Daya tampung **SOSIAL** merujuk kepada tahap keselesaan dan kualiti pengalaman pelawat, termasuk kawalan kesesakan, keselamatan, serta interaksi harmoni dengan komuniti tempatan.

'MANAGERIAL CC'

Daya tampung **PENGURUSAN** bergantung kepada keupayaan PBT, agensi teknikal dan pengusaha untuk memantau, menguatkuasa SOP, menyediakan kemudahan, serta menyelenggara tapak pelancongan secara berterusan.

Sumber: PPPNS (2025).

B. Penentuan Tahap Daya Ambang

Penentuan Tahap Daya Ambang (*Limits of Acceptable Change* – LAC) juga merupakan satu kaedah penentuan *carrying capacity,* namun pendekatan ini bersifat kualitatif dan adaptif, **menilai bukan hanya bilangan pengunjung** tetapi **juga tahap perubahan yang masih boleh diterima terhadap keadaan sumber, alam sekitar, dan pengalaman pengunjung**.

Kaedah ini melibatkan penetapan indikator seperti tahap hakisan, bunyi bising, kebersihan, kepuasan pengunjung, serta persepsi komuniti tempatan terhadap kesan pelancongan.

Sehubungan itu, LAC lebih fleksibel dan realistik, serta bersesuaian bagi kawasan semula jadi atau warisan yang dinamik yang menekankan aspek pengurusan berasaskan pemantauan.



Contoh laluan denai di TER Kota Damansara yang boleh dipelihara berdasarkan kaedah LAC.

Sumber: https://www.missazwarsyuhada.com/2021/10/hiking-to-denai-3-puteri-kota-damansara.html

Bagi pelancongan alam semula jadi, penentuan LAC boleh diteliti menerusi **lima (5) elemen** berikut:

a) Penetapan Zon Pengurusan

Kawasan dibahagikan mengikut tahap perlindungan, iaitu zon teras/ perlindungan ketat (*core*), zon penampan/ rekreasi terkawal (*buffer*), dan zon peralihan/ komuniti (*transition*).

b) Pengenalpastian Indikator

Mengenal pasti indikator, seperti kualiti air sungai, kadar hakisan tanah, jumlah sampah, kepadatan atau kepuasan pengunjung.

c) Penentuan Standard (LAC)

Menetapkan nilai had ambang yang boleh diterima, contohnya:

- Kualiti air sungai tidak boleh kurang dari kelas rekreasi (Kelas IIB).
- Lebar trek hutan tidak boleh terhakis lebih daripada 1 meter.
- Tidak lebih daripada 30% pelawat melaporkan rasa "sesak" di tapak perkhemahan.

d) Pemantauan dan Tindakan Mitigasi

Boleh diambil apabila indikator melebihi *standard*, langkah kawalan perlu diambil seperti mengurangkan bilangan permit, menutup zon tertentu bagi sementara waktu, atau menambah kemudahan mesra alam.

e) Operator Tapak Pelancongan Alam Semula Jadi

Operator tapak pelancongan alam semula jadi perlu menyediakan **Pelan Pengurusan Destinasi** yang akan memperincikan pengurusan CC dan LAC bagi tapak mereka untuk membantu mereka memantau keadaan tapak dengan lebih baik.

Contoh Praktikal: Sungai Congkak, Hulu Langat

Kawasan Rekreasi Sungai Congkak, Hulu Langat pernah menghadapi isu kesesakan pengunjung, pencemaran air dan pembuangan sampah yang berlebihan, terutamanya pada hujung minggu serta musim cuti. Berdasarkan kajian kapasiti tapak [2], daya tampung maksimum yang dicadangkan ialah sekitar 200 - 250 orang pengunjung sehari bagi mengawal dan memastikan:

01	Kualiti air sungai tidak menurun di bawah piawaian rekreasi.
02	Kawasan pondok rehat dan tapak khemah digunakan secara terkawal.
03	Tekanan terhadap sistem pengurusan sisa dapat dikurangkan.
04	Pelawat menikmati suasana alam semula jadi dengan lebih selesa.

Had pengunjung yang ditetapkan perlu dipaparkan dengan jelas di pintu masuk kawasan dan dikuatkuasakan melalui sistem permit, sistem tempahan awal, yang mana bilangan tiket harian dikawal atau giliran lawatan.

Melalui kawalan ini, ekosistem tidak tertekan dan pengalaman pengunjung dapat dikekalkan pada tahap yang berkualiti serta selamat.

Dengan itu, Kawasan Rekreasi Sungai Congkak kekal menjadi tarikan utama tetapi pada masa yang sama mengekalkan kemampanan ekosistem dan memberi pengalaman pengunjung yang berkualiti. Bagi memastikan pengurusan pelancongan alam semula jadi yang lebih berkesan, kawasan Rekreasi Sungai Congkak, Hulu Langat boleh mengguna pakai kaedah LAC seperti berikut:

INDIKATOR FIZIKAL

Kekeruhan air sungai tidak boleh melebihi 50 NTU semasa musim cuti.

INDIKATOR FIZIKAL

Hanya 250 orang maksimum sehari untuk memastikan penggunaan tapak perkhemahan dan pondok tidak lebih 80% digunakan pada satu masa.

INDIKATOR SOSIAL

Tahap kepuasan pelawat dikekalkan ≥ 70% (berdasarkan soal selidik).

INDIKATOR PENGURUSAN

Pembersihan sisa perlu dilakukan ≥ 2 kali sehari semasa hujung minggu.

Jika mana-mana indikator ini melepasi tahap “had boleh terima”, pengurus tapak perlu melaksanakan kawalan. Contohnya, mengurangkan bilangan mengguna pakai tiket harian, memperkenalkan sistem tempahan dalam talian, atau menutup sementara tapak tertentu untuk pemulihan ekologi.

[2] Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor dan Tourism Selangor.

Secara perbandingannya, kaedah CC lebih *rigid* (bilangan pengunjung maksimum), manakala LAC menekankan tahap perubahan yang masih boleh diterima dalam ekosistem, kemudahan, dan pengalaman pengunjung. Ini mewujudkan bahawa sedikit perubahan akibat aktiviti pelancongan tidak dapat dielakkan, tetapi perubahan itu mesti dikawal dalam had yang boleh diterima. Pengurus tapak pelancongan alam semula jadi boleh menggunakan kedua-dua kaedah berdasarkan kesesuaian mengikut Pelan Pengurusan Destinasi masing-masing. **Jadual 3.4** menunjukkan perbezaan antara kedua-dua pendekatan CC dan LAC.

Jadual 3.4: Perbezaan Kaedah Pengiraan *Carrying Capacity* dan Penentuan Tahap Daya Ambang

Bil.	Aspek	Pengiraan *Carrying Capacity* (CC)	Penentuan Tahap Daya Ambang (LAC)
1.	**Pendekatan**	Kuantitatif, berasaskan formula dan kapasiti fizikal.	Kualitatif dan adaptif, berasaskan indikator perubahan.
2.	**Tumpuan utama**	Bilangan maksimum pengunjung.	Tahap perubahan yang boleh diterima.
3.	**Kesesuaian Penggunaan**	Tapak terancang, kemudahan tertutup, taman rekreasi.	Kawasan alam semula jadi, warisan budaya, pelancongan eko.
4.	**Kelebihan utama**	Mudah diukur dan dijadikan panduan operasi.	Fleksibel dan menilai aspek sosial serta ekologi.
5.	**Cabaran utama**	Kurang mempertimbangkan aspek subjektif.	Memerlukan pemantauan dan penglibatan berterusan.

Sumber: PPPNS (2025).

3.2.3 Kategori Tapak Perkhemahan

Bagi tujuan perancangan, tapak perkhemahan di Negeri Selangor dikategorikan kepada **tiga (3) jenis utama** berdasarkan **saiz kawasan, tahap kemudahan serta skala operasi** (**Jadual 3.5**). Pengelasan ini penting bagi memastikan keperluan pematuhan yang ditetapkan adalah bersesuaian dan realistik mengikut kemampuan serta fungsi tapak.

Jadual 3.5: Jenis-jenis Tapak Perkhemahan dan Ciri-cirinya

Bil.	Jenis Tapak	Anggaran Saiz Tapak	Ciri Umum
1.	**Tapak Khemah Asas/ Kecil**	< 3,000 kaki²	Tapak komuniti/ individu kecil, kemudahan minimum, berhampiran sungai atau laluan denai.
2.	**Tapak Khemah *Standard***	3,000 - 87,000 kaki² (± 0.07 - 2 ekar)	Tapak rekreasi komuniti atau koperasi dengan kemudahan asas seperti tandas, tempat rehat dan parkir.
3.	**Tapak Khemah Premium**	> 2 ekar atau tapak dengan penginapan kekal	Tapak *glamping/ eco-lodge/ nature resort* dengan kemudahan lengkap.

Sumber: Olahan daripada "Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan" (PLANMalaysia, 2023).

Secara umumnya, pembahagian zon untuk pengiraan kapasiti di tapak adalah seperti di **Jadual 3.6.**

Jadual 3.6: Pembahagian Zon di Tapak Perkhemahan

Bil.	Zon	Cadangan Luas (daripada 3,000 kaki²)	Keterangan
1.	**Zon khemah (penginapan)**	± 60% (1,800 kaki²)	Ruang khemah, laluan dan tapak unggun api.
2.	**Zon kemudahan asas**	± 25% (750 kaki²)	Tandas, surau, dapur, gazebo dan stor.
3.	**Zon landskap/ penampan hijau**	± 15% (450 kaki²)	Pokok teduhan dan sempadan semula jadi.

Sumber: PPPNS (2025).

Prinsip asas penentuan kapasiti tapak perkhemahan mengambil kira anggaran keluasan minimum khemah, jarak khemah, ruang utiliti dan ruang penampan seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7: Penentuan Asas Kapasiti Tapak Perkhemahan

Bil.	Komponen	*Standard* / Rasional
1.	**Keluasan minimum untuk satu khemah**	12 kaki X 12 kaki (≈ 144 kaki²), termasuk ruang lantai, lalu lintas dan jarak keselamatan.
2.	**Jarak antara khemah**	Minimum 5 kaki untuk keselamatan dan privasi.
3.	**Ruang utiliti bersama**	25% - 35% keluasan tapak diperuntukkan untuk laluan, tandas, surau, kawasan unggun api, tempat makan dan lain-lain.
4.	**Ruang simpanan/ penampan semula jadi**	10% - 15% sebagai kawasan hijau atau kawasan sensitif tidak boleh dibangunkan.

Sumber: PPPNS (2025).

Kaedah penentuan kategori tapak perkhemahan (sama ada tapak asas, standard atau premium) menggunakan saiz modul 3,000 kaki² (0.028 hektar atau 0.07 ekar) yang meliputi keseluruhan kawasan untuk operasi tapak perkhemahan, termasuk tapak khemah, kemudahan sokongan, laluan, zon rekreasi kecil dan ruang penampan semula jadi.

Pematuhan pemutihan tapak dengan mengambil kira jenis persekitaran dan kemudahan yang disediakan berasaskan kepada satu (1) modul tapak dengan saiz 3,000 kaki² (anggaran 30 kaki x 100 kaki).



***Willow Tree CampSite*, Hulu Langat.**

Sumber: https://campersite.my/senarai-campsite-dekat-hulu-langat/


Bagi tapak yang lebih luas, pertimbangan didarabkan dengan jumlah modul. Contohnya, bagi tapak 60 kaki x 200 kaki (12,000 kaki²), adalah bersaiz empat (4) modul. Oleh itu, jumlah pengunjung pada satu masa secara anggaran didarabkan dengan empat (4). Ini membolehkan tapak perkhemahan bersaiz lebih besar menentukan jumlah pengunjung mereka. **Jadual 3.8** menunjukkan perincian umum modul bagi tujuan panduan perancangan.

Jadual 3.8: Perincian Umum Satu Modul Tapak Perkhemahan

Bil.	Kategori Tapak	Saiz Maksimum Tapak (1 modul)*	Bil. Khemah	Jum. Maksimum (Orang) Purata Orang/ Khemah	Justifikasi Ruang dan Kawasan Penampan
1.	**Tapak Asas**	< 3,000 kaki²	8 - 16 khemah	24 - 45 orang dengan 2 - 4 orang/ khemah	▪ Setiap khemah memerlukan ±150 - 200 kaki², termasuk jarak 2m antara khemah dan laluan. ▪ 80% kawasan dikekalkan hijau/ kosong.
2.	**Tapak Standard**	3,000 - 87,000 kaki² (± 0.07 - 2 ekar)	15 - 25 khemah	45 - 100 orang maksimum, dengan 2 - 4 orang/ khemah	▪ ±250 kaki² setiap khemah, termasuk ruang aktiviti dan laluan keselamatan. ▪ Tambahan 10% kawasan bagi kemudahan berkongsi. ▪ >60% kawasan kekal hijau.
3.	**Tapak Premium**	> 2 ekar atau tapak dengan penginapan kekal	6 - 10 unit	12 - 30 orang maksimum, dengan 2 - 3 orang/ khemah	▪ ±400 - 600 kaki² setiap unit (termasuk ruang privasi, laluan dan kemudahan peribadi). ▪ >60% kawasan kekal hijau.

Sumber: PPPNS (2025).

Nota : * Meliputi keseluruhan kawasan yang digunakan untuk operasi tapak perkhemahan, termasuk tapak khemah, kemudahan sokongan, laluan, zon rekreasi kecil dan ruang penampan semula jadi.



Beacon Resort Glamping Starry Campsite (Kerling) – menyediakan kawasan khas untuk unggun api.

Sumber: https://www.facebook.com/photo.php?fbid=925490213120922&id=100069798556676&set=a.402968802039735

3.2.4 Panduan Susun Atur Tapak Perkhemahan

Susun atur tapak perkhemahan di kawasan alam semula jadi perlu seimbang antara keselesaan pengunjung, kemampanan ekologi, keselamatan dan manfaat komuniti. Antara komponen utama adalah seperti berikut:

1 **Zon Khemah**	2 **Zon Memasak dan BBQ**	3 **Zon Tandas Kompos**
Kawasan khemah pelawat	Ruang khusus untuk aktiviti memasak / BBQ terkawal	Fasiliti mesra alam untuk kebersihan asas
4 **Zon Pengurusan Sisa**	5 **Zon Perlindungan**	6 **Pusat Maklumat**
Kawasan pengumpulan/ pengasingan sampah	Kawasan hijau perlindungan semula jadi	Ruang pendidikan alam sekitar dan keselamatan

Sumber: PPPNS (2025).

A. Kemampanan Ekologi Sebagai Asas

Tapak perkhemahan mesti **dirancang tanpa menjejaskan ekosistem alam semula jadi**, termasuk perlindungan flora, fauna, kualiti air dan mengelakkan hakisan tanah.



Sumber: https://mx.pinterest.com/pin/1040542688921023786/







Contoh perancangan tapak perkhemahan yang menekankan aspek pengekalan kemampanan ekologi

Sumber: https://in.pinterest.com/pin/948641109027981379/

Sumber: https://in.pinterest.com/pin/135741376263808365/

Sumber: https://in.pinterest.com/pin/613404411788128198/



Perancangan zon aktiviti yang jelas untuk tapak perkhemahan

Sumber: https://in.pinterest.com/pin/569916527863059741/

B. Pengezonan Tapak Yang Jelas

Kawasan tapak perkhemahan **dibahagikan kepada zon aktiviti** (seperti tapak khemah, ruang memasak, tandas, laluan), **zon perlindungan** (kawasan sensitif) dan **zon penampan** untuk mengurangkan konflik penggunaan kawasan.

C. Reka Bentuk Berimpak Rendah

Reka bentuk kawasan dan kemudahan tapak perkhemahan perlu menerapkan **konsep berimpak rendah**, termasuklah penggunaan bahan-bahan binaan yang mesra alam atau semula jadi seperti kayu dan batu bata tanah liat.



Sumber: https://www.discovervancouverisland.com/blog/coastal-trekking-vancouver-island/







Penggunaan bahan binaan setempat seperti kayu dan batu bata untuk penyediaan kemudahan tapak perkhemahan

Sumber: https://www.pinterest.com/pin/552746 554283142306/

Sumber: https://www.tiktok.com/@campfire.earth

Sumber: https://www.bowerpowerblog.com/yurt-camping-travel-journal/



Kaedah kompos digalakkan dalam pengurusan sisa makanan

Sumber: https://www.cindyheathwrites.com/lets-eat/composting-basics-learn-how-to-make-compost-with-easy-tips-from-an-expert-gardener

D. Sistem Pengurusan Sisa

Tapak perkhemahan mesti **dilengkapi dengan sistem pengurusan sisa domestik (*carry in – carry out*)** yang baik, termasuklah pengasingan sampah dan rawatan sisa organik (seperti kompos) bagi mengelakkan pencemaran.

E. Akses dan Perhubungan Terkawal

Laluan masuk kenderaan akan **dikawal sehingga ke kawasan tertentu sahaja** bagi mengelakkan kesesakan dan kerosakan alam sekitar. Manakala **pergerakan dalam zon perkhemahan digalakkan secara berjalan kaki** supaya gangguan terhadap ekosistem alam semula jadi dapat diminimumkan, selain mewujudkan suasana yang lebih selesa, selamat dan mesra alam kepada para pengunjung.



Sumber: https://www.pinterest.com/pin/324188873190342575/

F. Pengalaman Pendidikan dan Interpretasi

Susun atur tapak perkhemahan perlu menyediakan **ruang untuk papan interpretasi, pusat maklumat kecil atau aktiviti pendidikan alam sekitar** bagi meningkatkan kesedaran pengunjung tentang kepentingan konservasi.



Sumber: https://poosh.com/life-style-travel-camp-poosh-2025-attendees/



Sumber: https://in.pinterest.com/pin/829154981425136708/



Sumber: https://patch.com/massachusetts/hingham/get-your-message-out-on-patch-c618e26f

Reka bentuk dan bahan binaan papan informasi pelancongan yang bersesuaian dengan karektar dan persekitaran tapak perkhemahan adalah digalakkan

G. Prinsip '*Back to Nature*'

Penekanan penyediaan tapak perkhemahan paling asas yang **tidak menjejaskan persekitaran supaya akan kembali seperti asal**, setelah khemah ditutup dan pelancong kembali ke rumah masing-masing.



Penyediaan kemudahan asas perkhemahan tanpa menjejaskan persekitaran

Sumber: https://www.facebook.com/photo/?fbid=5668597499869347&set=pcb.1083763572158732

H. Penglibatan Komuniti Setempat

Penyediaan dan pengurusan tapak perkhemahan **perlu melibatkan komuniti tempatan** sebagai pengendali, pemandu atau penyedia perkhidmatan sokongan supaya **manfaat ekonomi dapat dikongsi secara adil**.

I. Kemudahan Awam dan Infrastruktur Mesra Alam

Kemudahan tandas, kawasan rehat/ wakaf boleh disediakan dan perlu diselenggara dengan baik. **Penggunaan cahaya lampu pada tahap tertentu hanya diperlukan** untuk mengelakkan pencemaran cahaya pada habitat alam semula jadi.



Penggunaan lampu pada tahap minimum bagi mengelakkan pencemaran cahaya

Sumber: https://ms.pngtree.com/freebackground/tents-at-night-set-up-in-the-woods_2478147.html



Kawasan/ platform rata untuk khemah

Sumber: https://xplore.my/directory-camping/listing/i-skoven/

J. Lokasi dan Keselamatan Tapak

Tapak perkhemahan perlu disediakan di kawasan yang **paling rata dan selamat** (penyediaan platform tanah), **jauh dari kawasan berisiko runtuhan tanah atau ancaman kepala air** (jika berhampiran dengan sungai).



Tapak perkhemahan kekal boleh disediakan di atas tanah persendirian dengan perolehan kelulusan kebenaran merancang (KM) sementara/ pelesenan yang diperlukan daripada PBT

Sumber: PPPNS (2025).

Prinsip-prinsip yang dipakai dalam susun atur tapak perkhemahan di kawasan alam semula jadi adalah seperti di **Jadual 3.9**. Jadual ini menunjukkan perbandingan amalan antarabangsa yang dipraktikkan dan penetapan dalam Garis Panduan Perancangan (GPP) Tapak Perkhemahan (PLANMalaysia, 2023).

Jadual 3.9: Perbandingan Amalan Antarabangsa dan Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan

Bil.	Aspek	Amalan Antarabangsa (UNWTO, IUCN, UNESCO MAB, LNT, USFS)	GPP Tapak Perkhemahan, PLANMalaysia (2023)
1.	**Prinsip Asas**	Kelestarian ekologi, *Leave No Trace*, keselamatan, daya tampung (CC dan LAC).	Enam (6) prinsip, iaitu Keselamatan, Keselesaan, Kelestarian, Kepatuhan Undang-undang, Ekonomi dan Sosial.
2.	**Lokasi dan Jarak**	Lokasi ≥ 30m dari sungai, ≥ 50m dari jalan, mengelak cerun curam dan habitat sensitif.	≥ 10m dari air terjun; mengelak tapak berisiko bencana dan mematuhi zon guna tanah.
3.	**Kapasiti dan Susun Atur**	10 - 15 khemah/ hektar, jarak 5m antara khemah dan pengezonan dalaman (memasang khemah, memasak dan faktor sanitasi).	Tapak dibezakan kategori (asas, standard dan premium) dengan kapasiti tertentu.
4.	**Kemudahan Asas**	Penyediaan 1 tandas bagi setiap 20 pengunjung; tandas kompos; sistem sisa *carry in - carry out;* sumber air bersih dan pencahayaan solar.	Sanitasi, utiliti dan bekalan air bersih wajib disediakan, sistem pengurusan sisa terkawal dan kemudahan asas mengikut kategori tapak.
5.	**Kawalan Aktiviti Berisiko**	Kawalan aktiviti merangkumi larangan unggun api terbuka, *all-terrain vehicle* (ATV), struktur kekal dan vandalisme di kawasan tapak.	Kawalan lokasi berisiko (air terjun, cerun dan banjir).
		Larangan memberi makan kepada hidupan liar dan memijak terumbu karang.	Keselamatan operasi dan permit khas.
6.	**Akses dan Laluan**	Akses kenderaan hanya hingga zon parkir luar, kelebaran trek ≤ 1.5m dan laluan mesra alam.	Akses mengikut kategori tapak, kemudahan jalan dan parkir berasingan.
7.	**Pendidikan dan Interpretasi**	Penyediaan pusat maklumat kecil, papan tanda '*Leave No Trace*' dan aktiviti interpretasi komuniti.	Papan tanda keselamatan dan larangan serta keperluan SOP operasi.
8.	**Kategori Tapak**	Tiada kategori khusus dan bergantung kepada fasiliti setempat.	Tiga (3) kategori tapak perkhemahan iaitu, tapak perkhemahan asas, standard dan premium.
9.	**Pemantauan**	LAC, audit tahap ekologi dan tahap kesan sosial berkala.	Pemantauan PBT dan lesen operasi.

Sumber:
i. United Nations World Tourism Organisation (UNWTO);
ii. International Union for Conservation of Nature (IUCN).
iii. United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization's Man and the Biospere Programme (UNESCO MAB)
iv. Leave No Trace (LNT)
v. United States Forest Service (USFS)
vi. Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan, PLANMalaysia (2023).

Jadual 3.10 menunjukkan Prinsip Cadangan PPPNS hasil daripada penyelarasan antara amalan antarabangsa dan GPP Tapak Perkhemahan (PLANMalaysia, 2023) untuk rujukan PBT dan pihak berkepentingan dalam perancangan pembangunan tapak perkhemahan.

Jadual 3.10: Prinsip Cadangan PPPNS Dalam Perancangan Pembangunan Tapak Perkhemahan

Bil.	Aspek	PPPNS (2025)
1.	**Prinsip Asas**	Prinsip asas ekologi, keselamatan, keselesaan, undang-undang, manfaat ekonomi komuniti dan sosial inklusif.
2.	**Lokasi dan Jarak**	Lokasi dan jarak yang menggunakan syarat: ▪ ≥ 20m dari sungai; ▪ ≥ 10m dari air terjun; ▪ mengelakkan cerun curam >25°, dan ▪ menggunakan tapak yang stabil.
3.	**Kapasiti dan Susun Atur**	Had kapasiti mengikut daya tampung, susun atur berimpak rendah dan kategori tapak mengikut jenis yang dicadangkan dalam GPP Tapak Perkhemahan (PLANMalaysia, 2023).
4.	**Kemudahan Asas**	Kemudahan asas merangkumi tandas kompos/ mesra alam, sistem 3R, air bersih, pencahayaan solar dan utiliti terhad mengikut kategori tapak perkhemahan.
5.	**Kawalan Aktiviti Berisiko**	Larangan, permit khas dan SOP keselamatan serta kawalan mengikut tapak perkhemahan.
		Kawalan aktiviti khususnya dalam interaksi dengan hidupan liar, hidupan marin dan geo pelancongan.
6.	**Akses dan Laluan**	Akses terkawal dengan parkir luar, laluan pejalan kaki mesra alam serta laluan pengungsian (*evacuation*) yang jelas.
7.	**Pendidikan dan Interpretasi**	Pusat interpretasi kecil, papan tanda keselamatan dan aktiviti komuniti.
8.	**Kategori Tapak**	Kategori tapak perkhemahan mengikut jenis yang dicadangkan dalam GPP Tapak Perkhemahan (PLANMalaysia, 2023) dengan adaptasi menggunakan prinsip antarabangsa.
9.	**Pemantauan**	Gabungan LAC dan audit berkala oleh PBT/ agensi serta lesen diperbaharui berdasarkan pematuhan.

Sumber: PPPNS (2025).

3.2.5 Panduan Penyediaan Kemudahan Sokongan

Penyediaan kemudahan sokongan di kawasan tapak perkhemahan memainkan peranan penting bagi menyokong pengalaman pengunjung dan pada masa yang sama menjaga sensitiviti alam sekitar. Kemudahan seperti tempat letak kereta, kawasan perkedaian serta kemudahan makan dan minum perlu dirancang dengan teliti supaya bersifat mesra alam, tidak berlebihan dan mudah di selenggara.

A. Tempat Letak Kereta

Kemudahan tempat parkir di kawasan pelancongan alam semula jadi perlu dirancang dengan teliti bagi mengelakkan kesesakan, gangguan visual, dan tekanan kepada ekosistem. Tapak parkir hendaklah **ditempatkan di zon peralihan atau berhampiran pintu masuk utama sahaja**, manakala **kawasan sensitif alam semula jadi mesti bebas daripada kenderaan bermotor**.

Reka bentuk kawasan parkir digalakkan menggunakan **kaedah dan bahan mesra alam** seperti *permeable paving* untuk mengurangkan aliran air larian permukaan, serta dilengkapi dengan sistem saliran mampan (*Sustainable Drainage System* - SuDS).



Sumber: https://ie.pinterest.com/pin/1018165428260772722/








Diagram SuDS (kiri) dan kaedah *ecogrid* yang boleh digunakan mengikut kesesuaian kawasan

Sumber: https://www.linkedin.com/pulse/sustainable-drainage-system-suds-history-advantages-muhammad-bhatti-gl43e/

Sumber: https://ecogrid.co.uk/popular-uses/camping-and-caravaning/

Sumber: https://www.ebay.co.uk/itm/255650176064

Kawasan parkir perlu mempunyai kapasiti terkawal yang **disesuaikan dengan daya tampungan pengunjung** bagi mengelakkan lebihan kenderaan yang boleh menjejaskan pengalaman pengunjung serta kualiti udara. Selain itu, kawasan parkir perlu **selamat daripada risiko runtuhan tanah, jatuhan dahan pokok dan ancaman jenayah**.

B. Kawasan Perkedaian

Penjualan produk perlu diberi keutamaan terhadap **hasil komuniti tempatan** seperti kraftangan dan makanan tradisional yang dapat memperkukuh ekonomi setempat.



Sumber: https://harmonikreasi.com/2025/08/14/bamboo-weaving-techniques

Aktiviti komersial yang berlebihan atau berbentuk 'pasar malam kekal' perlu dikawal kerana boleh mengganggu kelancaran aliran pengunjung, mencacatkan landskap serta menjejaskan suasana alam semula jadi kawasan pelancongan.



Sumber: https://za.pinterest.com/pin/626915210668521998/



Sumber: https://in.pinterest.com/pin/648236940153259025/



Sumber: https://www.pinterest.com/pin/663577326367725868/

Contoh reka bentuk gerai-gerai yang boleh diadaptasi untuk pembangunan pelancongan alam semula jadi

C. Kemudahan Makanan dan Minuman

Kemudahan makanan dan minuman perlu **dikawal dari segi lokasi, kapasiti dan jenis operasi** bagi mengelakkan pencemaran. Gerai atau kafe hendaklah ditempatkan di zon khas yang mudah diakses tetapi **tidak terlalu hampir dengan sungai, tasik atau kawasan sensitif ekologi**.

Kawasan hadapan sungai, tasik atau lain-lain badan air hanya untuk **ruang aktiviti sahaja tanpa struktur kekal dan tidak diturap**, kecuali untuk struktur pengukuhan tebing sahaja.

Selain itu, semua pengendali makanan wajib **mematuhi standard kebersihan dan pengurusan sisa makanan**, termasuk penyediaan tong sampah berasingan serta sistem kitar semula. **Penggunaan plastik perlu diminimumkan** dan diganti dengan bahan mesra alam. Kawalan ini dapat mencegah pencemaran air serta gangguan daripada hidupan liar akibat sisa makanan yang tidak terkawal.



Penyediaan tong sampah bebas haiwan seperti di Bukit Malawati, Kuala Selangor

Sumber: PPPNS (2025).

3.2.6 Kawalan Aktiviti Berisiko

Kawalan aktiviti berisiko termasuk **melarang atau mengehadkan aktiviti yang boleh mengancam keselamatan pengunjung dan merosakkan alam sekitar** seperti unggun api, penggunaan ATV dalam hutan atau pembinaan struktur kekal di zon perlindungan (zon teras). Kawalan aktiviti berisiko bukan sekadar melarang, tetapi juga merangkumi **penentuan lokasi bersesuaian**, **syarat ketat**, **pengawasan berterusan** dan **pendidikan pengunjung** supaya pelancongan alam semula jadi kekal selamat dan mampan.

Kawalan ini boleh dilaksanakan mengikut tahap, sama ada dilarang sepenuhnya, dibenarkan dengan syarat atau perlu pengawasan berterusan. Ia bergantung kepada kemampuan operasi, kesediaan kemudahan serta keupayaan kakitangan. **Jadual 3.11** menunjukkan aspek kawalan aktiviti berisiko.

Jadual 3.11: Aspek Kawalan Aktiviti Berisiko

Aktiviti Yang Dilarang Sepenuhnya	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat
✗ **Unggun api terbuka** di kawasan hutan, tanah tinggi dan zon perlindungan. ✗ **Penggunaan ATV, motosikal lasak atau kenderaan bermotor** dalam kawasan hutan, sungai dan tanah tinggi. ✗ **Pembinaan struktur kekal** (*chalet,* jalan berturap, bangunan konkrit) dalam zon perlindungan dan zon sensitif ekologi. ✗ **Pembuangan sampah, sisa kimia atau pencemaran bunyi** daripada kenderaan, bot atau peralatan pelancong. ✗ Aktiviti **memburu**, **memancing** atau **merosakkan flora/ fauna** di kawasan perlindungan.	✓ Barbeku/ api memasak **hanya di kawasan khas dan tapak BBQ terkawal**. ✓ Pendakian/ merentas denai hutan mesti **menggunakan laluan rasmi** dan **disertai pemandu pelancong/ malim gunung berlesen** bagi trek berisiko. ✓ Aktiviti air (berkayak, berakit dan *tubing*) **memerlukan permit, pemandu/ operator bertauliah**, dan **peralatan keselamatan yang lengkap**. ✓ Mendaki tebing batu/ *abseiling* **hanya di lokasi yang diluluskan** (contoh: *Gua Damai Extreme Park*) dengan SOP keselamatan antarabangsa. ✓ Berkhemah **hanya dibenarkan di tapak perkhemahan rasmi** dengan sistem pengurusan sisa dan air bersih.

Mekanisme Kawalan

- **Menguatkuasa peraturan melalui permit atau lesen khas** bagi aktiviti yang mempunyai risiko (contoh: berkayak, turun tebing bertali (*abseiling)* dan aktiviti penerokaan gua).
- **Menyediakan zon khas untuk aktiviti tertentu** (contoh: kawasan khemah dibenarkan tetapi zon unggun api diasingkan di kawasan khusus dan terkawal).
- Melaksanakan **sistem pengawasan dan rondaan** oleh penguatkuasa hutan atau ranjer komuniti.
- Memasang **papan tanda larangan dan panduan keselamatan yang jelas** di pintu masuk dan sepanjang laluan pelancongan.
- Pemerhatian burung, hidupan liar dan fotografi alam mesti dilakukan **tanpa gangguan kepada habitat**.
- Program pendidikan alam sekitar dan lawatan interpretasi **dikendalikan oleh pemandu bertauliah atau komuniti terlatih**.
- Aktiviti inap desa atau komuniti **dikawal melalui jadual giliran pengunjung** supaya tidak berlebihan.
- **Pemantauan dan semakan berkala**, di mana audit alam sekitar dan penilaian pematuhan SOP pelancongan mampan dilaksanakan secara konsisten

Sumber: PPPNS (2025).

A. Aktiviti Berisiko Mengikut Subkategori

Setiap subkategori mempunyai risiko khusus yang mesti dikawal, seperti larangan memberi makanan kepada hidupan liar dan vandalisme. **Jadual 3.12** menunjukkan contoh kawalan aktiviti berisiko mengikut subkategori pelancongan alam semula jadi.

Jadual 3.12: Kawalan Aktiviti Berisiko Mengikut Subkategori Pelancongan Alam Semula Jadi

Pelancongan Hidupan Liar	Pelancongan Marin dan Pesisir Pantai
▪ **Dilarang memburu, memancing, atau mengambil spesimen flora/ fauna** daripada habitat semula jadi. ▪ **Dilarang memberi makanan kepada hidupan liar** kerana boleh mengubah tabiat semula jadi haiwan. ▪ **Dilarang menggunakan lampu sorot berkuasa tinggi** atau bunyi bising semasa pemerhatian malam (*night safari*). ▪ Aktiviti pemerhatian seperti memerhati burung dan pemerhatian malam mesti **dilakukan secara berpandu**, **menggunakan laluan rasmi** dan dengan **kumpulan kecil** sahaja. ▪ Pusat pemuliharaan wajib **menyediakan SOP interaksi**, iaitu hanya staf terlatih dibenarkan mendekati haiwan.	▪ **Dilarang pembuangan sisa minyak, sampah atau plastik** ke laut/ pantai. ▪ Bot pelancong perlu **menggunakan pelampung tambat** dan berlabuh di tempat yang bersesuaian. ▪ Aktiviti memancing rekreasi **hanya dibenarkan di zon yang ditetapkan** oleh Jabatan Perikanan. ▪ **Jet ski dan motor air perlu dikawal** (zon khas, kelajuan terhad) untuk mengelakkan pencemaran bunyi dan risiko kemalangan. ▪ Aktiviti berkayak, lawatan hutan bakau, dan pelancongan eko pesisir pantai perlu berpandukan **SOP kemampanan**.
Berakit Arus Deras / Arung Jeram (*White Water Rafting*)	
▪ **Keselamatan dan Operasi** i. Pengusaha wajib **memohon lesen perniagaan dan aktiviti pelancongan** berkaitan (MOTAC, PBT), manakala operator (jurupandu) sungai **mesti bertauliah** daripada badan akreditasi, iaitu *International Rafting Federation* (IRF) atau/ dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) – Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) "*Water-Based Adventure Tour Guiding, Level 3*". ii. Semua peserta mesti **memakai jaket keselamatan, topi dan peralatan keselamatan**. iii. **Taklimat pra-aktiviti** dan **simulasi keselamatan** wajib dilakukan bersama peserta. ▪ **Kapasiti dan Keadaan Sungai** i. Aktiviti hanya dibenarkan apabila **aras air berada pada tahap selamat**. ii. **Had peserta ditetapkan mengikut saiz bot** dan *carrying capacity* sungai untuk mengelakkan kesesakan dan risiko kemalangan. iii. **Zon jeram berbahaya mesti dikenal pasti**, ditanda, dan disediakan titik pengungsian (*evacuation*) semasa kecemasan. ▪ **Alam Sekitar dan Liabiliti** i. **Dilarang penggunaan bot bermotor** atau sebarang bahan pencemar sungai. ii. Prinsip ***Leave No Trace***, iaitu tiada sampah dan tiada gangguan habitat. iii. Semua pengusaha wajib **menyediakan insurans liabiliti awam dan perlindungan peserta**.	

Sumber: PPPNS (2025).

B. Kawalan Keselamatan Pelancong

Aspek keselamatan pelancong di kawasan alam semula jadi merangkumi kawalan daripada risiko ancaman semula jadi dan buatan manusia seperti perincian berikut:

a) Risiko Tanah Runtuh

Kawasan pelancongan berhampiran cerun dan bukit curam berpotensi mengalami tanah runtuh, terutama ketika musim hujan.

Ancaman kepada nyawa pelancong/ pengunjung, kerosakan infrastruktur, gangguan akses jalan masuk dan kemudahan awam.

Cadangan Langkah Kawalan:

i. Kawasan tapak pelancongan alam semula jadi/ pelancongan eko perlu melalui proses **kajian geoteknikal** dan **pemantauan cerun secara berkala**.

ii. Memasang **sistem amaran awal di kawasan berisiko tinggi**.
** Rujuk **Lampiran 1** bagi senarai lokasi berisiko tanah runtuh di Negeri Selangor.*

iii. Menyediakan **papan tanda keselamatan** dan **laluan keluar kecemasan** yang jelas.

iv. Menguatkuasakan **penutupan kawasan ketika hujan lebat** atau selepas hujan berpanjangan.

v. Menyediakan **SOP untuk Pelan Tindakan Kecemasan (ERP)** kepada pengusaha pusat tarikan pelancongan (jika berlaku kejadian bencana).

vi. Pengusaha/ operator **mesti peka dengan tanda awal tanah runtuh** seperti:
- bonjolan pada kaki cerun atau tembok penahan.
- air keluar melalui permukaan tanah di lokasi baharu berhampiran cerun.
- air keluar di kaki cerun.
- tiang atau pokok kelihatan condong atau beralih.
- terdapat rekahan pada cerun.
- pergerakan tanah dan runtuhan kecil.







Contoh Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh yang boleh dipasang di tempat berisiko, di samping papan tanda amaran di tepi jalan utama

Sumber: https://x.com/IPJKR_Official/status/1651781932051726338/photo/1

Sumber: https://gatgroup.com.my/

Sumber: https://insight.estate123.com/2018/12/04/five-newsbytes-to-start-the-day-4-december-2018/

b) Risiko Kepala Air (*Flash Flood*)

Fenomena kepala air boleh berlaku secara mengejut di kawasan sungai, jeram dan air terjun.

Peningkatan paras air secara mendadak boleh menyebabkan pelancong/ pengunjung dihanyutkan oleh arus deras.

Cadangan Langkah Kawalan:

i. Memasang siren atau **sistem amaran kepala air masa nyata, papan tanda amaran, sistem pemantauan (CCTV)** di lokasi rekreasi berair dan laluan denai hutan yang terkesan.

ii. Memberi **latihan kepada pengusaha dan komuniti** untuk mengenali tanda-tanda awal kepala air.

iii. Menyediakan papan tanda, **laluan keluar/ lorong kecemasan yang jelas** serta **kawasan berkumpul yang selamat**.

iv. **Menutup sementara aktiviti air semasa hujan lebat** atau ketika terdapat amaran cuaca.

v. Menyediakan **SOP untuk Pelan Tindakan Kecemasan (ERP)** yang merangkumi pelan pencarian, penyelamat dan pemindahan mangsa semasa kejadian.

vi. Pengusaha/ operator **mesti peka dengan tanda awal kepala air** iaitu:
   - bunyi seperti letupan kuat sama ada akar pokok tidak stabil, tanah pecah, pokok tumbang.
   - berlaku perubahan pada air sungai seperti warna menjadi kehitaman, berbuih dan meningkat tiba-tiba serta daun kering/ ranting kayu banyak pada permukaan air, sampah-sarap terkumpul di satu tempat.





Contoh Sistem Amaran Banjir Kepala Air (SABKA) dan papan tanda amaran yang boleh dipasang di tempat berisiko sebagai langkah persediaan serta peringatan kepada pengunjung

Sumber: https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/sistem-amaran-kepala-air-yan-beroperasi-awal-jun/

Sumber: https://www.umpan.com.my/fahami-fenomena-kepala-air/

Antara lokasi yang dilaporkan berisiko kepala air adalah di kawasan rekreasi Sungai Lepoh (Hulu Langat), Alang Sendayu (Gombak)[3], Sungai Batang Kali, Sungai Chiling, Sungai Pertak[4], Latar Medang, Sungai Inki Kalumpang, Sungai Sendat dan Sungai Tua (Ulu Yam), Sungai Kedondong (Jalan Genting Highland)[5].

[3] https://www.sinarharian.com.my/article/728017/edisi/selangor-kl/kepala-air-risiko-tersembunyi-alam-semula-jadi
[4] https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-sungai-di-hulu-selangor-dikenal-pasti-hotspot-lemas-kepala-air-401318
[5] https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jbpm-selangor-pantau-lapan-lokasi-ancaman-kepala-air-di-hulu-selangor-315618

c) Risiko Semasa Aktiviti Air/ Arus Deras

Aktiviti rekreasi seperti arung jeram, *tubing* atau berenang di kawasan sungai berarus deras semakin mendapat sambutan. Namun, ia membawa risiko tinggi terutamanya apabila tahap keselamatan dan kawalan tidak diberi perhatian secukupnya.

Pelancong berpotensi hanyut, tenggelam, atau mengalami kecederaan akibat dihentam batuan dan objek di sungai. Situasi menjadi lebih berbahaya sekiranya berlaku perubahan mendadak pada paras air atau arus deras susulan hujan di kawasan hulu.

Cadangan Langkah Kawalan:

i. Menetapkan **garis panduan keselamatan wajib** seperti pemakaian jaket keselamatan dan topi keselamatan.

ii. Melantik **pengendali/ operator bertauliah/ berlesen serta terlatih** dalam aktiviti air yang dijalankan serta mahir dalam penyelamatan air dan pertolongan kecemasan.

iii. Mengehadkan **aktiviti hanya pada musim dan paras air yang selamat** berdasarkan penilaian teknikal.



Contoh panduan pemakaian jaket keselamatan.

Sumber: https://www.facebook.com/photo/?fbid=2582274978531068&set=a.503049696453617

iv. Mengadakan **taklimat keselamatan wajib** sebelum aktiviti dijalankan serta mempamerkan **papan tanda maklumat bahaya** di lokasi berisiko.

v. Menetapkan **zon larangan** di kawasan air terjun, jeram berbatu atau pusaran air yang berbahaya.

vi. Menyediakan **SOP untuk Pelan Tindakan Kecemasan (ERP)** kepada pengusaha pusat tarikan pelancongan, jika berlaku kejadian bencana.



Contoh papan tanda amaran mengikut tahap risiko keselamatan yang perlu disediakan di sungai/ kawasan berisiko

Sumber (kiri dan tengah) : https://www.facebook.com/photo/?fbid=1168196156887108&set=pcb.1168197076887016
Sumber (kanan): https://www.facebook.com/photo.php?fbid=2331762650230232&id=403193926420457&set=a.403272066412643

d) Risiko Ancaman Daripada Binatang Buas

Kawasan hutan simpan, bukit dan taman negeri yang menjadi destinasi merentas hutan, perkhemahan, pelancongan eko merupakan habitat semula jadi kepada binatang buas seperti harimau, gajah, babi hutan atau monyet. Aktiviti pelancongan yang berkembang meningkatkan interaksi manusia dengan hidupan liar, sekali gus menambah risiko ancaman keselamatan.

Pelancong boleh diserang atau dicederakan oleh binatang buas yang boleh menyebabkan kecederaan parah atau kehilangan nyawa. Selain itu, gangguan haiwan liar terhadap makanan dan barang peribadi pelancong (seperti monyet yang agresif) boleh menimbulkan ketakutan dan kerosakan harta benda.

Cadangan Langkah Kawalan:

i. Menetapkan **zon larangan** untuk pelancongan di kawasan **habitat utama hidupan liar**.

ii. Memasang **papan tanda amaran** di lokasi berisiko serta menyediakan **maklumat langkah berjaga-jaga** apabila berhadapan dengan hidupan liar.

iii. Melatih pemandu pelancong, renjer dan pengusaha tapak dalam **prosedur pengurusan konflik manusia-hidupan liar**.

iv. Menyediakan **kawasan simpanan makanan yang selamat** (contoh, *food locker*) di tapak perkhemahan bagi mengelakkan tarikan kepada hidupan liar.

v. Mengadakan **rondaan dan pemantauan berkala** oleh pihak Jabatan PERHILITAN atau renjer hutan.

vi. Memberi atau meningkatkan **tahap kesedaran pelancong** agar tidak memberi makan atau cuba mendekati hidupan liar.

vii. Menyediakan **SOP untuk Pelan Tindakan Kecemasan (ERP)** kepada pengusaha pusat tarikan pelancongan, jika berlaku kejadian ancaman atau serangan binatang buas/ hidupan liar.





Contoh papan tanda amaran pemberian makanan kepada hidupan liar (kiri) dan tempat penyimpanan makanan di tapak perkhemahan (kanan)

Sumber: https://onpenang.com/penang-youth-park/

Sumber: https://www.flickr.com/photos/albertaparks/28401262971/in/album-72157671547959446

e) Risiko Hidupan Berbisa

Kehadiran ular, kala jengking, lipan atau tebuan di kawasan hutan, sungai dan tapak perkhemahan.

Gigitan atau serangan daripada hidupan berbisa boleh mengakibatkan kecederaan serius atau kematian.

Cadangan Langkah Kawalan:

i. **Menyelenggara kawasan laluan dan tapak perkhemahan** untuk mengurangkan habitat haiwan berbisa.

ii. Menyediakan **kit pertolongan kecemasan**, termasuk rawatan asas untuk gigitan atau serangan.

iii. **Melatih kakitangan atau renjer** dalam asas pertolongan kecemasan dan tindakan kecemasan.

iv. Memasang **papan tanda amaran** tentang risiko hidupan berbisa untuk meningkatkan kesedaran pelancong.

v. Menyediakan **SOP untuk Pelan Tindakan Kecemasan (ERP)** kepada pengusaha pusat tarikan pelancongan, jika berlaku kejadian gigitan atau serangan oleh hidupan berbisa.



Rawatan asas kecemasan gigitan dan sengatan.

Sumber: https://www.linkedin.com/posts/shaharizan-yunus-05194a41_the-degree-of-risk-associated-with-insect-activity-7163415680418082816-oNJa/





Contoh papan informasi dan peringatan risiko hidupan berbisa kepada pelancong

Sumber (kiri): https://www.facebook.com/photo.php?fbid=480819187637437&id=100071280783678&set=a.230060039380021
Sumber (kanan): https://www.facebook.com/photo.php?fbid=480819187637437&id=100071280783678&set=a.230060039380021

f) Risiko Sesat Semasa Aktiviti Merentas Hutan

Aktiviti merentas hutan atau mendaki bukit dan gunung semakin popular dalam kalangan pelancong. Namun, ramai pelancong melakukannya tanpa pemandu (*guide*), persediaan yang mencukupi atau pengetahuan tentang laluan. Faktor cuaca, keadaan hutan yang tebal, serta kekeliruan penanda arah boleh meningkatkan risiko sesat.

Pelancong berpotensi tersesat jauh dari laluan asal, mengalami keletihan melampau, dehidrasi, hipotermia, kecederaan, malah berisiko kehilangan nyawa, sekiranya gagal mendapatkan bantuan segera. Kejadian sebegini juga boleh menimbulkan imej negatif terhadap keselamatan destinasi pelancongan.

Cadangan Langkah Kawalan:

i. Menetapkan **syarat aktiviti merentas hutan** hanya dijalankan melalui **laluan denai rasmi** yang diiktiraf dan diselenggara dengan baik.

ii. Menyediakan **papan tanda arah dan penanda laluan yang jelas** di sepanjang denai laluan.

iii. Menggalakkan pelancong menggunakan **khidmat pemandu arah atau renjer bertauliah**.

iv. **Mengehadkan bilangan peserta** mengikut saiz kumpulan minimum dan maksimum untuk memudahkan kawalan.

v. Mewajibkan pelancong **daftar masuk dan keluar (*log book*)** di pintu masuk kawasan denai hutan.

vi. Mengadakan **rondaan berkala** oleh pihak pengurusan atau sukarelawan keselamatan.

vii. Menggalakkan **penggunaan teknologi** seperti aplikasi GPS, *walkie-talkie* atau telefon satelit bagi denai laluan/ trek berisiko tinggi.

viii. Menyediakan **SOP untuk Pelan Tindakan Kecemasan (ERP)** kepada pengusaha pusat tarikan pelancongan, jika berlaku kejadian kesesakan pengunjung dalam hutan.



Penyediaan peta laluan denai di permulaan laluan denai dan '*check point*' di lokasi tertentu

Sumber (kiri): https://tamantugu.my/ms/things-to-do-bm/ (kanan): https://www.sharulnizam.com/2021/07/taman-tugu-forest-trails-kuala-lumpur.html

g) Risiko Kebakaran

Kawasan hutan, tanah tinggi dan tapak perkhemahan sering berdepan dengan risiko kebakaran, sama ada akibat aktiviti manusia seperti unggun api, puntung rokok, pembakaran terbuka, mahupun faktor cuaca seperti musim kering yang berpanjangan. Kebakaran hutan boleh merebak dengan cepat dan sukar dikawal, sekali gus mengancam keselamatan pelancong serta menjejaskan ekosistem alam semula jadi.

Kebakaran boleh menyebabkan kecederaan, kehilangan nyawa, kerosakan kemudahan pelancongan, gangguan perkhidmatan pelancongan, dan kemusnahan habitat flora dan fauna. Selain itu, asap daripada kebakaran juga boleh menjejaskan kesihatan pelancong dan mengurangkan kualiti pengalaman pelancongan/ rekreasi.

Cadangan Langkah Kawalan:

i. Menetapkan peraturan **larangan pembakaran terbuka** dan **kawalan penggunaan unggun api** di tapak rekreasi/ perkhemahan.

ii. Menyediakan **kemudahan khas untuk aktiviti memasak atau unggun api** yang selamat dengan kawalan rapi.

iii. Memasang **papan tanda larangan merokok atau membuang puntung rokok** di kawasan berisiko.

iv. Memberi **taklimat keselamatan penggunaan api/ unggun api** di tapak perkhemahan kepada pengunjung pada permulaan aktiviti.

v. Menyediakan **alat pemadam api mudah alih**, **paip air**, atau **tangki simpanan air kecemasan** di tapak perkhemahan.

vi. Menjalankan **rondaan berkala** oleh pihak pengurusan atau sukarelawan keselamatan, terutamanya pada musim kering.

vii. Menyediakan **SOP untuk Pelan Tindakan Kecemasan (ERP)** kepada pengusaha pusat tarikan pelancongan, jika berlaku bencana kebakaran, termasuk laluan keluar yang selamat dan kawasan berkumpul yang ditetapkan.



Contoh tips keselamatan unggun api di tapak perkhemahan.

Sumber: https://www.naturalheritagetrust.org/news/campfire-safety

h) Risiko Angin Kuat, Ribut (Kilat), Hujan Lebat dan Banjir

Perubahan iklim menyebabkan kejadian cuaca ekstrem seperti angin kencang, ribut petir, hujan lebat dan banjir berlaku dengan lebih kerap di kawasan pelancongan alam semula jadi. Kawasan terbuka seperti pantai, tapak perkhemahan, laluan mendaki dan kawasan sungai adalah paling terdedah kepada risiko ini.

Pelancong boleh terdedah kepada kecederaan akibat pokok tumbang, objek terbang, atau tanah runtuh susulan hujan lebat. Ribut petir juga boleh meningkatkan risiko renjatan elektrik bagi pelancong yang berada di kawasan terbuka. Hujan lebat berpanjangan boleh menyebabkan banjir kilat, memutuskan laluan keluar masuk, merosakkan infrastruktur dan menjejaskan keselamatan nyawa serta harta benda pelancong.

Cadangan Langkah Kawalan:

i. Menyediakan **sistem amaran awal cuaca** dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) di lokasi pelancongan.

ii. Memasang **papan tanda makluman cuaca** dan **menutup sementara tapak rekreasi semasa amaran ribut** atau hujan lebat dikeluarkan.

iii. **Menyelenggara pokok besar** berhampiran laluan denai, tapak perkhemahan dan kemudahan awam untuk mengurangkan risiko pokok tumbang.

iv. **Melatih pengusaha tapak dan komuniti setempat** untuk memberi panduan cepat kepada pelancong semasa keadaan cuaca buruk.

v. Menyediakan **SOP untuk Pelan Tindakan Kecemasan (ERP)** kepada pengusaha pusat tarikan pelancongan, jika berlaku kejadian bencana, termasuk kawasan perlindungan sementara bagi pelancong.



Contoh langkah keselamatan ketika kilat dan ribut petir yang perlu didedahkan kepada pengunjung.

Sumber: https://www.facebook.com/masmafire/posts/langkah-keselamatan-kilat-dan-pintar-apabila-berada-di-luar1-jangan-berteduh-di-/162235808904744/

i) Risiko Kecurian dan Jenayah Kecil

Kehilangan harta benda, pecah kereta, atau jenayah kecil yang boleh berlaku di kawasan pelancongan.

Mengurangkan keyakinan pelancong/ pengunjung dan menjejaskan imej destinasi pelancongan.

Cadangan Langkah Kawalan:

i. Menyediakan **pondok kawalan keselamatan** atau **rondaan berkala** oleh pihak berkuasa/ RELA/ Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

ii. Memasang **CCTV di lokasi strategik** seperti tempat parkir dan pintu masuk utama.

iii. Menyediakan **kemudahan loker** atau simpanan selamat untuk barang pelancong.

iv. Menyediakan **papan tanda amaran keselamatan** agar pelancong tidak meninggalkan barang berharga di tempat terbuka atau di dalam kenderaan.

v. Memberi taklimat/ peringatan kepada pengunjung supaya **tidak merayau bersendirian ke tempat terasing**, gelap atau jauh daripada pandangan pemandu pelancong atau tanpa pemandu pelancong.



Sumber: https://blog.arlo.com/best-security-setups/how-to-stay-safe-camping-with-an-rv-security-camera-system/



Contoh peranti keselamatan – CCTV dan penggera keselamatan (*perimeter trip alarm*) untuk tapak perkhemaha

Sumber: https://www.backwoodshome.com/small-camp-security/





Contoh kemudahan loker mudah alih yang boleh ditempatkan di tapak pelancongan untuk kemudahan pelancong

Sumber: https://mvk-mash.com/it/beach-avk/

Sumber: https://www.mobilelocker.co.uk/en/seasonal-lockers/

3.2.7 Pendidikan dan Interpretasi


Pendidikan dan interpretasi pelancongan alam semula jadi penting untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman pelancong/ pengunjung tentang kepentingan ekosistem serta biodiversiti alam semula jadi. Ia boleh dilaksanakan menerusi lawatan ke hutan simpan, taman botani dan kawasan perlindungan alam dengan menjalankan aktiviti seperti interpretasi alam (*eco-walk*), pemerhatian burung, kajian flora dan fauna.

A. Penyediaan Kemudahan Pendidikan dan Interpretasi

Reka bentuk kemudahan yang baik akan menyokong keselesaan pelawat, serta menyampaikan ilmu secara kreatif dan mudah difahami. Antara yang bersesuaian untuk dibangunkan adalah:

Jadual 3.13: Perincian penyediaan kemudahan pendidikan dan intepretasi

Bil.	Kemudahan	Ciri-ciri	Contoh
1.	**Pusat Intepretasi/ Galeri Informasi**	▪ Disediakan di pintu masuk destinasi atau lokasi strategik. ▪ Menyediakan panel maklumat, peta interaktif, paparan infografik tentang ekologi destinasi. ▪ Menggunakan pendekatan visual, audio dan multimedia untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran.	  **Antara galeri informasi yang menarik** *Sumber:https:/www.fixtpoint.com/taleofatown/oakville*

Bil.	Kemudahan	Ciri-ciri	Contoh
2.	**Laluan intepretasi dan papan maklumat pendidikan**	▪ Laluan pejalan kaki atau trek dilengkapi dengan papan interpretasi yang ringkas, informatif dan disertai dengan kod QR untuk maklumat tambahan. ▪ Reka bentuk laluan mesti stabil, mudah diakses, serta mesra OKU dan kanak-kanak. ▪ Disokong dengan papan tanda amaran dan panduan keselamatan yang jelas (seperti risiko tergelincir, kawasan air dalam, kawasan berbukit). ▪ Disokong dengan *audio guide*, aplikasi mudah alih, atau *augmented reality* (AR)/ *virtual reality (*VR).	  **Contoh laluan intepretasi** *Sumber: PPPNS (2025)*
3.	**Kemudahan Dokumentasi dan Paparan Hasil Penyelidikan**	▪ Ruang khusus untuk pameran hasil penyelidikan dan koleksi biodiversiti. ▪ Digunakan oleh pelancong umum dan institusi pendidikan untuk rujukan ilmiah dan kolaborasi akademik.	 **Contoh kemudahan dokumentasi** *Sumber: PPPNS (2025)*
4.	**Panduan Susun Atur**	▪ **Ruang Pembelajaran**: dekat dengan titik tumpuan utama, dengan aliran pengunjung yang jelas dan tidak bersilang dengan zon perkhidmatan. ▪ **Laluan Lawatan**: konsep *one-way circulation* untuk mengurangkan kesesakan dan meningkatkan pengalaman pengunjung. ▪ **Kemudahan Sokongan**: ditempatkan di lokasi strategik tanpa mengganggu aktiviti pembelajaran (contoh: kafeteria di pintu masuk/ keluar, bukan di zon sensitif). ▪ **Reka Bentuk Hijau**: susun atur perlu mengutamakan penggunaan cahaya semula jadi dan landskap mesra biodiversiti.	 **Contoh Panduan Susun Atur** *Sumber: Exhibition Design Final Project - Egyptian Mythology and Meteorology*

B. Interpretasi dan *Storytelling*

Interpretasi dan *storytelling* adalah penyampaian fakta, membina hubungan emosi, identiti budaya dan nilai pembelajaran yang mendalam. Melalui naratif yang tersusun dan teknik penceritaan kreatif, pelancong akan memperoleh maklumat, merasai pengalaman emosi, memahami nilai budaya dan membentuk hubungan peribadi dengan destinasi.

Prinsip utama interpretasi adalah:

a) **Struktur yang jelas**: mempunyai mesej utama yang konsisten dan mudah difahami.
b) **Kesesuaian khalayak**: bahasa dan gaya penceritaan disesuaikan dengan tahap umur dan latar belakang pelancong (kanak-kanak, pelajar, pelancong umum, atau antarabangsa).
c) **Berfokus pada nilai**: Menonjolkan kepentingan warisan, kemampanan alam dan budaya.

Jadual 3.14 merupakan struktur minimum bagi standard naratif interpretasi dan contoh penceritaan mengikut struktur bagi tarikan kelip-kelip di Kuala Selangor.

Jadual 3.14: Contoh Interpretasi dan Penceritaan Bagi Destinasi Kelip-Kelip Kuala Selangor

Bil.	Struktur	Contoh Penceritaan
1.	**Mesej utama**	Kelip-kelip adalah simbol keseimbangan alam yang rapuh dan perlu dijaga bersama.
2.	**Fakta/ pengetahuan**	Spesies *Pteroptyx tener* hanya hidup di hutan paya bakau tertentu dan populasinya bergantung kepada kesihatan ekosistem sungai.
3.	**Nilai/ pengajaran**	Menjaga hutan bakau dan sungai bermakna menjaga kehidupan kelip-kelip, nelayan, dan seluruh rantaian ekosistem.
4.	**Emosi/ pengalaman**	Gambaran menaiki sampan pada waktu malam, ditemani cahaya beribu-ribu kelip-kelip di dahan pokok berembang. Sunyi dan penuh rasa kagum terhadap keajaiban ciptaan Tuhan.
5.	**Tindakan/ seruan**	Mengurangkan pencemaran sungai, mengamalkan pelancongan yang beretika dan bertanggungjawab serta menyokong usaha konservasi kelip-kelip.

Sumber: PPPNS (2025).

Ciri-ciri *storytelling* yang berkesan bagi pelancongan alam semula jadi adalah seperti berikut:

a) **Suasana dan *Setting***
   - *Storytelling* di suasana malam di padang rumput terbuka, dengan layar tayangan dan cahaya minimum, misalnya mewujudkan rasa tenang, fokus dan hubungan dengan alam.

b) **Pencerita yang autentik**
   - Pencerita yang sangat rapat dengan naratif keunikan produk pelancongan.
   - Elemen autentik menjadikan pelancong percaya dan merasakan pengalaman sebenar.

c) **Kebersamaan dan interaksi sosial**
   - Interaksi terbuka (soal jawab, gelak ketawa) menjadikan pengalaman pelancongan lebih bersifat peribadi *(personal)*.

3.2.8 Pembangunan Komuniti Setempat

Pembangunan komuniti setempat dalam pelancongan alam semula jadi bukan sekadar memberi peluang pekerjaan, tetapi juga meningkatkan daya tahan sosial, kesejahteraan ekonomi, serta pengekalan identiti budaya tempatan. Prinsip asas adalah seperti berikut:

01 Komuniti tempatan mesti menjadi penerima manfaat utama daripada pembangunan pelancongan alam semula jadi.

02 Semua inisiatif perlu mengutamakan pemerkasaan (*empowerment*), penyertaan aktif dan pembangunan kapasiti.

03 Aktiviti yang dibangunkan perlu selaras dengan budaya, adat resam, dan identiti tempatan tanpa mengganggu keharmonian sosial.

Jadual 3.15 menunjukkan **tiga (3) strategi utama** pembangunan komuniti setempat dalam pelancongan alam semula jadi.

Jadual 3.15: Strategi Pembangunan Komuniti Setempat Dalam Pelancongan Alam Semula Jadi

Penyertaan Awal Dalam Perancangan	Peluang Pekerjaan Dan Keusahawanan	Pembangunan Kapasiti Dan Latihan
▪ Komuniti perlu dilibatkan pada peringkat awal perancangan melalui konsultasi, bengkel dan sesi libat urus (FGD). ▪ Pandangan mereka mesti diambil kira dalam reka bentuk produk pelancongan, penentuan zon dan tatacara pengendalian operasi (SOP).	▪ Menggalakkan komuniti menjadi pengendali inap desa, pemandu pelancong/ malim gunung atau pengusaha produk kraf/ tempatan. ▪ Menyediakan insentif atau geran sokongan mikro untuk usahawan kecil tempatan.	▪ Memberi latihan hospitaliti, keselamatan pelancongan, interpretasi alam sekitar, serta pemasaran digital. ▪ Kerjasama antara PBT, MOTAC, NGO dan Kolej Komuniti bagi memperkukuh kemahiran komuniti.

Jadual 3.16 merupakan kawalan dan pemantauan strategi pembangunan komuniti setempat.

Jadual 3.16: Kawalan dan Pemantauan Pembangunan Komuniti Setempat

Kawalan Kualiti	Pemantauan Manfaat Sosio-Ekonomi	Pengurangan Konflik Sosial
▪ Produk/ perkhidmatan komuniti perlu mematuhi piawaian keselamatan, kebersihan dan *standard* pelancongan. ▪ Jabatan Perhutanan/ PERHILITAN bersama agensi teknikal dan PDT menjalankan audit pematuhan secara berkala.	▪ Indikator seperti peningkatan pendapatan isi rumah, kadar penyertaan komuniti dalam pelancongan alam semula jadi dan kepuasan pengunjung perlu dipantau.	▪ Mengelakkan eksploitasi komuniti melalui aktiviti komersial yang hanya menguntungkan pihak luar. ▪ Memastikan faedah ekonomi diagih secara adil dalam kalangan ahli komuniti.

3.3 Pelaksanaan Panduan

3.3.1 Kawalan Pembangunan

Bagi pengurusan tapak perkhemahan di Negeri Selangor, ia tertakluk kepada dua (2) bentuk kawalan utama, iaitu:

a) **Kebenaran Merancang (KM)** di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]; dan
b) **Lesen Operasi Tahunan** di bawah kawalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Kedua-duanya dikuatkuasakan melalui "Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan" (PLANMalaysia, 2023) bagi memastikan pembangunan dan pengoperasian tapak perkhemahan dijalankan secara terkawal, selamat dan mampan.

A. Kebenaran Merancang (KM)


- **Wajib** bagi semua tapak perkhemahan **komersial**, khususnya:
  - Tapak ***Standard*** (melebihi 3,000 kaki^2); dan
  - Tapak ***Premium*** (mempunyai kemudahan kekal seperti bangunan, tandas, dewan).
- **Permohonan KM** perlu dikemukakan kepada **Pusat Khidmat Setempat (OSC) PBT** bersama:
  - Pelan susun atur tapak;
  - Laporan teknikal; dan
  - Sokongan agensi teknikal berkaitan, seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (PLANMalaysia Selangor), Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS), Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor (JBPM), Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) serta lain-lain agensi teknikal berkaitan.
- **Tahap kemudahan dan keselamatan** bergantung kepada kategori tapak perkhemahan (Asas, *Standard, Premium*).

B. Lesen Operasi dan Kawalan PBT

PBT bertanggungjawab mengawal selia operasi tapak perkhemahan melalui lesen tahunan, pemeriksaan dan audit pematuhan.

Sehubungan itu, aspek kawalan pembangunan dilaksanakan oleh PBT dengan pematuhan teknikal melalui kelulusan KM, kawalan melalui lesen operasi, pemeriksaan tapak dan audit pematuhan tahunan dengan kerjasama agensi teknikal. Pendekatan ini memastikan semua tapak perkhemahan di Negeri Selangor dapat dikawal secara bersepadu, selamat dan mampan. **Rajah 3.15** menunjukkan langkah kawalan pembangunan tapak perkhemahan dan **Jadual 3.17** menunjukkan jenis kawalan operasi tapak perkhemahan oleh PBT.

Rajah 3.15 : Langkah Kawalan Pembangunan Tapak Perkhemahan



Sumber: PPPNS (2025).

Jadual 3.17: Jenis Kawalan Operasi Tapak Perkhemahan Oleh PBT

Bil.	Jenis Kawalan	Keperluan dan Tindakan Kawalan
1.	**Lesen Operasi / Perniagaan**	▪ Semua tapak wajib berdaftar dan memperbaharui lesen setiap tahun. ▪ Tapak *Standard* dan *Premium* mesti mempunyai kelulusan KM terlebih dahulu.
2.	**Pelan Bangunan dan Struktur Kekal**	▪ Sebarang struktur kekal perlu mendapat kelulusan pelan bangunan daripada OSC PBT.
3.	**Permit Khas Aktiviti**	▪ Aktiviti berisiko seperti rekreasi air dan mendaki memerlukan permit khas dengan syarat keselamatan tambahan.
4.	**Pemeriksaan Tapak dan Audit Pematuhan**	▪ Pemeriksaan bersama agensi teknikal (seperti JPS, JBPM, JPNS) dijalankan secara berkala.
5.	**Tapak Sensitif Alam Sekitar**	▪ Tapak berhampiran sungai perlu kelulusan JPS. ▪ Dalam kawasan hutan simpan perlu permit JPNS. ▪ Mempunyai struktur kekal perlu kelulusan pelan bangunan OSC PBT. ▪ Kawasan penampan mesti disediakan antara tapak dan zon sensitif.
6.	**Audit dan Pembaharuan Lesen**	▪ Dilaksanakan untuk menilai tahap keselamatan, kebersihan dan pematuhan terhadap garis panduan alam sekitar.
7.	**Tindakan Penguatkuasaan**	▪ PBT boleh mengeluarkan notis amaran, menggantung atau membatalkan lesen jika operator gagal mematuhi syarat atau beroperasi tanpa lesen.

Sumber: PPPNS (2025).

3.3.2 Kawalan Penggunaan Tanah

Kawalan penggunaan tanah dilaksanakan berasaskan hierarki perancangan (Rancangan Struktur - RS dan Rancangan Tempatan - RT), pengelasan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), serta syarat-syarat PBT, PDT dan agensi teknikal berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran dan Jabatan Perhutanan, sekiranya tapak melibatkan sebahagian tanah rezab kerajaan dan kawasan hutan tanah kerajaan negeri/ Hutan Simpanan Kekal (HSK).

Akta 172 mewajibkan setiap pembangunan, termasuk tapak perkhemahan perlu mematuhi RS dan RT. Tapak perkhemahan hanya boleh dipertimbangkan di atas tanah yang zon guna tanahnya bersesuaian seperti zon rekreasi, pelancongan atau tanah kerajaan yang diwartakan untuk tujuan rekreasi. Manakala kawasan HSK, tadahan air dan KSAS tahap tinggi perlu dielakkan atau memerlukan permit khas yang ketat.

Pemohon perlu merujuk permohonan tapak perkhemahan kepada pelan guna tanah di dalam RT. Sekiranya cadangan tapak perkhemahan berada di kawasan yang tidak selaras dengan zon guna tanah dalam RT, permohonan KM tidak akan diluluskan.

Sekiranya pemohon/ pengusaha bercadang untuk membangunkan tapak perkhemahan di atas tanah persendirian, mereka perlu memohon tukar syarat guna tanah melalui PDT, selaras dengan keperluan Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 [Akta 56]. Permohonan pembangunan di guna tanah yang bersesuaian akan disokong, selaras dengan RT.

Rajah 3.16: Aspek Kawalan Penggunaan Tanah

01	HSK/ KSAS Tahap 1 dan 2 - biasanya tidak dibenarkan pembangunan kekal. Tapak perkhemahan hanya boleh dibuat secara sementara, dengan permit khas Jabatan Perhutanan.
02	Tanah Tinggi ketinggian >300m - hanya aktiviti rekreasi ringan dengan impak rendah boleh dipertimbangkan. Tidak dibenarkan di tanah KSAS tahap tinggi seperti hutan perlindungan dan kawasan tadahan air kritikal.
03	Zon Sungai/ Tebing - kawalan zon penampan sekurang-kurangnya 10 hingga 30 meter bergantung kepada garis panduan JPS.
04	PBT menetapkan syarat plot minimum dan had pembangunan bergantung kepada zon. Contoh, kawasan pertanian boleh dipertimbangkan untuk tapak perkhemahan komuniti (*agro-camp*) tetapi tidak boleh dibuat struktur kekal tanpa tukar syarat. Kebenaran tambahan diperlukan, jika tanah pertanian digunakan untuk tapak perkhemahan, perlu tukar syarat kepada rekreasi/ pelancongan.
05	Permit/ lesen khas boleh dikeluarkan untuk aktiviti berisiko (seperti *rafting*, *caving*, *climbing*). Zon khas boleh disediakan untuk aktiviti tertentu bagi mengelakkan gangguan pada zon sensitif. Rondaan berkala boleh dilakukan oleh PBT, Jabatan Perhutanan dan ranjer komuniti. Agensi teknikal perlu dirujuk untuk mendapatkan sokongan teknikal dan kelulusan.

Sumber: PPPNS (2025).

3.3.3 Pemutihan Tapak Pelancongan Alam Semula Jadi/ Tapak Perkhemahan

Langkah pemutihan boleh dilaksanakan oleh PBT, PDT dan jabatan/agensi berkaitan dengan memastikan tapak pelancongan alam semula jadi/ tapak perkhemahan yang sedang/ telah beroperasi **sebelum November 2025** (tempoh sah pemakaian panduan pelaksanaan ini) melaksanakan pematuhan-pematuhan **MINIMUM** seperti berikut:

a) Pematuhan Minimum Tapak (*Site Minimum Compliance);*
b) Pematuhan Minimum Kemudahan (*Facility Minimal Compliance*);
c) Pematuhan Minimum Operasi (*Operational Minimal Compliance*); dan
d) Pematuhan Minimum Undang-Undang Berkaitan.

A. Pematuhan Minimum Tapak

Semua kategori tapak pelancongan alam semula jadi/ tapak perkhemahan mesti mematuhi prinsip ***'minimum intervention, maximum preservation'***. Penilaian tapak perkhemahan asas dan *standard* boleh di buat melalui lawatan audit ringkas *(site audit),* manakala tapak perkhemahan *premium* memerlukan pematuhan proses permohonan KM. **Jadual 3.18** menunjukkan aspek pematuhan minimum tapak mengikut kategori tapak.

Jadual 3.18: Pematuhan Minimum Tapak Pelancongan Alam Semula Jadi/ Tapak Perkhemahan

Bil.	Komponen	Tapak Asas (< 3,000 kaki²)	Tapak *Standard* (> 3,000 kaki²)	Tapak *Premium*
1.	**Kesesuaian lokasi**	▪ Tidak terletak dalam zon bahaya (banjir dan cerun > 25°). ▪ Zon penampan ≥ 5m dari sungai/ tasik/ lain-lain badan air.	▪ Penyediaan kajian ringkas perancangan tapak (*Brief Site Planning*). ▪ Zon penampan ≥ 10m dari sungai/ tasik/ lain-lain badan air.	▪ Penyediaan kajian perancangan tapak (*Site Planning*). ▪ Zon penampan ≥ 20m dari sungai/ tasik/ lain-lain badan air.
2.	**Akses dan laluan**	▪ Laluan tanah boleh dilalui motosikal/ 4WD (lebar minimum 7m - jalan PLB 20 kaki). ▪ Jalan dalaman tapak minimum 3m.	▪ Laluan kenderaan kecil (lebar minimum 9m - jalan luar bandar 30 kaki) dan keluar masuk berasingan. ▪ Jalan dalaman tapak minimum 3m.	▪ Akses berturap dengan rezab 12m (jalan tempatan 40 kaki) dan tempat parkir berasingan. ▪ Jalan dalaman tapak minimum 9m dan dilandskap secara semula jadi.
3.	**Kawasan penampan**	▪ ≥ 5m dari sungai/ badan air/ hutan.	▪ ≥ 10m dari sungai/ hutan.	▪ ≥ 20m dari sempadan hutan/ sungai utama.

Bil.	Komponen	Tapak Asas (< 3,000 kaki²)	Tapak Standard (> 3,000 kaki²)	Tapak Premium
4.	**Kawasan hijau**	▪ ≥ 80% kawasan kekal hijau. ▪ Kawasan hadapan sungai/ tasik/ lain-lain badan air hanya untuk ruang aktiviti sahaja tanpa struktur kekal.	▪ ≥ 60% kekal hijau dan penanaman semula selepas kerja binaan. ▪ Kawasan hadapan sungai/ tasik/ lain-lain badan air hanya untuk ruang aktiviti sahaja tanpa struktur kekal.	▪ ≥ 60% kekal hijau dan diselenggara berkala. ▪ Jika kawasan hijau tidak mencukupi, kawasan penampan hadapan sungai dan sekitar kemudahan mesti dilandskap dengan landskap lembut yang mencukupi.
5.	**Pemasangan struktur kekal di rezab sungai/ zon penampan sungai**	▪ Tidak dibenarkan, kecuali struktur sementara yang di selenggara secara berkala.	▪ Hanya struktur sementara dibenarkan di atas zon penampan. ▪ Struktur kekal sedia ada hendak diselenggara dan dipantau daripada ancaman hakisan sungai dan dirobohkan pada akhir tempoh pembaharuan permit apabila telah mengalami keusangan untuk mengembalikan zon penampan pada keadaan semula jadi.	▪ Hanya struktur sementara dibenarkan di atas zon penampan. ▪ Struktur kekal sedia ada perlu diselenggara dan dipantau daripada ancaman hakisan sungai dan dirobohkan pada akhir tempoh pembaharuan permit apabila telah mengalami keusangan untuk mengembalikan zon penampan pada keadaan semula jadi.

Sumber: PPPNS (2025).

B. Pematuhan Minimum Kemudahan

Kemudahan minimum yang diperlukan untuk membolehkan sesuatu tapak pelancongan alam semula jadi diberikan kelulusan pemutihan adalah dengan kesediaan tandas dan air bersih, kebersihan tapak, tempat rehat/ pondok pengunjung, papan tanda dan interpretasi, sistem pembekalan elektrik/ air serta kemudahan tempat parkir. **Jadual 3.19** menunjukkan keperluan minimum kemudahan mengikut kategori tapak.



Contoh kemudahan tandas di tapak perkhemahan

Sumber: https://www.klook.com/ms-MY/activity/64340-xi-pan-hut-camping-nantou/

Jadual 3.19: Pematuhan Minimum Kemudahan Tapak Pelancongan Alam Semula Jadi/ Tapak Perkhemahan

Bil.	Komponen	Tapak Asas (< 3,000 kaki²)	Tapak *Standard* (> 3,000 kaki²)	Tapak *Premium*
1.	**Tandas dan Air Bersih**	▪ Mempunyai ≥ 1 tandas yang menggunakan pembekalan air semula jadi dari sungai/ bukit, jika tiada sistem paip. ▪ Tandas dan air buangan dari dapur disalurkan ke sistem kumbahan asas dan tidak disalurkan ke dalam sungai/ badan air lain.	▪ Mempunyai ≥ 2 tandas yang menggunakan air paip dan sistem kumbahan asas. ▪ Penggunaan air telaga bawah tanah dengan kelulusan JPS (Bahagian Sumber Air) dan LUAS. ▪ Tandas dan air buangan dari dapur disalurkan ke sistem kumbahan asas dan tidak disalurkan ke dalam badan sungai/ badan air lain.	▪ Sistem kumbahan tertutup dan pembekalan air bersih oleh Air Selangor. ▪ Tandas dan air buangan dari dapur disalurkan ke sistem kumbahan tertutup dan tidak disalurkan ke dalam badan sungai/ badan air lain.
2.	**Kebersihan Tapak**	▪ Tiada pembuangan sampah ke sungai dan tong sampah asas perlu disediakan. ▪ Tiada tapak pengurusan sampah dibenarkan di atas zon penampan sungai/ badan air. ▪ Sampah dilupuskan di luar tapak.	▪ Sistem pengurusan sampah terancang (kompos/ separa tertutup) dan 3R. ▪ Tapak pengurusan sampah di luar zon penampan sungai/ badan air dan dibersihkan secara berkala. ▪ Sampah dilupuskan di luar tapak (di tapak pelupusan yang sah).	▪ Sistem pengurusan sampah terancang (kompos/ separa tertutup) dan 3R. ▪ Tapak pengurusan sampah di luar zon penampan sungai/ badan air dan dibersihkan setiap hari.
3.	**Tempat Rehat/ Pondok Pengunjung**	▪ Mempunyai ≥ 1 pondok selamat/ teduhan semasa hujan ribut atau meja rehat. ▪ Taklimat kepada pengunjung semasa pendaftaran masuk.	▪ Ruang naungan dan pondok utama. ▪ Papan maklumat keselamatan. ▪ Taklimat kepada pengunjung semasa pendaftaran masuk.	▪ Ruang penerimaan pengunjung terbuka/ tertutup yang mencukupi. ▪ Taklimat harian kepada pengunjung/ kumpulan oleh jurupandu.
4.	**Papan Tanda dan Interpretasi**	▪ Mempunyai ≥ 1 papan tanda arah/ papan maklumat. ▪ Log pergerakan pengunjung diperlukan.	▪ Papan tanda arah, amaran dan maklumat biodiversiti. ▪ Log pergerakan pengunjung diperlukan.	▪ Papan tanda arah, amaran dan maklumat biodiversiti. ▪ Sistem interpretasi digital/ kod QR.

Bil.	Komponen	Tapak Asas (< 3,000 kaki²)	Tapak *Standard* (> 3,000 kaki²)	Tapak *Premium*
5.	**Sistem Elektrik/ Air**	▪ Menggalakkan penggunaan solar mudah alih dan sistem pengumpulan air hujan (SPAH).	▪ Pembekalan utiliti daripada pembekal perkhidmatan asas. ▪ Sumber tenaga solar (tenaga boleh diperbaharui) dan SPAH digalakkan.	▪ Pembekalan utiliti daripada pembekal perkhidmatan diwajibkan. ▪ Penggunaan tenaga boleh diperbaharui (solar, SPAH) digalakkan.
6.	**Tempat Letak Kereta**	▪ Minimum 3 tempat parkir kereta/ motosikal.	▪ Minimum 10 tempat parkir kereta/motosikal. ▪ Menyediakan 1 tempat parkir van/ bas bagi tapak bersaiz besar.	▪ Minimum 15 tempat parkir kereta/ motosikal. ▪ Minimum satu (1) tempat parkir van/ bas bagi tapak bersaiz besar.

Sumber: PPPNS (2025).

C. Pematuhan Minimum Operasi

Pematuhan minimum operasi bergantung kepada perkara berkaitan pendaftaran dan pelesenan, tenaga kerja/ pemandu, kapasiti pengunjung, prosedur keselamatan dan aktiviti utama seperti yang diperincikan dalam **Jadual 3.20**.

Jadual 3.20: Pematuhan Minimum Operasi Tapak Pelancongan Alam Semula Jadi/ Tapak Perkhemahan

Bil.	Komponen	Tapak Asas (< 3,000 kaki²)	Tapak *Standard* (> 3,000 kaki²)	Tapak *Premium*
1.	**Pendaftaran dan pelesenan**	▪ Mendaftar dengan PBT untuk menyertai program pemutihan. ▪ Permohonan lesen perniagaan untuk beroperasi daripada PBT.	▪ Mendaftar dengan PBT untuk menyertai program pemutihan. ▪ Mengemukakan permohonan lesen perniagaan untuk beroperasi daripada PBT.	▪ Mendaftar dengan PBT untuk menyertai program pemutihan. ▪ Mengemukakan permohonan lesen perniagaan untuk beroperasi daripada PBT.
2.	**Tenaga kerja/ pemandu**	▪ Mempunyai ≥ 1 penyelia/ penjaga tapak.	▪ 1 pengurus dan 1 staf operasi setiap syif.	▪ Pengurus bertauliah dan staf hospitaliti.
3.	**Kapasiti pengunjung**	▪ Maksimum 30 orang pengunjung/ masa.	▪ Maksimum 100 orang pengunjung/ masa.	▪ Berdasarkan kajian LAC/ reka bentuk tapak.
4.	**Prosedur keselamatan**	▪ Alat pemadam api dan papan tanda arah kecemasan.	▪ Latihan keselamatan asas.	▪ SOP keselamatan lengkap dan insurans liabiliti awam.
5.	**Aktiviti utama**	▪ Lawatan semula jadi, pendidikan dan fotografi.	▪ Lawatan berpandu, aktiviti air ringan, pendidikan dan interpretasi.	▪ *Glamping*, pendidikan dan interpretasi.

Sumber: PPPNS (2025).

D. Pematuhan Minimum Undang-undang Berkaitan

Sesebuah tapak pelancongan alam semula jadi perlu mematuhi beberapa perkara penting di dalam proses pemutihan merangkumi aspek status pemilikan tanah, kebenaran guna tanah, lesen perniagaan/ operasi, permit agensi dan insurans seperti di **Jadual 3.21**.

Jadual 3.21: Pematuhan Minimum Undang-undang Berkaitan Pelancongan Alam Semula Jadi/ Tapak Perkhemahan

Bil.	Komponen	Tapak Asas (< 3,000 kaki²)	Tapak *Standard* (> 3,000 kaki²)	Tapak *Premium*
1.	**Status pemilikan tanah**	▪ Milikan individu/ keluarga/ syarikat dengan pengesahan bertulis. ▪ Rezab kerajaan dengan permit TOL - jika berada di rezab sungai/ hutan (JPS/ LUAS/ JPNS).	▪ Milikan individu/ keluarga/ syarikat dengan pengesahan bertulis. ▪ Rezab kerajaan dengan permit TOL - jika berada di rezab sungai/ hutan (JPS/ LUAS/ JPNS).	▪ Milikan individu/ keluarga/ syarikat dengan pengesahan bertulis. ▪ Rezab kerajaan dengan permit TOL - jika berada di rezab sungai/ hutan (JPS/ LUAS/ JPNS). ▪ Pelan susun atur dan KM.
2.	**Kebenaran guna tanah**	▪ Surat sokongan PDT/ PBT. ▪ Surat sokongan/ kebenaran bertulis daripada Pegawai Pengawal Tanah Rezab.	▪ Surat sokongan PDT/ PBT. ▪ Surat sokongan/ kebenaran bertulis daripada Pegawai Pengawal Tanah Rezab.	▪ KM lengkap dan lulus pelan bangunan.
3.	**Lesen perniagaan/ operasi**	▪ Lesen sementara (PBT).	▪ Lesen sementara (PBT) sementara memperoleh lesen operasi penuh	▪ Lesen operasi penuh
4.	**Insurans**	▪ Disyorkan	▪ Disyorkan	▪ Wajib


Sumber: PPPNS (2025).



Hutan Simpan Bukit Melawati (sebelum ini dikenali sebagai Taman Alam Kuala Selangor), Kuala Selangor

Sumber: https://mnsnaturebits.wordpress.com/

Rajah 3.16: Proses Pemutihan Tapak Pelancongan Alam Semula Jadi




Sumber: PPPNS (2025).

3.4 Pemantauan dan Penilaian

Pemantauan tapak pelancongan alam semula jadi berasaskan pemantauan kendiri oleh pengurus tapak/ operator/ pemilik tapak pelancongan manakala PBT, PDT, JPNS dan agensi teknikal melaksanakan penguatkuasaan berdasarkan fungsi dan peranan masing-masing. Pemantauan dan semakan berkala perlu dilaksanakan melalui audit alam sekitar serta penilaian pematuhan terhadap SOP pelancongan mampan secara konsisten bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan panduan ini di lapangan.

Kerangka pengurusan tugas, iaitu **RACI** (*Responsible*, *Accountable*, *Consulted* dan *Informed*) dicadangkan. Menerusi matriks RACI, **peranan setiap pihak berkepentingan dapat dikenal pasti secara sistematik, mengurangkan pertindihan tanggungjawab dan memastikan pelaksanaan kawalan aktiviti berisiko dapat dijalankan dengan lebih teratur dan berkesan**. Matriks RACI terdiri daripada:

Responsible **(R)**	:	Agensi/ individu yang melaksanakan kawalan di lapangan
Accountable **(A)**	:	Agensi utama yang bertanggungjawab penuh dalam memastikan kawalan terlaksana
Consulted **(C)**	:	Pihak yang perlu dirujuk untuk kepakaran teknikal/ pandangan
Informed **(I)**	:	Pihak yang perlu dimaklumkan hasil kawalan (pihak berkepentingan dan komuniti).



Taman Eko Rimba Sungai Tua (Ulu Yam)

Sumber: https://www.facebook.com/photo?fbid=572337947 1038569&set=pcb.5635206396571275

Jadual 3.22: Perincian Pemantauan Aktiviti Berisiko Mengikut Subkategori Pelancongan Alam Semula Jadi

Bil.	Subkategori dan Aktiviti Berisiko	*Responsible* (R)	*Accountable* (A)	*Consulted* (C)	*Informed* (I)
1.	**Pelancongan Eko** Larangan unggun api, ATV dan struktur kekal.	Pengurus/ operator/ pemilik tapak pelancongan	PBT (rondaan dan lesen), JPNS	JBPM Selangor, NGO alam sekitar	Pengunjung, Komuniti setempat
2.	**Pelancongan Hidupan Liar** Larangan memberi makan, memburu dan gangguan habitat.	Pengurus/ operator/ pemilik tapak pelancongan	PERHILITAN	NGO hidupan liar, Akademik	Pengunjung, Komuniti setempat

Bil.	Subkategori dan Aktiviti Berisiko	*Responsible* (R)	*Accountable* (A)	*Consulted* (C)	*Informed* (I)
3.	**Pelancongan Marin dan Pesisir Pantai** Larangan memijak karang, pencemaran laut dan kawalan bot.	Pengurus/ operator/ pemilik tapak pelancongan	DOF Selangor, JLM Wilayah Tengah, APMM	PBT, JAS, NGO marin	Pengunjung dan Kampung nelayan
4.	**Geo Pelancongan** Larangan memecahkan batu, vandalisme dan pencahayaan gua	Pengurus/ operator/ pemilik tapak pelancongan	PBT, JMG Selangor	Badan Pengurusan Gombak-Hulu Langat (GHLGp) Negeri Selangor, Pakar Akademik seperti LESTARI, UKM	Pengunjung dan Komuniti sekitar tapak geologi
5.	**Rekreasi Alam** Kawalan bilangan pengunjung dan penggunaan tapak perkhemahan	Pengurus/ operator/ pemilik tapak pelancongan	PBT, Tourism Selangor Sdn. Bhd.	JPNS, Komuniti tempatan	Pengunjung umum
6.	**Pengembaraan** Kawalan pendakian berisiko, mendaki tebing batu dan berkayak	Pengurus/ operator/ pemilik tapak pelancongan	Operator pelancongan berlesen	Pemandu pelancong, NGO alam semula jadi	Peserta/ Pengunjung

Sumber: PPPNS (2025).



Air Terjun Pisang, Gombak (kiri) dan Air Terjun Sungai Tekala, Semenyih (kanan)

Sumber: https://www.traveloka.com/ms-my/explore/destination/air-terjun-yang-popular-di-selangor-acc/288988



Air Terjun Chiling, Kuala Kubu Bharu (kiri) dan Air Terjun Kemensah, Hulu Klang (kanan)

Sumber: https://www.traveloka.com/ms-my/explore/destination/air-terjun-yang-popular-di-selangor-acc/288988

Bagi melaksanakan panduan ini, satu (1) senarai tindakan disediakan untuk menyemak pencapaian pelaksanaan panduan. Mekanisme pemantauan merangkumi Laporan Pelan Pengurusan Destinasi (turut merangkumi laporan pemantauan tahunan serta laporan maklum balas komuniti dan pelancong/ pengunjung). Laporan tahunan ini akan menjadi asas kepada semakan menyeluruh yang boleh dilaksanakan setiap tiga (3) hingga lima (5) tahun.

Jadual 3.23: Tindakan Pelaksanaan dan Agensi Bertanggungjawab

Bil.	Komponen Utama	Tindakan Pelaksanaan	Pihak/ Agensi Pemantauan	Indikator Pemantauan (KPI)
1.	**Penentuan zon kawasan sensitif**	Mengenal pasti dan mewartakan zon perlindungan, zon aktiviti ringan dan zon rekreasi terkawal	▪ Pengurus/ pemilik/ operator tapak ▪ PBT ▪ PDT ▪ JPNS	▪ Pelan Pengurusan Destinasi siap disediakan oleh pengurus/ pemilik/ operator tapak
2.	**Daya tampung (*carrying capacity*) pengunjung**	Menyediakan kajian kapasiti/ daya tampung pengunjung bagi lokasi tumpuan	▪ Pengurus/ pemilik/ operator tapak ▪ PBT ▪ PDT ▪ JPNS	▪ Had maksimum pengunjung ditetap dan dipatuhi. ▪ LAC dipatuhi
3.	**Kemudahan rendah impak**	Membina/ menaik taraf denai laluan, tandas kompos, papan interpretasi mesra alam	▪ Pengurus/ pemilik/ operator tapak ▪ PBT ▪ PDT ▪ JPNS	▪ 80% tapak utama (zon peralihan) ada kemudahan mesra alam
4.	**Kawalan aktiviti berisiko**	Mewujudkan SOP dan larangan aktiviti berisiko	▪ Pengurus/ pemilik/ operator tapak ▪ PBT ▪ PDT ▪ JPNS	▪ SOP dan papan tanda larangan aktiviti berisiko dipasang.
5.	**Pembangunan komuniti**	Menyediakan latihan komuniti untuk menjadi pemandu pelancong, inap desa/ dusun dan pemandu pemerhatian burung/ merentas denai hutan.	▪ Pengurus/ pemilik/ operator tapak ▪ PBT ▪ PDT ▪ JPNS ▪ NGO	▪ Minimum 20 orang daripada kalangan komuniti tempatan dilatih (disesuaikan berdasarkan keluasan tapak dan aktiviti).
6.	**Pemantauan dan audit tahunan**	Menyediakan audit tahunan impak alam sekitar dan kepatuhan SOP, laporan terbuka.	▪ Pengurus/ pemilik/ operator tapak ▪ PBT ▪ PDT ▪ JPNS	▪ Laporan audit tahunan diterbitkan dalam Laporan Pengurusan Destinasi dan Tindakan susulan dibuat.

Sumber: PPPNS (2025).



4

PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN WARISAN DAN BUDAYA

4.1	Pengenalan
4.2	Komponen Panduan
4.3	Panduan Pelaksanaan
4.4	Pemantauan dan Penilaian
4.5	Panduan Penyediaan Pemetaan Budaya



SK Convent, Klang

Sumber: PPPNS (2025)

BAB 4
PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN WARISAN DAN BUDAYA

4.1 Pendahuluan

Negeri Selangor mempunyai kepelbagaian aset warisan dan budaya yang signifikan dan ia merupakan asas kepada pembangunan produk pelancongan warisan dan budaya di negeri ini. Komponen utama bagi aset warisan di Negeri Selangor adalah seperti berikut:



Jadual 4.1: Komponen Utama Aset Warisan

Bil.	Komponen	Contoh Aset
1.	**Tapak Warisan Ketara**	Istana lama, masjid bersejarah, rumah tradisi, monumen kolonial dan tapak arkeologi.
2.	**Warisan Tidak Ketara**	Seni persembahan tradisional, seni ukiran, adat resam, ritual, permainan rakyat, masakan tradisional, bahasa, kepercayaan dan perayaan masyarakat pelbagai etnik, termasuk masyarakat orang asli.
3.	**Warisan Landskap Budaya Semula Jadi**	Sungai, bukit, kampung tradisi dan kawasan pesisir pantai yang dikaitkan dengan sejarah, mitos atau identiti komuniti setempat.
4.	**Kemudahan dan Acara Warisan dan Budaya**	Muzium, galeri, pusat kraf dan kawasan pementasan/ pengelolaan acara warisan dan budaya termasuk studio, bengkel seni dan lain-lain

Sumber: PPPNS (2025)



Persembahan tarian tradisional (contoh: tarian moyang Mah Meri)

Sumber: Selangor.travels



Rumah tradisi atau kampung Melayu bersejarah, Sekinchan Sabak Bernam

Sumber: Selangor.travels

Pelancongan warisan dan budaya menjadi tarikan utama kerana ia menawarkan pengalaman yang autentik kepada pelawat, memperkayakan pengetahuan, serta menghubungkan mereka dengan identiti tempatan. Permintaan terhadap produk pelancongan ini semakin meningkat, khususnya daripada pelancong domestik, pelajar, pencinta sejarah, serta pelancong antarabangsa yang berminat dengan budaya tempatan.

Seiring dengan peningkatan tersebut, pelaksanaan pelancongan warisan dan budaya memerlukan kawalan dan pengurusan yang sistematik bertujuan mengelakkan eksploitasi berlebihan, kehilangan nilai asli dan komersialisasi yang boleh menjejaskan integriti warisan. Pada masa yang sama, pengurusan yang baik dapat memastikan aset warisan dipelihara, komuniti tempatan menerima manfaat ekonomi yang adil, serta pelancong dapat memperoleh pengalaman yang bermakna. **Rajah 4.1 sehingga Rajah 4.10** adalah senarai dan lokasi produk Pelancongan Warisan dan Budaya di Negeri Selangor.

Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong

Rajah 4.1:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN WARISAN DAN BUDAYA NEGERI SELANGOR

Daerah Petaling
P1 Taman Warisan Melayu
P2 Kompleks Seni Islam Antarabangsa Selangor
P3 Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
P4 Galeri Shah Alam
P5 Muzium Sultan Alam Shah
P6 Teater Shah Alam
P7 Muzium Petaling Jaya
P8 Wat Chetawan PJ (Tokong Buddha)
P9 Kampung Orang Asli Sg Rasau Batu 14 Puchong
P10 Pasar Borneo Seri Kembangan
P11 Muzium Warisan Melayu UPM Seri Kembangan

Daerah Klang
K1 Gelanggang Gasing Pangkah Tradisional
K2 Bukit Raja
K3 Jambatan Kota
K4 Kota Raja Mahadi*
K5 Gedung Raja Abdullah*
K6 Seri Nagara Thandayuthapani Temple
K7 Masjid India Muslim Tengku Kelana
K8 Jalan Tengku Kelana
K9 Royal Klang Town Heritage Walk
K10 Bangunan Sultan Suleiman*
K11 Stesen Keretapi KTMB Klang
K12 Kelab Diraja Klang
K13 Sekolah Convent*
K14 Istana Alam Shah
K15 Masjid Diraja Sultan Suleiman*
K16 Church of Our Lady of Lourdes
K17 Klang Kwan Imm Temple
K18 Balai Bomba dan Penyelamat Pelabuhan Klang

Daerah Sepang
S1 Masjid Raja Haji Fisabilillah, Cyberjaya
S2 Taman Warisan Lombong Bijih Timah Negara
S3 Perkampungan Orang Asli Kelingsing
S4 Muzium Automobil Nasional
S5 Tokong Tan Tian Kong
S6 Kuil Sri Athisayavinayagar

Daerah Gombak
G1 Pekan Warisan Batu Arang
G2 Pusat Kusta Negara
G3 Batu Caves
G4 Muzium Orang Asli Gombak
G5 Taman Melawati

Daerah Sabak Bernam
B1 Muzium Pertanian dan Perikanan Sabak Bernam
B2 Masjid Lama Panchang Bedena
B3 Makanan eksotik
B4 Galeri Padi

Daerah Kuala Langat
L1 Istana Hatter
L2 Kampung Warisan Mah Meri
L3 Tapak Jeti Pengkalan Batu Hampar
L4 Penjara Lama Jugra*
L5 Muzium Insitu Jugra
L6 Setor Peluru*
L7 Rumah Api Bukit Jugra
L8 Makam Diraja Jugra
L9 Sekolah Kebangsaan Bandar
L10 Masjid Diraja Sultan Alaeddin*
L11 Istana Bandar*
L12 Dong Zen Institute of Buddhist Studies
L13 Kacang Tumbuk Heritaste
L14 Pejabat Daerah Lama Kuala Langat*
L15 Rumah Dato' Haji Sidek
L16 Tugu Peringatan Pendaratan Askar-askar India

Daerah Hulu Selangor
H1 Ibu Empangan Sungai Tengi*
H2 Masjid Syeikh Ismail, Hulu Bernam
H3 Makam Syed Mashor, Kerling*
H4 Maktab Polis, KKB
H5 Masjid Ar-Rahimah, KKB
H6 Akademi Bomba, KKB
H7 Church St. Paul, KKB
H8 Bandar Warisan Kuala Kubu Bharu
H9 Coates Cinema, KKB
H10 Lorong Belakang Bandar KKB
H11 Kuarters Polis Jalan Dato Tabal
H12 Ibu Pejabat Trafik Hulu Selangor, KKB
H13 Dataran Warisan, KKB
H14 Menara Jam Peringatan King George VI
H15 Pejabat Daerah Tanah Hulu Selangor
H16 Masjid Lama Kg. Selisik
H17 Gurdwara KKB
H18 Kuil Sri Sithivinayagar, KKB
H19 Tokong Kuan Yik Kerk, KKB
H20 Masjid Warisan Al Hidayah, Ampang Pecah*
H21 Balai Bomba Lama (TIC), KKB
H22 Bukit Kutu
H23 Rumah Rehat Sri Berkat, Bukit Fraser


Daerah Kuala Selangor
R1 Muzium Ban Canal, Tg Karang
R2 Tanjung Karang
R3 Kilang Gula Lama, Sg Kajang, Tg Karang
R4 Kampung Sungai Kajang
R5 Masjid Al–Hidayah, Sg. Terap
R6 Kg Sungai Terap
R7 Kampung Permatang
R8 Masjid Rahmani, Kampung Permatang
R9 Kota Tanjong Keramat*
R10 Muzium Sejarah Kuala Selangor
R11 Bukit Malawati
R12 Makam Diraja, Bukit Malawati*
R13 Muzium Permainan Tradisional
R14 Tan Fu Gong Temple
R15 Laluan Seni Pekan Lama Kuala Selangor
R16 Masjid Raja Lumu
R17 Pekan Lama Kuala Selangor
R18 V.N Ramadass Pottery
R19 Kuil Sri Subramaniar Swamy*

Daerah Hulu Langat
T1 Galeri Hulu Parang
T2 Kolam Air Panas
T3 Kajang Dulu-Dulu
T4 Silambam
T5 Pusat Warisan Kajang
T6 Gamelan Semenyih
T7 Silat Sukma Rogo

Petunjuk
- Pelancongan Warisan dan Budaya
- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Nota (*)- Produk Warisan Yang Diwartakan JWN
Sumber: 1. PPPNS (2025)
2. Jabatan Warisan Negara (JWN)

Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong



Rajah 4.2:
TABURAN PRODUK PELANCONGAN WARISAN DAN BUDAYA DAERAH PETALING

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Warisan dan Budaya

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Lapangan Terbang

Pelan Kunci





Rajah 4.3:
TABURAN PRODUK PELANCONGAN WARISAN DAN BUDAYA DAERAH GOMBAK

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Warisan dan Budaya

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Lapangan Terbang

Pelan Kunci





Rajah 4.4:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN WARISAN DAN BUDAYA DAERAH KLANG

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Warisan dan Budaya

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci





Rajah 4.5:
TABURAN PRODUK PELANCONGAN WARISAN DAN BUDAYA DAERAH HULU LANGAT

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Warisan dan Budaya

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM

Pelan Kunci





Rajah 4.6:
TABURAN PRODUK PELANCONGAN WARISAN DAN BUDAYA DAERAH SEPANG

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Warisan dan Budaya

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Lapangan Terbang

Pelan Kunci





Rajah 4.7:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN WARISAN DAN BUDAYA DAERAH KUALA LANGAT

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Warisan dan Budaya

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci





Rajah 4.8:
TABURAN PRODUK PELANCONGAN WARISAN DAN BUDAYA DAERAH HULU SELANGOR

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Warisan dan Budaya

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM

Pelan Kunci





Rajah 4.9:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN WARISAN DAN BUDAYA DAERAH KUALA SELANGOR

Petunjuk:

Pelancongan

- Pelancongan Warisan dan Budaya

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci





Rajah 4.10:
TABURAN PRODUK PELANCONGAN WARISAN DAN BUDAYA DAERAH SABAK BERNAM

Petunjuk:

Pelancongan

- Pelancongan Warisan dan Budaya

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci



4.1.1 Definisi

Pelancongan Warisan dan Budaya

Pelancongan warisan dan budaya merupakan aktiviti pelancongan yang berasaskan aset sejarah, budaya, tradisi dan identiti tempatan yang diwarisi secara turun-temurun. Ia melibatkan pengalaman pelancong terhadap **warisan fizikal (*tangible*)** seperti bangunan bersejarah, tapak arkeologi, artifak, monumen dan landskap budaya, serta **warisan tidak ketara (*intangible*)** seperti bahasa, seni persembahan, adat resam, perayaan, makanan tradisional, kepercayaan dan amalan masyarakat setempat.

Pemetaan Budaya

Pemetaan budaya adalah proses sistematik untuk mengenal pasti, merekod dan menganalisis aset budaya komuniti. Proses ini merangkumi warisan fizikal, warisan tidak ketara serta aset alam semula jadi yang mempunyai nilai budaya. Melalui pemetaan budaya, aset-aset berharga ini dapat didokumentasikan dengan teratur dan dijadikan asas kepada pembangunan produk pelancongan warisan secara lebih bersepadu.

4.1.2 Subkategori Pelancongan Warisan dan Budaya

Berdasarkan definisi di atas, pelancongan warisan dan budaya boleh diteliti kepada **lima (5) subkategori** seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2: Subkategori Pelancongan Warisan dan Budaya

Bil.	Subkategori	Fokus	Ciri Utama	Contoh Aktiviti	Contoh Lokasi
1.	**Tapak Warisan Fizikal**	Pemeliharaan sejarah dan seni bina	Bangunan bersejarah, istana, rumah tradisi, monumen kolonial	Lawatan berpandu, fotografi seni bina, penceritaan sejarah	Istana Bandar (Kuala Langat), Kota Raja Mahadi (Klang), Rumah Tradisi Melayu (Sabak Bernam)
2.	**Warisan Tidak Ketara**	Penghayatan adat dan budaya	Seni persembahan, adat, makanan, cerita rakyat, warisan tradisi Masyarakat termasuk Orang Asli	Tarian tradisional, muzik gamelan, bengkel masakan, demonstrasi ukiran Mah Meri	Pulau Carey (Kuala Langat), Festival Kuda Kepang (Klang), Perayaan Loy Krathong (Hulu Selangor)

Bil.	Subkategori	Fokus	Ciri Utama	Contoh Aktiviti	Contoh Lokasi
3.	**Kampung Tradisi dan Landskap Budaya**	Gaya hidup komuniti tempatan	Identiti kampung, homestay budaya, aktiviti komuniti	Homestay, demonstrasi anyaman, permainan rakyat, jelajah budaya	Kampung Kuantan (Kuala Selangor), Kampung Sungai Sireh (Tanjung Karang), Kampung Batu Laut (Kuala Langat)
4.	**Muzium dan Galeri**	Pendidikan dan interpretasi warisan	Koleksi sejarah, pameran budaya, artifak dan manuskrip	Lawatan muzium, pameran interaktif, program pendidikan	Muzium Sultan Alam Shah (Shah Alam), Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz (Klang), Muzium In-Situ Jugra (Kuala Langat)
5.	**Festival dan Acara Budaya**	Menarik pelawat melalui acara berkala	Persembahan seni, pesta makanan, perayaan etnik dan keagamaan	Festival seni, pesta gastronomi, sambutan hari moyang	Festival Gamelan (Kuala Selangor), Pesta Loy Krathong (Hulu Selangor), Hari Moyang Mah Meri (Pulau Carey)

Sumber: PPPNS (2025).

4.1.3 Objektif Panduan

Objektif Panduan Pelaksanaan Pelancongan Warisan dan Budaya boleh diteliti kepada beberapa aspek seperti berikut:

1 **Mendokumentasi Identiti dan Nilai Budaya**
Mengenal pasti, merekod dan mengekalkan aset warisan fizikal, adat istiadat, seni, cerita rakyat, makanan tradisional dan landskap budaya yang mencerminkan keunikan sesuatu tempat.

2 **Menyokong Perancangan dan Pembangunan**
Memastikan sebarang pembangunan pelancongan atau bandar tidak menghapuskan, meminggirkan atau menjejaskan identiti budaya dan warisan setempat.

3 **Meningkatkan Penglibatan Komuniti**
Memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk berkongsi cerita, sejarah, seni dan tradisi mereka agar menjadi sebahagian daripada pengalaman pelawat.

4 **Mewujudkan Sumber informasi dan Interpretasi Warisan Serta Promosi untuk Memperkenalkan Warisan dan Budaya Negeri Selangor**
Menghasilkan peta budaya dan naratif warisan sebagai sumber informasi, interpretasi serta promosi untuk memperkenalkan destinasi warisan budaya Selangor.

4.1.4 Skop Panduan

Skop panduan pelaksanaan ini merangkumi **empat (4) subkategori** yang mana setiap subkategori ini boleh dihayati secara lebih baik apabila ia dipamer dan dirasai oleh pengunjung secara bersama untuk menjadikan produk tersebut menjadi lebih lengkap dan autentik.

01	Tapak Warisan Ketara	03	Warisan Landskap Budaya Semula Jadi
02	Warisan Tidak Ketara	04	Kemudahan dan Acara Warisan dan Budaya

Misalnya, jika acara warisan dan budaya diadakan di dalam persekitaran kampung tradisi (warisan landskap budaya semula jadi) dengan menambah makanan tradisi (warisan tidak ketara) sebagai elemen tarikan sokongan, ia akan menjadi satu (1) tarikan pelancongan warisan budaya yang berkualiti berbanding dengan acara sama yang ditawarkan di dalam kawasan stadium atau di dalam bangunan *amphitheater* moden di tengah bandar.



SMK Convent, Klang antara bangunan di Negeri Selangor yang diwartakan sebagai bangunan warisan
Sumber: Sosial Media SMK Convent, Klang

A. Tapak Warisan Ketara

Tapak warisan ketara adalah sesuatu yang kekal, dilihat dan dipegang sama ada statik atau mudah alih. Ia boleh dikategorikan kepada keadaan statik dan mudah alih, yang mana tapak statik merujuk kepada tapak tanah bersejarah, monumen, bangunan atau sesuatu yang tidak boleh dipindahkan. Manakala bagi warisan ketara mudah alih seperti artifak-artifak bahan budaya, ia boleh dipindahkan.

Tapak dan bangunan bersejarah yang mempunyai nilai seni bina, sejarah atau identiti tempatan, dijadikan sebagai sebuah destinasi pelancongan yang berasaskan pemuliharaan seni bina, lawatan interpretasi, dan pendidikan sejarah. Contoh warisan ketara adalah seperti di **Jadual 4.3.**

Jadual 4.3: Contoh Tapak Tanah Bersejarah / Warisan Ketara di Negeri Selangor.

Bil.	Nama Tapak	Lokasi / Daerah	Keterangan dan Status
1.	**Masjid Alaeddin (Masjid Bandar Jugra)**	Jugra, Kuala Langat	Masjid ini telah diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Negara.
2.	**Istana Bandar (Jugra)**	Kuala Langat	Istana ini merupakan kediaman Diraja lama dan mempunyai nilai sejarah dalam sejarah pemerintahan Diraja Selangor. Ini termasuk kubu lama, Rumah Api Altingsburg, makam Diraja, meriam. Rumah api bersejarah menjadi mercu tanda navigasi dan tinggalan kolonial.
3.	**Bukit Malawati**	Kuala Selangor	Bukit Malawati mempunyai pelbagai tinggalan sejarah seperti kubu lama, rumah api, meriam dan makam diraja.
4.	**Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz**	Klang	Bangunan yang memaparkan artifak dan sejarah Klang / Negeri Selangor.
5.	**Former Chartered Bank (bangunan kolonial lama)**	Klang	Sebagai salah satu bangunan lama yang menunjukkan aktiviti ekonomi semasa era kolonial.
6.	**Kelab Diraja Klang**	Klang	Bangunan bersejarah yang menjadi tempat aktiviti sosial era lampau.
7.	**Istana Alam Shah**	Klang	Kediaman rasmi Sultan dahulu di Klang, mempunyai latar sejarah di dalam institusi Diraja Selangor.
8.	**Sekolah Convent Klang**	Klang	Institusi pendidikan lama dengan nilai sejarah dalam pendidikan semasa zaman awal.
9.	**Masjid Diraja Sultan Suleiman**	Klang	Masjid lama yang mempunyai nilai seni bina warisan dan peranan keagamaan masyarakat Klang / Negeri Selangor.
10.	**Tugu Keris (Kris Monument)**	Klang	Monumen moden tetapi mempunyai nilai warisan simbolik dan peringatan kenegaraan / negeri.

Sumber: PADAT dan PPPNS (2025).

B. Warisan Tidak Ketara

Panduan berkaitan warisan tidak ketara merangkumi panduan berkenaan pemakaian elemen budaya dan tradisi masyarakat yang diwarisi turun-temurun dan terus diamalkan sebagai tarikan pelancongan, seperti seni persembahan, adat dan upacara, bahasa, cerita rakyat dan permainan tradisional serta masakan tradisional (**Jadual 4.4**).

- Ia merujuk kepada amalan, perwakilan, ekspresi, pengetahuan, kemahiran serta instrumen, objek, artifak dan ruang budaya yang diiktiraf oleh komuniti, kumpulan atau individu sebagai sebahagian daripada warisan budaya mereka. Ia merangkumi tradisi lisan, seni persembahan, adat istiadat, amalan sosial, ritual, perayaan, pengetahuan tradisional mengenai alam semula jadi, serta kemahiran pertukangan tradisional.
- Warisan tidak ketara bersifat hidup, dinamik, dan diwarisi dari generasi ke generasi. Ia sentiasa ditafsir semula oleh komuniti mengikut persekitaran, interaksi dengan alam sekitar, serta sejarah mereka, sekali gus memberikan rasa identiti dan kesinambungan budaya.

Jadual 4.4: Contoh Warisan Tidak Ketara dan Makanan Tradisi di Negeri Selangor

Bil.	Daerah	Warisan Tidak Ketara	Makanan Tradisi
1.	**Kuala Selangor**	**Wayang Kulit Jawa**	Kuih Bakar Kemboja, Kuih Bugis Mandi, Cendol, Mentarang, Kuih Kacau Labu, Sambal Taun Kulit Lembu, Burasak, Ayam Masak Lengkuas, Ikan keli Masak Kencur.
2.	**Klang**	**Tarian Singa dan Naga (Masyarakat Cina)**	Burasak dan Ayam Masak Lengkuas, Lontong, Ubi Getuk, Rojak Klang, Coto Makassar, Tosei, Nasi Daun Pisang, Nasi Beriyani
3.	**Sepang**	**Permainan Gasing Uri**	Ayam Engkong, Ayam Masak Ungkep, Sambal Goreng, Buah Naga
4.	**Kuala Langat**	**Budaya dan Ritual Mah Meri**	Koci, Lemper, Pecal, Tumtuman, Ketiwol, Kuih Kacau Labu
5.	**Hulu Langat**	**Dikir Barat**	Rendang Minang, Sambal Berlado, Gulai Lemak Cili Api, Sate Kajang
6.	**Hulu Selangor**	**Kuda Kepang Jawa**	Tat Bengkulu, Bebotak Ikan Bengkudu, Ocong-ocong, Loh Mee, Bebokol
7.	**Petaling**	**Boria**	Kuih Koleh Kacang, Kuih Bugis Mandi, Kuih Kemboja, Pecal, Nasi Lemak
8.	**Sabak Bernam**	**Tarian Rodat**	Punten dan Sambal Ijo, Sambal Taun Kulit Lembu, Wadei Kepeng, Kalakatar, Balung Hayam, Iwak Wadik, Mandai, Sesangan Ikan Puyu/ Sepat, Gangan Waloh Humput Nyior, Tapai Pulut Hijau
9.	**Gombak**	**Silat Seni Gayong**	Lemang Daun Lerek, Rendang, Gulai Itik, Dendang Berlado, Kuih Bika, Ubi Kayu @ Keladi Rebus dan Sambal Tumis

Sumber: Jabatan Warisan Negara (Julai 2025).

C. Warisan Landskap Budaya Semula jadi

Warisan landskap budaya semula jadi adalah kawasan perkampungan tradisional, kawasan pertanian dan pantai semula jadi serta kawasan beridentiti budaya yang masih mengekalkan gaya hidup serta warisan setempat, dan dijadikan destinasi pelancongan berasaskan tarikan *Homestay*, inap desa, demonstrasi kraftangan, permainan rakyat dan pengalaman hidup komuniti seperti menangkap ikan di laut dan menanam padi. Antara landskap warisan semula jadi di Negeri Selangor adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5: Contoh Landskap Warisan Semula Jadi di Negeri Selangor

Bil.	Daerah	Landskap Warisan Semula Jadi	Penerangan Ringkas
1.	**Kuala Selangor**	**Bukit Melawati dan Kelip-Kelip Kampung Kuantan**	Bukit bersejarah dengan peninggalan lama, kawasan berhampiran Sungai Selangor terkenal dengan fenomena kelip-kelip.
2.	**Klang**	**Pulau Ketam**	Perkampungan nelayan atas air dengan landskap hutan paya bakau semula jadi.
3.	**Sepang**	**Pantai Bagan Lalang**	Pantai rekreasi popular dengan kawasan paya bakau dan laut cetek.
4.	**Kuala Langat**	**Hutan Paya Gambut Kuala Langat**	Hutan simpanan paya gambut yang unik dan penting untuk biodiversiti.
5.	**Hulu Langat**	**Air Terjun Sungai Tekala dan Gunung Nuang**	Kawasan hutan rekreasi dengan air terjun, Gunung Nuang merupakan puncak tertinggi di Negeri Selangor.
6.	**Hulu Selangor**	**Air Terjun Sungai Chiling dan Bukit Fraser**	Sungai Chiling terkenal dengan habitat ikan kelah; Bukit Fraser kawasan peranginan tanah tinggi bersejarah.
7.	**Petaling**	**Hutan Simpan Kota Damansara**	Hutan simpan bandar dengan kepelbagaian flora fauna, penting sebagai '*green lung*'.
8.	**Sabak Bernam**	**Sungai Bernam dan Sawah Padi Sekinchan**	Sungai Bernam menjadi sempadan negeri, Sekinchan terkenal dengan landskap sawah padi yang luas.
9.	**Gombak**	**Batu Caves dan Bukit Tabur (*Quartz Ridge*)**	Batu Caves formasi batu kapur ikonik, Bukit Tabur ialah rabung kuarza terpanjang di dunia.

Sumber: PPPNS (2025).



Sawah Padi, Sekinchan
Sumber: Selangor. Travel

D. Kemudahan dan Acara Warisan dan Budaya

Kemudahan warisan dan budaya merangkumi beberapa perkara berikut:

a) Institusi yang berfungsi sebagai pusat dokumentasi dan pameran budaya serta sejarah, serta dijadikan destinasi pelancongan berasaskan pameran tetap dan interaktif aktiviti pendidikan, dan program budaya tahunan.
b) Acara yang dianjurkan secara berkala untuk meraikan kepelbagaian budaya dan warisan tempatan, serta dijadikan tarikan pelancongan berasaskan persembahan seni, pesta makanan tradisional, dan perayaan masyarakat pelbagai etnik (**Jadual 4.6**).

Jadual 4.6: Contoh Kemudahan dan Acara Warisan dan Budaya Negeri Selangor

Bil.	Contoh Kemudahan	Penerangan Ringkas	Acara Tahunan
1.	**Muzium Sultan Alam Shah (Shah Alam)**	Muzium utama negeri menempatkan koleksi sejarah, budaya dan warisan Selangor.	Program Pameran Tahunan dan Festival Muzium Negeri.
2.	**Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz (Klang)**	Galeri berkaitan sejarah Kesultanan Selangor dan artifak Diraja.	Sambutan Hari Keputeraan Sultan Selangor (November/Disember).
3.	**Kompleks Kraf Kuala Selangor**	Pusat demonstrasi dan jualan hasil kraf tempatan termasuk batik, anyaman, dan ukiran.	Festival Kraf dan Seni Rakyat Kuala Selangor.
4.	**Panggung Seni @ PBT (contoh: Shah Alam/Klang)**	Ruang persembahan teater, tarian tradisional dan muzik budaya.	Pertandingan Boria, Zapin dan Dikir Barat peringkat negeri.
5.	**Kampung Budaya Mah Meri, Pulau Carey**	Tapak interpretasi komuniti Mah Meri dengan tarian topeng dan ritual.	Hari Moyang (perayaan keagamaan Mah Meri pada Mac/April).
6.	**Rumah Warisan Melayu (seperti Rumah Bugis, Rumah Kutai)**	Rumah tradisional dipulihara sebagai pusat pameran dan aktiviti budaya.	Hari Terbuka Warisan Melayu dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri.
7.	**Thaipusam di Batu Caves (Gombak)**	Acara keagamaan Hindu, tarikan pelancong antarabangsa.	Sambutan Thaipusam (Januari/Februari).
8.	**Pesta Kuih Bulan (Klang dan Petaling)**	Perayaan masyarakat Cina meraikan bulan penuh.	Pertengahan Bulan 8 (Kalendar Lunar Cina).
9.	**Pesta Loy Krathong (Komuniti Siam di Kuala Langat)**	Perayaan tradisi Siam dengan pelita di sungai/tasik.	November setiap tahun.
10	**Festival Kesenian dan Kebudayaan Selangor**	Gabungan tarian, muzik, silat dan pameran kraf di pelbagai daerah.	Sekitar Ogos–September.
11.	**Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha (di Kampung Warisan/ Komuniti)**	Rumah terbuka, kompang, zapin dan ghazal.	Mengikut tarikh Islam (Syawal dan Zulhijjah).

Sumber: PPPNS (2025).

4.1.5 Prinsip Panduan

Pelaksanaan aktiviti pelancongan yang berdaya tahan memerlukan garis panduan yang jelas. Justeru, sebanyak empat (4) prinsip utama telah ditetapkan sebagai asas dalam merancang dan melaksanakan pembangunan pelancongan warisan dan budaya seperti berikut:

Rajah 4.11 : Prinsip Panduan Kategori Warisan dan Budaya

1. Pemeliharaan Keunikan/ Keaslian Warisan

Setiap aktiviti pelancongan perlu mengekalkan keaslian warisan fizikal dan tidak ketara, termasuk bangunan bersejarah, adat, seni persembahan, makanan tradisi dan landskap budaya. Pembangunan dan promosi tidak boleh mengubah atau mengurangkan nilai asal yang diwarisi turun-temurun.

2. Penghayatan dan Pendidikan Budaya

Produk pelancongan warisan dan budaya mesti memberi ruang kepada pelawat untuk memahami, menghargai dan belajar tentang sejarah, adat, seni serta tradisi masyarakat setempat. Interpretasi perlu disampaikan secara sahih, beretika dan peka terhadap sensitiviti budaya.

3. Manfaat Kepada Komuniti Tempatan

Komuniti setempat mesti menjadi penggerak utama dalam pelaksanaan pelancongan warisan dan budaya. Penglibatan mereka perlu menjana peluang ekonomi, meningkatkan taraf hidup, serta mengukuhkan identiti budaya dan rasa bangga terhadap warisan sendiri.

4. Kawalan Pembangunan dan Aktiviti

Sebarang pembangunan infrastruktur atau penganjuran aktiviti pelancongan perlu dikawal supaya tidak menjejaskan nilai sejarah, keaslian budaya, serta integriti tapak warisan. Aktiviti berimpak tinggi yang boleh mengganggu kesejahteraan komuniti atau merosakkan aset warisan tidak dibenarkan.

Sumber: PPPNS (2025).

4.2 Komponen Panduan

4.2.1 Panduan Menjadikan Tapak Warisan Ketara (*Tangible Heritage*) Sebagai Produk Pelancongan

Semua aset warisan fizikal dan tidak ketara mesti dikenal pasti, didaftarkan dan didokumentasi secara rasmi sebagai asas kepada pembangunan produk pelancongan. Untuk membangunkan produk pelancongan budaya di tapak warisan, antara perkara yang perlu dikenal pasti adalah sama ada bangunan/ tapak warisan tersebut telah atau belum diwartakan. Ini adalah kerana terdapat beberapa implikasi yang berbeza di antara keduanya seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7 : Pengenalpastian Status Pewartaan dan Implikasi Sebagai Produk Pelancongan

Bil.	Jenis	Tapak Warisan Yang Sudah Diwartakan	Tapak Warisan Yang Belum Diwartakan tetapi Dicadang Sebagai Kawasan Pelancongan
1.	**Rujukan**	Tapak yang telah melalui proses rasmi di bawah **Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]** atau melalui pewartaan kerajaan negeri (misalnya, warta Jabatan Warisan Negara (JWN) atau Jabatan Muzium Negeri)	Kategori ini merujuk kepada bangunan lama, tapak sejarah atau kawasan bernilai budaya yang masih **belum diiktiraf secara rasmi** tetapi mempunyai potensi tinggi untuk dimajukan sebagai produk pelancongan
2.	**Contoh**	▪ Masjid Alaeddin, Jugra (Warta Warisan Negara 2008). ▪ Istana Bandar Jugra. ▪ Bukit Malawati, Kuala Selangor ▪ Bangunan bersejarah di Bandar Klang Lama	▪ Rumah kedai kolonial lama di Bandar Lama Klang, Kuala Kubu Bharu atau Kuala Selangor. ▪ Tapak perkuburan lama, rumah tradisional kampung, atau kawasan tinggalan industri (contoh lombong bijih timah)
3.	**Implikasi**	▪ Perlindungan undang-undang jelas iaitu sebarang ubah suai atau pembangunan memerlukan kelulusan Jabatan Warisan Negara ▪ Boleh terus dijadikan produk pelancongan dengan garis panduan ketat, misalnya melalui konservasi adaptif (*adaptive reuse*) atau interpretasi sejarah ▪ Pemasaran pelancongan lebih mudah kerana sudah ada pengiktirafan rasmi	▪ Tiada perlindungan undang-undang khusus yang mana pemilik boleh meroboh atau mengubah suai jika tiada status warisan ▪ Jika ingin dijadikan produk pelancongan, perlu melalui dua (2) proses serentak: - **Inventori dan dokumentasi** – daftarkan tapak dalam senarai inventori negeri/ PBT dengan maklumat asas (lokasi, sejarah, nilai seni bina) - **Cadangan pembangunan pelancongan** – melalui PBT dan agensi pelancongan negeri (contoh: Tourism Selangor) dengan menekankan aspek pemuliharaan, bukan sekadar komersialisasi
4.	**Tindakan**	Tapak sudah diwartakan boleh terus dimajukan sebagai pelancongan dengan kelulusan JWN dan PADAT menggunakan garis panduan pemuliharaan	Tapak belum diwartakan perlu dimasukkan ke dalam inventori warisan negeri, kemudian dibangunkan sebagai produk pelancongan dengan kawalan (pemuliharaan asas) dan dalam masa sama dicadangkan untuk pewartaan rasmi bagi perlindungan jangka panjang

Sumber: PPPNS (2025).

4.2.2 Panduan Pewartaan Tapak Warisan

Untuk memastikan tapak berpotensi ini dapat dijadikan kawasan pelancongan tanpa menjejaskan nilai warisan, proses bagi pewartaan tapak warisan boleh dijalankan seperti di **Rajah 4.12**.

Rajah 4.12 : Proses Pewartaan Tapak Warisan

Saringan Awal
Lakukan kajian nilai sejarah, seni bina, identiti budaya. Tentukan sama ada ia layak untuk cadangan pewartaan

⇩

Kolaborasi Awal
Libatkan Jabatan Warisan Negara, PBT, UPEN dan komuniti tempatan

⇩

Pemuliharaan Minimum:
Walaupun belum diwartakan, pemuliharaan perlu mengekalkan ciri asas warisan

⇩

Pelan Interpretasi
Sertakan papan maklumat, pusat interpretasi, atau aktiviti lawatan berpandu untuk memberi nilai tambah kepada pelancong

⇩

Cadangan Pewartaan Berperingkat
Jika tapak semakin diiktiraf, usulkan ia untuk pewartaan rasmi supaya perlindungan undang-undang dapat diberi pada masa hadapan, dengan persetujuan pemilik

Sumber: PPPNS (2025).



Istana Bandar, Jugra, Kuala Langat
Sumber: PPPNS (2025)

4.2.3 Penyepaduan Warisan Ketara dan Tidak Ketara Produk Pelancongan Warisan dan Budaya

Penyepaduan antara elemen warisan ketara dan tidak ketara akan mewujudkan tapak warisan yang bukan hanya mempamerkan monumen statik, tetapi juga mempamerkan kesinambungan sejarah dan budaya masyarakat. Penyepaduan warisan ketara (fizikal seperti bangunan, tapak) dengan warisan tidak ketara (amalan, pengetahuan, persembahan) adalah penting untuk memahami dan memelihara nilai penuh sesuatu tapak budaya di mana warisan tidak ketara memberi "jiwa" dan makna kepada struktur ketara, manakala warisan ketara menjadi “medium saluran” fizikal untuk amalan tidak ketara mewujudkan pengalaman budaya yang menyeluruh seperti tarian tradisi di dalam bangunan bersejarah menjadikannya lebih bermakna dan relevan kepada generasi pada masa kini.

Antara kepentingan penyepaduan warisan ketara dan tidak ketara adalah:

i. Memberikan pengalaman yang lebih mendalam berbanding hanya melihat bangunan kosong.
ii. Memelihara nilai warisan budaya dan memastikan warisan tidak ketara terus diwarisi.
iii. Menjadikan tapak warisan lebih menarik untuk pelancongan budaya dan ekonomi setempat.

Contoh penyepaduan warisan ketara dan tidak ketara adalah:

i. **Bangunan Bersejarah dan Tarian Tradisional:** Sebuah rumah tradisional (ketara) yang menjadi lokasi persembahan tarian zapin (tidak ketara) oleh komuniti, menghubungkan seni bina dengan amalan budaya.
ii. **Tapak Warisan dan Kraf Tangan:** Bengkel kraftangan (tidak ketara) yang masih beroperasi di dalam bangunan warisan (ketara) mempamerkan kemahiran yang diwarisi turun-temurun.
iii. **Taman dan Cerita Rakyat:** Pemandu pelancong menceritakan legenda dan cerita rakyat (tidak ketara) semasa lawatan di sekitar tapak arkeologi (ketara) menghidupkan sejarah.

Jadual 4.8: Proses Penyepaduan Antara Warisan Ketara dan Tidak Ketara Bagi Produk Pelancongan Warisan dan Budaya

Bil.	Proses	Perincian
1.	**Dokumentasi dan Pemetaan**	▪ Mengenal pasti tapak warisan ketara (contoh: istana lama, masjid bersejarah, rumah kolonial) dan kaitkan dengan amalan budaya tidak ketara setempat (contoh: adat diraja, seni telepuk, muzik tradisional, makanan istana). ▪ Mewujudkan inventori bersama komuniti supaya hubungan antara tapak fizikal dengan tradisi budaya dapat didokumentasikan.
2.	**Reka Bentuk Interpretasi**	▪ Menyediakan naratif atau penceritaan (*storytelling*) yang menghubungkan sejarah bangunan dengan tradisi hidup. Menggunakan kaedah interpretasi pelbagai media – papan maklumat, pameran interaktif, audio-visual, aplikasi digital yang menghidupkan suasana budaya.
3.	**Pengaktifan Tapak melalui Aktiviti Budaya**	▪ Menjadikan tapak warisan ketara sebagai pentas persembahan atau demonstrasi warisan tidak ketara, seperti tarian tradisional, muzik gamelan, atau ritual perayaan. ▪ Menggalakkan demonstrasi langsung oleh penggiat tempatan, misalnya pertukangan telepuk di Istana Bandar atau persembahan muzik di Galeri Diraja.

Bil.	Proses	Perincian
4.	**Penglibatan Komuniti**	▪ Melibatkan komuniti tempatan sebagai pemandu pelancong budaya, penggiat seni, atau penyedia makanan warisan. ▪ Mewujudkan program latihan dan insentif untuk memastikan komuniti menerima manfaat ekonomi sambil mengekalkan tradisi mereka.
5.	**Pakej Produk Pelancongan**	▪ Membentuk pakej lawatan yang menggabungkan lawatan tapak ketara dengan pengalaman budaya tidak ketara, contohnya: ○ Lawatan Istana Bandar + demonstrasi telepuk + jamuan makanan tradisional diraja. ○ Ziarah Bukit Malawati + kisah lisan sejarah perang + persembahan seni silat. ○ Sediakan variasi pakej untuk segmen pelawat berbeza (pelajar, pelancong umum, pengkaji).
10.	**Pengurusan dan Kelestarian**	▪ Menetapkan garis panduan bagi penggunaan tapak supaya aktiviti budaya tidak menjejaskan integriti fizikal warisan ketara. ▪ Memastikan warisan tidak ketara dikekalkan dalam bentuk autentik, bukan sekadar hiburan, dengan mengutamakan penglibatan penggiat sebenar. ▪ Melaksanakan pemantauan berkala terhadap keberkesanan integrasi ini dari segi pelestarian budaya dan kepuasan pelawat.

Jadual 4.9: Contoh Penyepaduan Warisan Ketara dan Tidak Ketara di Negeri Selangor

Bil.	Warisan Ketara	Warisan Tidak Ketara	Penyepaduan Warisan Ketara dan Tidak Ketara		
			Naratif	Produk Pelancongan	Nilai Tambah
1.	**Istana Bandar, Jugra**	**Seni Telepuk**	Istana Bandar, Jugra bukan sahaja berperanan sebagai mercu seni bina Diraja Selangor, tetapi juga berperanan dalam memperkenalkan seni tekstil tradisional Telepuk yang sinonim dengan busana Diraja.	Lawatan berpandu ke Istana Bandar diikuti dengan bengkel ringkas demonstrasi seni Telepuk (hiasan emas pada kain). Pelancong boleh mencuba teknik asas dan membawa pulang hasil kecil sebagai cenderamata.	Menghidupkan semula tradisi istana sambil memberi peluang ekonomi kepada penggiat seni tempatan.
2.	**Bukit Malawati, Kuala Selangor**	**Kisah Lisan dan Seni Silat**	Bukit Malawati ialah kubu pertahanan penting ketika peperangan menentang Belanda dan Bugis. Banyak kisah lisan berkaitan strategi, kepahlawanan, dan kejatuhan kubu boleh dikongsikan.	Lawatan sejarah ke Kubu Lama dan Rumah Api disertakan dengan persembahan silat tradisional serta sesi penceritaan kisah perang (*storytelling*) oleh komuniti tempatan.	Menghubungkan pelawat secara emosi dengan sejarah perjuangan sambil mengekalkan seni silat.

4.2.4 Penambahan Kemudahan Sokongan Pelancongan

Penambahan kemudahan sokongan di bangunan atau tapak warisan adalah penting untuk meningkatkan keselesaan, keselamatan, dan pengalaman pelawat yang tidak menjejaskan integriti, keaslian, dan nilai sejarah warisan tersebut. Penambahan kemudahan sokongan di tapak warisan mesti dilihat sebagai peningkatan fungsi tanpa mengabaikan nilai asal warisan. **Setiap intervensi moden harus halus, sesuai, dan boleh dipulihkan** supaya warisan terus kekal autentik serta mesra pelawat.

Jadual 4.10: Prinsip Umum Penambahan Kemudahan Sokongan Pelancongan

Keseimbangan Antara Pemeliharaan dan Fungsi Moden	Reka Bentuk Serasi	Mudah Dipisahkan/ Dikembalikan Kepada Keadaan Asal	Pemeliharaan Integriti
Sebarang kemudahan baharu perlu menyokong keperluan pelawat tanpa mengubah ciri asal bangunan atau tapak	Bahan, warna, dan bentuk kemudahan baharu perlu harmoni dengan seni bina dan persekitaran warisan	Kemudahan sokongan hendaklah mudah dipisahkan atau dipindahkan tanpa merosakkan struktur asal	Mengelakkan pemasangan yang mengubah struktur utama atau elemen autentik warisan

Pelaksanaan penambahan kemudahan sokongan melibatkan empat (4) peringkat seperti berikut:

Rajah 4.13 : Peringkat Pelaksanaan Penambahan Kemudahan Sokongan Pelancongan

Kajian Awal
Menjalankan Penilaian Impak Warisan (*Heritage Impact Assessment*, HIA) sebelum menambah kemudahan

⇩

Reka Bentuk
Reka bentuk perlu diluluskan oleh pihak berkuasa warisan (contohnya Jabatan Warisan Negara)

⇩

Pelaksanaan
Melantik kontraktor berpengalaman dalam pemuliharaan warisan

⇩

Pemantauan dan Penyelenggaraan
Menyelenggara kemudahan sokongan secara berkala supaya tidak menjejaskan struktur dan fungsi asal tapak warisan

Sebarang pembangunan, pemuliharaan atau penambahbaikan **mesti mengikut piawaian konservasi yang ditetapkan oleh JWN atau badan antarabangsa** (contoh: ICOMOS, UNESCO) bagi menjamin keaslian tapak warisan. Panduan penambahan mengikut jenis kemudahan sokongan adalah seperti **Jadual 4.11** berikut:

Jadual 4.11 : Panduan Umum Penambahan Kemudahan Sokongan Pelancongan

Kemudahan	Panduan
Tandas Awam	▪ Dibina di kawasan luar atau berhampiran tapak, bukan dalam struktur utama bersejarah ▪ Reka bentuk yang ringkas dan menggunakan bahan moden serta warna dan skala yang menepati persekitaran ▪ Dilengkapi sistem kumbahan yang mesra alam dan tidak mencemari tapak
Tempat Parkir	▪ Disediakan di kawasan pinggir tapak, dengan jarak yang tidak mengganggu pandangan visual bangunan warisan ▪ Menggunakan reka bentuk landskap (pokok teduhan, pagar hijau) untuk mengurangkan kesan visual ▪ Mengutamakan ruang untuk bas pelancong, kenderaan OKU dan laluan kecemasan
Laluan Keluar Masuk	▪ Laluan perlu jelas, mesra pengguna dan mesra OKU (*ramp*, laluan rata) ▪ Menggunakan bahan yang serasi dengan persekitaran (contoh: batu semula jadi atau kayu yang harmoni dengan bangunan lama) ▪ Memastikan laluan tidak menutupi atau merosakkan struktur asal
Pencahayaan	▪ Menggunakan pencahayaan lembut, tidak menyilaukan dan sesuai untuk menonjolkan ciri seni bina ▪ Mengelakkan pemasangan lampu secara terus pada struktur asal (contoh: mengebor dinding lama) ▪ Memilih sistem pencahayaan cekap tenaga (LED, solar)
Sistem Keselamatan	▪ Memasang CCTV, penggera kebakaran dan sistem kawalan akses dengan kemasan yang minimum supaya tidak ketara ▪ Memastikan alat keselamatan boleh dipisahkan tanpa menjejaskan struktur asal ▪ Menyediakan papan tanda laluan kecemasan dan kawasan berkumpul yang jelas



Langat Bandar Warisan Batu Arang

Sumber: www.mps.gov.my

4.2.5 Pengelasan Zon Pengurusan Tapak Warisan

Untuk perancangan tapak warisan dan persekitaran, teori pengelasan zon pengurusan yang dirujuk adalah UNESCO *Man and the Biosphere Programme* (MAB). Konsep ini diguna pakai bagi melindungi nilai warisan teras dan mengawal impak pelancongan dengan menumpukan aktiviti pelancongan warisan di zon yang bersesuaian serta mengagihkan beban pelancong secara spatial untuk mengelakkan isu pencemaran dan kemusnahan fizikal tapak warisan.

Cadangan konsep pengurusan bangunan warisan dan persekitaran berdasarkan tiga (3) zon, iaitu zon teras, zon penampan dan zon peralihan seperti diperincikan berikut.

Rajah 4.14: Pengelasan Zon Pengurusan Tapak Warisan



a) Zon Teras (*Core Zone*)

Zon Teras merujuk kepada tapak teras atau inti pemeliharaan yang mempunyai nilai warisan tertinggi dan unik dalam konteks sejarah, warisan dan budaya. Zon ini merupakan bahagian yang paling sensitif dan perlu dijaga serta dipelihara dengan ketat untuk menjamin keaslian dan integriti elemen warisan budaya berkaitan tanpa gangguan. Fungsi zon perancangan ini adalah untuk melindungi nilai warisan penting secara spatial, menjamin elemen warisan tidak dirosakkan oleh aktiviti manusia atau pembangunan fizikal, dan seterusnya menyediakan kawasan untuk penyelidikan saintifik, dokumentasi dan pembelajaran sebagai aktiviti utama bagi pelancongan warisan dan budaya. Untuk tujuan pengurusan, aktiviti dalam zon teras perlu dikawal dan ditetapkan seperti berikut:

- Aktiviti dibenarkan:
  - ✓ pengekalan dan pemeliharaan bangunan warisan
  - ✓ lawatan berpandu berjadual dengan kawalan jumlah pelancong
  - ✓ penyelidikan, pemantauan dan dokumentasi warisan sejarah
  - ✓ pendidikan formal (contoh, lawatan sekolah secara berjadual)

- Aktiviti tidak dibenarkan:
  - ✗ pembinaan komersial seperti kedai, hotel
  - ✗ aktiviti rekreasi secara bebas yang boleh merosakkan tapak
  - ✗ pengambilan artifak dalam zon teras

b) Zon Penampan (*Buffer Zone*)

Zon Penampan merupakan kawasan yang mengelilingi zon teras dan bertindak sebagai penapis aktiviti yang memberi tekanan kepada inti warisan pemeliharaan. Zon ini membenarkan aktiviti yang berimpak rendah dan menyokong pengalaman pelancongan warisan dan budaya secara terkawal.

Fungsi zon penampan adalah mewujudkan zon peralihan antara kawasan teras dan kawasan luar bagi mengurangkan impak negatif daripada aktiviti pelancongan kepada zon teras, di samping untuk menyediakan kemudahan sokongan pelancongan dalam konteks maklumat, interpretasi dan pendidikan pelancongan. Untuk tujuan pengurusan, aktiviti dalam zon penampan perlu dikawal dan ditetapkan seperti berikut:

Aktiviti dibenarkan:

- ✓ laluan pejalan kaki, laluan pelancongan berinformasi (*heritage walk*);
- ✓ elemen kecil yang tidak mengubah struktur asal seperti pusat interpretasi, papan tanda dan pendidikan warisan sejarah;
- ✓ aktiviti pelancongan terkawal (contoh, lawatan berstruktur ke FRIM); dan
- ✓ pameran kebudayaan, pameran warisan dan bengkel seni warisan.

Aktiviti tidak dibenarkan:

- ✗ aktiviti yang membawa kerosakan kepada zon teras (contoh, jejak *off-road*);
- ✗ penambahan struktur bangunan besar tanpa melaksanakan kajian impak warisan; dan
- ✗ aktiviti perniagaan secara besar-besaran yang tidak relevan dengan identiti warisan (contoh, pusat membeli-belah)

c) Zon Sokongan (*Outer Zone*)

Zon Sokongan merujuk kepada kawasan luar yang lebih fleksibel dan memberi ruang kepada aktiviti masyarakat dan ekonomi pelancongan bertaraf rendah secara mampan. Dalam zon ini, pelancong boleh berinteraksi dengan komuniti tempatan dan merasai serta menghayati budaya hidup warisan setempat. Fungsi zon sokongan adalah menyokong pembangunan ekonomi komuniti, serta menggalakkan pelancong untuk melibatkan diri dalam aktiviti budaya dan gaya hidup tempatan, di samping memperluas pengalaman warisan dan budaya ke sektor pelancongan berasaskan komuniti (CBT). Untuk tujuan pengurusan, aktiviti dalam zon sokongan perlu dikawal dan ditetapkan seperti berikut:

Aktiviti dibenarkan:

- ✓ *homestay* dan penginapan tradisional, inap desa;
- ✓ parkir, tandas awam, pasar seni, kraftangan dan produk tempatan;
- ✓ festival budaya dan program komuniti (contoh, Festival Makanan Warisan); dan
- ✓ sistem keselamatan dan landskap.

Aktiviti tidak dibenarkan:

- ✗ aktiviti industri besar yang merosakkan imej warisan dan budaya setempat;
- ✗ pembinaan hotel mewah tanpa menghormati tema warisan; dan
- ✗ aktiviti yang merosakkan identiti budaya setempat (contoh, konsep komersial luar konteks).

4.2.6 Zon Penampan Pembangunan Baharu Sekitar Tapak Pelancongan Warisan dan Budaya

Zon penampan merupakan kawasan peralihan atau ruang perlindungan yang diwujudkan di sekeliling tapak warisan bagi melindungi nilai sejarah, seni bina, budaya dan visual daripada kesan pembangunan baharu. Penetapan zon ini bertujuan untuk memastikan pembangunan moden di kawasan sekitar tidak menjejaskan integriti, pandangan, atau skala asal bangunan dan kawasan warisan yang diiktiraf.

Di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645], Seksyen 45(2) memperuntukkan bahawa sesuatu kawasan pemuliharaan boleh merangkumi zon penampan di sekeliling atau bersebelahan dengan mana-mana harta warisan bagi melindungi nilai pemuliharaan kawasan tersebut. Selain itu, Seksyen 47 akta tersebut juga melarang sebarang pembangunan di dalam atau berhampiran kawasan warisan tanpa kelulusan bertulis daripada Pesuruhjaya Warisan.

Walaupun akta ini tidak menetapkan jarak anjakan secara khusus dalam ukuran meter, ia memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Warisan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk menentukan jarak sebenar berdasarkan nilai, konteks dan sensitiviti tapak.

Panduan Pelaksanaan Pelancongan Warisan dan Budaya mencadangkan penentuan anjakan dan zon penampan disediakan berdasarkan kepada merit kes. Setiap penentuan zon penampan tersebut hendaklah mendapat ulasan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT), PLANMalaysia Selangor, Jabatan Warisan Negara (JWN) dan agensi-agensi teknikal berkaitan. Pelan Pengurusan Pemuliharaan (CMP) dan pelaksanaan *Heritage Impact Assessment* (HIA) adalah dokumen sokongan yang perlu disediakan untuk rujukan pihak PBT menyediakan ulasan sebelum Kebenaran Merancang (KM) diberikan.

Penetapan anjakan zon penampan yang bersesuaian boleh dilakukan dengan berdasarkan bahan-bahan kajian yang seumpama, selaras dengan Seksyen 45(2) dan Seksyen 47, Akta 645 yang membenarkan kawasan pemuliharaan termasuk zon penampan di sekeliling tapak warisan serta kawalan pembangunan bersebelahan dengannya. Cadangan ini juga dirumus berdasarkan amalan terbaik daripada Rancangan Kawasan Khas (George Town, Melaka, Ipoh, DBKL) dan Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan Kawasan dan Bangunan Warisan (PeWARIS), 2023 (PLANMalaysia). **Rujuk Lampiran 3.**

Jadual 4.12 menunjukkan perincian cadangan zon penampan atau anjakan pembangunan baharu di tapak pelancongan warisan dan budaya.

Jadual 4.12: Cadangan Zon Penampan atau Anjakan Pembangunan Baharu di Tapak Pelancongan Warisan dan Budaya

Bil.	Jenis Tapak / Elemen Warisan	Cadangan Zon Penampan / Anjakan Pembangunan Baharu
1.	**Bangunan Warisan Bertaraf Kebangsaan / Diwartakan Bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]**	▪ **Minimum 20 meter dari sempadan bangunan atau struktur warisan utama**. Penetapan sebenar **berdasarkan pelan pemuliharaan dan keputusan Pesuruhjaya Warisan** ▪ Jarak dari bangunan warisan yang belum diwartakan perlu mengambil kira tahap sensitiviti bangunan tersebut kepada gegaran persekitaran dan apa juga aktiviti yang boleh memberi kesan kepada kekuatan struktur bangunan warisan dan ditentukan oleh Pelan Pengurusan Pemuliharaan (CMP) serta syarat Kebenaran Merancang (KM)
2.	**Kawasan Warisan Bandar / Deretan Kedai Lama *(Urban Heritage Area*)**	▪ **6–10 meter dari sempadan bangunan warisan terdekat**. Reka bentuk dan ketinggian bangunan baharu perlu harmoni dengan skala, bahan dan bentuk asal
3.	**Tapak Warisan Alam / Landskap Semula Jadi**	▪ **30–50 meter dari sempadan ekosistem sensitif** seperti tebing sungai, gua batu kapur, hutan sekunder, atau kawasan biodiversiti tinggi
4.	**Kawasan Warisan Tidak Ketara (Kampung Tradisi, Tapak Upacara, Laluan Ritual dan Jejak Warisan)**	▪ Jarak **bergantung kepada konteks ruang sosial dan nilai komuniti**; ditentukan melalui perundingan bersama dengan komuniti tempatan dan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)

Sumber: PPPNS (2025).

4.2.7 Daya Tampung Pelawat

Penentuan daya tampung pelawat bagi tapak warisan merupakan mekanisme pengurusan yang menyeluruh dan menjamin kelestarian aset warisan, mengekalkan nilai sejarah dan budaya untuk generasi akan datang. Daya tampung pelawat merujuk kepada **had maksimum bilangan pelawat yang boleh diterima oleh sesuatu tapak dalam satu masa atau dalam tempoh tertentu tanpa menjejaskan integriti fizikal, nilai sejarah, dan pengalaman pelancong**. Dalam masa yang sama, ia juga dapat memberikan pengalaman lawatan yang berkualiti kepada pelancong.

Pihak pengurusan tapak warisan perlu memberi perhatian kepada **daya tampung fizikal** bagi mengelakkan kesan seperti kerosakan struktur, kesesakan kedatangan pelawat, gangguan terhadap suasana budaya mengakibatkan penurunan kualiti lawatan.

Jadual 4.13: Faktor Mengelakkan Kesan Negatif Terhadap Tapak Warisan

Kapasiti Fizikal Ruang	Ketahanan Struktur dan Bahan Binaan	Kemudahan Sokongan
Kapasiti seperti keluasan dewan, bilik pameran, laluan atau kawasan makam akan menentukan jumlah maksimum pelawat yang boleh berada di lokasi pada satu masa	Ketahanan struktur dan bahan binaan perlu dinilai kerana kebanyakan tapak warisan terdiri daripada bangunan lama atau artifak rapuh yang mudah rosak di bawah tekanan berlebihan	Kemudahan sokongan seperti tempat parkir, tandas, sistem pengudaraan dan laluan keluar masuk turut diambil kira untuk memastikan keselesaan dan keselamatan pelawat



Antara Warisan Daerah Hulu Langat

Sumber: Google Images

Aspek **pengurusan aktiviti** juga memainkan peranan penting seperti lawatan berpandu boleh dijadualkan secara berkumpulan kecil, dengan selang masa tertentu antara kumpulan bagi mengelakkan kesesakan. Had masa lawatan juga boleh ditetapkan untuk memastikan pelawat menikmati pengalaman yang seimbang tanpa memberi tekanan berlebihan kepada tapak. Di tapak yang melibatkan warisan tidak ketara seperti persembahan budaya atau upacara keagamaan, daya tampung perlu mengambil kira sensitiviti komuniti dan memastikan pelancong tidak mengganggu kelangsungan tradisi tersebut.

Penetapan daya tampung pelawat perlu disokong dengan **kajian teknikal dan pemantauan berterusan**. Data seperti bilangan pelawat harian, corak pergerakan di dalam tapak, serta tahap kerosakan bahan binaan perlu direkodkan. Kajian ini membolehkan penyesuaian dibuat dari semasa ke semasa, terutamanya apabila berlaku peningkatan jumlah pelawat atau perubahan keadaan tapak. Daya tampung pelawat (*carrying capacity*) menentukan bilangan maksimum pengunjung pada satu-satu masa untuk mengelakkan kesesakan dan kerosakan fizikal. Pemantauan berkala dalam bentuk pemeriksaan tapak, audit keselamatan, serta laporan tahunan tentang kesan pelancongan terhadap warisan budaya diperlukan dan sistem aduan dan penguatkuasaan disediakan dalam bentuk saluran rasmi.

4.2.8 Kawalan Aktiviti Pelancongan Warisan Ketara

Kawalan aktiviti pelancongan warisan ketara melibatkan tiga (3) aspek utama berikut:

Jadual 4.14: Perincian kawalan aktiviti terhadap pelancongan warisan ketara

Bil.	Kawalan	Perincian
1.	**Kawalan Fizikal dan Tapak**	▪ **Pemeliharaan struktur asal**: Sebarang pengubahsuaian bangunan, monumen atau tapak warisan perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Warisan Negara (JWN) ▪ **Zon penampan:** Menetapkan kawasan perlindungan *(buffer zone)* di sekitar tapak warisan bagi mengawal pembangunan baharu yang boleh menjejaskan nilai warisan. ▪ **Kemudahan sokongan terkawal:** Penyediaan tandas, pencahayaan, laluan masuk/keluar dan parkir mesti bersesuaian dengan piawaian pemuliharaan dan tidak mengganggu integriti tapak
2.	**Kawalan Aktiviti dan Program**	▪ **Jenis aktiviti dibenarkan:** Hanya aktiviti yang menyokong fungsi warisan budaya seperti lawatan berpandu, pameran, persembahan tradisi dan aktiviti pendidikan ▪ **Larangan aktiviti berisiko:** Aktiviti yang berpotensi merosakkan struktur atau imej budaya seperti vandalisme, pemasangan peralatan berat atau acara hiburan yang tidak bersesuaian ▪ **Pengurusan acara:** Festival dan program budaya perlu mematuhi garis panduan jumlah pelawat, penggunaan ruang, serta bunyi dan pencahayaan
3.	**Kawalan Sosial dan Budaya**	▪ **Penglibatan komuniti:** Aktiviti pelancongan perlu melibatkan komuniti tempatan sebagai penggiat utama, sama ada dalam bentuk penceritaan *(storytelling),* kraftangan atau demonstrasi budaya ▪ **Pematuhan nilai budaya:** Aktiviti pelancongan tidak boleh mengkomersialkan tradisi sehingga menghilangkan makna asalnya ▪ **Etika pelawat:** Garis panduan untuk pelawat merangkumi kod pakaian, penggunaan kamera, tingkah laku sopan di tapak ibadat dan larangan mengganggu penduduk setempat



Masjid Sultan Ala'eddin di Kuala Langat merupakan salah satu warisan ketara yang terdapat di Negeri Selangor
Sumber: PPPNS (2025).

4.2.9 Kawalan Aktiviti Pelancongan Warisan Tidak Ketara

Kawalan kepada aktiviti pelancongan warisan tidak ketara melibatkan lima (5) aspek berikut:

Jadual 4.15: Perincian kawalan aktiviti terhadap pelancongan warisan tidak ketara

Bil.	Perkara	Penerangan
4.	**Kawalan Dokumentasi dan Pengiktirafan**	▪ Warisan tidak ketara seperti adat, bahasa, seni persembahan atau kemahiran tradisi perlu didaftarkan, di dokumentasi dan diiktiraf secara rasmi. ▪ Pengiktirafan ini untuk melindungi hak pemilik asal
5.	**Kawalan Hak dan Pemilikan**	▪ Penggunaan elemen warisan tidak ketara hendaklah menghormati hak komuniti yang mewarisinya ▪ Sebarang bentuk penggunaan komersial, persembahan awam atau penceritaan perlu mendapat persetujuan pemilik tradisi supaya tidak berlaku eksploitasi atau kehilangan makna asal
6.	**Kawalan Adaptasi dan Komersialisasi**	▪ Aktiviti pelancongan boleh menggunakan warisan tidak ketara sebagai tarikan, tetapi adaptasi atau inovasi mestilah dilakukan dengan penuh hormat ▪ Tradisi dan amalan asal tidak boleh diputarbelitkan semata-mata untuk hiburan atau keuntungan sehingga mencemarkan nilai asalnya
7.	**Kawalan Penyertaan Komuniti**	▪ Komuniti tempatan mesti menjadi penggerak utama dalam aktiviti berkaitan warisan tidak ketara ▪ Perlu diberi peluang untuk memimpin persembahan, bengkel atau jualan produk budaya, agar manfaat ekonomi kembali kepada mereka, di samping menggalakkan pewarisan kepada generasi muda
8.	**Kawalan Etika dan Sensitiviti**	▪ Pelancong perlu dididik tentang kepentingan menghormati warisan tidak ketara. Etika dalam merakam, berkongsi atau mengambil bahagian dalam aktiviti budaya mesti dijelaskan dengan jelas supaya tiada tindakan yang dianggap tidak sopan, salah tafsir atau menyinggung perasaan masyarakat asal



Tarian Ritual Mah Meri merupakan salah satu jenis warisan tidak ketara yang terdapat di Negeri Selangor

Sumber: Selangor. Travel

4.2.10 Kawalan Keselamatan, Kesihatan Dan Pengurusan Pelawat

Kawalan keselamatan, kesihatan dan pengurusan pelawat perlu mematuhi 11 perkara berikut:

Jadual 4.16: Kawalan Keselamatan, Kesihatan dan Pengurusan Pelawat

Bil.	Perkara	Penerangan
1.	**Keselamatan Tapak dan Infrastruktur**	▪ Semua tapak warisan perlu dilengkapi dengan kemudahan keselamatan asas seperti pencahayaan mencukupi, laluan keluar masuk yang jelas, papan tanda arah dan sistem pemantauan (contohnya kamera atau rondaan). ▪ Bangunan atau struktur lama hendaklah diperiksa secara berkala bagi memastikan kestabilan dan keselamatan pelawat. ▪ Kawasan berisiko seperti runtuhan atau permukaan licin perlu ditandakan dengan jelas
2.	**Keselamatan Aktiviti Pelancongan**	▪ Aktiviti berkaitan pelancongan warisan budaya, sama ada lawatan, festival atau persembahan, perlu mempunyai pelan pengurusan risiko yang lengkap. ▪ Ini termasuk had bilangan pelawat mengikut daya tampung, penyediaan petugas keselamatan ketika acara besar serta larangan aktiviti yang boleh mengundang kemalangan seperti penggunaan mercun tanpa kawalan atau pementasan di kawasan sempit
3.	**Kesihatan Awam dan Kebersihan**	▪ Tapak pelancongan wajib mempunyai kemudahan asas kesihatan dan kebersihan seperti tandas awam yang bersih, tempat membasuh tangan dan sistem pembuangan sisa yang teratur ▪ Penyedia makanan dan minuman di kawasan tapak warisan perlu mematuhi piawaian keselamatan makanan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa kesihatan
4.	**Keselamatan Pelawat dan Etika**	▪ Pelawat perlu diberikan panduan keselamatan sebelum atau semasa lawatan, termasuk amaran tentang kawasan berbahaya, larangan menyentuh artifak dan etika berada di tapak ibadat ▪ Bagi warisan tidak ketara, pelancong juga perlu diingatkan agar tidak menyertai aktiviti budaya yang boleh menjejaskan kesihatan mereka tanpa pengawasan (contohnya upacara tradisi melibatkan api atau senjata)
5.	**Perancangan Aliran Pelawat**	▪ Pengurusan pelawat perlu memastikan aliran keluar masuk yang teratur supaya tidak berlaku kesesakan di tapak warisan ▪ Laluan khas untuk pejalan kaki, kawasan parkir yang mencukupi, serta sistem penandaan arah perlu disediakan bagi memudahkan pergerakan. ▪ Di kawasan sensitif, aliran pelawat boleh dihadkan melalui laluan berpagar, sistem giliran atau penggunaan tiket berjadual
6.	**Daya Tampung Pelawat**	▪ Bilangan pelawat di setiap tapak warisan hendaklah dihadkan mengikut kapasiti ruang dan keupayaan fizikal tapak tersebut ▪ Penetapan daya tampung ini penting bagi mengelakkan kerosakan struktur, mengekalkan suasana tenang, serta memastikan pengalaman pelawat lebih berkualiti
7.	**Pendidikan dan Kesedaran Pelawat**	▪ Sebelum atau semasa lawatan, pelawat perlu diberi taklimat mengenai kepentingan menjaga warisan, etika berada di tapak dan peraturan yang perlu dipatuhi. ▪ Papan tanda interpretasi, brosur atau panduan digital boleh digunakan sebagai rujukan kepada pelawat tentang nilai sejarah dan budaya sesuatu tapak

Bil.	Perkara	Penerangan
8.	**Sistem Kawalan Tiket dan Kemasukan**	▪ Untuk tapak berisiko tinggi atau popular, sistem tiket berjadual atau pra-tempahan boleh digunakan bagi mengawal bilangan pelawat ▪ Kawalan ini bukan sahaja membantu mengekalkan kelestarian tapak, tetapi juga meningkatkan keselesaan pengunjung
9.	**Pengalaman Pelawat dan Kemudahan Sokongan**	▪ Selain kawalan bilangan, pengurusan pelawat juga perlu menitikberatkan kualiti pengalaman mereka ▪ Kemudahan sokongan seperti pusat informasi, tandas, tempat rehat dan ruang pameran perlu disediakan dengan baik ▪ Latihan kepada pemandu pelancong tempatan juga penting bagi memastikan penyampaian maklumat yang tepat dan menarik
10.	**Kesiapsiagaan Kecemasan**	▪ Satu pelan kecemasan perlu diwujudkan, merangkumi laluan keluar, tempat berkumpul, serta peralatan kecemasan seperti alat pemadam api, kit pertolongan cemas dan ambulans sokongan semasa acara besar ▪ Latihan kecemasan juga wajar dijalankan secara berkala bersama petugas dan komuniti tempatan
11.	**Pemantauan dan Maklum Balas**	▪ Sistem pemantauan jumlah pelawat serta tingkah laku mereka perlu diwujudkan, sama ada melalui kaunter tiket, sistem digital atau pemerhatian langsung. Pelawat juga digalakkan memberi maklum balas melalui borang atau platform digital untuk membantu penambahbaikan berterusan

Sumber: PPPNS (2025).



Antara Warisan yang ada di Daerah Sabak Bernam

Sumber: Google Images

4.2.11 Intepretasi dan *Storytelling*

Interpretasi dan *storytelling* dalam warisan bermaksud satu kaedah memberi makna, mentafsir atau pemahaman terhadap sesuatu elemen pelancongan warisan dan budaya. Interpretasi adalah cara dan kaedah seseorang menjelaskan atau memahami sesuatu berdasarkan pengetahuan dan pengalaman dari perspektifnya. *Storytelling* ialah teknik menyampaikan kisah naratif atau pengalaman yang menarik tentang sesuatu warisan supaya terasa dekat dan terhubung secara emosi. Ianya melibatkan lima (5) perkara berikut:

Jadual 4.17: Perkara melibatkan Intepretasi dan *Storytelling*

Bil.	Perkara	Penerangan
1.	**Interpretasi dalam Warisan**	▪ Penyampaian maklumat mengenai tapak, artifak atau budaya tradisi kepada pelawat dalam bentuk yang mudah difahami dan menarik. ▪ Membantu pelawat menghargai makna, nilai dan mesej yang terkandung dalam warisan tersebut
2.	**Teknik Penyampaian Interpretasi**	▪ Interpretasi boleh dilakukan melalui pelbagai medium seperti papan tanda interaktif, peta berilustrasi, brosur, *audio guide*, aplikasi mudah alih atau pameran multimedia ▪ Teknik ini membolehkan pelawat memahami sejarah dan budaya dengan lebih mendalam serta sesuai dengan gaya pembelajaran yang berbeza
3.	***Storytelling* sebagai Alat Pengalaman**	▪ Kisah tokoh tempatan, legenda, adat atau pengalaman komuniti boleh dikongsi untuk menghubungkan pelawat secara emosional dengan sesuatu tapak atau tradisi
4.	**Penglibatan Komuniti dalam *Storytelling***	▪ Komuniti setempat *(local champion)* wajar dilibatkan sebagai pencerita ▪ Penyertaan mereka menjadikan penceritaan lebih autentik, di samping memberi peluang ekonomi melalui aktiviti pemandu pelancong, persembahan budaya atau bengkel
5.	**Interpretasi dan *Storytelling* yang Berkesan**	▪ Interpretasi dan *storytelling* yang dirancang dengan baik dapat meningkatkan pemahaman pelawat, memperkukuh penghargaan terhadap warisan, serta mendorong mereka untuk menghormati dan melindungi tapak atau tradisi yang dikunjungi ▪ Secara tidak langsung, ia juga menyumbang kepada promosi pelancongan yang lebih beretika dan mampan

Sumber: PPPNS (2025).

A. Konsep *Storytelling* dalam Pelancongan Warisan

a) Definisi dan Tujuan

Storytelling atau penceritaan ialah kaedah menyampaikan maklumat sejarah, budaya, atau tradisi dalam bentuk naratif yang menarik dan mudah difahami. Tujuannya adalah untuk menghubungkan pelawat secara emosi dengan sesuatu tapak atau tradisi, supaya pengalaman mereka bukan sekadar melihat tetapi juga merasai makna di sebaliknya.

b) Unsur Penting dalam *Storytelling*

- **Watak atau tokoh**: Penceritaan biasanya berpusat pada tokoh sejarah, legenda, atau individu tempatan.
- **Konflik atau cabaran**: Cerita menjadi lebih menarik apabila diselitkan peristiwa dramatik, perjuangan, atau perubahan zaman.
- **Nilai atau pengajaran**: Setiap kisah perlu membawa mesej atau nilai yang memberi makna kepada pelawat.
- **Emosi dan imaginasi**: Bahasa yang digunakan perlu mampu membangkitkan rasa ingin tahu, kekaguman, atau empati.

c) Kaedah Pelaksanaan *Storytelling*

- **Penceritaan langsung (*live storytelling*)**: Melibatkan pemandu pelancong, komuniti tempatan, atau pencerita tradisi yang berkongsi kisah secara lisan kepada pelawat.
- **Persembahan budaya**: Kisah disampaikan melalui tarian, muzik, teater jalanan, atau demonstrasi seni tradisi.
- **Media interpretasi**: Menggunakan papan tanda, brosur, audio guide, atau aplikasi digital untuk mempersembahkan naratif.
- **Teknologi interaktif**: Penggunaan realiti maya (VR), realiti tambahan (AR), atau hologram untuk menghidupkan kembali sejarah dan tradisi.

d) Penyertaan Komuniti dalam *Storytelling*

Komuniti tempatan perlu dilibatkan sebagai pencerita utama kerana mereka mempunyai pengalaman dan warisan lisan yang autentik. Mereka boleh dilatih untuk menyampaikan kisah dengan lebih terstruktur, tanpa menghilangkan keaslian gaya tradisi mereka.

e) Kesan *Storytelling* yang Berkesan

Storytelling yang baik mampu meningkatkan pengalaman pelawat, menjadikan lawatan lebih bermakna, serta mendorong mereka untuk menghormati dan melindungi warisan budaya. Ia juga menjadi medium promosi pelancongan yang lebih beretika kerana memberi tumpuan kepada makna, bukan hanya hiburan.

4.2.12 Penyertaan Komuniti Setempat dan Konsep *Living Museum*

Pembangunan komuniti setempat dalam pelancongan warisan dan budaya bukan sekadar memberi peluang pekerjaan tetapi juga meningkatkan daya tahan sosial, kesejahteraan ekonomi, serta pengekalan identiti budaya tempatan. Komuniti mesti menjadi pemegang taruh utama dalam aktiviti pelancongan warisan melalui peranan sebagai pencerita, pengusaha *homestay,* penggiat seni atau penyedia kraftangan supaya manfaat diagih secara adil.

Prinsip asas kepada penyertaan komuniti setempat dan konsep *living museum* adalah seperti:

a) Penglibatan Komuniti Tempatan

Komuniti tempatan perlu menjadi teras utama dalam pengurusan dan pelaksanaan aktiviti pelancongan warisan budaya. Mereka bukan sahaja sebagai penyumbang maklumat atau pencerita sejarah, tetapi juga sebagai pengusaha produk, fasilitator bengkel dan tenaga kerja utama dalam program pelancongan. Penyertaan aktif ini membolehkan manfaat ekonomi terus kembali kepada masyarakat setempat, di samping mengukuhkan rasa memiliki terhadap warisan mereka.

b) Pemeliharaan Identiti dan Tradisi

Aktiviti pelancongan mesti memastikan tradisi, adat dan seni warisan tempatan dipersembahkan secara asli tanpa diputarbelitkan demi keuntungan komersial semata-mata. Komuniti perlu diberi kuasa untuk menentukan bentuk persembahan atau adaptasi yang sesuai supaya makna asal dan nilai budaya tetap terpelihara.

c) Pendidikan dan Pewarisan Antara Generasi

Penyertaan komuniti dalam pelancongan warisan turut berperanan sebagai medium pendidikan kepada generasi muda. Melalui penyertaan dalam bengkel seni, persembahan atau program budaya, golongan muda dapat mempelajari dan meneruskan tradisi, menjadikan pelancongan sebagai platform pewarisan berterusan.

d) Konsep *Living Museum*

Living Museum merujuk kepada pendekatan di mana komuniti, tradisi dan cara hidup ditampilkan dalam bentuk “muzium hidup”. Pengunjung bukan sekadar melihat artifak tetapi dapat mengalami sendiri gaya hidup masyarakat tempatan melalui demonstrasi seni, pertunjukan budaya, makanan tradisional dan aktiviti harian komuniti.

e) Manfaat Konsep Living Museum

Konsep ini membolehkan pelancong merasai pengalaman autentik, sementara komuniti mendapat peluang menjana pendapatan secara berterusan tanpa memisahkan warisan daripada kehidupan harian mereka. *Living Museum* juga dapat menggalakkan pembangunan ekonomi berasaskan komuniti dan pada masa yang sama memperkukuh nilai sosial serta identiti tempatan.

Tiga (3) strategi utama dalam pelancongan warisan dan budaya untuk pembangunan komuniti setempat adalah seperti di **Jadual 4.18**.

Jadual 4.18: Strategi Penyertaan Setempat

Penyertaan Awal Dalam Perancangan	Peluang Pekerjaan dan Keusahawanan	Pembangunan Kapasiti dan Latihan
▪ Komuniti perlu dilibatkan dalam peringkat awal perancangan melalui pemetaan budaya, konsultasi, bengkel dan sesi *focus group discussion* (FGD) ▪ Pandangan mereka mesti diambil kira dalam reka bentuk produk pelancongan dan prosedur	▪ Galakkan komuniti menjadi pengendali inap desa, pemandu pelancong warisan budaya, pengusaha produk kraf / tempatan ▪ Sediakan insentif atau geran sokongan mikro untuk usahawan kecil tempatan	▪ Latihan dalam bidang hospitaliti, keselamatan pelancongan, interpretasi alam sekitar, serta pemasaran digital perlu diberikan ▪ Kerjasama antara PBT, MOTAC, NGO dan IPT boleh memperkukuh kemahiran komuniti



Antara Warisan yang ada di Daerah Sepang

Sumber: Selangor.travel

Perincian kawalan dan pemantauan seperti di **Jadual 4.13** berikut:

Jadual 4.19: Kawalan dan Pemantauan Pembangunan Komuniti

Kawalan Kualiti	Pemantauan Manfaat Sosio-Ekonomi	Pengurangan Konflik Sosial
▪ Produk atau perkhidmatan komuniti perlu mematuhi piawaian keselamatan, kebersihan dan standard pelancongan. ▪ PBT bersama agensi teknikal boleh menjalankan audit pematuhan secara berkala.	▪ Indikator seperti peningkatan pendapatan isi rumah, kadar penyertaan komuniti dalam pelancongan warisan budaya dan kepuasan pelawat perlu dipantau.	▪ Elakkan eksploitasi komuniti melalui aktiviti komersial yang hanya menguntungkan sebelah pihak. ▪ Pastikan faedah ekonomi diagih secara adil dalam kalangan ahli komuniti.

4.3 Panduan Pelaksanaan

4.3.1 Perundangan dan Pelesenan

Kawalan pembangunan pelancongan warisan dan budaya melibatkan bidang warisan, perancangan, pelesenan serta pemasaran dan promosi seperti di **Jadual 4.20**.

Jadual 4.20: Perundangan dan Pelesenan

Bil.	Perundangan	Perincian
1.	**Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]**	▪ Semua tapak dan bangunan yang telah diwartakan sebagai warisan kebangsaan, warisan negeri atau warisan tempatan hendaklah tertakluk kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] ▪ Akta ini memberikan perlindungan undang-undang terhadap tapak bersejarah, monumen dan artifak, termasuk larangan sebarang bentuk pengubahsuaian, pemindahan atau perobohan tanpa kelulusan Jabatan Warisan Negara ▪ Selain itu, ia juga menetapkan tatacara pemuliharaan dan pemulihan yang mesti dipatuhi oleh pemilik atau pengendali tapak
2.	**Enakmen PADAT No. 6 Tahun 1975 Negeri Selangor**	▪ Enakmen ini memperuntukkan penubuhan entiti negeri iaitu Lembaga Muzium Selangor dikenali sebagai Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) yang bertanggungjawab terhadap pengurusan muzium dan warisan negeri, serta diberi kuasa untuk mengumpul, memelihara, mempamer dan meneliti artifak dan koleksi sejarah ▪ Melalui enakmen ini, undang-undang negeri membuka ruang kawalan pelaksanaan warisan di peringkat negeri, termasuk penetapan prosedur pengumpulan, pameran dan peminjaman artifak, syarat penjagaan bahan warisan dan tanggungjawab entiti negeri untuk bekerjasama dengan kerajaan persekutuan dan pihak berkepentingan dalam usaha pemuliharaan
3.	**Kebenaran Merancang**	▪ Semua pengusaha atau penganjur aktiviti pelancongan warisan budaya diwajibkan untuk mendapatkan kebenaran merancang daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi sebarang pembangunan, pengubahsuaian atau penggunaan tanah yang berkaitan dengan tapak warisan
4.	**Lesen Operasi dan Permit Khas**	▪ Lesen operasi dan permit khas daripada agensi berkaitan seperti PBT, Jabatan Warisan Negara, Jabatan Muzium Malaysia atau Lembaga Pelancongan Negeri perlu diperoleh sebelum aktiviti pelancongan dilaksanakan ▪ Langkah ini memastikan setiap aktiviti adalah sah di sisi undang-undang, terkawal, dan tidak menjejaskan nilai warisan
5.	**Pemasaran dan Promosi**	▪ Segala bentuk iklan, promosi atau bahan pemasaran yang berkaitan dengan pelancongan warisan budaya hendaklah mematuhi garis panduan rasmi yang ditetapkan oleh PBT dan agensi pelancongan negeri ▪ Naratif yang digunakan mestilah tepat, tidak mengelirukan pelawat, serta menghormati sensitiviti budaya dan agama masyarakat setempat. Iklan atau promosi yang bersifat eksploitasi, stereotaip atau memutarbelitkan makna asal tradisi dan sejarah adalah dilarang sama sekali. Bahan promosi perlu menonjolkan nilai pendidikan, pemeliharaan dan pengalaman autentik sebagai teras utama pelancongan warisan budaya

4.3.2 Pembangunan Pelancongan Warisan dan Budaya

Bagi pembangunan pelancongan warisan dan budaya yang komprehensif, ia melibatkan permohonan proses perancangan tapak sehingga kelulusan aktiviti. Proses permohonan ini menerangkan proses kawalan perundangan dan pelesenan bagi aktiviti pelancongan warisan budaya bermula daripada semakan status tapak sehingga kelulusan aktiviti. Penerangan langkah demi langkah proses permohonan adalah seperti di **Rajah 4.15.**

Rajah 4.15: Proses Permohonan Penyediaan Produk Pelancongan Warisan dan Budaya

Perancangan Tapak
Pengenalpastian tapak untuk dibangunkan dan di promosi sebagai produk pelancongan warisan dan budaya

⇩

Pengenalpastian Status di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]
Pengesahan status pewartaan warisan dan budaya mematuhi syarat pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan, serta mendapat pengesahan Jabatan Warisan Negara

⇩

Permohonan Kebenaran Merancang
Cadangan pembangunan dan pengubahsuaian bangunan memerlukan kebenaran merancang daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan ia mematuhi peraturan pembangunan

⇩

Permohonan Lesen Operasi & Permit daripada Agensi Berkaitan
Pengusaha atau penganjur mesti mendapatkan lesen operasi daripada PBT serta permit khas daripada agensi lain seperti Jabatan Warisan Negara, Jabatan Muzium atau Lembaga Pelancongan Negeri

⇩

Kelulusan Iklan Promosi dan Pemasaran
Iklan promosi dan pemasaran mesti menggunakan naratif yang tepat, tidak mengelirukan serta menghormati sensitiviti budaya. Iklan tersebut hendaklah mematuhi syarat yang digariskan oleh PBT

⇩

Kelulusan dan Pelaksanaan
Setelah mendapat kelulusan aktiviti pelancongan warisan dan budaya boleh dilaksanakan

Sumber: PPPNS (2025).





Antara Warisan di Daerah Klang

4.3.3 Pemutihan Tapak Pelancongan Warisan dan Budaya Sedia Ada

Pemutihan tapak pelancongan warisan dan budaya sedia ada bertujuan untuk menyeragam dan mengesahkan operasi tapak pelancongan yang telah dibangunkan oleh pihak swasta tanpa kelulusan perancangan. Langkah ini tidak terpakai bagi tapak warisan ketara yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645], tetapi hanya terpakai kepada bangunan lama, tapak bernilai sejarah atau kawasan beridentiti budaya yang belum diwartakan, namun telah berfungsi sebagai produk pelancongan warisan dan budaya.

A. Pematuhan Minimum Tapak

- Tapak yang telah diusahakan sebagai galeri, muzium persendirian, penggunaan ruang (*adaptive reuse*) atau ruang pementasan warisan perlu disahkan oleh PBT bagi menentukan kesesuaian guna tanah dan zon perancangan.
- Sebarang aktiviti pelancongan mesti mengekalkan bentuk asal bangunan serta nilai warisan tanpa pengubahsuaian struktur utama.
- Tapak yang berhampiran bangunan bersejarah, masjid lama (rumah ibadat) atau penempatan tradisi hendaklah mempunyai anjakan pembangunan minimum 20 meter atau mengikut penilaian PBT bagi mengelakkan gangguan visual dan struktur.
- Sebarang elemen baharu seperti tandas, kafeteria atau ruang jualan hendaklah dibina dalam zon sokongan, bukan di dalam struktur asal.

B. Pematuhan Minimum Kemudahan Sokongan

- Penyediaan kemudahan sokongan seperti papan maklumat, pencahayaan, ruang parkir dan tandas perlu serasi dengan gaya warisan setempat dan tidak mengubah identiti asal tapak.
- Pengubahsuaian struktur kekal (bumbung tambahan, kafeteria, ruang pameran, atau dewan mini), operator/ pemilik perlu memohon:
  i. Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan (Pelan *as Built*) - untuk mengesahkan pelan bangunan yang telah siap dibina; dan
  ii. Kebenaran Merancang Perubahan Material Penggunaan Bangunan (Tempoh Terhad) atau Permit hendaklah mematuhi tempoh yang ditetapkan oleh PBT untuk penggunaan semula bangunan lama bagi tujuan pelancongan yang berbeza daripada penggunaan asal.
- Penyediaan laluan pelawat, akses OKU dan sistem keselamatan (pemadam api) perlu mematuhi keperluan reka bentuk sejagat (*universal design*) dan syarat PADAT/Jabatan Warisan Negara (jika berkaitan).
- Penggunaan bahan moden hanya dibenarkan pada elemen tidak berstruktur seperti lampu, lantai sementara atau panel pameran mudah alih.

C. Pematuhan Minimum Operasi


- Operator/ Pengusaha perlu mendapatkan lesen operasi tahunan daripada PBT serta berdaftar dengan Tourism Selangor bagi aktiviti komersial untuk sebarang aktiviti, pameran festival dan acara budaya.
- Operasi tapak hendaklah mematuhi prosedur keselamatan dan konservasi yang ditetapkan termasuk tatacara penyelenggaraan bangunan, had pelawat dan pengurusan acara.
- Sebarang acara berimpak tinggi seperti konsert atau pementasan besar tidak dibenarkan dalam bangunan lama tanpa kelulusan PBT dan PADAT.
- Pemilik digalakkan menyediakan insurans liabiliti awam dan melaksanakan audit konservasi tahunan bersama jururunding berkelayakan.

D. Pematuhan Undang-undang Berkaitan

- Tapak yang belum diwartakan tetapi digunakan untuk pelancongan hendaklah mematuhi:
  i. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] bagi permohonan KM Pendirian Bangunan (*As built* plan) dan KM Perubahan Material Penggunaan Bangunan (Tempoh Terhad);
  ii. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred dan Perindustrian bagi lesen aktiviti;
  iii. Enakmen Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) No. 6 Tahun 1975 bagi nasihat teknikal pemuliharaan.
- Tapak yang terlibat dengan jualan produk budaya, pementasan atau demonstrasi kraf hendaklah mendapat permit acara sementara daripada PBT, serta dipantau oleh PADAT dan JKKN.
- Sebarang penggunaan naratif warisan atau identiti budaya mesti mematuhi etika hak cipta dan kebenaran komuniti asal, terutamanya bagi warisan tidak ketara.

E. Proses Pemutihan Tapak Pelancongan Warisan dan Budaya

Rajah 4.16: Proses Pemutihan Tapak Pelancongan Warisan dan Budaya



Sumber: PPPNS (2025)

F. Prinsip Tambahan Pemutihan

- Proses pemutihan tidak bermaksud menggalakkan komersialisasi berlebihan, tetapi memberi ruang perundangan kepada inisiatif swasta yang menyumbang kepada pemuliharaan budaya dan ekonomi tempatan.
- Tapak yang telah melalui proses pemutihan hendaklah didaftarkan dalam Inventori Warisan Negeri Selangor sebagai tapak pelancongan dikawal.
- PADAT dan PBT hendaklah menyediakan inventori pemutihan tahunan bagi tujuan pemantauan dan pelaporan kepada UPEN Selangor dan STANCO Pelancongan.

4.4 Pemantauan dan Penilaian

Pemantauan dan semakan berkala perlu dilaksanakan melalui audit persekitaran warisan serta penilaian pematuhan terhadap SOP pelancongan warisan lestari secara konsisten, bagi memastikan keberkesanan panduan ini di lapangan. RACI merupakan satu (1) kerangka pengurusan tugas yang digunakan untuk menjelaskan dengan jelas siapa yang melaksanakan (*Responsible*), siapa yang memikul tanggungjawab utama (*Accountable*), siapa yang dirujuk bagi pandangan teknikal (*Consulted*) dan siapa yang perlu dimaklumkan (*Informed*).

Melalui penggunaan matriks RACI, peranan setiap pihak berkepentingan dapat dikenal pasti secara sistematik, sekali gus mengurangkan pertindihan tanggungjawab serta memastikan pelaksanaan kawalan terhadap aktiviti berisiko dapat dijalankan dengan lebih teratur dan berkesan.

- ***Responsible* (R) :** Agensi atau individu yang melaksanakan kawalan di lapangan.
- ***Accountable* (A) :** Agensi utama yang bertanggungjawab sepenuhnya memastikan kawalan dilaksanakan.
- ***Consulted* (C) :** Pihak yang dirujuk untuk mendapatkan kepakaran teknikal atau pandangan.
- ***Informed* (I) :** Pihak yang perlu dimaklumkan tentang hasil kawalan, termasuk pihak berkepentingan dan masyarakat.

Jadual 4.21: Perincian Pemantauan Aktiviti Berisiko Mengikut Subkategori Pelancongan Warisan dan Budaya

Bil.	Subkategori dan Aktiviti Berisiko	*Responsible* (R)	*Accountable* (A)	*Consulted* (C)	*Informed* (I)
1.	**Tapak Warisan Bersejarah** – larangan ubah suai, merosakkan struktur, vandalisme	PBT, PADAT, JWN	PADAT / Kerajaan Negeri (UPEN)	JWN, PLANMalaysia Selangor, NGO warisan	Pelawat, Komuniti setempat
2.	**Bangunan Warisan** – larangan ubah suai tanpa kebenaran, pemeliharaan salah guna	PBT, PADAT, JWN	PADAT / Kerajaan Negeri / PBT	Arkitek konservasi, Persatuan Sejarah, Akademik	Pemilik premis, Komuniti setempat
3.	**Warisan Tak Ketara** – larangan komersialisasi berlebihan, gangguan sensitiviti budaya	JKKN, PADAT, JWN	PADAT / JKKN / Kerajaan Negeri	Persatuan Budaya, Akademik, NGO	Komuniti penggiat seni, Pelawat

Bil.	Subkategori dan Aktiviti Berisiko	*Responsible (R)*	*Accountable (A)*	*Consulted (C)*	*Informed (I)*
4.	**Acara Budaya dan Perayaan** – kawalan keselamatan, jumlah pengunjung, gangguan ritual	PBT, PDRM, PADAT, JWN	Kerajaan Negeri / UPEN / PADAT	Penganjur acara, JKKN, JBPM Negeri Selangor, NGO budaya	Peserta, Pelawat, Komuniti setempat
5.	**Artifak dan Koleksi Muzium** – larangan mencuri, menyentuh tanpa izin, penyeludupan	Jabatan Muzium, PADAT, JWN	PADAT / Kerajaan Negeri	Kurator, Persatuan Muzium, Akademik	Pelawat, Masyarakat umum
6.	**Kawasan Makam dan Tempat Suci** – larangan aktiviti tidak sopan, vandalisme, komersialisasi berlebihan	PBT, Jabatan Agama Islam Negeri, PADAT, JWN, Jawatankuasa Khas Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (LIMAS)	PADAT / Majlis Agama Islam Negeri, Jawatankuasa Khas Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (LIMAS)	Persatuan Warisan, NGO Islam, Akademik, Jawatankuasa Khas Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (LIMAS)	Pelawat, Komuniti setempat
7.	**Pementasan dan Demonstrasi Budaya** – kawalan hak cipta, kawalan pelancongan berlebihan	Penganjur berlesen, JKKN, PADAT, JWN	MOTAC / PADAT / PBT	Komuniti seni, NGO, Akademik	Peserta / Pelawat

Sumber: PPPNS (2025).

Bagi melaksanakan panduan ini, satu senarai tindakan telah disediakan untuk menyemak pencapaian pelaksanaan. Mekanisme pemantauan merangkumi laporan pemantauan tahunan serta laporan maklum balas komuniti dan pelawat / pengunjung. Laporan tahunan ini akan menjadi asas kepada semakan menyeluruh yang dilaksanakan setiap (3) tiga hingga (5) lima tahun.

Jadual 4.22: Tindakan Pelaksanaan dan Agensi Bertanggungjawab

Bil.	Komponen Utama	Tindakan Pelaksanaan	Agensi/Pihak Bertanggungjawab	Indikator Kejayaan (KPI)
1.	**Pengezonan Tapak Warisan**	Kenal pasti, wartakan dan kategorikan tapak warisan mengikut tahap kepentingan (contoh: warisan kebangsaan, negeri, tempatan).	PADAT, Jabatan Warisan Negara, UPEN, PBT	Senarai tapak warisan diwartakan dan mempunyai pelan pengurusan konservasi.
2.	**Daya Tampung Pelawat *(Carrying Capacity)***	Sediakan kajian kapasiti pelawat bagi tapak warisan bernilai tinggi (*Outstanding Universal Value* (OUV)) (contoh: Istana Bandar, Batu Caves).	PADAT, Tourism Selangor Sdn. Bhd., PBT, Akademik	Had maksimum pelawat ditetapkan dan dipatuhi.
3.	**Kemudahan Rendah Impak**	Bina/naik taraf laluan pejalan kaki, tandas, papan informasi berbilang bahasa, pencahayaan mesra warisan.	PBT, JKR, Tourism Selangor Sdn. Bhd., PADAT	80% tapak utama mempunyai kemudahan mesra pelancong tanpa menjejaskan nilai warisan.
4.	**Kawalan Aktiviti Berisiko**	Wujudkan SOP dan larangan aktiviti tidak sesuai (vandalisme, ubah suai struktur tanpa izin, ritual tidak sah, penggunaan tapak secara komersial berlebihan).	PADAT, PBT, PDRM, JKKN, Agensi Keselamatan	SOP dan larangan jelas dipamerkan di tapak Kes ketidakpatuhan menurun setiap tahun.
5.	**Pembangunan Komuniti *(Local Champion)***	Latihan komuniti sebagai pemandu pelancong budaya, penggiat seni, penyedia homestay, program *living museum*.	PADAT, MOTAC, JKKN, Tourism Selangor Sdn. Bhd., NGO budaya, JAKOA	Senarai komuniti tempatan/ tapak terlibat secara rasmi (disesuaikan mengikut tapak dan aktiviti).
6.	**Pemantauan dan Audit Tahunan**	Audit tahunan impak sosial, pemeliharaan warisan dan pematuhan SOP; laporan terbuka.	PBT, PADAT, Tourism Selangor Sdn. Bhd., JWN	Laporan audit tahunan diterbitkan dan tindakan susulan dibuat.


Sumber: PPPNS (2025).

4.5 Panduan Penyediaan Pemetaan Budaya


Selain prinsip dan rangka panduan umum, kerangka khusus bagi pelaksanaan dan pengurusan untuk segmen dan komponen pelancongan terpilih turut dicadangkan. Contoh awalan kerangka pembentukan pelan khusus bagi Pembangunan Kluster Pelancongan Berpotensi dan Pemetaan Budaya (*Cultural Mapping*) seperti di **Jadual 4.23** berikut:

Jadual 4.23: Contoh Panduan Pembangunan Kluster Pelancongan Berpotensi

Kluster Kajian Kes	Bukit Jugra- Istana Bandar- Perkampungan Melayu dan Orang Asli
Daerah Terlibat	Daerah Kuala Langat
Definisi Pemetaan Budaya (*Cultural Mapping*)	Pemetaan budaya ialah satu proses sistematik untuk mengenal pasti, merekod, menganalisis dan menvisualisasikan aset budaya sesuatu komuniti atau kawasan, merangkumi warisan fizikal (*tangible*), warisan tidak ketara (*intangible*) dan aset alam semula jadi yang mempunyai nilai budaya
Pelan Panduan Penyediaan Pemetaan Budaya dan Warisan	Tujuan: 1. Merekodkan semua aset budaya dan warisan ketara dan tidak ketara (*tangible & intangible*) 2. Mewujudkan peta interaktif yang boleh digunakan dalam pelan pembangunan, pemasaran dan pengurusan pelancongan 3. Menjadi alat perancangan komuniti supaya penglibatan penduduk setempat dapat dimaksimumkan
Skop dan Kawasan Kajian	Liputan geografi: 1. Bukit Jugra dan Rumah Api – warisan sejarah, *paragliding* 2. Istana Bandar – warisan Diraja 3. Kampung Melayu tradisional – seni bina, adat, kulinari 4. Mah Meri Cultural Village – seni dan tradisi Orang Asli 5. Pantai Morib – sejarah pendaratan tentera dan rekreasi *termasuk kawasan penampan (*buffer zone*) untuk aset berhampiran
Kaedah dan Proses Pemetaan Budaya	1. Persediaan ▪ Membentuk pasukan kerja (PBT, Muzium/ Jabatan Warisan Negara, NGO, komuniti) ▪ Mengumpul data sekunder: arkib, kajian terdahulu, peta lama 2. Inventori Aset ▪ Meninjau dan kajian lapangan (GPS *tagging*, foto, rakaman video) ▪ Menemubual penduduk dan tokoh tempatan ▪ Bengkel komuniti untuk mengenal pasti aset budaya yang kurang diketahui 3. Pengelasan dan Penilaian ▪ Skala kepentingan: tempatan, negeri, nasional ▪ Status perlindungan: diwartakan, tidak diwartakan, berisiko 4. Pemetaan ▪ Penggunaan GIS dalam pemetaan pelan digital ▪ Lapisan peta: warisan fizikal, tidak ketara, alam semula jadi 5. Pengesahan Komuniti ▪ Pameran atau sesi libat urus untuk sahkan maklumat. 6. Dokumentasi ▪ Buku / portal *"Cultural Map of Jugra Tourism Cluster"*.

Kategori Aset Budaya Yang Dipetakan	**1. Warisan Fizikal (*Tangible Heritage*)** ▪ Bangunan bersejarah: Istana, masjid lama, rumah kampung tradisional ▪ Tapak bersejarah: Bukit Jugra, makam diraja, rumah api. ▪ Struktur komuniti: balai raya, surau lama, jeti **2. Warisan Tidak Ketara (*Intangible Heritage*)** ▪ Cerita rakyat, legenda setempat (contoh: kisah Sultan Alaeddin, mitos Bukit Jugra) ▪ Adat istiadat: adat perkahwinan Melayu Selangor, upacara Mah Meri. ▪ Kesenian: silat, tarian zapin, tarian Jo'oh Mah Meri ▪ Kulinari: nasi ambeng, kuih tradisional, hasil laut **3. Warisan Semula jadi (*Natural Heritage*)** ▪ Sungai Langat dan muaranya ▪ Landskap semula jadi Bukit Jugra ▪ Pantai Morib dan pesisir
Potensi Tema & Naratif Kluster	Menggabungkan lima (5) elemen tarikan berbeza yang saling melengkapi 1. **Jugra Hill:** Tarikan semula jadi dan rekreasi luar, sesuai untuk aktiviti *paragliding*, *hiking*, *birdwatching*, dan pemandangan panorama Selangor 2. **Istana Bandar:** Warisan sejarah dan seni bina, mewakili era kesultanan Selangor dan nilai sejarah negeri 3. **Mah Meri *Cultural Village*:** Warisan budaya Orang Asli (Mah Meri) yang diiktiraf UNESCO - **Pusat Kraf Orang Asli Sungai Bumbun: Warisan budaya orang asli (Mah Meri)-** Pusat kraf ini mempamerkan seni ukiran topeng, tarian tradisional, demonstrasi makanan tradisi, demonstrasi eco-print, jualan produk kraftangan, demonstrasi menyumpit serta pelbagai aktiviti tradisi masyarakat Suku Kaum Mah Meri 4. **Perkampungan Melayu :** Warisan budaya Orang Melayu di Banting Selangor 5. **Pelancongan Pantai :** Morib
Kategori Pelancongan Terlibat	1. Pelancongan Sukan dan Acara 2. Pelancongan Warisan dan Budaya (Kesultanan dan Rakyat - Melayu dan Orang Asli) 3. Pelancongan Pantai
Peta Konsep Kluster	**Peta Konsep Kluster Pelancongan Jugra** 

Rajah 4.17: Kluster Istana/Kg. Bandar – Bukit Jugra – Kampung Budaya Mah Meri



Sasaran Pasaran	Pelancong domestik dan antarabangsa (*short trip*), kumpulan sekolah, keluarga, pencinta budaya dan alam
Naratif Pelancongan Yang Sesuai	***"Dari Puncak Sejarah ke Warisan Budaya"*** Pelancong dibawa dari pengalaman alam semula jadi/sukan di Jugra Hill, meneroka sejarah di Istana Bandar, lawatan dengan interaksi budaya komuniti Melayu Banting dan Mah Meri dan mengakhiri lawatan dengan makan ikan bakar di Pantai Morib
Kekuatan Kluster	1. **Diversifikasi tarikan** – gabungan alam semula jadi, sejarah, dan budaya dalam jarak perjalanan yang singkat (<20 minit antara lokasi) 2. **Pelengkap kepada tarikan Kuala Langat** – boleh dipakejkan dengan tarikan lain seperti Pantai Morib atau Kelanang 3. **Sesuai untuk pasaran pelancong harian (*day trip*)** dari Lembah Klang 4. **Potensi *'experiential tourism'*** – pengunjung boleh terlibat secara aktif (pendakian, lawatan berpandu, bengkel ukiran atau tarian Mah Meri)
Cabaran	1. Ketersambungan pengangkutan awam terhad; majoriti pelawat memerlukan kenderaan persendirian 2. Kualiti kemudahan pelawat (tandas, papan tanda, tempat rehat) perlu diseragamkan di semua tapak 3. Koordinasi pengurusan tiga (3) tarikan ini mungkin diurus oleh entiti berbeza, jadi kerjasama promosi dan tiket bersepadu penting 4. Pengalaman pengunjung mungkin tidak konsisten jika tidak ada naratif dan itinerari yang jelas

Cadangan Strategi Pembangunan Kluster	1. **Pakej Lawatan Bersepadu** ▪ Tiket gabungan untuk ketiga-tiga lokasi dengan jadual lawatan yang disusun. ▪ Tawaran pakej dengan pengangkutan dari KL/ Shah Alam 2. **Pembangunan *'Interpretive Trail'*** ▪ Sediakan naratif kesinambungan: sejarah Kesultanan Selangor - warisan bandar lama - budaya komuniti Mah Meri ▪ Panel interpretasi dan pemandu pelancong tempatan yang terlatih. 3. **Aktiviti dan Program Pengalaman** ▪ *Hiking sunrise* di Jugra Hill ▪ Lawatan berbusana tradisional Melayu dan Diraja di Istana Bandar. ▪ Bengkel seni ukiran/ topeng atau tarian Mah Meri 4. **Pemasaran dan Penjenamaan Bersama** ▪ Penjenamaan sebagai "Jugra *Heritage & Culture Cluster*" atau nama komersial lain yang lebih mudah diingat ▪ Promosi digital bersama, kalendar acara bersama, dan kerjasama dengan agensi pelancongan 5. **Pengukuhan Infrastruktur Pelawat** ▪ Naiktaraf papan tanda, laluan, tempat letak kereta ▪ Kemudahan rehat dan makanan di titik tengah kluster
Konsep *Storytelling Package*	**Tajuk / Tema Besar:** *"Jejak Warisan Kesultanan & Budaya Melayu Selangor – dari Darat ke Langit"* **Naratif Teras:** 1. Jugra ialah bekas pusat pemerintahan Kesultanan Selangor abad ke-19 – lambang kuasa politik, perdagangan, dan adat istiadat Melayu 2. Istana Bandar sebagai saksi kemegahan seni bina Melayu Selangor yang menggabungkan pengaruh Islam, Cina, dan Eropah 3. Budaya masyarakat Melayu setempat – nelayan, petani, pedagang, dan pembesar – membentuk kehidupan sosial, adat perkahwinan, seni muzik, dan kulinari unik 4. Mah Meri *Cultural Village* melengkapkan naratif dengan keunikan masyarakat Orang Asli di Selangor, yang sejak berabad-abad hidup berdampingan dengan masyarakat Melayu 6. *Paragliding* Bukit Jugra memberi perspektif dari langit, menyatukan pandangan tentang alam, sungai, dan kampung yang menjadi nadi kehidupan sejak zaman kesultanan
Kerangka Pelan Panduan Kluster Pelancongan Jugra	**Pengenalan dan Skop** ▪ Latar belakang kawasan Jugra dan Kuala Langat sebagai destinasi warisan dan ekopelancongan ▪ Justifikasi pemilihan kluster ini (nilai warisan, keunikan tarikan, potensi ekonomi). ▪ Objektif pelan panduan **Profil dan Analisis Kluster Inventori Tarikan** ▪ Bukit Jugra (warisan sejarah, *paragliding*) ▪ Istana Bandar (warisan Diraja) ▪ Kampung tradisi Melayu Selangor (budaya dan kulinari) ▪ Mah Meri *Cultural Village* (warisan Orang Asli)

Analisis Aksesibiliti dan Infrastruktur
- Jalan masuk, papan tanda, tempat letak kereta, kemudahan awam

Analisis Pasaran dan Pelawat
- Segmen sasaran: pelancong tempatan, luar negeri, minat khas (warisan, pengembaraan, budaya)

Pelan Panduan Pembangunan Produk Pelancongan

Panduan ini memberi hala tuju kepada apa yang perlu dibangunkan di setiap tapak:
- **Bukit Jugra** – tambah kemudahan *paragliding*, laluan interpretasi sejarah, pondok rehat
- **Istana Bandar** – pusat interpretasi warisan dengan penceritaan digital, lawatan berpandu bertema, acara budaya Diraja
- **Kampung Tradisi Melayu** – pakej *homestay*, bengkel kulinari, kraftangan
- **Mah Meri *Cultural Village*** – integrasi dengan laluan warisan Jugra, kolaborasi acara budaya bersama komuniti Melayu setempat

Pelan Panduan Pengalaman Pelawat (*Visitor Experience Guidelines)*
- ***Storytelling* Terpadu** – semua lokasi mengikut naratif besar "Jejak Warisan Kesultanan dan Budaya Melayu Selangor"
- **Interpretasi Tapak** – papan maklumat dwibahasa, QR *code audio guide*
- **Reka Bentuk Laluan** – laluan darat dan sungai (*cruise* muara Sungai Langat)
- **Program Aktiviti Tahunan** – festival warisan Jugra, pesta makanan tradisional, acara Diraja sempena sambutan tertentu

Pelan Panduan Infrastruktur dan Kemudahan
- Reka bentuk papan tanda identiti kluster (*wayfinding*)
- Kemudahan asas (tandas, surau, tempat duduk, tempat teduh)
- Kawasan parkir strategik
- Akses pengangkutan awam dan bas pelancong
- Penambahbaikan jeti untuk pelancongan sungai

Pelan Panduan Promosi dan Pemasaran
- ***Branding* Kluster** – logo, slogan, identiti visual
- Pakej pelancongan bersepadu (warisan + pengembaraan + budaya)
- Strategi promosi digital (media sosial, video 360°, laman web)
- Kolaborasi dengan agensi pelancongan, hotel, komuniti tempatan

Pelan Panduan Penglibatan Komuniti Setempat
- Latihan pemandu pelancong tempatan (warisan dan budaya)
- Program keusahawanan komuniti (makanan tradisional, kraftangan, *homestay*)
- Skim faedah hasil pelancongan untuk penduduk setempat

Pelan Panduan Pengurusan dan Penyelenggaraan
- Penubuhan **Majlis Pengurusan Kluster Pelancongan Jugra** (melibatkan PBT, Jabatan Muzium, komuniti)
- Perancangan penyelenggaraan tapak warisan dan alam sekitar
- Sistem pemantauan pelawat dan impak pelancongan

Pelan Panduan Kelestarian
- Kawalan pembangunan supaya tidak merosakkan warisan dan alam

<table>
<tr><td></td><td>

- Polisi pengurusan sisa dan tenaga di tapak pelancongan
- Penekanan pada ekopelancongan dan pelancongan berasaskan komuniti (CBT)

Pelan Tindakan dan Fasa Pelaksanaan

- Projek segera (*quick wins*) – contohnya, penambahbaikan papan tanda, laluan pelancong, latihan pemandu
- Projek jangka sederhana – pakej pelancongan siap jual, festival tahunan
- Projek jangka panjang – pusat interpretasi warisan, laluan pelancongan air

</td></tr>
<tr><td>Akses & Masa Laluan Perjalanan Kluster Jugra (Laluan darat, bot dan kombinasi)</td><td>

Dari	Ke	Jarak (km)	Anggaran Masa (minit)	Jenis Akses
Istana Bandar	Bukit Jugra	8.1	10	Jalan Darat
Bukit Jugra	Kg. Budaya Mah Meri	10.1	12	Jalan Darat
Kg. Budaya Mah Meri	Istana Bandar	15.4	18	Jalan Darat
Istana Bandar	Bukit Jugra	9.5	28	Bot Penambang
Bukit Jugra	Kg. Budaya Mah Meri	8.5	16	Bot Penambang + Van Pelancongan
Kg. Budaya Mah Meri	Istana Bandar	15.0	27	Bot Penambang + Van Pelancongan

</td></tr>
<tr><td>Garis Panduan Penyampaian dan Penggunaan</td><td>

1. Digunakan oleh:
   - Pihak berkuasa tempatan untuk perancangan
   - Pemandu pelancong untuk *storytelling*
   - Agensi pelancongan untuk pemasaran
2. Kemaskini berkala setiap 2–3 tahun
   Gunakan kod QR di lokasi untuk akses maklumat *storytelling*

</td></tr>
<tr><td>Pelan Tindakan dan Jadual Pelaksanaan</td><td>

Tempoh 6 bulan:

Fasa	Aktiviti	Tempoh	Pihak Bertanggungjawab
Fasa 1	Persediaan dan pembentukan pasukan	1 bulan	PBT, Jabatan Warisan Negara, Pasukan Perunding dilantik
Fasa 2	Inventori dan tinjauan lapangan	2 bulan	Pasukan Perunding *Cultural Mapping*
Fasa 3	Penyediaan peta GIS dan dokumentasi	1 bulan	Unit GIS, Perunding
Fasa 4	Pengesahan komuniti	1 bulan	PBT, Ketua Kampung
Fasa 5	Pelancaran peta dan promosi	1 bulan	Tourism Selangor

</td></tr>
<tr><td>Outcome</td><td>

1. Mendokumentasi identiti dan nilai unik sesuatu tempat termasuk tapak warisan, adat istiadat, seni, cerita rakyat, makanan tradisional, dan landskap budaya
2. Menyokong perancangan dan pembangunan untuk memastikan pembangunan pelancongan atau bandar tidak menghapuskan atau meminggirkan identiti budaya setempat
3. Meningkatkan penglibatan komuniti dan memberi ruang kepada penduduk tempatan untuk berkongsi cerita, sejarah, dan warisan mereka
4. Mewujudkan alat pemasaran pelancongan supaya peta budaya boleh dijadikan sumber informasi dan naratif bagi mempromosi destinasi pelancongan

</td></tr>
</table>



5

PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN SUKAN DAN REKREASI

5.1 Pendahuluan

5.2 Komponen Panduan

5.3 Pelaksanaan Panduan

5.4 Pemantauan & Penilaian



Sukan Paragliding, Kuala Kubu Bharu

Sumber: PPPNS (2025)

BAB 5
PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN SUKAN DAN REKREASI

5.1 Pendahuluan

Pelancongan sukan dan rekreasi merupakan salah satu komponen penting dalam pembangunan sektor pelancongan negara. Aktiviti ini bukan sahaja berperanan sebagai tarikan kepada pelancong tempatan dan antarabangsa, malah turut menyumbang kepada pengukuhan ekonomi setempat, penggalakan gaya hidup sihat serta memperkukuh interaksi sosial dalam kalangan masyarakat. Ia melibatkan pelbagai aktiviti seperti sukan lasak, acara tahunan, riadah di taman rekreasi serta kapal pelayaran (*cruise*).

Berdasarkan hasil inventori produk pelancongan (Ogos 2025), terdapat sekurang-kurangnya 79 produk pelancongan sukan dan rekreasi telah dikenal pasti di Negeri Selangor (Rujuk **Rajah 5.1 hingga Rajah 5.10**). Ini termasuklah tarikan Litar Antarabangsa Sepang yang menjadi elemen penting dalam peletakan Malaysia dan Negeri Selangor secara khususnya sebagai destinasi pelancongan sukan antarabangsa, serta menarik kunjungan pelancong dari seluruh dunia.





Sumber: https://en.tiket.com/to-do/petronas-grand-prix-of-malaysia-2025

Penganjuran aktiviti tahunan seperti Kejuaraan Motosikal Dunia (MotoGP) terus menjadi tarikan utama pelancong ke negara ini. Pada tahun 2023, jumlah kehadiran penonton telah direkodkan seramai 182,912 orang dan telah meningkat sebanyak 163,567 orang pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2024 pula, ia telah menarik kehadiran seramai 200,000 orang pelancong, manakala bagi tahun 2025, kehadiran dianggarkan telah meningkat kepada lebih 210,000 orang.

Aktiviti sukan lasak seperti *paragliding* dan *white water rafting* di Kuala Kubu Bharu, Daerah Hulu Selangor dan Jugra, Daerah Kuala Langat juga merupakan antara tarikan pelancongan sukan utama dengan penerimaan jumlah pelancong antarabangsa dan domestik. Contohnya, Kejohanan Kuala Kubu Bharu *Paragliding Accuracy Competition* (*Open*) 2025 yang telah berlangsung pada Mei 2025 yang lepas telah berjaya menarik seramai 56 orang peserta dari Negara China, India, Singapura, Thailand dan Malaysia.[1]

[1]https://www.facebook.com/MajlisPerbandaranHuluSelangor/posts/kkb-paragliding-accuracy-competition-open-2025-sukan-udara-prestij-antarabangsa-/1027241539509270/

Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong

Rajah 5.1:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN SUKAN DAN REKREASI NEGERI SELANGOR

Daerah Petaling
P1 Elmina Central Park
P2 Mudtrekker Paintball Park
P3 Evolt Karting
P4 Kelab Golf tropicana
P5 Kelab Golf seri selangor
P6 Laser Warzone
P7 Jump Street Trampoline Park
P8 Taman Jaya
P9 Taman Bandaran Kelana Jaya
P10 Kelab Golf subang
P11 Shah Alam Extreme Park
P12 Antan Batura Watersports
P13 Race Karting i-City
P14 Digital Sports Arena
P15 Arena MBSJ
P16 Laman Woodball Puchong
P17 Kelab Golf Kinrara
P18 Kompleks 3k Seri Kembangan
P19 Kelab Golf The Mines
P20 Stadium Tertutup MBSJ Seri Kembangan
P21 Laman Woodball Putra Heights
P22 Morac 1 Utama Go Kart Track
P23 Galactic Laser
P24 Sealantis Padang I Utama Escape
P25 Traxion Karting @ X Park Sunway Serene
P26 Kelab Golf Bukit Utama
P27 Kompleks 3K Subang Jaya
P28 Pusat Akuatik Darul Ehsan
P29 Rocky Basecamp Malaysia
P30 Camp5 Climbing Gym Utropolis
P31 Ziplines Adventures Shah Alam
P32 Laman Sukan MBSJ USJ 1

Daerah Hulu Langat
T1 Monkey Canopy
T2 Beranang Horizon Circuit
T3 Skytrex Adventure Sg. Congkak2

Daerah Gombak
G1 Taman Tasik Biru Kundang
G2 Stadium MPS
G3 Kompleks Renang Sri Siantan
G4 Taman Ekstrem Gua Damai
G5 ATV Kampung Kemensah, Hulu Kelang
G6 ATV Adventure Park Kuala Lumpur
G7 Zoo Negara

Daerah Sepang
S1 Palm Garden Golf Club
S2 Aqua Xtreme Sport
S3 Bukit Unggul Golf Club
S4 Litar Antarabangsa Sepang

Daerah Klang
K1 Taman Pengkalan Batu
K2 Stadium Kota Raja
K3 Taman Bandar Diraja
K4 Taman Rakyat
K5 Kompleks Sukan Pandamaran

Daerah Hulu Selangor
H1 White Water Rafting
H2 Kelab Golf Bukit Beruntung
H3 Taman Awam Jejarum
H4 Stadium Mini, KKB
H5 Taman Awam Pintar Seroja
H6 Paragliding KKB
H7 Taman Milenium


Daerah Kuala Selangor
R1 Padang Memanah
R2 Padang Petanque, Kuala Selangor
R3 Court Tenis Kuala Selangor
R4 Kompleks Sukan Kuala Selangor
R5 Litar Lumba Rakyat (Go Cart, Minibike, Cup Prix)
R6 Kelab Golf Diraja Kg Kuantan
R7 Pickle Ball, Puncak Alam
R8 Eco Grandeur Dragon Fly Park
R9 Forest Park, Hillpark
R10 Lapang Sasar Golf (Golf Driving Range)

Daerah Kuala Langat
L1 Puncak Rajawali
L2 Bukit Jugra
L3 Paragliding Bukit Jugra
L4 Perahu Layar Batu Laut

Daerah Sabak Bernam
B1 Taman Rekreasi Sampan, Parit Baru Baroh
B2 Pusat Rekreasi Bagan Nakhoda Omar
B3 Kelong Paradise
B4 Sabak Bernam Waterfront
B5 D'Muara Marine Park, Sg Hj Dorani
B6 Bengawan Ban Canal
B7 Pusat Rekreasi Batu 23, Sungai Nibong


Petunjuk

- Pelancongan Sukan dan Rekreasi
- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)



Sumber: PPPNS (2025)

Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong



Rajah 5.2:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN SUKAN DAN REKREASI DAERAH PETALING

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Sukan dan Rekreasi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Lapangan Terbang

Pelan Kunci





Rajah 5.3:

TABURAN PRODUKPELANCONGAN SUKAN DAN REKREASI DAERAH GOMBAK

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Sukan dan Rekreasi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Lapangan Terbang

Pelan Kunci





Rajah 5.4:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN SUKAN DAN REKREASI DAERAH KLANG

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Sukan dan Rekreasi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci





Rajah 5.5:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN SUKAN DAN REKREASI DAERAH HULU LANGAT

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Sukan dan Rekreasi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM

Pelan Kunci





Rajah 5.6:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN SUKAN DAN REKREASI DAERAH SEPANG

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Sukan dan Rekreasi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Lapangan Terbang

Pelan Kunci





Sumber: PPPNS (2025)

Rajah 5.7:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN SUKAN DAN REKREASI DAERAH KUALA LANGAT

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Sukan dan Rekreasi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci





Rajah 5.8:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN SUKAN DAN REKREASI DAERAH HULU SELANGOR

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Sukan dan Rekreasi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM

Pelan Kunci





Rajah 5.9:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN SUKAN DAN REKREASI DAERAH KUALA SELANGOR

Petunjuk:

Pelancongan

- Pelancongan Sukan dan Rekreasi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci





Rajah 5.10:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN SUKAN DAN REKREASI DAERAH SABAK BERNAM

Petunjuk:

Pelancongan

- Pelancongan Sukan dan Rekreasi

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci



5.1.1 Definisi

Pelancongan Sukan merujuk kepada aktiviti dan pengalaman perjalanan seseorang individu atau kumpulan ke sesuatu destinasi, sama ada sebagai penonton atau mengambil bahagian secara aktif dalam acara sukan yang melibatkan aktiviti komersial dan bukan komersial bersifat pertandingan.

Pelancongan sukan boleh diteliti kepada sub **Pelancongan Pengembaraan/ Alam Semula Jadi**, iaitu aktiviti pelancongan yang berlaku di destinasi yang mempunyai ciri-ciri geografi dan landskap tertentu dan cenderung dikaitkan dengan aktiviti fizikal, pertukaran budaya, interaksi dan penglibatan dengan alam semula jadi. Pengalaman pelancongan ini mungkin melibatkan risiko sebenar atau yang dirasakan dan mungkin memerlukan usaha fizikal dan/atau mental yang signifikan.

Manakala **Pelancongan Rekreasi** melibatkan aktiviti riadah yang dilakukan oleh pelawat bagi tujuan keseronokan, kesihatan, serta pengalaman baharu, termasuklah aktiviti berbentuk alam semula jadi, kebudayaan atau gaya hidup.

01 ***World Tourism Organization* (UNWTO)**

– Pelancongan Sukan
Pengalaman atau perjalanan untuk memerhati atau menyertai secara aktif dalam acara sukan



– Pelancongan Pengembaraan
Aktiviti fizikal yang dijalankan di destinasi yang mempunyai ciri geografi dan landskap tertentu seperti gunung, bukit dan sungai



02 **Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)**

– Dasar Pelancongan Negara 2020–2030
Menyatakan kepelbagaian segmen pelancongan, termasuk sukan, rekreasi dan gaya hidup sebagai pemacu pertumbuhan sektor pelancongan negara



5.1.2 Subkategori Pelancongan Sukan dan Rekreasi

Pelancongan sukan dan rekreasi melibatkan tiga (3) subkategori yang bergantung kepada bentuk aktiviti, tahap keterlibatan peserta dan tarikan destinasi. Subkategori adalah di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1: Subkategori Pelancongan Sukan dan Rekreasi

Bil.	Subkategori	Fokus	Ciri Utama	Contoh Aktiviti	Contoh Lokasi
1.	**Sukan Acara / *Event-Based***	Penganjuran pertandingan sukan	Fokus kepada festival/ kejohanan, tarikan pelancong sementara	*Petronas Grand Prix* (MotoGP), *Selangor King of the Mountain* (K.O.M)	Litar Antarabangsa Sepang, Kuala Kubu Bharu (Hulu Selangor), Stadium MBPJ
2.	**Sukan Lasak / Pengembaraan**	Aktiviti lasak dan cabaran alam	Memerlukan peralatan khas, tahap risiko lebih tinggi	*Rock climbing, white water rafting, paragliding, spelunking* (gua)	Sungai Selangor (*White Water rafting*), Batu Caves (*rock climbing*), Bukit Jugra (*paragliding*)
3.	**Sukan Rekreasi**	Riadah dan kecergasan santai	Aktiviti ringan, sesuai untuk keluarga dan semua peringkat umur	Berjoging, memancing, berbasikal santai, sukan pantai	Taman Tasik Shah Alam, Paya Indah Wetlands (Kuala Langat)

A. Sukan Acara / *Event-Based*

Sukan acara lebih berfokus kepada acara atau pertandingan sukan berskala antarabangsa dan negeri yang dianjurkan sebagai aktiviti tarikan pelancongan. Ciri utama sukan acara ialah bersifat sementara (bermusim), tahunan dan mampu menarik jumlah pelancong yang ramai dalam tempoh singkat. Contoh yang sinonim ialah Kejuaraan Motorsikal Dunia (MotoGP), Selangor King of the Mountain (K.O.M), serta pertandingan yang diadakan di Stadium Shah Alam dan Stadium MBPJ.



Le Tour de Langkawi (LTdL) ialah acara sukan berbasikal tahunan utama Malaysia yang menarik pelumba antarabangsa dan pelancong

Sumber: letourdelangkawi.my

B. Sukan Lasak / Pengembaraan

Sukan lasak atau pengembaraan menekankan aktiviti sukan yang berasaskan cabaran geografi dan landskap alam semula jadi. Ia memerlukan tahap kecergasan tinggi, peralatan khas, serta kemahiran teknikal tertentu. Aktiviti ini biasanya melibatkan risiko lebih tinggi berbanding kategori lain, namun ia menjadi daya tarikan utama kepada pelancong yang mencari pengalaman ekstrem dan unik. Antaranya seperti *white water rafting* di Kuala Kubu Bharu, *paragliding* di Kuala Kubu Bharu dan Bukit Jugra, *rock climbing* dan *spelunking* (meneroka gua) di Gua Damai, Batu Caves.



Aktiviti *rock climbing* di Gua Damai Extreme Park yang terletak berhampiran Batu Caves menawarkan pengalaman rekreasi luar berasaskan alam semula jadi yang menarik

Sumber: https://selangor.travel/a-day-in-selangor-lets-visit-gombak-2/



Kuala Kubu Bharu menawarkan aktiviti sukan lasak yang menarik seperti *water rafting*

Sumber:https://www.tripadvisor.com.my/Attraction_Review-g2481783-d33083939-ReviewsWater_Rafting_Kuala_Kubu_Bahru_by_Projek_Outdoor-Kuala_Kubu_Baharu_Selangor.html

C. Sukan Rekreasi

Sukan ini memberi tumpuan kepada aktiviti riadah dan kecergasan santai yang sesuai untuk semua lapisan masyarakat termasuk keluarga, pelajar dan warga emas. Ciri-ciri utamanya ialah tahap kesukaran yang rendah, risiko yang minimum dan menjurus kepada keseronokan serta kesihatan. Antaranya seperti berjoging, memancing dan berbasikal santai di Taman Tasik Shah Alam, Paya Indah *Wetlands*.





Contoh sukan rekreasi seperti berbasikal dan pertandingan memancing yang lebih kepada aktiviti ringan dan santai

Sumber:https://www.xtra.com.my/10-lokasi-route-basikal-popular-selamat-yang-wajib-anda-explore-jom-kayuh/

Sumber:https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2025/08/1431814/gp-joran-terbuka-selangor-di-pantai-kelanang-tawar-hadiah-rm45900

5.1.3 Objektif Panduan

Objektif Panduan Pelaksanaan Pelancongan Sukan dan Rekreasi boleh diteliti menerusi empat (4) aspek berikut:

1 **Memastikan tahap keselamatan yang tinggi kepada semua pihak yang terlibat.**
Pihak terlibat sama ada peserta, penganjur, jurulatih, pengunjung atau komuniti setempat dengan menyediakan prosedur operasi standard (SOP), penggunaan peralatan perlindungan diri (PPE), serta langkah pencegahan risiko bahaya sepanjang pelaksanaan aktiviti sukan dan rekreasi.

2 **Menyediakan kerangka kerja yang sistematik, teratur dan menyeluruh**
Bagi memastikan pengurusan aktiviti sukan dan rekreasi berjalan lancar. Ini termasuk perancangan awal, pelaksanaan, pemantauan, serta penilaian berterusan.

3 **Menyokong usaha pembangunan sukan dari peringkat akar umbi.**
Melalui program rekreasi, latihan asas dan aktiviti komuniti. Ini seterusnya membuka ruang kepada penglibatan peringkat lebih tinggi seperti pertandingan antarabangsa, negara dan negeri.

4 **Pamatuhan Peraturan**
Memastikan semua aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan adalah selaras dengan peraturan, undang-undang dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan. Ini termasuk Akta Pembangunan Sukan 1997, peraturan keselamatan pekerjaan, serta SOP khusus yang digariskan oleh kementerian, jabatan atau agensi yang terlibat.




Setiap aktiviti sukan perlu mematuhi peraturan ditetapkan serta menggunakan peralatan keselamatan diri bagi memastikan keselamatan dan mengelakkan kecederaan

Sumber: PPPNS (2025).

5.1.4 Skop Panduan

Panduan ini meliputi semua aktiviti pelancongan yang melibatkan sukan acara, sukan lasak dan sukan rekreasi, yang dijalankan secara individu atau berkumpulan. Skop ini melibatkan tiga (3) subkategori berikut:

Rajah 5.11: Skop Panduan Pelaksanaan Pelancongan Sukan dan Rekreasi



Sumber: PPPNS (2025).

Dengan fokus kepada tiga (3) subkategori ini, ianya akan melibatkan tiga (3) perkara utama. Iaitu:

1. **Kawasan Terlibat:**
   - Kawasan Daratan – taman rekreasi, laluan kembara, gunung, hutan, dan kawasan luar bandar
   - Kawasan Perairan – tasik, sungai, pantai, dan Kawasan laut berhampiran pesisir
   - Kawasan Bandar – taman bandar, laluan berbasikal, dan kemudahan sukan awam

2. **Pihak Berkepentingan:**
   - Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) – kawalan lokasi dan kelulusan aktiviti
   - Agensi Pelancongan & Sukan – penyedia program dan operator aktiviti
   - Jurupandu & Krew Sokongan – kawalan keselamatan dan operasi aktiviti
   - Peserta/Pelancong – pengguna akhir yang terlibat secara langsung dalam aktiviti

3. **Aspek Pemantauan:**
   - Pematuhan terhadap prosedur keselamatan dan kelestarian
   - Pengurusan peralatan dan *Personal Protective Equipment (PPE)*
   - Pengawalan risiko dan *Emergency Response Plan (ERP)*
   - Penilaian impak sosial dan alam sekitar bagi aktiviti berisiko

5.1.5 Prinsip Panduan

Terdapat tujuh (7) prinsip yang diterapkan dalam pembentukan panduan pelancongan sukan dan rekreasi, iaitu:

Rajah 5.12 : Prinsip Panduan Kategori Pelancongan Sukan dan Rekreasi

1. Profesionalisme dan Kecekapan

Pelaksanaan pelancongan sukan dan rekreasi hendaklah berlandaskan tahap profesionalisme yang tinggi dengan memastikan semua operator pelancongan, jurulatih dan pengendali aktiviti mempunyai kelayakan, pengalaman serta keupayaan yang bersesuaian, di samping mematuhi amalan terbaik industri.

2. Kualiti dan Keselamatan Perkhidmatan

Setiap aktiviti sukan dan rekreasi yang ditawarkan perlu memenuhi standard kualiti yang ditetapkan serta menitikberatkan aspek keselamatan pelancong dan peserta. Ini termasuklah pematuhan kepada syarat, piawaian serta garis panduan yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya Sukan Malaysia, PBT, agensi teknikal dan pihak berkuasa berkaitan.

3. Kemampanan Alam Sekitar

Setiap aktiviti perlu dirancang dengan mengambil kira pemeliharaan alam sekitar, meminimumkan pencemaran dan mengurus sisa domestik dengan baik, terutamanya bagi aktiviti yang dijalankan di kawasan hutan, sungai, tasik dan pantai.

4. Inklusif dan Keterangkuman

Pelancongan sukan dan rekreasi perlu memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat, termasuk warga emas, orang kelainan upaya (OKU) dan komuniti setempat, untuk terlibat bersama, sama ada sebagai peserta atau penonton.

5. Inovasi dan Adaptasi Teknologi

Penganjur digalakkan menggunakan teknologi seperti sistem pendaftaran digital, aplikasi navigasi, keselamatan pintar (*tracking device*) dan promosi dalam talian untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan acara.

6. Kolaborasi dan Perkongsian Pintar

Kerjasama antara PBT, agensi teknikal, komuniti, pengusaha swasta dan pertubuhan sukan amat penting untuk memastikan acara sukan dan rekreasi dapat dilaksanakan secara menyeluruh, berkesan dan memberi manfaat bersama.

7. Penekanan Kepada Pengalaman Pelancong

Fokus utama bukan sahaja kepada aktiviti sukan tetapi juga kepada pengalaman menyeluruh pelancong, termasuk kemudahan sokongan, hospitaliti, produk tempatan dan warisan budaya setempat.

5.2 Komponen Panduan

5.2.1 Perancangan Lokasi dan Infrastruktur

Perancangan lokasi dan infrastruktur adalah penting dalam memastikan kejayaan pembangunan dan pelaksanaan pelancongan sukan dan rekreasi. Empat (4) komponen utama yang perlu diberi perhatian adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2: Komponen Utama bagi Perancangan Lokasi dan Infrastruktur Panduan Pelancongan Sukan dan Rekreasi

Bil.	Komponen	Perincian
1.	**Kriteria Pemilihan Lokasi**	Pemilihan lokasi bagi pelaksanaan pelancongan sukan dan rekreasi merupakan faktor utama yang menentukan kejayaan sesuatu program. Antara kriteria penting ialah: a) Tahap keselamatan kawasan b) Kesesuaian fizikal lokasi dan tempat dengan jenis sukan yang dijalankan, serta daya tarikan semula jadi atau buatan. c) Lokasi juga perlu mempunyai potensi dari segi landskap, nilai warisan dan kebolehan menarik pelancong domestik mahupun antarabangsa d) Tahap sokongan daripada komuniti setempat e) Kesediaan infrastruktur asas f) Kemampuan menampung jumlah peserta, pelancong dan penonton
2.	**Kemudahan Asas dan Sokongan**	Kemudahan asas yang mencukupi adalah elemen penting untuk menjamin keselesaan dan meningkatkan kepuasan pelancong dan peserta, serta memperkukuh imej destinasi sebagai lokasi mesra pelawat dan berdaya saing. Antara kemudahan asas yang perlu disediakan termasuklah: a) Infrastruktur dan utiliti asas seperti bekalan air bersih, elektrik, sistem kumbahan dan litupan telekomunikasi b) Kemudahan sokongan pelancongan seperti tandas awam, kawasan parkir kenderaan, tempat penginapan dan pusat makanan dan minuman pusat maklumat pelancongan, ruang niaga sementara, pondok keselamatan dan perkhidmatan perubatan
3.	**Infrastruktur Khas**	Bagi memastikan kelancaran aktiviti sukan dan rekreasi, pembangunan infrastruktur khas yang bersesuaian dengan jenis aktiviti adalah sangat diperlukan untuk penganjuran acara, serta boleh dimanfaatkan oleh komuniti tempatan untuk aktiviti riadah harian. Contohnya: a) Sukan berbasikal memerlukan laluan khas basikal dengan ciri keselamatan tertentu b) Sukan air seperti kayak atau *white water rafting* memerlukan jeti, pusat penyimpanan peralatan, serta kemudahan kecemasan c) Sukan kejohanan seperti perlumbaan di Litar Antarabanga Sepang, serta kejohanan bola sepak pula memerlukan stadium, gelanggang atau arena sukan yang menepati piawaian antarabangsa

Bil.	Komponen	Perincian
4.	**Aksesibiliti dan Kemudahsampaian**	Rangkaian aksesibiliti yang menyeluruh merupakan antara penentu utama kepada kejayaan pembangunan pelancongan, termasuklah pelancongan sukan dan rekreasi. Lokasi yang dipilih perlu mempunyai aksesibiliti dan kemudahsampaian yang baik melalui darat, udara dan air Kemudahan navigasi seperti papan tanda, aplikasi digital dan pusat informasi juga perlu disediakan bagi memudahkan pelawat sampai ke destinasi yang dituju. Faktor jarak dari pusat bandar, lapangan terbang, stesen kereta api atau terminal pengangkutan turut mempengaruhi keputusan pelancong untuk menyertai mana-mana aktiviti pelancongan sukan dan rekreasi Bagi destinasi luar bandar, usaha penaiktarafan jalan tempatan, penyediaan pengangkutan awam tambahan, serta integrasi dengan sistem mobiliti pintar boleh meningkatkan kemudahsampaian dengan lokasi pelancongan sukan dan rekreasi

Sumber: PPPNS (2025).

5.2.2 Pembangunan Aktiviti Sukan dan Rekreasi

Aktiviti pelancongan sukan dan rekreasi perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa berkaitan bagi menjamin aspek keselamatan dan pematuhan undang-undang. Proses ini melibatkan permohonan kepada PBT untuk mendapatkan permit, kelulusan penggunaan tapak, serta lesen perniagaan sementara bagi aktiviti jualan atau promosi.

Sekiranya pelaksanaan aktiviti sukan dan rekreasi melibatkan kawasan sensitif alam sekitar (KSAS), penganjur perlu mendapatkan kebenaran tambahan daripada jabatan teknikal Negeri Selangor iaitu Jabatan Perhutanan, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Alam Sekitar (JAS), dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan lain-lain jabatan berkaitan.

Bagi aktiviti sukan dan rekreasi yang bertaraf antarabangsa, ia perlu mendapatkan kelulusan khas daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Majlis Sukan Negara (MSN) serta Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia.

5.2.3 Pengurusan Keselamatan dan Risiko Bahaya

Keselamatan merupakan aspek utama dalam setiap acara pelancongan sukan dan rekreasi. Penganjur perlu menyediakan **Pelan Pengurusan Risiko** yang merangkumi analisis potensi bahaya, kaedah pencegahan, serta **Pelan Tindakan Kecemasan** yang merangkumi laluan evakuasi dan tempat berkumpul. Sehubungan itu, antara aspek penting termasuk penyediaan pasukan perubatan, pusat rawatan kecemasan, insurans peserta, serta sukarelawan keselamatan.

Bagi aktiviti sukan lasak seperti *white water rafting*, *paragliding* atau *rock climbing*, operator perlu mematuhi piawaian keselamatan seperti **Malaysia Standard MS 2664:2017 *Adventure Tourism Safety Management***. Selain itu, kerjasama strategik dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan PBT perlu diwujudkan bagi memastikan kawalan keselamatan terjamin.

5.2.4 Integrasi Pendidikan dalam Pelancongan Sukan

Integrasi pelancongan sukan dengan pendidikan (*edu-sport tourism*) akan memperkukuh nilai pembelajaran dan memupuk kesedaran pelancong terhadap gaya hidup sihat, disiplin dan pembangunan sahsiah. Pendekatan ini sesuai dilaksanakan melalui aktiviti berikut:

Jadual 5.3: Aktiviti Pendidikan dan Interaktif Pelancongan Sukan dan Rekreasi

Bil.	Aktiviti	Hasil Pendidikan / Nilai Tambah	Contoh Lokasi
1.	**Program *Edu Sport***	Lawatan pelajar atau komuniti ke lokasi acara sukan bagi memahami pengurusan acara keselamatan dan teknologi sukan	Litar Antarabangsa Sepang Tapak Paragliding Kuala Kubu Bharu
2.	**Pusat Intepretasi Sukan**	Menyediakan galeri interaktif atau mini muzium di lokasi aktiviti sukan bagi memberi maklumat tentang sejarah, peralatan, keselamatan dan pencapaian atlet	Pusat informasi seperti di dalam Sunway Lagoon
3.	**Aktiviti *Hands-on* dan Bengkel Sukan**	Penganjuran bengkel praktikal seperti asas mendaki, berkayak atau berbasikal dengan bimbingan jurulatih bertauliah	Gamuda Cove Discovery Park
4.	**Laluan Intepretasi dan *Digital Learning***	Memasukkan papan maklumat dan kod QR di laluan aktiviti sukan untuk memberi penerangan tentang aspek keselamatan, kesihatan dan kelestarian alam sekitar	Taman Botani Negara, Shah Alam

Sumber: PPPNS (2025).

5.2.5 Pengurusan Aktiviti Sukan dan Rekreasi

Pengurusan aktiviti sukan dan rekreasi penting untuk menjamin keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan pelancong semasa menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi. Setiap subkategori pelancongan ini harus dirancang berdasarkan kapasiti kawasan atau tapak, kesesuaian lokasi, dan tahap keupayaan peserta, agar impak negatif terhadap ekosistem, komuniti setempat dan keselamatan pelancong dapat dielakkan. Pengurusan aktiviti sukan dan rekreasi adalah:

Jadual 5.4: Perincian Pematuhan Pengurusan Aktiviti Sukan dan Rekreasi

Bil.	Pematuhan	Elemen	Perincian
1.	**Prosedur Operasi Standard (SOP)**	Keselamatan	Peserta diberi taklimat dan arahan yang jelas sebelum, semasa dan selepas aktiviti sukan dan rekreasi **Sebelum Aktiviti** ▪ Taklimat keselamatan, semakan peralatan, Surat Tanggungan Ganti Rugi (*Indemnity Form*) dan memberi kebenaran kepada penganjur/ operator untuk melaksanakan aktiviti. **Semasa Aktiviti** ▪ Mematuhi arahan jurupandu (*guide*), mengelakkan kawasan berbahaya, dan membuat *headcount* secara berkala **Selepas Aktiviti** ▪ Memastikan semua peserta selamat, membersihkan peralatan, dan menyediakan laporan
			Penggunaan Peralatan Perlindungan Diri/ *Personal Protective Equipment* (PPE) (topi keselamatan, jaket keselamatan)
			Peralatan keselamatan aktiviti sukan dan rekreasi perlu diperiksa secara berkala serta mematuhi piawaian yang ditetapkan
		Kesihatan Peserta	Merekodkan maklumat perubatan melalui borang, seperti alergi, sakit kronik dan sakit-sakit berkaitan.
		Pengurusan Risiko	Kesiapsiagaan untuk menangani risiko dengan menyediakan Pelan Tindakan Kecemasan/ *Emergency Response Plan* (ERP), seperti cuaca buruk, fenomena kepala air, ketinggian paras air, binatang buas dan lain-lain risiko
		Kebersihan Dan Kemampanan	Penyediaan papan tanda larangan membuang sampah, menjaga flora/fauna dan tidak merosakkan alam sekitar
2.	**Tanggungjawab**	Penganjur	Memastikan SOP dipatuhi, menyediakan borang-borang pengesahan berkaitan, latihan persediaan dan taklimat keselamatan sebelum memulakan aktiviti, serta pemantauan
		Jurupandu/ Operator / *Guide*	Kompeten, peka dengan perubahan cuaca dan risiko fenomena alam di kawasan aktiviti, memiliki sijil kelayakan

Bil.	Pematuhan	Elemen	Perincian
			bantuan kecemasan, serta bertanggungjawab ke atas keselamatan peserta
		Peserta	▪ Digalakkan mengambil insuran aktiviti lasak ▪ Memakai pakaian yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan dan Peralatan perlindungan diri ▪ Deklarasi status kesihatan ▪ Digalakkan secara berkumpulan ▪ Berdisiplin




Penyediaan peralatan keselamatan diri dan pemberian taklimat keselamatan oleh jurupandu kepada para peserta sebelum memulakan aktiviti

Sumber: PPPNS (2025)


Rujuk **Rajah 5.13** hingga **Rajah 5.16** untuk contoh prosedur pengurusan mengikut jenis aktiviti sukan dan rekreasi.

Rajah 5.13: Cadangan Prosedur Pengurusan Aktiviti Sukan *White Water Rafting*




Sumber: Olahan daripada Garis Panduan Keselamatan Pelancongan Bagi Aktiviti Pelancongan Kembara Negeri Sabah.

Rajah 5.14: Cadangan Prosedur Pengurusan Aktiviti Sukan *Paragliding*




Sumber: Olahan daripada Garis Panduan Keselamatan Pelancongan Bagi Aktiviti Pelancongan Kembara Negeri Sabah.

Rajah 5.15: Cadangan Prosedur Pengurusan Aktiviti Sukan *Stand Up Paddle*



Sumber: Olahan daripada Garis Panduan Keselamatan Pelancongan Bagi Aktiviti Pelancongan Kembara Negeri Sabah.

Rajah 5.16: Cadangan Prosedur Pengurusan Aktiviti Sukan *Flying Fox*



Sumber: Olahan daripada Garis Panduan Keselamatan Pelancongan Bagi Aktiviti Pelancongan Kembara Negeri Sabah.

5.2.6 Pengurusan Operator Bagi Aktiviti Sukan dan Rekreasi

Pengurusan yang cekap oleh operator atau jurupandu aktiviti sukan lasak dan pengembaraan adalah perlu bagi memastikan tahap keselamatan pelancong dan peserta terjamin.

Operator atau jurupandu (*guide*) wajib berkelayakan dengan kemahiran teknikal berkaitan aktiviti yang dijalankan, memiliki sijil kelayakan bantuan kecemasan, aspek keselamatan serta peka dengan perubahan cuaca dan risiko fenomena alam di kawasan aktiviti, serta bertanggungjawab ke atas keselamatan peserta.

a) **Pendaftaran dan Lesen Operasi**

i. Operator perlu berdaftar dan memiliki lesen sah daripada PBT dan lain-lain pihak berkuasa melesen (pihak berkuasa yang mengeluarkan lesen) seperti:
Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor dengan memberi kebenaran secara bertulis pengoperasian kepada operator untuk menjalankan aktiviti *white water rafting*.
   - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dengan memberi kebenaran kepada operator *paragliding* untuk beraktiviti di ruang udara.

ii. Sijil kelayakan dan dokumen sokongan perlu dilampirkan semasa permohonan dan pembaharuan lesen.

iii. Lesen mesti diperbaharui mengikut tempoh masa ditetapkan daripada pihak berkuasa melesen (pihak berkuasa yang mengeluarkan lesen).

b) **Kelayakan dan Latihan Jurupandu/ Tendem/ Jurulatih**

i. Jurupandu aktiviti mempunyai kelayakan serta berdaftar dengan badan pengamal aktiviti berkaitan, seperti:
   - Jurupandu *white water rafting* terlatih dan berdaftar dengan *International Rafting Federation* (IRF).
   - Jurulatih *rock climbing* terlatih dan berdaftar dengan Persekutuan Mendaki Malaysia (PMM).
   - Tandem (*paragliding*) terlatih dan berdaftar dengan Persekutuan Sukan Udara Malaysia (MSAF).
   - Lain-lain aktiviti

ii. Selain sijil kelayakan daripada badan pengamal aktiviti, jurupandu, jurulatih dan tendem juga berkemahiran dalam pertolongan kecemasan.

iii. Khusus kelayakan berkala

c) **Pengurusan Risiko dan Keselamatan**

i. Operator wajib menyediakan Pelan Pengurusan Risiko termasuk senarai risiko aktiviti, langkah mitigasi dan Pelan Tindakan Kecemasan/ *Emergency Response Plan* (ERP).

ii. Pemeriksaan peralatan keselamatan Peralatan Perlindungan Diri/ *Personal Protective Equipment* (PPE) (topi keselamatan, jaket keselamatan) perlu diperiksa secara berkala serta mematuhi piawaian yang ditetapkan.

5.3 Panduan Pelaksanaan

Bagi memastikan pembangunan pelancongan sukan dan rekreasi dilaksanakan secara teratur, selamat dan mampan, mekanisme kawalan serta pemantauan yang jelas perlu diwujudkan. Pihak berkuasa tempatan bersama agensi-agensi teknikal berkaitan hendaklah menilai setiap cadangan pembangunan pelancongan sukan dan rekreasi, terutamanya bagi cadangan yang melibatkan pembangunan struktur kekal melalui proses kebenaran merancang (KM), termasuk pematuhan terhadap syarat-syarat teknikal dari aspek keselamatan, kebersihan, kesihatan awam, serta kesesuaian lokasi dengan aktiviti yang dijalankan (**Jadual 5.5**).

Jadual 5.5: Kawalan dan Pemantauan Pelancongan Sukan dan Rekreasi

Bil.	Aspek Kawalan	Agensi Bertanggungjawab	Kaedah Kawalan
1.	**Kawalan lokasi / tapak aktiviti (zoning guna tanah, reka bentuk laluan dan kawasan aktiviti).**	PBT dan agensi teknikal berkaitan	Proses KM, semakan zoning, semakan pelan tapak dan penilaian risiko lokasi aktiviti
2.	**Kebenaran penganjuran aktiviti sukan dan rekreasi.**	PBT dan agensi teknikal berkaitan	Semakan kelulusan permit aktiviti, penilaian kapasiti peserta dan pengesahan lesen operasi
3.	**Pendaftaran dan kelayakan operator / jurupandu aktiviti.**	KBS, IRF/MRA, MSAF, PMM	Semakan kelayakan, latihan kecemasan dan sijil kompetensi operator/ jurupandu
4.	**Keselamatan peserta dan pelaksanaan aktiviti.**	PBT, PDRM, JBPM, APM, RELA	Pemeriksaan peralatan, audit SOP keselamatan dan pemantauan lapangan semasa aktiviti dijalankan
5.	**Insurans dan liabiliti aktiviti.**	PBT, JBS, KBS	Semakan polisi insurans aktif untuk operator dan peserta
6.	**Promosi dan iklan aktiviti pelancongan sukan.**	PBT, SKMM	Semakan kandungan digital dan media sosial agar mematuhi peraturan iklan pelancongan dan keselamatan awam
7.	**Maklum balas dan aduan peserta/ pelancong.**	PBT, TSSB	Pengumpulan borang maklum balas, tinjauan kepuasan pelancong dan audit perkhidmatan selepas aktiviti

Sumber: PPPNS (2025)

5.3.1 Pemutihan Pelancongan Sukan dan Rekreasi

Pemutihan pelancongan sukan dan rekreasi merujuk kepada aktiviti bagi subkategori sukan acara dan subkategori sukan pengembaraan dengan memberi permit sementara bagi aktiviti bermusim dan lesen bagi aktiviti yang dijalankan secara tahunan. Seperti di **Jadual 5.6**

Jadual 5.6: Perincian Pemutihan Pelancongan Sukan dan Rekreasi

Bil.	Aspek pemutihan	Perincian
1.	**Kebenaran Beraktiviti**	▪ Operator perlu mendapat kebenaran/ pengesahan/ kebenaran beroperasi daripada pihak berwajib berkenaan sukan/ aktiviti rekreasi tersebut
2.	**Kelulusan Permit/ Kebenaran Penggunaan Tanah**	▪ Operator perlu mendapatkan kelulusan/ pengesahan/ kebenaran permit penggunaan tanah di tempat beraktiviti (titik permulaan dan penamat aktiviti), sama ada tanah kerajaan/ operator sendiri
3.	**Kelulusan Struktur Sementara/ Kekal**	▪ Sekiranya melibatkan penyediaan struktur sementara/ kekal, kelulusan daripada Jabatan Bangunan (PBT) perlu didapatkan
4.	**Premis dan Operasi**	▪ Memohon dan mendapatkan lesen perniagaan dan aktiviti daripada Jabatan Pelesenan (PBT)
5.	**Insurans**	▪ Operator perlu mendapatkan polisi insurans bagi operator dan peserta aktiviti, serta melampirkannya dalam permohonan lesen/ permit aktiviti daripada PBT atau pihak berkuasa melesen yang lain
6.	**Kelayakan Operator/ Jurupandu *(Guide)***	▪ Operator/Jurupandu yang kompeten diwajibkan. Sijil pendaftaran dengan badan pengamal aktiviti yang dijalankan perlu dilampirkan dalam permohonan lesen/ permit aktiviti daripada PBT atau pihak berkuasa melesen yang lain
7.	**Penubuhan Pasukan Tindakan Kecemasan**	▪ Operator wajib menyediakan pasukan/ pelan tindakan kecemasan
8.	**Surat Tanggungan Ganti Rugi *(Indemnity Form)***	▪ Operator wajib menyediakan *Indemnity Form* untuk diisi dan disahkan oleh peserta aktiviti sebelum memulakan aktiviti
9.	**Pemantauan dan Pelaporan**	▪ Operator perlu menjalankan pemantauan keselamatan peserta secara berterusan. Ini termasuk memastikan peralatan yang digunakan sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan ▪ Sebarang insiden semasa aktiviti perlu dilaporkan segera kepada PBT dan jabatan kecemasan berkaitan. Rekod pelaporan akan digunakan sebagai asas pertimbangan untuk pembaharuan permit/lesen

Sumber: PPPNS (2025)

5.4 Pemantauan Dan Penilaian

Pemantauan dan penilaian dilaksanakan bagi memastikan setiap aktiviti pelancongan sukan dan rekreasi dijalankan secara selamat, teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Proses ini juga membantu menilai tahap keberkesanan pelaksanaan, mengenal pasti isu di lapangan serta memastikan penambahbaikan berterusan dalam aspek keselamatan, pengurusan dan kemampanan alam sekitar.

Kepentingan pemantauan dan penilaian diukur berdasarkan kepada perkara berikut:

a) Indikator Pemantauan

- Indikator pemantauan merupakan ukuran penting untuk menilai keberkesanan pelaksanaan pelancongan sukan dan rekreasi. Antara indikator utama ialah jumlah penyertaan peserta, kehadiran pelancong domestik dan antarabangsa, serta sumbangan ekonomi kepada sektor perhotelan, pengangkutan, dan makanan.
- Tahap liputan media, kepuasan peserta, keselamatan acara (tiada insiden serius), serta impak positif terhadap komuniti tempatan turut menjadi kayu ukur keberhasilan.

b) Mekanisme Pemantauan dan Aduan

- Mekanisme pemantauan perlu dilaksanakan secara sistematik sebelum, semasa, dan selepas acara:
  - **Sebelum acara:** pemantauan memberi fokus kepada aspek persiapan seperti keselamatan tapak, kelulusan permit, penyediaan infrastruktur dan pengurusan sukarelawan
  - **Semasa acara:** pemantauan dilakukan secara harian oleh pengurusan penganjur atau operator dengan melibatkan pasukan keselamatan, pegawai perubatan, serta PBT.
  - **Selepas acara**: mekanisme pemantauan dilanjutkan melalui kutipan maklum balas peserta, pelancong dan komuniti setempat.
- Bagi memudahkan aduan, saluran rasmi seperti talian *hotline*, aplikasi mudah alih atau portal dalam talian boleh diwujudkan bagi membolehkan peserta dan pelancong menyalurkan maklumat berkaitan isu keselamatan, perkhidmatan atau penganjuran.

c) Penambahbaikan dan Laporan Pasca Acara

- Setiap penganjuran acara pelancongan sukan dan rekreasi (bagi subkategori sukan acara secara khususnya) perlu menghasilkan laporan pasca acara yang menyeluruh.
- Laporan ini merangkumi analisis pencapaian indikator kejayaan, jumlah peserta, kesan ekonomi, pengurusan logistik, tahap keselamatan, serta maklum balas daripada peserta dan pihak berkepentingan. Hasil laporan ini menjadi asas kepada cadangan penambahbaikan untuk penganjuran acara seterusnya, sama ada dari aspek teknikal, promosi, mahupun penglibatan komuniti.

5.4.1 Matriks RACI (*Responsible, Acountable, Consulted* dan *Informed*)

Pemantauan dan semakan berkala merupakan elemen penting dalam memastikan pelaksanaan pelancongan sukan dan rekreasi berjalan secara teratur, selamat dan berkesan. Audit dan penilaian pematuhan SOP perlu dilakukan secara konsisten, bukan sahaja bagi menilai keberkesanan program tetapi juga untuk menambah baik aspek keselamatan, pengurusan risiko serta tahap kepuasan pelancong. Sehubungan itu, satu (1) kerangka pengurusan tugas iaitu RACI (*Responsible, Accountable, Consulted* dan *Informed*) digunakan. Menerusi matriks ini, peranan pihak berkepentingan dapat dikenal pasti secara sistematik, mengurangkan pertindihan tanggungjawab dan memastikan pelaksanaan kawalan aktiviti berisiko lebih teratur dan berkesan.

***Responsible* (R)** : Agensi/ individu yang melaksanakan kawalan di lapangan.

***Accountable* (A)** : Agensi utama yang bertanggungjawab penuh dalam memastikan kawalan terlaksana.

***Consulted* (C)** : Pihak yang perlu dirujuk untuk kepakaran teknikal/ pandangan.

***Informed* (I)** : Pihak yang perlu dimaklumkan hasil kawalan (pihak berkepentingan dan komuniti).

Jadual 5.7: Perincian Pemantauan Aktiviti Pelancongan Sukan dan Rekreasi Menerusi RACI

Bil.	Aktiviti Pengurusan dan Aktiviti Berisiko	*Responsible* (R)	*Accountable* (A)	*Consulted* (C)	*Informed* (I)
1.	**Pendaftaran peserta / atlet / pelawat acara sukan**	Penganjur Acara	Persatuan / Operator Sukan	Pesuruhjaya Sukan, MSN	PBT, Pelancong
2.	**Penjadualan acara dan pengurusan tempahan**	Sekretariat Acara	Penganjur Acara	Persatuan Sukan	Peserta, Pelancong
3.	**Penyediaan dan kebersihan kemudahan**	Operator Kemudaha	PBT	Jabatan Kesihatan, JBPM	Pelancong, Peserta
4.	**Pelaksanaan acara sukan (perlumbaan, perlawanan, aktiviti lasak)**	Operator / Pengurus Acara	Persatuan Sukan / MSN	PDRM, JBPM, APM, RELA	Penonton, Pelancong
5.	**Pemantauan keselamatan dan risiko aktiviti**	Pasukan Keselamatan	PBT	PDRM, JBPM, APM, RELA	Pelancong, Komuniti
6.	**Pengurusan peralatan dan logistik sukan**	Operator	Penganjur Acara	Penyedia Peralatan dan Logistik	PBT, Peserta
7.	**Pengendalian aduan dan maklum balas pelancong/ peserta**	Unit Aduan Acara	PBT / Penganjur Acara	TSSB, MOTAC	Pelancong, Komuniti
8.	**Promosi dan pemasaran acara sukan**	Penganjur / TSSB	MOTAC / Kerajaan Negeri	Media	Pelancong, Komuniti

Sumber: PPPNS (2025).

Panduan pelaksanaan ini memerlukan pemantauan untuk menilai pencapaiannya. Pihak operator harus mengamalkan pemantauan kendiri mengikut tempoh lesen dan permit yang diberi selain daripada pemantauan di pihak berkuasa melesen. Mekanisme pemantauan adalah dalam bentuk laporan pemantauan tahunan dan laporan maklum balas atau aduan pelancong. Laporan tahunan boleh dibuat semakan di antara tiga (3) hingga lima (5) tahun sekali. Antara tindakan pelaksanaan dan cadangan indikator pemantauan adalah seperti di **Jadual 5.8.**

Jadual 5.8: Tindakan Pelaksanaan dan Cadangan Indikator Pemantauan Mengikut Komponen Kawalan Utama

Bil.	Komponen Utama	Tindakan Pelaksanaan	Pihak/ Agensi Pemantauan	Indikator Pemantauan (KPI)
1.	**Pendaftaran Dan Lesen Operator**	▪ Memastikan semua operator berdaftar dengan PBT. ▪ Memperbaharui lesen operasi mengikut tempoh masa ditetapkan	Operator, PBT	▪ Peningkatan bilangan operator berlesen. ▪ Tiada operator beroperasi tanpa lesen sah
2.	**Pemantauan Keselamatan Aktiviti**	▪ Melaksanakan audit keselamatan dan pemeriksaan tapak secara berkala. ▪ Menyediakan laporan keselamatan tahunan	Operator, PBT, JBPM	▪ Peratus aktiviti bebas insiden kemalangan ≥ 95% ▪ Laporan keselamatan lengkap setiap tahun
3.	**Kelayakan Operator/ Jurupandu Dan Krew Sokongan**	▪ Memastikan semua operator/ jurupandu bertauliah	PBT, Badan Pengamal Aktiviti	▪ 100% operator/ jurupandu bertauliah
4.	**Penyelenggaraan Peralatan Dan Kemudahan**	▪ Pemeriksaan dan penyelenggaraan berkala ke atas peralatan dan infrastruktur ▪ Menyediakan rekod penyelenggaraan	Operator, PBT, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	▪ Tiada laporan kegagalan peralatan semasa aktiviti ▪ Semua peralatan mempunyai rekod penyelenggaraan
5.	**Pengurusan Risiko Dan Kecemasan**	▪ Menyediakan pelan kecemasan/ *Emergency Reponse Plan* (ERP) bagi setiap lokasi ▪ ERP dikemas kini setiap 6 bulan	Operator, PBT, JBPM	▪ Pelan ERP tersedia di semua tapak ▪ Rekod pengemaskinian ERP yang lengkap
6.	**Kesejahteraan Peserta**	▪ Menyediakan borang kesihatan dan insurans peserta	Operator, PBT	▪ 100% peserta dilindungi insurans

Sumber: PPPNS (2025).



6

PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN KESIHATAN (KESEJAHTERAAN)

6.1 Pendahuluan

6.2 Komponen Panduan

6.3 Pelaksanaan Panduan

6.4 Pemantauan dan Penilaian



Resort Beacon, Hulu Selangor

Sumber: Beaconresort.com.my

BAB 6
PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN KESIHATAN (KESEJAHTERAAN)

6.1 Pendahuluan

Pada tahun 2024, Malaysia telah mencatatkan kehadiran seramai 1.6 juta orang pelancong kesihatan dan menjanakan pendapatan sebanyak RM2.72 bilion. Pencapaian ini sekali lagi dilonjakkan dengan pengiktirafan Malaysia sebagai destinasi pelancongan perubatan nombor satu dunia bagi tahun 2025. Pengiktirafan oleh *Nomad Capitalist*, Dubai telah menjadikan Malaysia sebagai pilihan utama bagi pelancong kesihatan dari seluruh dunia.



Pakej Pelancongan Kesejahteraan 2025/2026.

Sumber: Tourism Malaysia (2025).

Selaras dengan inisiatif "*Visit Malaysia (VMY) 2026*", 42 Pakej Pelancongan *'Health & Wellness'* telah dilancarkan oleh Tourism Malaysia bagi memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan kesihatan dan kesejahteraan global. Pakej yang ditawarkan ini merangkumi pengalaman lawatan ke destinasi menarik, terapi urutan tradisional Melayu, pernafasan Tai Chi, *forest bathing* dan rawatan spa.

Dalam konteks Negeri Selangor, sektor pelancongan kesihatan semakin berkembang seiring dengan permintaan global terhadap gaya hidup sihat, keseimbangan minda dan tubuh. Dengan adanya pusat perubatan moden bertaraf antarabangsa serta fasiliti tradisional yang berasaskan sumber alam semula jadi, kedatangan pelancong kesihatan seramai 278,552 orang telah direkodkan di Negeri Selangor dan menjanakan pendapatan sebanyak RM474.5 juta pada tahun 2024.

Tiga (3) pasaran utama bagi pelancong kesihatan ke Negeri Selangor adalah Indonesia (30.6%), Bangladesh (11.7%) dan India (8.2%). Pemeriksaan kesihatan (20.0%) merupakan skop perkhidmatan atau tujuan utama perjalanan pelancong kesihatan. Ini diikuti oleh perkhidmatan rawatan gastroenterologi (15.5%) dan rawatan penyakit berjangkit (9.4%)[1].

Berdasarkan hasil inventori produk, sebanyak 59 produk pelancongan kesihatan dikenal pasti di Negeri Selangor, yang mana secara amnya produk-produk yang tersenarai adalah lebih menjurus kepada perubatan moden atau hospital swasta sebagai produk utama.



[1] *"Tourism Selangor. "Healthcare Travel (HT) State Performance: Selangor"*

6.1.1 Definisi

Pelancongan Kesihatan (*Health Tourism*) merangkumi aktiviti pelancongan yang menyumbang kepada kesihatan fizikal, mental dan/atau rohani bagi meningkatkan keupayaan individu untuk memenuhi keperluan diri sendiri dan untuk berfungsi dengan lebih baik sebagai individu dalam persekitaran dan masyarakat mereka.

Ia merupakan istilah umum kepada Pelancongan Perubatan dan Pelancongan Kesejahteraan.



Pelancongan Perubatan (*Medical Tourism*) adalah aktiviti pelancongan yang melibatkan penggunaan sumber dan perkhidmatan penyembuhan perubatan berasaskan bukti. Ini mungkin merangkumi aktiviti seperti diagnosis, rawatan, penyembuhan, pencegahan dan pemulihan.

Manakala untuk **Pelancongan Kesejahteraan** (*Wellness Tourism*), ia ditakrifkan sebagai aktiviti pelancongan untuk menambah baik dan mengimbangi semua aspek utama kehidupan manusia menerusi aktiviti pencegahan, serta meningkatkan gaya hidup seperti kecergasan, pemakanan sihat, bersantai dan rawatan penyembuhan.

6.1.2 Subkategori Pelancongan Kesihatan

Berdasarkan takrifan di para 6.1.1, pelancongan kesihatan terbahagi kepada dua (2) subkategori iaitu Pelancongan Perubatan dan Pelancongan Kesejahteraan. Perinciannya adalah seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1: Subkategori dan Ciri Utama Pelancongan Kesihatan.

Bil.	Subkategori	Fokus	Ciri Utama	Contoh Aktiviti	Contoh Lokasi
1.	**Pelancongan Perubatan**	Rawatan pakar	Hospital/ klinik swasta moden	Rawatan penyakit, kesuburan, komestik	Subang Jaya Medical Centre
2.	**Pelancongan Kesejahteraan**	Rawatan, pemulihan badan, relaksasi badan dan minda	Rawatan herba, urutan tradisional	Spa herba, urutan melayu, akupunktur, yoga, *forest bathing*	Rumah Hutan Bonda Rozita (Hulu Selangor)

Sumber: PPPNS (2025).

A. Pelancongan Perubatan

Dalam konteks pelancongan perubatan, ia menjurus kepada aktiviti perubatan moden yang diterajui oleh sektor swasta dengan menawarkan perkhidmatan pakar-pakar perubatan dan kemudahan perubatan serta jagaan kesihatan tertentu, yang mana pasaran sasarannya adalah pesakit dari dalam dan luar negara.

Merujuk kepada "Garis Panduan Pemprosesan Permohonan Pelesenan dan Permohonan-permohonan Berkaitan Dengan Kelulusan atau Lesen Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta", kemudahan jagaan kesihatan swasta merangkumi sembilan (9) kategori berikut.

Rajah 6.1: Kategori Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta



Sumber: Olahan daripada Garis Panduan Pemprosesan Permohonan Pelesenan dan Permohonan Berkaitan Dengan Kelulusan atau Lesen Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KKM).

Sebelum sembilan (9) kategori kemudahan jagaan kesihatan swasta ini ditubuhkan, diselenggarakan, dilesenkan dan mula beroperasi, atau ditawar dan dipromosikan kepada pelancong/ pelawat dalam konteks pelancongan perubatan, ia perlu mematuhi:

a. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586], dan
b. Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 [P.U. (A) 138].

Hanya kemudahan jagaan kesihatan yang berdaftar dengan Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) boleh mengambil bahagian dalam Pelancongan Kesihatan.

Sehingga Ogos 2025, **hanya 15 kemudahan jagaan kesihatan di Negeri Selangor yang berdaftar sebagai ahli MHTC**.

B. Pelancongan Kesejahteraan

Dalam konteks pelancongan kesejahteraan, tarikan yang dipromosikan merangkumi aktiviti seperti rawatan spa, urutan tradisional Melayu, pernafasan Tai Chi, yoga dan *forest bathing*.

Aktiviti pelancongan kesejahteraan ini secara amalannya mempunyai ciri-ciri yang sama dengan perubatan tradisional dan komplementari.

Merujuk kepada "Perintah Perubatan Tradisional dan Komplementari (Bidang Amalan Diiktiraf) 2017" [P.U. (A) 223], terdapat tujuh (7) bidang amalan yang diiktiraf seperti di **Rajah 6.2**.



Urutan aromaterapi – contoh perkhidmatan pelancongan kesejahteraan

Sumber:https://www.massage.com.my/bm/latest news/nid/151412

Rajah 6.2: Tujuh (7) Bidang Amalan Yang Diiktiraf



Sumber: Olahan daripada P.U. (A) 223.

Terdapat juga beberapa subbidang perubatan tradisional dan komplementari yang ditawarkan dalam industri seperti:


- Urutan orang kelainan upaya (OKU);
- Refleksologi; dan
- Aromaterapi dan fisioterapi.

Walau bagaimanapun, semua pengamal perubatan tradisional dan komplementari perlu berdaftar dengan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari (MPTK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

6.1.3 Objektif Panduan

Objektif panduan adalah untuk memperkukuhkan peranan Negeri Selangor sebagai destinasi pelancongan kesihatan (kesejahteraan) serantau dengan menawarkan perkhidmatan rawatan dan penjagaan kesihatan berkualiti serta bertaraf antarabangsa menerusi lima (5) aspek berikut:

Rajah 6.3: Objektif Panduan Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan)



Sumber: PPPNS (2025).

6.1.4 Skop Panduan

Untuk pelancongan perubatan, ia tertakluk kepada "Garis Panduan Pemprosesan Permohonan Pelesenan dan Permohonan-Permohonan Berkaitan Dengan Kelulusan atau Lesen Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta" serta lain-lain syarat, piawaian dan garis panduan yang ditetapkan oleh KKM dan MHTC.

Oleh itu, panduan ini berfokuskan kepada pelancongan kesejahteraan yang meliputi amalan rawatan tradisional dan komplementari, pusat spa dan resort kesejahteraan, serta aktiviti kesejahteraan berasaskan alam semula jadi seperti yoga dan *forest bathing* yang semakin mendapat permintaan dalam kalangan pelancong.

* **Nota:** *Panduan ini perlu dirujuk bersama dengan "Guidelines for Traditional and Complementary Medicine Healthcare Facilities and Services in Malaysia" (KKM, 2023).*

6.1.5 Prinsip Panduan

Terdapat lima (5) prinsip pelancongan kesihatan (kesejahteraan) yang diberi penekanan dalam pembentukan panduan ini, iaitu:

a) Memastikan Profesionalisme dan Kecekapan

Pelaksanaan pelancongan kesihatan (kesejahteraan) hendaklah berlandaskan tahap profesionalisme yang tinggi dengan memastikan semua operator pelancongan atau pengamal perubatan berdaftar mempunyai kelayakan, pengalaman dan keupayaan yang bersesuaian, serta mematuhi amalan terbaik industri.

b) Memastikan Kualiti dan Keselamatan Perkhidmatan

Setiap perkhidmatan rawatan dan penjagaan kesihatan (kesejahteraan) yang ditawarkan perlu memenuhi standard kualiti yang ditetapkan dan menitikberatkan aspek keselamatan pelancong/ pelawat. Ini termasuklah pematuhan kepada syarat, piawaian dan garis panduan yang ditetapkan oleh KKM, Badan Pengamal Perubatan yang diiktiraf dan lain-lain pihak berkuasa berkaitan.

c) Mewajibkan Pelaksanaan Kebenaran Berasaskan Maklumat (*Informed Consent*)

Operator atau pengamal perubatan berdaftar perlu mendapatkan kebenaran daripada pelancong/ pelawat sebelum memulakan proses rawatan dan penjagaan kesihatan (kesejahteraan). Manakala maklumat berkaitan diagnosis, rawatan dan rekod perubatan pelancong/ pelawat adalah sulit dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran pelancong/ pelawat.

d) Memastikan Ketelusan dan Tanggungjawab Sosial

Semua maklumat berkaitan kos, prosedur rawatan, penjagaan kesihatan (kesejahteraan), risiko, hak dan tanggungjawab pelancong/ pelawat perlu disampaikan secara telus, selaras dengan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban sosial.

e) Memperkasa Penjenamaan dan Promosi Beretika

Penjenamaan dan promosi pelancongan kesihatan (kesejahteraan) perlu dilakukan secara beretika tanpa eksploitasi atau janji palsu serta mematuhi undang-undang pengiklanan dan promosi yang berkuat kuasa.

6.2 Komponen Panduan

Komponen panduan ini melibatkan dua (2) aspek utama, iaitu:

i. Pembangunan dan pengurusan produk; dan
ii. Pengurusan pelancong/ pelawat dan sumber tenaga manusia.

6.2.1 Pembangunan dan Pengurusan Produk

Pembangunan dan pengurusan produk melibatkan tujuh (7) elemen, iaitu pemilihan tapak yang bersesuaian, reka bentuk kemudahan pelancongan kesihatan (kesejahteraan), pengurusan dan pentadbiran pelancongan, pengurusan keselamatan dan kebersihan, pengurusan sisa perubatan dan sisa domestik, penyediaan pakej pelancongan dan pembangunan aktiviti pendidikan dan interaktif.

A. Pemilihan Tapak yang Bersesuaian

Pengenalpastian tapak yang sesuai merupakan langkah awal untuk mengelakkan apa-apa impak sosial dan alam sekitar, serta mengganggu proses rawatan kesihatan. Antaranya ialah:

i. Bebas daripada bunyi bising, asap, bau busuk atau habuk yang berlebihan.
ii. Sekiranya tidak dapat dielakkan, operator perlu mengambil langkah sebaiknya untuk memastikan mana-mana aspek pencemaran diminimumkan ke tahap yang tidak mengganggu perkhidmatan rawatan.
iii. Tidak dibenarkan di kawasan rumah kediaman, pangsapuri perkhidmatan dan hotel bajet.
iv. Dibenarkan di hotel berbintang, rumah kelab, kompleks membeli-belah dan kedai pejabat/ rumah kedai.

* **Nota:** *Panduan ini perlu dirujuk bersama "Panduan Pelaksanaan Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun", sekiranya Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan) ditawarkan sebagai aktiviti kepada Inap Desa/ Dusun.*

B. Reka Bentuk Kemudahan Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan)

Pusat rawatan dan penjagaan kesihatan (kesejahteraan) perlu mematuhi dan menerapkan elemen-elemen reka bentuk seperti berikut:

i. Pintu masuk pusat rawatan, pintu bilik rawatan dan kemudahan bilik air perlu mengambil kira keperluan reka bentuk sejagat (*universal design*), khususnya dari aspek penggunaan kerusi roda dan pengusung.
ii. Pintu masuk pusat rawatan perlu bebas dari sebarang pelekat, poster atau apa-apa bahan yang boleh menghalang pandangan.
iii. Ruangan rawatan tidak terlalu berhampiran dengan pintu masuk pusat rawatan sehingga menyebabkan gangguan kepada pelancong/ pelawat dan kakitangan.
iv. Katil-katil di ruangan rawatan perlu diasingkan dan dipasangkan langsir bagi tujuan rawatan atau urutan.
v. Reka bentuk ruangan rawatan perlu mengikut konsep terbuka bagi memastikan pencahayaan dan pengudaraan yang sempurna dan mencukupi.
vi. Notis yang jelas perlu disediakan dalam premis seperti larangan merokok dan waktu operasi yang dibenarkan.

C. Pengurusan dan Pentadbiran Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan)

Pihak operator bertanggungjawab untuk:

i. Berdaftar dengan Badan Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK).

ii. Memohon dan mendapatkan lesen perniagaan, serta lain-lain kebenaran berkaitan daripada pihak berkuasa sebelum memulakan aktiviti.

iii. Sijil lesen pihak berkuasa dan sijil pendaftaran BPTK yang diperakui perlu dipamerkan sepanjang masa.

iv. Tidak membenarkan penawaran apa-apa perkhidmatan pelancongan kesejahteraan yang tidak dinyatakan dalam lesen yang sah.

v. Tidak membenarkan perkhidmatan pelancongan kesejahteraan dilakukan di tempat yang tidak dilesenkan kepadanya.

vi. Tidak membenarkan apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan kacau ganggu atau kecederaan di dalam pusat rawatan.

vii. Tidak mempamerkan apa-apa gambar atau artikel kurang sopan di pusat rawatan.

viii. Mematuhi sepenuhnya Undang-undang Kecil (UUK) Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan 2013, serta larangan-larangan di bawahnya (selain yang tersenarai di atas).

Operator perkhidmatan spa atau urutan kaki adalah digalakkan memohon pengelasan di bawah MOTAC untuk melayakkannya mengambil bahagian dalam inisiatif promosi pelancongan kesejahteraan oleh MOTAC.

*** Nota:**

- *Rujuk "Buku Panduan Pengelasan Spa" dan "Buku Panduan Pengelasan Pusat Urutan Kaki" (MOTAC) untuk perincian kriteria pengelasan dan pemarkahan.*
- *Bagi aktiviti forest bathing, rundingan dan permit daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) perlu didapatkan terlebih dahulu bagi mana-mana kawasan hutan terpilih.*



Contoh aktiviti *forest bathing* di Tropical Spice Garden, Pulau Pinang

Sumber: https://tsgspicefam.com/shop/p/fam-day-forest-bathing



Urutan tradisional Melayu

Sumber: https://www.makcikurutmuslimahspa.com/servis/

D. Pengurusan Keselamatan dan Kebersihan

Selaras dengan prinsip panduan, **elemen keselamatan** yang diberi penekanan adalah seperti berikut:

i. Produk rawatan yang digunakan mesti berdaftar dengan Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA) atau Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM), KKM.

ii. Peralatan pemadam api mesti disediakan dan sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.

iii. Semua laluan tangga, anjung tangga dan pintu pusat rawatan perlu bebas daripada sebarang halangan.

iv. Peti rawatan kecemasan perlu disediakan dan diletakkan di tempat mudah dicapai dan tidak berkunci.

v. Sebarang usaha pengubahsuaian struktur pusat rawatan perlu mendapatkan kebenaran daripada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) dan perakuan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).



Pemasangan alat pemadam api dan panduan penggunaan yang jelas perlu disediakan

Sumber: https://www.facebook.com/photo.php?fbid=853907366737828&id=100063557184932&set=a.502838155178086



Rawatan kiropratik

Sumber: https://www.fulshearkatychiro.com/meet-the-team

Sebarang kejadian tidak dijangka di pusat rawatan perlu direkod dan dilaporkan secara bertulis kepada pihak berkuasa berkaitan. Antaranya merangkumi:

i. Agensi Regulatori Farmasi Negara – reaksi negatif yang ditunjukkan oleh pelancong/ pelawat terhadap produk perubatan yang digunakan.

ii. Polis DiRaja Malaysia – kematian akibat daripada sebab yang tidak dapat dijelaskan, serta kecederaan pelancong yang disebabkan oleh pekerja pusat rawatan atau sebaliknya.

iii. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia – kebakaran di pusat rawatan yang mengakibatkan kematian atau kecederaan.

iv. Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Malaysia – penyalahgunaan peralatan perubatan secara sengaja dan boleh memberi kesan buruk kepada pelancong atau pekerja.

Bagi **elemen kebersihan**, aspek yang diberikan penekanan adalah:

i. Mematuhi amalan terbaik dalam penggunaan peralatan rawatan semasa penyediaan perkhidmatan seperti contoh, jarum akupunktur sekali guna untuk memastikan keselamatan pesakit terpelihara di tahap tertinggi.

ii. Peralatan rawatan perlu sentiasa diperiksa bagi memastikannya dalam keadaan baik dan boleh digunakan.

iii. Mensterilkan peralatan rawatan mengikut kaedah yang sesuai dan dibenarkan sebelum digunakan pada pelancong/ pelawat.

iv. Penggunaan semula tuala yang tidak/ belum dicuci adalah dilarang sama sekali.

v. Kemudahan tandas dan membasuh perlu disediakan seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa melesen.

vi. Kemudahan membasuh hendaklah dalam keadaan bersih pada setiap masa, diselenggara dan dibaiki, apabila perlu.

vii. Persekitaran dalaman dan luaran pusat rawatan perlu dijaga kebersihannya, serta bebas daripada longgokan kotoran dan sampah.



Mensterilkan peralatan rawatan seperti bekam secara berkala dan/ atau sebelum digunakan kepada pesakit

Sumber: https://beecost.com.my/raya-saless-uv-sterilizer-mega-type-recomended-product-p.1__7605448477__85884965



Contoh *forest bathing* di The Habitat, Pulau Pinang

Sumber: http://www.syafiqahhashimxoxo.com/2020/10/pengalaman-forest-bathing-dekat-habitat.html

Bagi aktiviti *forest bathing*, pengurusan keselamatan dan kesihatan peserta, serta impak kepada alam sekitar juga adalah penting dengan:

i. Menyediakan SOP kecemasan, bantuan kecemasan, serta kaedah pengurusan risiko keselamatan dan kesihatan.

ii. Mengehadkan bilangan peserta bagi mengelakkan kesesakan dan mengurangkan impak kepada alam semula jadi.

iii. Menggalakkan peserta untuk memakai pakaian dan kasut yang bersesuaian.

iv. Menetapkan laluan khas bagi mengelakkan kerosakan flora dan fauna.

v. Mengamalkan prinsip '*leave no trace*'.

vi. Menjalankan aktiviti pemuliharaan dan pembersihan kawasan (sampah) secara berkala.

E. Pengurusan Sisa Perubatan dan Sisa Domestik

Sisa rawatan (klinikal) perlu diurus mengikut *standard* dan piawaian yang ditetapkan, termasuklah:

i. Mengasingkan sisa klinikal (seperti linen terpakai) dan peralatan rawatan (seperti jarum akuapunktur) dengan menggunakan beg sisa berdasarkan kod warna ditetapkan.

ii. Menjalankan aktiviti penyimpanan dan pelupusan sisa klinikal menerusi pengendali yang dilesenkan oleh JAS.

iii. Menyediakan inventori sisa klinikal dijana dan dilupuskan untuk pelaporan kepada JAS.

iv. Mematuhi ketetapan lain dalam Garis Panduan Pengendalian dan Pengurusan Sisa Klinikal di Malaysia (JAS, 2009).

Sisa domestik perlu disimpan dalam bekas tertutup dan dibersihkan setiap hari. Kakitangan perlu membasuh tangan dengan sempurna selepas mengendalikan bahan buangan.



Penyediaan tong sampah berasingan untuk pengasingan sisa klinikal dan sisa domestik

Sumber: https://chemisi.blogspot.com/2012/10/tong-sampah.html

F. Penyediaan Pakej Pelancongan Kesejahteraan

Pakej pelancongan rawatan perlu disediakan secara menyeluruh dengan merangkumi sesi rawatan dan penjagaan kesihatan, bilik penginapan serta perkhidmatan pengangkutan dan perkhidmatan pengiring bagi memenuhi keperluan pelancong/ pelawat.

Perkhidmatan jurubahasa dan sokongan khas juga perlu dirancang dan disediakan, terutamanya untuk pelancong/ pelawat dari Asia Barat, Indonesia dan China bagi mengatasi halangan untuk berkomunikasi.



Contoh pakej pelancongan kesejahteraan

Sumber: "Wellness Tourism Packages – 2025/2026" (Tourism Malaysia)

G. Pembangunan Aktiviti Pendidikan dan Interaktif

Pendidikan dan interaktif merupakan antara komponen penting untuk diberi penekanan dalam pelancongan kesihatan (kesejahteraan) bagi mendidik pelancong/ pelawat tentang kepentingan kesejahteraan diri melalui aktiviti seperti gaya hidup sihat, yoga, refleksologi, spa dan terapi semula jadi (herba). Oleh itu, ia boleh diteliti kepada beberapa aspek berikut:

i. *Storytelling* mengenai herba tempatan, rawatan semula jadi atau rawatan tradisional.
ii. Naratif tentang keseimbangan jasmani, rohani dan alam sekitar.
iii. Aktiviti interaktif seperti yoga, refleksologi, spa herba atau bengkel gaya hidup sihat.

Bagi membangunkan produk pelancongan yang berfungsi sebagai medium pendidikan, kemudahan tambahan perlu direka bentuk secara mesra pelancong/ pelawat dan interaktif. Antaranya seperti:

i. Menyediakan sudut maklumat di ruangan menunggu, seperti dari segi jenis perkhidmatan dan kaedah perubatan yang ditawarkan.
ii. Menyediakan kaunter informasi dan menugaskan pengamal atau pembantu pengamal perubatan berdaftar supaya sedia menjawab pertanyaan dari pelancong/ pelawat.
iii. Menyediakan ruangan rawatan terbuka untuk berfungsi sebagai ruangan demonstrasi semasa sesi rawatan dijalankan. Seperti demonstrasi urutan refleksologi.
iv. Menyediakan risalah, poster, infografik, video pendek atau bahan digital dalam pelbagai bahasa dari segi faedah rawatan tradisional dan komplementari, panduan penggunaan ubat-ubatan berasaskan herba bersama ubat sintetik.
v. Menyediakan ruangan pameran hasil penyelidikan tanaman herba/ ubat tradisional atau inovasi teknologi dalam pelancongan kesejahteraan yang boleh digunakan oleh pelancong, pengamal dan institusi pendidikan untuk rujukan ilmiah dan kolaborasi akademik.



Contoh risalah maklumat jenis dan kaedah rawatan tradisional Cina yang sesuai diwujudkan untuk paparan kepada pelancong

Sumber: https://www.facebook.com/photo/?fbid=116833211208135&set=a.110964671794989

6.2.2 Pengurusan pelancong/ pelawat dan sumber tenaga manusia.

Pengurusan pelancong/ pelawat dan sumber tenaga manusia mempunyai tiga (3) elemen iaitu pengurusan kepentingan dan aduan pelancong/ pelawat, pengurusan pengamal perubatan dan pekerja dan pembangunan komuniti setempat.


A. Pengurusan Kepentingan dan Aduan Pelancong/ Pelawat

Bagi memelihara kepentingan dan kebajikan pelancong/ pelawat, beberapa standard perlu dipatuhi oleh operator, termasuklah:

i. Memberi penerangan kepada pelancong/ pelawat tentang kaedah dan prosedur rawatan yang akan dijalankan. Borang kebenaran perlu disediakan untuk pengesahan kebenaran sebelum rawatan dimulakan.
ii. Bagi pelancong/ pelawat bawah umur dan/ atau mereka yang tidak berupaya kerana kecederaan atau penyakit, kebenaran hendaklah diperolehi daripada waris atau penjaga yang sah.
iii. Borang kebenaran pelancong/ pelawat perlu difailkan dengan betul dan lengkap.
iv. Semua butiran rekod diagnosis dan rawatan pelancong/ pelawat mesti dianggap sulit dan tidak harus didedahkan kepada pihak ketiga tanpa kebenaran daripada pelancong/ pelawat.

Operator atau pihak pengurusan pusat rawatan harus mewujudkan sistem dan pelan pengurusan aduan yang merangkumi kaedah untuk mendidik pelancong/ pelawat dari segi hak mereka, kaedah untuk mengemukakan aduan dan prosedur pengurusan aduan pelancong/ pelawat (**Rajah 6.4**).

Rajah 6.4: Contoh Kerangka Pengurusan Aduan Pelancong/ Pelawat



Sumber: PPPNS (2025).

B. Pengurusan Pengamal Perubatan dan Pekerja

Setiap pengamal perubatan perlu berdaftar dengan Badan Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) bagi memastikan perkhidmatan rawatan yang ditawarkan kepada pelancong/ pelawat adalah selamat.

Merujuk kepada Perintah Perubatan Tradisional dan Komplementari (Penetapan Badan Pengamal) 2020 [P.U. (A) 74], badan pengamal yang dilantik oleh KKM mengikut bidang amalan adalah seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2: Senarai Badan Pengamal Perubatan Mengikut Bidang Amalan Diiktiraf.

Bil.	Badan Pengamal Ditetapkan	Bidang Amalan Diiktiraf
1.	**Gabungan Pertubuhan Pengamal Perubatan Tradisional Melayu Malaysia**	Perubatan Tradisional Melayu
2.	**Persatuan Tabib Tionghoa Malaysia**	Perubatan Tradisional Cina
3.	**Pertubuhan Perubatan Tradisional India, Malaysia**	Perubatan Tradisional India
4.	**Majlis Pertubuhan Homeopathy Malaysia**	Homeopati
5.	**Gabungan Pertubuhan Perubatan Komplementari dan Alami Malaysia**	Kiropraktik dan Osteopati
6.	**Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kabajikan Islam Malaysia**	Amalan Pengubatan Islam


Sumber: Perintah Perubatan Tradisional dan Komplementari (Penetapan Badan Pengamal) 2020" [P.U. (A) 74].



Contoh saranan KKM kepada orang ramai dalam konteks perubatan tradisional dan komplementari yang juga bertindak sebagai amaran penjagaan etika kepada para pengamal perubatan tradisional dan komplementari

Sumber: https://hq.moh.gov.my/tcm/ms/

Rajah 6.5: Proses Pendaftaran Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari



Nota: MPTK - Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari
Sumber: Olahan daripada Garis Panduan Pendaftaran Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari Tempatan (KKM, 2021).

C. Pembangunan Komuniti Setempat

Pembangunan komuniti setempat bukan sekadar memberi peluang pekerjaan, tetapi juga meningkatkan daya tahan sosial, kesejahteraan ekonomi, serta pengekalkan identiti budaya tempatan. Prinsip asas pembangunan ini adalah:

i. Komuniti tempatan mesti menjadi penerima manfaat utama daripada pembangunan pelancongan kesihatan (kesejahteraan).

ii. Semua inisiatif perlu mengutamakan pemerkasaan, penyertaan aktif dan pembangunan kapasiti.

iii. Aktiviti yang dibangunkan perlu selaras dengan budaya, adat resam, dan identiti tempatan tanpa mengganggu keharmonian sosial setempat.

Jadual 6.3: Strategi Pembangunan Komuniti Setempat

Bil.	Tujuan	Kaedah Pelaksanaan	Jangkaan Impak Pelaksanaan
1.	**Peningkatan Ilmu dan Kemahiran Dalam Konteks Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan)**		
	Membekalkan komuniti dengan ilmu dan kemahiran asas dalam konteks pelancongan kesejahteraan (rawatan tradisional dan komplementari, aktiviti kesejahteraan)	▪ Menyediakan latihan dan kursus seperti urutan tradisional, penanaman dan pengurusan pokok herba, refleksologi dan penjagaan kesihatan ▪ Menyediakan latihan tentang teknik *forest bathing*, keselamatan, komunikasi dan interpretasi alam semula jadi	▪ Melahirkan komuniti yang celik kesejahteraan hidup ▪ Meningkatkan peluang pekerjaan dalam sektor pelancongan kesihatan (kesejahteraan)
2.	**Pemerkasaan Peranan Komuniti Dalam Penyediaan Perkhidmatan Pelancongan**		
	Menggalakkan komuniti tempatan untuk berperanan aktif dalam penyediaan perkhidmatan pelancongan	▪ Menawarkan peluang kepada penduduk untuk menjadi pengamal perubatan tradisional, pengendali perkhidmatan spa kampung, pengiring (*guide*) *forest bathing* ▪ Menyelaraskan perkhidmatan komuniti dengan piawaian keselamatan, kebersihan dan kesihatan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa	▪ Meningkatkan pendapatan isi rumah ▪ Menggalakkan rasa pemilikan komuniti setempat terhadap sektor pelancongan kesihatan (kesejahteraan) ▪ Menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi dan sosial setempat

Bil.	Tujuan	Kaedah Pelaksanaan	Jangkaan Impak Pelaksanaan
3.	**Penghasilan Produk Tempatan yang Bernilai Komersial**		
	Membangunkan produk kesihatan tradisional tempatan sebagai sumber pendapatan dan tarikan pelancong.	▪ Menggalakkan penghasilan produk berasaskan herba seperti teh kesihatan, minyak urut dan produk aromaterapi ▪ Menyediakan latihan keusahawanan dan pensijilan produk (HALAL, GMP, MESTI). ▪ Memasarkan produk di pusat rawatan penjagaan kesihatan secara atas talian	▪ Menjana ekonomi mikro dan meningkatkan peluang keusahawanan ▪ Menggalakkan inovasi dalam produk kesihatan tradisional ▪ Meningkatkan daya tarikan pelancongan berasaskan komuniti
4.	**Integrasi Budaya dan Warisan dalam Pakej Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan)**		
	Menjadikan pelancongan kesihatan (kesejahteraan) sebagai pengalaman menyeluruh yang menggabungkan elemen kesihatan, budaya dan warisan	▪ Merangka pakej pelancongan yang menggabungkan rawatan tradisional, makanan sihat tempatan, seni budaya dan terapi semula jadi ▪ Menyediakan persembahan seni, kelas masakan herba, aktiviti adat budaya dalam jadual perjalanan pelancongan ▪ Melibatkan penggiat budaya dan seniman tempatan	▪ Memelihara dan memulihara warisan budaya tempatan ▪ Meningkatkan nilai tambah pelancongan kesihatan (kesejahteraan) ▪ Mewujudkan sinergi antara budaya dan kesihatan (kesejahteraan)

Sumber: PPPNS (2025).

6.3 Pelaksanaan Panduan

Bagi memastikan pembangunan pelancongan kesihatan (kesejahteraan) berjalan secara teratur dan mampan, mekanisme kawalan dan pemantauan yang jelas perlu dilaksanakan. Pihak berkuasa tempatan (PBT) bersama agensi dan jabatan teknikal berkaitan hendaklah menilai setiap cadangan pembangunan pelancongan melalui proses kebenaran merancang (KM), termasuk syarat-syarat teknikal berkaitan dari segi keselamatan, kebersihan dan kesihatan awam.

Merujuk kepada **Jadual 6.4**, proses KM di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] adalah mandatori bagi mana-mana cadangan yang melibatkan pembangunan bangunan kekal sebagai pusat rawatan atau perubahan kepada struktur kedai pejabat/ rumah kedai sedia ada. Permohonan KM bagi pusat rawatan perlu dikemukakan kepada PBT bersama pelan susun atur tapak, pelan bangunan, laporan teknikal, serta pematuhan kepada keperluan dan syarat teknikal seperti daripada JBPM Negeri Selangor serta Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS).

Untuk pengoperasian pusat rawatan, permohonan lesen perniagaan dan lesen aktiviti perlu dikemukakan kepada PBT untuk kelulusan serta diperbaharui setiap tahun. Manakala pengamal perubatan, sama ada operator atau sebagai pekerja di pusat rawatan perlu berdaftar dengan Badan Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) dan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari (MPTK).

Jadual 6.4: Kawalan dan Pemantauan Berkala Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan)

Bil.	Aspek Kawalan	Agensi Bertanggungjawab	Kaedah Kawalan/ Pemantauan
1.	Kawalan lokasi/ tapak (zoning guna tanah, reka bentuk pusat rawatan, laluan aktiviti *forest bathing*)	PBT, agensi teknikal lain yang berkaitan	Proses KM, semakan keserasian zoning guna tanah, semakan pelan tapak dan syarat teknikal
		PBT, JPNS, JBPM	Semakan kesesuaian laluan dan lokasi anjuran aktiviti *forest bathing* dari segi risiko bahaya dan laluan kecemasan
2.	Lesen perniagaan dan aktiviti (perkhidmatan) rawatan dan penjagaan kesihatan	PBT, JKNS, BPTK, MPTK	Pemeriksaan fizikal premis, semakan sijil dan dokumen sokongan berkaitan, bagi operator, pengamal perubatan dan pekerja
3.	Pendaftaran pengamal perubatan dan pembantu pengamal perubatan	BPTK, MPTK	Semakan pendaftaran, kelayakan (akademik) dan pengalaman, pusat rawatan dan amalan dipraktiskan
	Pendaftaran jurupandu *forest bathing*	PBT	Semakan pendaftaran, kelayakan (akademik) dan pengalaman, laluan dan lokasi aktiviti dipraktiskan
4.	Kualiti produk herba dan kesihatan tradisional	NPRA, BKKM (KKM)	Ujian makmal, pemeriksaan pengeluaran dan pelabelan produk
5.	Keselamatan dan kebersihan pusat rawatan, serta laluan dan lokasi *forest bathing*	PBT, JBPM, JKNS, JPNS	Lawatan fizikal, semakan prosedur keselamatan dan kebersihan, audit (laporan) sanitasi
6.	Keselamatan dan kerahsiaan pelancong/ pelawat	JKNS, BPTK, MPTK	Audit dokumentasi dan protokol privasi
7.	Promosi digital dan iklan kesihatan	PBT, MCMC, KKM	Pemantauan kandungan iklan di media sosial dan laman web operator
8.	Aduan dan maklum balas pelancong/ pelawat	JKNS/ BTPK, TSSB	Tinjauan pelancong/ pelawat, borang aduan dan audit kepuasan pelanggan

Sumber: PPPNS (2025).


Selain daripada kawalan dan pemantauan yang dijalankan oleh agensi-agensi tersenarai, operator harus mengamalkan pemantauan kendiri secara berkala dan semua laporan pemantauan dan audit perlu direkod dan disimpan dengan baik serta teratur bagi tujuan penilaian tahunan serta pembaharuan lesen perniagaan dan aktiviti.

6.3.1 Pemutihan Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan)

Proses pemutihan tapak pelancongan kesihatan (kesejahteraan) sedia ada bertujuan memastikan semua pusat kesihatan, spa, pusat rawatan tradisional, yoga *retreat*, refleksologi dan kemudahan kesejahteraan yang telah beroperasi tanpa kelulusan perancangan dapat disemak, dinilai dan diselaraskan semula mengikut keperluan perundangan dan keselamatan.

Langkah ini memastikan operasi pelancongan kesihatan (kesejahteraan) mematuhi piawaian perancangan fizikal, kesihatan awam dan kelestarian alam sekitar.

A. Pematuhan Minimum Tapak



i. Tapak hendaklah dikenal pasti melalui pemeriksaan bersama PBT dan agensi teknikal bagi menentukan kesesuaian lokasi, keluasan tapak, zon guna tanah dan akses jalan.

ii. Tapak yang berhampiran dengan kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) seperti sungai, kawasan hutan, tanah tinggi kawasan tadahan air atau penempatan perlu menyediakan zon penampan yang bersesuaian bergantung kepada ketetapan dan garis panduan agensi bertanggungjawab .

iii. Sekiranya tapak beroperasi di atas tanah pertanian, pemutihan hanya boleh dipertimbangkan bagi kemudahan sokongan seperti rumah rawatan atau spa berskala kecil tanpa menukar guna tanah utama.

iv. Bagi Pelancongan Inap Desa/ Inap Dusun yang menawarkan perkhidmatan pelancongan kesejahteraan sebagai tarikan, tetapi beroperasi tanpa kelulusan perancangan perlu rujuk bersama “Panduan Pelaksanaan Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun” dan “Garis Panduan Perancangan Pembangunan Premis Pelancongan Inap Dusun (GP5ID) Edisi Ke-2 (MPHS, 2025)” atau mana-mana piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

v. Susun atur kawasan pelawat, kemudahan parkir dan laluan keluar masuk perlu diluluskan semula melalui *as built plan* bagi mengelakkan gangguan kepada kawasan sekeliling.

B. Pematuhan Minimum Kemudahan

i. Kemudahan utama seperti ruang rawatan, bilik terapi, tandas, surau dan ruang menunggu perlu mematuhi piawaian kebersihan dan keselamatan yang ditetapkan oleh PBT dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

ii. Struktur kekal seperti bangunan spa, bilik rawatan atau dewan aktiviti perlu memohon Kebenaran Merancang (KM) Pendirian Bangunan (As-Built Plan) dan KM Perubahan Material Penggunaan Bangunan (Tempoh Terhad) daripada OSC PBT.

iii. Sistem pengudaraan, pembuangan sisa minyak urut dan sisa klinikal perlu mematuhi syarat dan garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Selangor.

iv. Bagi pusat rawatan tradisional, penggunaan bahan herba, minyak, dan air perlu dikawal dengan sistem saliran dan pembuangan sisa yang selamat.

C. Pematuhan Minimum Operasi

i. Setiap pengusaha perlu memiliki lesen operasi tahunan daripada PBT serta permit khas, jika menawarkan rawatan tradisional atau refleksologi.

ii. Kakitangan yang menjalankan urutan, refleksologi, atau terapi kesihatan perlu mempunyai kelulusan latihan atau pentauliahan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (BPTK).

iii. Operasi tapak mesti mempunyai prosedur dalaman yang merangkumi waktu operasi, keselamatan pelanggan, dan penyelenggaraan kemudahan.

iv. Tapak hendaklah menyediakan insurans liabiliti awam (public liability insurance) dan sistem aduan pelanggan yang berfungsi.

D. Pematuhan Minimum Undang-undang Berkaitan

i. Tapak tertakluk kepada Akta 172 bagi mendapatkan KM Pendirian Bangunan (As-Built Plan) dan KM Perubahan Material Penggunaan Bangunan (Tempoh Terhad).


ii. Premis perlu berlesen di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian serta Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

iii. Sekiranya menawarkan perkhidmatan refleksologi atau spa, pengusaha juga tertakluk kepada syarat dan permit khas Kementerian Kesihatan Malaysia (Bahagian Kesihatan Awam) dan PBT.

iv. Aktiviti yang dijalankan di kawasan rizab sungai atau tanah kerajaan perlu mendapatkan kelulusan khas daripada JPS dan PDT.

D. Proses Pemutihan Tapak Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan)

Rajah 6.6 Proses Pemutihan Tapak Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan)



Sumber: PPPNS (2025).

F. Prinsip Tambahan Pemutihan Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan)

i. Pemutihan tidak bertujuan untuk menggalakkan pembukaan pusat kesejahteraan tanpa kawalan, tetapi bagi mengesahkan operasi sedia ada agar selaras dengan undang-undang dan piawaian kesihatan.

ii. Tapak yang telah dipersetujui untuk pemutihan hendaklah mematuhi garis panduan tambahan berkaitan kebersihan, keselamatan pelanggan dan perlindungan alam sekitar.

iii. PBT perlu menyediakan daftar pemutihan tahunan bagi pusat kesejahteraan yang telah diluluskan untuk tujuan pemantauan dan pelaporan kepada UPEN Selangor dan Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor.

6.4 Pemantauan dan Penilaian

Pemantauan dan semakan berkala yang mana audit dan penilaian pematuhan SOP dilaksanakan secara konsisten untuk memastikan keberkesanan panduan di lapangan. Untuk itu, satu (1) kerangka pengurusan tugas, iaitu RACI (*Responsible, Acountable, Consulted* dan *Informed*) dicadangkan. Menerusi matriks RACI, peranan setiap pihak berkepentingan dapat dikenal pasti secara sistematik, mengurangkan pertindihan tanggungjawab dan memastikan pelaksanaan kawalan aktiviti berisiko secara lebih teratur dan berkesan. Matriks RACI terdiri daripada;

***Responsible* (R)** : Agensi/ individu yang melaksanakan kawalan di lapangan.

***Accountable* (A)** : Agensi utama yang bertanggungjawab penuh dalam memastikan kawalan terlaksana.

***Consulted* (C)** : Pihak yang perlu dirujuk untuk kepakaran teknikal/ pandangan.

***Informed* (I)** : Pihak yang perlu dimaklumkan hasil kawalan.

Jadual 6.5 menunjukkan perincian RACI bagi Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan).

Jadual 6.5: Perincian Pemantauan Aktiviti Pelancongan Kesihatan (Kesejahteraan) Menerusi RACI

Bil.	Aktiviti Pengurusan dan Aktiviti Berisiko	*Responsible* (R)	*Accountable* (A)	*Consulted* (C)	*Informed* (I)
1.	**Pendaftaran pelancong/ pelawat Pelancongan Kesejahteraan**	Pengamal Perubatan Berdaftar	Operator Pusat Rawatan	BPTK/ MPTK	PBT, MOTAC Selangor, TSSB
2.	**Penjadualan rawatan dan pengurusan tempahan jadual rawatan**	Pengurus Pusat Rawatan	Operator Pusat Rawatan	Pengamal Perubatan Berdaftar	Pelancong/ pelawat
3.	**Penyediaan dan pembersihan harian pusat rawatan**	Pekerja Pusat Rawatan	Pengurus Pusat Rawatan	PBT, JKNS	Pelancong/ pelawat
4.	**Penyampaian perkhidmatan rawatan dan penjagaan kesihatan (urutan, terapi, spa)**	Pengamal Perubatan Berdaftar	BPTK/ MPTK	Operator Pusat Rawatan	Pelancong/ pelawat
5.	**Pemantauan kualiti dan keselamatan rawatan dan penjagaan kesihatan**	Operator Pusat Rawatan	BPTK/ MPTK	KKM	Pelancong/ pelawat
6.	**Pengurusan produk dan peralatan rawatan (stok, pelabelan, penjualan)**	Pengurus Pusat Rawatan	Operator Pusat Rawatan	NRPA, BKKM	KKM, Pelancong/ pelawat
7.	**Pengendalian aduan dan maklum balas pelancong dan pelawat rawatan**	Pengurus Pusat Rawatan	Operator Pusat Rawatan	PBT, BPTK/ MPTK	Komuniti, Pelancong/ pelawat

Bil.	Aktiviti Pengurusan dan Aktiviti Berisiko	*Responsible* (R)	*Accountable* (A)	*Consulted* (C)	*Informed* (I)
8.	**Promosi dan pemasaran pakej dan aktiviti pelancongan kesejahteraan**	Operator Pusat Rawatan, TSSB	MOTAC, TSSB	BPTK/ MPTK	Media, Pelancong/ pelawat
9.	**Latihan dan pembangunan pengamal perubatan dan pekerja**	BPTK/ MPTK	KKM	Penyedia Pusat Latihan Kesihatan	Pengamal Perubatan Berdaftar

Sumber: PPPNS (2025).

Manakala **Jadual 6.6** menunjukkan perincian RACI bagi aktiviti kesejahteraan atau *forest bathing* secara khususnya.

Jadual 6.6: Perincian Pemantauan Aktiviti Kesejahteraan (*Forest Bathing*) Menerusi RACI

Bil.	Aktiviti Pengurusan dan Aktiviti Berisiko	*Responsible* (R)	*Accountable* (A)	*Consulted* (C)	*Informed* (I)
1.	**Pemilihan dan penilaian lokasi untuk aktiviti *forest bathing***	Operator/ jurupandu aktiviti	PBT	JPNS	Komuniti, agensi pelancongan
2.	**Penyediaan SOP dan pelan keselamatan aktiviti *forest bathing***	Operator/ jurupandu aktiviti	PBT	JBPM Negeri Selangor	Peserta aktiviti
3.	**Latihan pemandu aktiviti *forest bathing***	Insitut latihan luar negara[(a)]/ pengamal aktiviti luar negeri[(b)]	PBT	JKNS	Peserta aktiviti, komuniti
4.	**Promosi dan penjenamaan aktiviti *forest bathing***	Operator/ agensi pelancongan	TSSB	Operator/ pemandu aktiviti	Peserta aktiviti
5.	**Pelaksanaan aktiviti *forest bathing***	Jurupandu aktiviti	Operator aktiviti	JPNS	Peserta aktiviti
6.	**Pengumpulan maklum balas pelancongan dan penambahbaikan aktiviti**	Jurupandu aktiviti	Operator aktiviti	Peserta aktiviti	PBT

Nota:

[(a)] The Forest Bathing Institute (TFBI), berpusat di London, UK menawarkan latihan secara fizikal dan atas talian.

[(b)] The Habitat Penang Hill dan Tropical Spice Garden, produk pelancongan sedia ada yang beroperasi di Pulau Pinang.

Sumber: PPPNS (2025).

Untuk melaksanakan panduan pelaksanaan ini, tindakan pelaksanaan telah disenaraikan untuk menyemak pencapaiannya. Mekanisme pemantauan adalah dalam bentuk laporan pemantauan tahunan dan laporan maklum balas atau aduan pelancong/ pelawat. Laporan tahunan boleh dibuat semakan antara tiga (3) hingga lima (5) tahun sekali. **Jadual 6.7** menunjukkan senarai tindakan pelaksanaan dan cadangan indikator pemantauannya.

Jadual 6.7: Tindakan Pelaksanaan dan Cadangan Indikator Pemantauan Mengikut Komponen Kawalan Utama

Bil.	Komponen Utama	Tindakan Pelaksanaan	Pihak/ Agensi Pemantauan	Indikator Pemantauan (KPI)
1.	**Kawalan lokasi/ tapak (zoning guna tanah, reka bentuk pusat rawatan, laluan aktiviti *forest bathing*)**	▪ Mengenal pasti tapak yang bersesuaian ▪ Mereka-bentuk mengikut reka bentuk sejagat ▪ Mengenal pasti laluan dan lokasi *forest bathing* yang bersesuaian dan selamat	Operator, PBT, JPNS, JBPM	▪ Pematuhan kelas kegunaan tanah ▪ Pematuhan keperluan dan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan
2.	**Lesen perniagaan dan perkhidmatan rawatan dan penjagaan kesihatan, *forest bathing***	▪ Memohon lesen, permit kepada semua agensi teknikal dan beroperasi secara sah	Operator, PBT, JKNS, BPTK, MPTK	▪ 100% beroperasi secara sah
3.	**Pendaftaran pengamal perubatan dan pembantu pengamal perubatan**	▪ Berdaftar dengan badan pengamal lantikan KKM dan menyedia perkhidmatan secara sah	Operator (Pengamal Perubatan), BPTK, MPTK	▪ 100% pengamal perubatan berdaftar
	Pendaftaran pemandu aktiviti *forest bathing*	▪ Menyemak latihan dan pensijilan pemohon	Operator, PBT	▪ ≥ 90% pemandu bertauliah
4.	**Kualiti produk herba dan kesihatan tradisional**	▪ Mendaftar produk dengan KKM (NOT KKM)* ▪ Membuat ujian makmal secara berkala	Operator, NPRA, BKKM (KKM)	▪ ≥ 95% ada NOT KKM ▪ 0 produk gagal ujian keselamatan
5.	**Keselamatan dan kebersihan premis, serta laluan dan lokasi aktiviti *forest bathing***	▪ Memeriksa peralatan keselamatan secara berkala ▪ Menilai risiko laluan dan lokasi aktiviti	Operator, JBPM, JKNS	▪ Audit sekali setahun. ▪ 0 insiden/ tahun.
6.	**Keselamatan dan kerahsiaan pelancong/ pelawat**	▪ Mewujudkan prosedur kerahsiaan data peribadi ▪ Menyediakan latihan pekerja berkaitan PDPA	Operator (pengamal perubatan), BPTK, MPTK	▪ ≥ 90% pekerja lengkap latihan PDPA.
7.	**Promosi digital dan iklan kesihatan**	▪ Menyemak kandungan promosi oleh pihak berkuasa dan pemantau. ▪ Menggunakan maklumat diluluskan oleh KKM	Operator (Pengamal Perubatan), MCMC, BPTK, MPTK, KKM	▪ 100% iklan mematuhi garis panduan berkaitan. ▪ ≤ 1 pelanggaran iklan direkodkan.
8.	**Aduan dan maklum balas pelancong/ pelawat**	▪ Menyediakan prosedur pengurusan rungutan ▪ Menyediakan laporan analisis maklum balas dan aduan pelancong	Operator (Pengamal Perubatan), JKNS/ BTPK, TSSB	▪ ≥ 90% aduan diselesaikan antara 5-7 hari. ▪ Kepuasan pelanggan ≥ 85%.

Nota:* "NOT KKM" = Nombor Notifikasi KKM - bukti produk kosmetik/ herba/ tradisional telah dimaklum kepada dan diterima oleh KKM, khususnya NPRA.

* 5% margin untuk kes-kes seperti produk baharu dipasarkan, dokumentasi dalam proses atau bekalan produk alternatif sementara

Sumber: PPPNS (2025).



7

PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN BANDAR DAN GAYA HIDUP

7.1 Pendahuluan

7.2 Komponen Utama Panduan

7.3 Pelaksanaan Panduan

7.4 Pemantauan dan Penilaian




Mitsui Outlet Park, Sepang

Sumber: PPPNS (2025)

BAB 7
PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN BANDAR DAN GAYA HIDUP

7.1 Pendahuluan

Pelancongan bandar dan gaya hidup semakin berkembang dan menjadi sebagai salah satu segmen utama dalam industri pelancongan moden, dengan penekanan kepada pengalaman autentik, kepelbagaian budaya, dan keunikan destinasi. Terdapat empat (4) kategori utama di bawah Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup: Rujuk **rajah 7.1** sehingga **rajah 7.10** bagi taburan pelancongan bandar dan gaya hidup di dalam Negeri Selangor



Sehingga Ogos 2025, sebanyak 225 produk pelancongan bandar dan gaya hidup telah dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor. Ianya meliputi 27 taman tema, 31 pusat MICE, 85 produk kulinari dan 82 pusat membeli-belah.



Pelancongan membeli belah merupakan antara pemacu utama kerana ia bukan sahaja meningkatkan perbelanjaan pelancong malah memperkukuh daya tarikan destinasi melalui pusat beli-belah, pasar raya, butik berjenama serta pasar tradisional yang menawarkan pengalaman unik dan autentik.

Pelancongan kulinari adalah elemen teras yang bukan sahaja mempamerkan identiti makanan sesuatu tempat, tetapi juga menghubungkan masyarakat tempatan dengan pelawat melalui citarasa dan warisan.

Pelancongan MICE (*Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions*) pula berperanan penting dalam menjadikan sesebuah destinasi lebih berdaya saing di peringkat serantau dan antarabangsa. Penganjuran acara berskala besar bukan sahaja merangsang sektor perhotelan dan perkhidmatan, malah turut membawa limpahan ekonomi kepada pengangkutan, katering serta aktiviti sokongan lain.

Pelancongan taman tema turut menjadi tarikan utama kerana ia menawarkan pengalaman rekreasi dan hiburan yang sesuai untuk semua peringkat umur. Kehadiran taman tema bertaraf antarabangsa serta taman hiburan berkonsepkan budaya tempatan bukan sahaja menarik kunjungan pelancong domestik dan luar negara, malah memperkukuh imej destinasi sebagai pusat hiburan keluarga.

Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong

Rajah 7.1:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN BANDAR DAN GAYA HIDUP NEGERI SELANGOR

Daerah Petaling

P1 KidZania Kuala Lumpur
P2 Starship Galactica
P3 Amped Trampoline Park
P4 Air Rider, Flowrider, NextGen Theme Park @ 1 Utama
P5 Jungle Gym Starling Mall
P6 Jungle Gym Atria
P7 Jumpstreet Asia
P8 Escape Petaling Jaya
P9 Sunway Lagoon
P10 Wet World Water Park Shah Alam
P11 i-City Theme Park
P12 Jungle Gym i-City
P13 One World Hotel Convention Centre
P14 Global Business and Convention Centre
P15 White Ballroom PJ
P16 Sunway Pyramid Convention Centre
P17 Mines Internasional Exhibition and Convention Cent
P18 MMSA Convention Centre
P19 Ideal Convention Centre
P20 Dewan Bankuet MBSA
P21 Shah Alam Convention Centre
P22 Dewan Agong Tuanku Canselor
P23 Dewan Raja Muda Musa
P24 Setia Alam Convention Centre
P25 Marche @ The Curve
P26 Restoran Village Park
P27 Food Foundry @ Happy Mansion
P28 Murni & SS2
P29 Durian SS2
P30 Uncle Don's
P31 Williams Mamak
P32 Kafe Bawang Merah
P33 Kafe Jibby & Co
P34 Hadramawt Kitchen Shah Alam
P35 Sugar and I
P36 Anggerik Kuning
P37 Oiso Korean Traditional Cuisine
P38 Funx World
P39 The Third Letter
P40 One Serambi Cafe
P41 Mozer's Bukit Jelutong
P42 Restoran Zam Zam
P43 Restoran Sisik
P44 Rojak Karim & Cendol
P45 Hot Pindang Kitchen
P46 Nippon Sushi Shah Alam
P47 Cendol Pak Akob
P48 Azmi Goreng Pisang
P49 Al-Rawsha Restaurant
P50 P&C Kitchen
P51 Galbi King Olban
P52 Hong Dae Ip Gu
P53 Utrapolis Marketplace
P54 Selera Kampung Kite
P55 SB Mall Sungai Buloh
P56 Elmina Lakeside Mall
P57 Star Avenue
P58 One Utama Shopping Centre
P59 3 Damansara
P60 Atria Shopping Gallery
P61 Amcorp Mall
P62 The Mines Shopping Mall
P63 Beryl's Chocolate Shop & Museum
P64 Car Boot Sale Dataran Niaga Puchong Permai
P65 IOI Mall Puchong
P66 Setiawalk Puchong
P67 Main Place
P68 One City Mall
P69 Da Men USJ
P70 Mydin Mall
P71 Summit USJ
P72 Sunway Pyramid Shopping Mall
P73 AEON Big Subang Jaya
P74 Subang Parade Shopping Centre
P75 NU Empire Shopping Gallery
P76 AEON Mall Shah Alam
P77 Plaza Shah Alam
P78 Plaza Alam Sentral
P79 SACC Mall
P80 PKNS Komplex Shah Alam
P81 Central i-City
P82 BookExcess Sunsuria Forum
P83 Setia City Mall

Daerah Gombak

G1 Funpark @ Gamuda Luge Garden
G2 iDEAL Convention Centre
G3 Shenga Convention Hall
G4 Melawati Convensyen Center, Taman Melawati
G5 Gerai Roti Leleh, Batu Arang
G6 Restoran Chin Hiong
G7 De Chiang Mai
G8 Drip & Dutch
G9 Orchard D' Lagong Cafe
G10 Nasi Lemak Ujang
G11 Ra.Re @ Gombak
G12 Restoran Long Kee Teow Chew Seafood
G13 Restoran Sri Ledang Briyani
G14 Kari Kepala Ikan Sg
G15 Nostalgia Kopitiam
G16 Restoran Itik ke Ayam, Taman Melawati
G17 AEON Anggun Rawang
G18 Giant Rawang
G19 Lotus's Rawang
G20 168 Park Mall Selayang
G21 Selayang Capitol
G22 Selayang Mall
G23 Melawati Mall

Daerah Hulu Langat

T1 Skytrex Chongkak
T2 Monkey Canopy
T3 Semenyih Eco Venture
T4 Rinching ATV
T5 Ostrich Wonderland
T6 Paradise Valley
T7 Beranang Horizon Circuit
T8 Bangi Wonderland Theme Park & Resort
T9 Bangi Avenue Kingdom
T10 Amazing Creations Banquet Hall
T11 Ara Eventhall @ Ampang Putra
T12 Camelia Event Space @ Fiesta Mall, Axis Pandan
T13 Bangi Resort Hotel
T14 Hotel Tenera
T15 Bangi Convention Centre
T16 Bangi Avenue Convention Centre
T17 Laman Selera MPAJ
T18 Ibrahim Fatty Crab
T19 Sepetang Cafe
T20 Restoran Haji Samuri
T21 Bangi Square 2
T22 Ramal Junction
T23 Sate Willy
T24 D'limau Nipis
T25 Restoran Mak Kimbong
T26 Ana Ikan Bakar
T27 Kedai Cantik
T28 Ampang Point Shopping Center
T29 Galaxy Ampang Mall
T30 Spektrum Bandar Baru Ampang
T31 Lotus Ampang
T32 Mid Point Shopping Center
T33 AEON Big Ampang
T34 AEON Mahkota Cheras
T35 AEON Mall Cheras Selatan
T36 Metro Point Complex (MPC)
T37 Plaza Metro Kajang
T38 Evo Mall
T39 Bangi Sentral
T40 Jakel
T41 Bangi Gateway Shopping Complex
T42 Bangi Gateway
T43 Setia Ecohill
T44 Axis Fiesta @ Axis Pandan

Daerah Sepang

S1 District 21
S2 Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS)
S3 IOI Grand Exhibition and Convention Centre
S4 Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan OKU (PLP
S5 Movenpick Hotel & Convention Centre KLIA
S6 Cafe Goat 2 Go
S7 Tapak Urban Street Dining
S8 Restoran One One Three Seafood
S9 Laman Cafe
S10 Razak Patin Tempoyak
S11 HL Restaurant and Cafe
S12 IOI City Mall
S13 Restoran Terapung HM Sri Bagan
S14 D'Pulze Shopping Centre
S15 Tamarind Square
S16 Kip Mall Kota Warisan
S17 Mitsui Outlet Park
S18 Gateway @ KLIA2

Daerah Kuala Selangor

R1 Pasar Malam Pekan Tg. Karang
R2 Pasar Sehari Tg Karang (Ahad - Isnin)
R3 One Plaza Kuala Selangor
R4 Jaya Grocer Puncak Alam
R5 KIP Mall Desa Coaldfields
R6 Pasar Malam Bandar Saujana Utama

Daerah Klang

K1 Hotel Wyndham Acmar Klang
K2 Grand Centro Ballroom Klang
K3 Sate Famili
K4 Nasi Kukus Sotong Besar
K5 Lontong Klang
K6 Cendol Klang
K7 Restoran Seng Huat (Bak Kut Teh) Klang
K8 Yap Kee Banana Leaf
K9 Chong Kok Kopitiam
K10 Mohana Bistro
K11 Andak Claypot Asam Pedas
K12 Bamboo Briyani
K13 Gula Cakery
K14 Port Village Seafood
K15 Pasar Jawa
K16 Jalan Tengku Kelana " juga dikenali sebagai Little
K17 AEON Bukit tinggi
K18 Pusat Borong GM Klang

Daerah Kuala Langat

L1 Splashmania Water Park @Gamuda Cove
L2 Riverine Splash @ Amverton Cove
L3 Gold Coast Morib
L4 Viking Seafood
L5 Nasi Lemak Sotong
L6 Wak Dol Soto
L7 Asam Batu Laut Restoran
L8 Cafe Cikgu
L8 Quayside Mall
L10 Sanctuary Mall

Daerah Hulu Selangor

H1 People's Market @ Temasya Jalanan KKB
H2 Flea Market Lorong Seni, KKB
H3 Econsave Batang Kali
H4 World of Phalaenopsis Ulu Yam
H5 Rumah Hutan Bonda Rozita Ibrahim
H6 Lotus Bukit Beruntung

Daerah Sabak Bernam


B1 Grand Sabak Hotel & Mini Convention Centre
B2 Makanan bertalam Dulang Artok
B3 Ali Ikan Sungai Besar
B4 Makanan Eksotik Lembah Bernam
B5 Bahulu Masri

Petunjuk:

- Pelancongan Taman Tema
- Pelancongan MICE
- Pelancongan Kulinari
- Pelancongan Membeli-Belah
- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Sumber: PPPNS (2025)

Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong



Rajah 7.2:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN BANDAR DAN GAYA HIDUP DAERAH PETALING

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Taman Tema
- Pelancongan MICE
- Pelancongan Kulinari
- Pelancongan Membeli-Belah

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Lapangan Terbang

Pelan Kunci





Rajah 7.3:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN BANDAR DAN GAYA HIDUP DAERAH GOMBAK

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Taman Tema
- Pelancongan MICE
- Pelancongan Kulinari
- Pelancongan Membeli-Belah

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Lapangan Terbang

Pelan Kunci





Rajah 7.4:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN BANDAR DAN GAYA HIDUP DAERAH KLANG

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan MICE
- Pelancongan Kulinari
- Pelancongan Membeli-Belah

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci





Rajah 7.5:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN BANDAR DAN GAYA HIDUP DAERAH HULU LANGAT

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Taman Tema
- Pelancongan MICE
- Pelancongan Kulinari
- Pelancongan Membeli-Belah

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM

Pelan Kunci





Rajah 7.6:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN BANDAR DAN GAYA HIDUP DAERAH SEPANG

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Taman Tema
- Pelancongan MICE
- Pelancongan Kulinari
- Pelancongan Membeli-Belah

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Lapangan Terbang

Pelan Kunci





Sumber: PPPNS (2025)

Rajah 7.7:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN BANDAR DAN GAYA HIDUP DAERAH KUALA LANGAT

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Taman Tema
- Pelancongan Kulinari
- Pelancongan Membeli-Belah

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci





Rajah 7.8:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN BANDAR DAN GAYA HIDUP DAERAH HULU SELANGOR

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Membeli-Belah

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM

Pelan Kunci





Rajah 7.9:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN BANDAR DAN GAYA HIDUP DAERAH KUALA SELANGOR

Petunjuk:

Pelancongan

- Pelancongan Membeli-Belah

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci





Rajah 7.10:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN BANDAR DAN GAYA HIDUP DAERAH SABAK BERNAM

Petunjuk:

Pelancongan

- Pelancongan MICE
- Pelancongan Kulinari
- Pelancongan Membeli-Belah

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci



7.1.1 Definisi

Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup merujuk kepada aktiviti pelancongan berasaskan tarikan moden yang berkembang di kawasan bandar. Kategori ini merangkumi taman tema, pelancongan perniagaan dan acara (MICE), kulinari moden dan tradisi, serta pelancongan membeli-belah yang secara keseluruhannya membentuk ekosistem pelancongan berimpak tinggi dan berorientasikan gaya hidup kontemporari.

7.1.2 Subkategori Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup

Pelancongan bandar dan gaya hidup merupakan segmen pelancongan yang berfokus kepada pengalaman moden, budaya, dan berorientasikan gaya hidup di kawasan bandar. Ia merangkumi aktiviti membeli-belah di pusat komersial dan pasar raya, menikmati keunikan makanan warisan tempatan melalui pelancongan kulinari, menghadiri mesyuarat, persidangan dan pameran (MICE), serta berhibur di taman tema dan destinasi rekreasi berkonsepkan hiburan. Perincian subkategori pelancongan bandar dan gaya hidup adalah seperti di **Jadual 7.1.**

Jadual 7.1: Subkategori Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup

Bil.	Subkategori	Fokus	Ciri Utama	Contoh Aktiviti	Contoh Lokasi
1.	**Membeli-belah**	Menjadikan Selangor sebagai destinasi membeli-belah dan gaya hidup utama	Kompleks beli-belah moden, pusat fesyen, barangan mewah dan tempatan	Membeli-belah, karnival jualan, festival fesyen	1 Utama, *Sunway Pyramid*, *Mitsui Outlet Park*, IOI *City Mall*, SACC Mall
2.	**Kulinari**	Mengangkat makanan warisan tempatan sebagai tarikan pelancongan	Keunikan warisan kulinari, makanan viral, kepelbagaian etnik	*Food hunting*, *food trail*, festival makanan, kelas memasak	Sate Kajang Haji Samuri, SS2 Selera Malam, *i-City Food Street*
3.	**MICE**	Menjadikan Selangor hub konvensyen dan pameran antarabangsa	Kemudahan mesyuarat, pameran berskala besar, akses mudah ke KLIA	Persidangan, pameran perdagangan, acara korporat	MITEC (bersempadan KL–Selangor), Setia *City Convention Centre*, dan Shah Alam *Convention Centre* (SACC)
4.	**Taman Tema**	Menyediakan tarikan rekreasi keluarga dan pelancong antarabangsa	Hiburan moden, permainan air, tarikan interaktif dan berteknologi	Aktiviti riadah keluarga, tunggangan bertema, pertunjukan hiburan	*Sunway Lagoon*, *i-City Water Theme Park, Wet World* Shah Alam, Bangi *Wonderland*

7.1.3 Objektif Panduan

Secara umumnya, panduan pelaksanaan bagi kategori pelancongan bandar dan gaya hidup adalah menjadikan bandar sebagai pusat pelancongan gaya hidup yang holistik melalui penawaran produk berasaskan hiburan, seni budaya, rekreasi, riadah, serta aktiviti komuniti yang memberi pengalaman menyeluruh kepada pengunjung. Objektif bagi panduan pelancongan bandar dan gaya hidup adalah seperti berikut:

1. **Menjadikan bandar sebagai destinasi pelancongan gaya hidup** yang dinamik melalui panduan pembangunan pusat beli-belah yang menekankan keselesaan, keselamatan dan kepelbagaian produk sekaligus meningkatkan ekonomi setempat.

2. **Memperkukuh identiti makanan tempatan** dengan mengangkat keunikan tempat makan popular, restoran ikonik, serta destinasi kulinari sebagai aset pelancongan serta mengurus produk serta kemudahan kulinari secara tersusun.

3. **Menjadikan bandar sebagai hab penganjuran mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran** yang berdaya saing melalui penyediaan kemudahan moden, sokongan logistik yang efisien serta rangkaian hospitaliti yang komprehensif.

4. **Memperkuatkan imej bandar sebagai destinasi rekreasi keluarga dengan membangunkan taman tema** dan tarikan hiburan yang berkonsep moden dan berteraskan budaya tempatan bagi menarik pelancong domestik dan antarabangsa.



Big Bucket Splash, FunPark Gamuda Luge Gardens, Rawang.

Sumber: *Tourism Selangor, 2025*

7.1.4 Skop Panduan

Skop panduan terbahagi kepada empat jenis pelancongan yang termasuk dalam pelancongan bandar dan gaya hidup seperti berikut:


Rajah 7.11: Skop Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup



7.1.5 Prinsip Panduan


Ketiga-tiga prinsip yang telah disenaraikan ini adalah untuk memastikan pembangunan pelancongan bandar dilaksanakan secara inklusif, mampan, dan berteraskan keunikan budaya setempat, selaras dengan matlamat untuk menjadikan sebuah bandar sebagai destinasi pelancongan yang berdaya saing dan berimpak tinggi.

Rajah 7.12: Prinsip Pemakaian Panduan Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup



Panduan pelaksanaan ini merangkumi **lima (5) prinsip khusus** yang telah diteliti bagi setiap subkategori pelancongan bandar dan gaya hidup mengikut operasi dan kawalan pelancongan.

Rajah 7.13: Lima (5) Prinsip Khusus Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup



7.2 Komponen Utama Panduan

Komponen utama panduan ini telah dibahagikan mengikut subkategori pelancongan bandar dan gaya hidup, ini adalah merangkumi inventori bagi pemetaan produk pelancongan, *standard* dan spesifikasi aktiviti serta aspek kesihatan dan keselamatan produk pelancongan.

7.2.1 Inventori dan Pemetaan Produk Pelancongan

A. Pelancongan Membeli Belah

Pelancongan Kulinari
Inventori perlu mengenal pasti dan memetakan semua jenis destinasi membeli-belah serta mewujudkan kluster pelancongan bandar dan gaya hidup sebagai contoh di Daerah Petaling Jaya mempunyai kluster yang lengkap iaitu *Sunway Pyramid Shopping Mall*, Taman Tema *Sunway Lagoon* dan *Sunway Resort Hotel*. Antara pusat beli-belah utama yang menjadi tumpuan pelancong adalah One Utama *Shopping Centre*, Elmina *Lakeside Mall*, IOI *City Mall*, Pusat Borong GM Klang, Setia *City Mall*







Contoh Pelancongan Membeli-Belah di Negeri Selangor

Sumber: Elmina Lakeside Mall & Urban Park, Star Property

Sumber:Sunway Resort Hotel & Spa, TripAdvisor

Sumber: http://sethlui.com/ioi-city-mall-malaysia/

B. Pelancongan Kulinari

Pelancongan Kulinari	
Menyediakan inventori menyeluruh terhadap produk berkaitan makanan dan minuman tempatan. Pemetaan ini melibatkan pengumpulan maklumat mengenai restoran, warung tradisional, medan selera, pasar malam, makanan jalanan, pengeluar produk IKS, serta lokasi bersejarah yang sinonim dengan hidangan tertentu. Menetapkan laluan pelancongan (*food trail*) yang lebih tersusun untuk dipromosikan bagi seluruh Negeri Selangor. Sebagai contoh *food trail* di Sabah dan Labuan bagi tahun 2022.	 **Contoh '*Food Trail*' Sabah dan Labuan bagi Tahun 2022** *Sumber: http://nhonline.co/tourism-malaysia-sabah-lancarkan-risalah-peta-makanan-laut-di-sabah-dan-labuan*

C. Pelancongan MICE

Pelancongan MICE	
Inventori dan pemetaan perlu mengenalpasti lokasi utama yang berpotensi sebagai pusat penganjuran mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran di seluruh Negeri Selangor. Ini termasuk pusat konvensyen bertaraf antarabangsa, hotel dengan kemudahan persidangan, dewan serbaguna, pusat pameran serta ruang acara alternatif. Sebagai contoh, Shah Alam *Convention Centre* (SACC), dan Setia *City Convention Centre* (SCCC) berperanan penting dalam membentuk kluster MICE yang menyokong pelancongan bandar dan gaya hidup.	 ***Setia City Convention Centre*** *Sumber: SP Setia*

D. Pelancongan Taman Tema

Pelancongan Taman Tema	
Inventori perlu memetakan taman tema dan tarikan hiburan yang menjadi tumpuan utama pelancong domestik dan antarabangsa. Pemetaan ini melibatkan taman tema air, taman hiburan berkonsepkan pengembaraan, taman ekstrem serta tarikan hiburan berteraskan budaya tempatan. Antara contoh utama di Negeri Selangor ialah *Sunway Lagoon*, Bangi *Wonderland, Wet World* Shah Alam dan *Farm in the City* yang berfungsi sebagai kluster rekreasi keluarga dan hiburan pelancong.	 **Bangi *Wonderland*** *Sumber: http://www.tripadvisor.com/*

7.2.2 *Standard* dan Spesifikasi Aktiviti


Barang jualan yang dipamerkan berserta harga
Sumber: http://baskl.com.my/

Aktiviti yang dijalankan perlu memenuhi *standard* yang merangkumi kualiti perkhidmatan pelanggan, mempamerkan harga barangan dengan jelas, kepelbagaian produk, tahap kebersihan, serta keselesaan ruang niaga yang tidak sesak. Pasar atau bazar pula memerlukan garis panduan kebersihan dan penyusunan gerai yang lebih teratur agar kekal menarik dan selamat untuk pelawat.

Manakala, amalan kebersihan makanan mestilah mengikut standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Bahagian Kesihatan dan Kualiti Makanan (BKKM), selain syarat dan garis panduan yang dikeluarkan oleh PBT yang dirujuk kepada HACCP/MeSTI. Bagi pengendalian makanan halal pula diwajibkan untuk mendapatkan Pensijilan Halal daripada JAKIM. Garis panduan penyediaan menu yang mencerminkan identiti tempatan dan mempamerkan harga dengan jelas.

7.2.3 Aspek Keselamatan dan Kesihatan

Keselamatan merangkumi kawalan CCTV, kehadiran pengawal keselamatan, sistem penggera kebakaran, serta laluan kecemasan yang jelas. Dari sudut kesihatan, pusat membeli-belah perlu mengekalkan tahap kebersihan tandas, penyediaan sanitasi tangan, serta kawalan persekitaran bebas asap rokok.



Kamera Litar Tertutup (CCTV)

Sumber: *www.aoetusa.org*



Sistem Penggera Kebakaran

Sumber: www.palcon.com.my

Bagi pelancongan kulinari, semua pengusaha perlu mematuhi Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, piawaian kesihatan ini yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Latihan pengendalian makanan perlu diwajibkan kepada semua pengusaha premis makanan dan pengusaha perlu mengadakan jadual pembersihan dan memastikan keadaan premis sentiasa dijaga dalam keadaan bersih dan sanitari. Kategori premis makanan yang perlu berdaftar dengan KKM adalah seperti di **Rajah 7.11.**

Rajah 7.14: Jenis Premis Makanan yang Wajib Didaftarkan



Sumber: Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM, 2020.

7.2.4 Pengurusan Pelawat

Pengurusan pelawat penting bagi memastikan pengalaman pelancong yang selesa dan selamat, di samping mengelakkan kesesakan (Rujuk **Jadual 7.2**). Melalui kawalan kapasiti, penyediaan kemudahan mesra pelawat dan penggunaan teknologi pemantauan, aliran pengunjung dapat diurus dengan lebih teratur untuk mengekalkan kelestarian destinasi dan kesejahteraan komuniti setempat.

Jadual 7.2: Kawalan Pelancongan Bandar & Gaya Hidup

Bil.	Subkategori	Pengurusan & Aliran Pelawat	Keselamatan & Pelan Kecemasan	Komunikasi Awam & Pandu Arah
1.	**Membeli-belah**	▪ Had kapasiti pusat membeli-belah ▪ Sistem parkir pintar ▪ Aliran orang ramai di eskalator/atrium	▪ Laluan evakuasi setiap aras ▪ CCTV & kawalan keselamatan 24 jam	▪ Direktori digital ▪ Papan tanda pelbagai bahasa ▪ Sistem pengumuman kecemasan
2.	**Kulinari**	▪ Kawalan jumlah pengunjung di medan selera / festival Kawalan Akses Laluan Sehala (*One-Way Flow*) ▪ Sistem Tiket Masa (*Time Slot Entry*) / *Headcount* pengunjung pada satu-satu masa	▪ Prosedur kebersihan makanan ▪ Keselamatan kebakaran untuk gerai/foodtruck	▪ Papan tanda status halal ▪ Kod QR untuk menu pelbagai bahasa
3.	**MICE**	▪ Sistem pendaftaran digital ▪ Kawalan kapasiti dewan ▪ Aliran peserta semasa masuk/rehat	▪ Laluan kecemasan yang jelas ▪ Pasukan perubatan '*on standby*' ▪ Prosedur keselamatan VIP & delegasi	▪ Papan tanda pelbagai bahasa ▪ Aplikasi acara untuk maklumat masa nyata
4.	**Konsert & Acara Gaya Hidup**	▪ Kawalan tiket & kapasiti ▪ Parameter masuk/keluar terkawal	▪ Pasukan perubatan '*on standby*' ▪ Kawalan alkohol (jika ada) ▪ Prosedur bunyi bising	▪ Skrin maklumat digital Aplikasi/cuaca SMS alert ▪ Papan tanda pelbagai bahasa
5.	**Taman Tema**	▪ Tiket digital & kuota masuk ▪ Sistem barisan maya *(virtual queue)* ▪ Kawalan zon hiburan	▪ Pasukan perubatan '*on standby*' ▪ Laluan kecemasan jelas ▪ Pelan kebakaran ▪ Latihan evakuasi staf	▪ Peta kecemasan di setiap zon ▪ Aplikasi mudah alih dengan notifikasi segera

7.2.5 Penetapan Daya Tampung Pelawat

Penetapan daya tampung pelawat bagi pelancongan bandar dan gaya hidup perlu mengambil kira aspek fizikal, infrastruktur, sosial, alam sekitar serta keselamatan agar setiap aktiviti pelancongan berjalan lancar, selesa dan mampan tanpa menjejaskan pengalaman pelawat serta kesejahteraan komuniti setempat.

Rajah 7.15: Penetapan Daya Tampung Pelawat



7.2.6 Penetapan Daya Tampung Pelawat Berdasarkan Tahap Daya Ambang (*Limit of Acceptable Change* - LAC)

Selain kapasiti fizikal, daya tampung juga perlu dilihat melalui tahap daya ambang (LAC), iaitu sejauh mana perubahan terhadap suasana, budaya atau persekitaran boleh diterima tanpa menjejaskan kualiti pengalaman pelawat.

Jadual 7.3: Penetapan Daya Tampung Pelawat Berdasarkan Tahap Daya Ambang

Bil.	Subkategori	Aspek Fizikal	Aspek Sosial dan Budaya	Contoh LAC
1.	**Membeli-belah**	▪ Kapasiti ruang beli-belah ▪ Bilangan parkir ▪ Keselesaan pejalan kaki ▪ Sistem penghawa dingin ▪ Tandas ▪ Kemudahan keselamatan	▪ Mengawal tahap kesesakan agar tidak menjejaskan pengalaman pengunjung. ▪ Mengekalkan kualiti layanan pelanggan ▪ Mengelakkan suasana terlalu sesak yang boleh mengurangkan daya tarikan	▪ Menetapkan bilangan maksimum pelawat di mall pada waktu puncak ▪ Mengawal acara jualan mega agar trafik bandar tidak lumpuh (contohnya di Pavilion KL atau IOI City Mall)
2.	**Kulinari**	▪ Kapasiti tempat duduk restoran, medan selera, atau gerai makanan ▪ Infrastruktur sokongan seperti parkir dan kemudahan kebersihan	▪ Mengekalkan identiti makanan tradisi tempatan supaya tidak hilang akibat terlalu dikomersialkan bagi mengelakkan pelancong berlebihan hingga mengganggu komuniti ▪ contoh: kawasan mamak 24 jam, gerai *viral*, atau pasar malam	▪ Mengehadkan bilangan pelawat atau masa operasi semasa festival makanan dengan menetapkan garis panduan kebersihan untuk menjamin pengalaman positif
3.	**MICE**	▪ Kapasiti dewan, bilangan bilik mesyuarat, ruang pameran ▪ Kemudahan ICT, pengangkutan awam, dan parkir	▪ Mengawal kesesakan bandar semasa acara mega ▪ Mengekalkan kualiti hospitaliti ▪ Memastikan komuniti setempat mendapat manfaat ekonomi tanpa terganggu oleh tekanan logistik	▪ MBSA Convention Centre atau MITEC perlu menetapkan bilangan peserta maksimum mengikut kapasiti dewan ▪ Infrastruktur bandar (hotel, trafik, pengangkutan awam)
4.	**Taman Tema**	▪ Kapasiti harian taman tema	▪ Menjaga kualiti interaksi (masa menunggu tidak terlalu lama sehingga	▪ Sunway Lagoon atau menetapkan kuota tiket harian

Bil.	Subkategori	Aspek Fizikal	Aspek Sosial dan Budaya	Contoh LAC
		(bilangan pelawat maksimum sehari) ▪ Masa menunggu untuk permainan, keselamatan, bilangan tandas, dan kemudahan rehat	menjejaskan kepuasan pelawat) ▪ Meminimakan impak negatif terhadap komuniti berdekatan (bunyi bising, kesesakan trafik)	bagi mengekalkan tahap kepuasan pelawat melalui had tempoh menunggu <30 minit bagi permainan utama



Kawalan kapasiti dan keselesaan pengunjung di pusat beli-belah dan taman tema

Sumber: Selangor.travels



Antara pelancongan acara yang sering diadakan di pusat-pusat konvensyen


Sumber: Selangor.Travels

7.2.7 Panduan Penyediaan Kemudahan Berkaitan

Penyediaan kemudahan pelancongan bandar dan gaya hidup perlu menekankan aspek aksesibiliti, keselamatan, kebersihan, kapasiti ruang, keselesaan pelawat. Kesemua aspek pelancongan ini mestilah menyediakan kemudahan asas seperti tempat telak kenderaan, surau, kemudahan bagi golongan OKU dan tandas awam mengikut garis panduan perancangan yang ditetapkan.

Jadual 7.4: Panduan Penyediaan Kemudahan Berkaitan

Bil.	Kemudahan	Perincian	Contoh
1.	**Tempat Parkir**	▪ Satu (1) petak kereta bagi setiap 25 meter persegi ruang lantai kasar ▪ Tambahan satu (1) petak motosikal bagi setiap 20 meter persegi ruang lantai kasar ▪ Tambahan minimum ruang beratur untuk lapan (8) buah kereta jika kaunter pandu lalu (*drive-thru*) disediakan ▪ Tempat parkir OKU adalah 2% daripada jumlah petak kereta	 **Contoh tempat parkir tambahan bagi OKU**  **Contoh tempat parkir bagi pusat membeli-belah** *Sumber: AICB Centre for Excellent*
2.	**Surau**	▪ Ruang solat hendaklah direka bentuk dengan keluasan mencukupi serta dilengkapi tempat wuduk berasingan bagi lelaki dan perempuan ▪ Mengikut piawaian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai sebahagian daripada kemudahan asas pelancongan mesra ibadah	 **Surau yang selesa disediakan di dalam pusat beli belah** Sumber: Surau@IOI City Mall (LG East Wing)
3.	**Kemudahan bagi Golongan OKU**	▪ Disediakan secara menyeluruh dengan mematuhi Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat (JPBD SM. GP015-A, 2011) serta *Malaysian Standard* MS1184:2014 – *Universal Design and Accessibility in the Built Environment* ▪ Penyediaan kemudahan ini meliputi akses tanpa halangan ke ruang awam, laluan pejalan kaki, tandas, lif, tempat parkir khas dan kemudahan sokongan lain yang mesra pengguna	 **Kemudahan OKU yang perlu disediakan berdasarkan GP Reka Bentuk Sejagat dan *Malaysia Standard* MS1184.2014** *Sumber: Selangor. Travel*

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Kemudahan</th><th>Perincian</th><th>Contoh</th></tr>
<tr><td>4.</td><td>Tandas Awam</td><td>▪ Bagi bangunan sesebuah disediakan berasingan untuk lelaki, wanita, golongan OKU dan kanak-kanak. Tandas OKU hendaklah sentiasa dibuka untuk digunakan
▪ Menyediakan ruang penyimpanan alat-alat dan bahan cucian tandas serta ruang rehat untuk pekerja pencuci tandas</td><td> 
Tandas awam dengan petunjuk jelas bagi lelaki dan wanita
Sumber: Nur Kayat, iStock Images</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Kemudahan Mesra Bayi</td><td colspan="2">Menyediakan bilik menyusu atau menyalin lampin bayi yang selamat, bersih dan selesa dengan persekitaran yang kondusif dan mengambil kira keperluan minimum berikut:
Keluasan lantai 3 meter x 3 meter atau 9 meter persegi:
i. 1 sinki dilengkapi dengan sabun cecair dan tisu.
ii. 2 buah kerusi.
iii. 1 soket.
iv. 1 tong sampah berpenutup.
v. Pengudaraan yang baik.
vi. Pencahayaan (215 lux).
vii. Partition atau langsir (sekiranya perlu).</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Pili bomba dan alat pemadam kebakaran</td><td colspan="2">Penggunaan pili bomba dan alat pemadam kebakaran adalah mengikut kesesuaian jenis bangunan, atau kawasan terbuka. Ianya juga perlu memenuhi standard keperluan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Antara ciri-ciri kedudukan alat pemadam kebakaran yang efektif adalah:
▪ Jarak di setiap 20 meter (berbeza bagi bangunan yang lebih besar dan memerlukan lebih banyak alat pemadam api
▪ Lokasi: terlindung daripada cuaca dan cahaya dan berdekatan dengan jalan keluar utama, perletakkan di setiap tingkat bagi bangunan berbilang tingkat</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Tempat Menunggu Bas atau Teksi</td><td colspan="2">Menyediakan lay-by yang bersesuaian dan ditempatkan di luar premis hypermarket sama ada di jalan susur atau jalan utama.
 
Hentian Bas Smart Selangor
Sumber: Smart Selangor, 2019</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Tempat Pembuangan Sampah</td><td>Diletakkan di kawasan yang terlindung dari pandangan awam. Kawasan ini perlu dilandskapkan dengan sesuai bagi mengurangkan bau dan kesan visual negatif, di samping memastikan sistem pengumpulan sisa dijalankan secara teratur, bersih dan mesra alam</td><td> 
Rekabentuk tong sampah yang sesuai</td></tr>
</table>

7.2.8 Tahap Kawalan Aktiviti Berdasarkan Subkategori Serta Strategi Pelaksanaan dan Langkah Kawalan Pemantauan

Kawalan aktiviti berisiko bertujuan untuk melindungi keselamatan dan kesihatan pelancong/ pelawat, menjaga imej bandar dan memastikan kelestarian pengoperasian pelancongan bandar dan gaya hidup. Bagi memastikan pembangunan pelancongan bandar dan gaya hidup dapat dilaksanakan secara teratur, selamat dan mampan, tahap kawalan aktiviti perlu ditentukan mengikut subkategori utama. Setiap aktiviti pelancongan mempunyai tahap risiko yang berbeza sama ada melibatkan keselamatan pengunjung, kebersihan, kapasiti ruang dan pengurusan acara (*event*) berskala besar (Rujuk **Jadual 7.5**)

Jadual 7.5: Kawalan Aktiviti Berisiko Bagi Pelancongan Membeli-Belah

Lokasi	Risiko Keselamatan	Langkah Kawalan
Pusat Membeli-Belah dan *Hypermarket*	Risiko berkaitan keselamatan kebakaran, kesesakan pelawat/ pengunjung, jenayah (rompakan, penyeluk saku), serta isu keselamatan kemudahan seperti lif/eskalator.	Pematuhan undang-undang bangunan, prosedur keselamatan kebakaran (latihan kebakaran berkala), pemasangan CCTV, dan pembentukan Pasukan dan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP dan ERT)
Pasar Malam dan Bazar	Risiko kebersihan makanan, kesesakan laluan, kawalan harga tidak telus, risiko kebakaran akibat pendawaian tidak selamat, jenayah (penyeluk saku)	Pemantauan oleh PBT, penyusunan semula gerai, penguatkuasaan permit pengoperasian dan pengoperasian kawalan harga oleh KPDNKK, rondaan oleh pihak berkuasa/ RELA
Strategi Pelaksanaan dan Kawalan Pemantauan		
a) **Penguatkuasaan PBT dan Undang-Undang Bangunan** melalui pemeriksaan berkala terhadap kemudahan keselamatan seperti sistem *sprinklers*, laluan pengungsian (*evacuation*), dan kawalan kesesakan		
b) **Penggunaan Teknologi Pintar** seperti CCTV, aplikasi *visitor count* dan sistem parkir pintar untuk pemantauan aliran pelawat		
c) **Audit Harga dan Lesen** melalui pemantauan berkala terhadap ketelusan harga, permit sah, dan lesen pengoperasian, terutama bagi bazar dan pasar tradisional		
d) **Pemantauan Kendiri** oleh operator/ pihak pengurusan pusat membeli-belah dan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS)		

Jadual 7.6: Kawalan Aktiviti Berisiko Bagi Pelancongan Kulinari

Lokasi	Risiko Keselamatan	Langkah Kawalan
Restoran dan Kafe	Risiko utama ialah keselamatan makanan, keracunan makanan, lesen perniagaan dan persijilan halal	Menjalankan audit kebersihan (Jabatan Kesihatan/ KKM), persijilan halal, dan pemeriksaan kesihatan pekerja
Gerai, Medan Selera dan Kiosk	Risiko kebersihan makanan, kawalan sisa makanan dan domestik, serta tahap kebersihan persekitaran	Pihak PBT perlu mengeluarkan garis panduan kebersihan bersesuaian dengan lokasi premis beroperasi

Strategi Pelaksanaan dan Kawalan Pemantauan
a) **Audit Kebersihan dan Keselamatan Makanan** melalui pemeriksaan berkala oleh Jabatan Kesihatan dan PBT b) **Latihan Pekerja dan Persijilan Halal** seperti latihan pengendali makanan, sijil halal JAKIM, dan penguatkuasaan pemakaian pakaian seragam serta kebersihan dapur dan kebersihan diri c) **Pemantauan Digital dan Aduan Awam** melalui platform aduan pelanggan (aplikasi atas talian PBT/ *TripAdvisor/ Google Review*) untuk memantau tahap kepuasan pelanggan dan pengunjung d) **Pemantauan Kendiri** oleh operator/ usahawan makanan dan minuman

Jadual 7.7: Kawalan Aktiviti Berisiko Bagi Pelancongan MICE

Lokasi	Risiko Keselamatan	Langkah Kawalan
Pusat Konvensyen / Pameran	Risiko kebakaran, kesesakan pelawat, isu keselamatan VIP, ancaman keselamatan awam (bom/ ancaman serangan), serta kegagalan teknikal sistem IT/audio visual	Pematuhan undang-undang bangunan dan keselamatan kebakaran, sistem kawalan akses pintar, prosedur keselamatan acara, laluan pengungsian (*evacuation*) yang jelas, dan audit teknikal peralatan
Hotel dan Dewan Persidangan	Risiko kebakaran, risiko kesihatan (makanan/minuman tercemar), kegagalan fasiliti lif/elektrik, serta isu keselamatan peserta antarabangsa	Pensijilan keselamatan hotel, audit kemudahan secara berkala, pembentukan Pasukan dan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP dan ERT), serta latihan pengungsian (*evacuation*) bersama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis DiRaja Malaysia
Strategi Pelaksanaan dan Kawalan Pemantauan		
a) **Penguatkuasaan Prosedur Keselamatan dan Acara Antarabangsa** melalui pemeriksaan fasiliti oleh PBT, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis DiRaja Malaysia, serta pengesahan *standard* antarabangsa (contoh: ISO, MyCEB) b) **Penggunaan Teknologi Kawalan Akses dan Pemantauan** seperti sistem kad akses peserta, CCTV pintar, kawalan perimeter, serta aplikasi digital untuk kawalan kapasiti peserta c) **Latihan Keselamatan dan Audit Berkala** melalui latihan evakuasi berkala, audit kemudahan teknikal, serta laporan keselamatan pasca acara oleh penganjur kepada PBT dan agensi berkaitan d) **Pemantauan Kendiri** oleh operator/ pihak pengurusan kemudahan MICE, hotel dan dewan persidangan, serta pihak penganjur		

Jadual 7.8: Kawalan Aktiviti Berisiko Pelancongan Taman Tema

Lokasi	Risiko Keselamatan	Langkah Kawalan
Taman Tema Air	Risiko lemas, kecederaan permainan air, *heat stress*/matahari terik, serta risiko penyebaran penyakit melalui air tercemar	Prosedur operasi kolam dan kualiti air (disinfeksi dan ujian persampelan secara berkala), pegawal keselamatan (*lifeguard*) bertauliah, penyediaan ruang rehat dan stesen air minuman, had kuota pengunjung, serta pembentukan Pasukan dan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP dan ERT)
Taman Tema *Indoor*	Risiko kemalangan permainan mekanikal, kebakaran bangunan tertutup, kesesakan laluan keluar masuk, serta risiko panik, jika berlaku gangguan elektrik	Pemeriksaan berkala terhadap peralatan/ kemudahan permainan mekanikal oleh jurutera bertauliah, sistem pemadam api automatik, laluan pengungsian (*evacuation*) yang jelas, had kapasiti pengunjung, serta pembentukan Pasukan dan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP dan ERT)
Strategi Pelaksanaan dan Kawalan Pemantauan		
a) **Pematuhan Prosedur Operasi dan Pemeriksaan Teknikal** melalui pemeriksaan permainan mekanikal dan fasiliti taman tema oleh jurutera bertauliah, audit keselamatan berkala, serta pensijilan standard antarabangsa (contoh: ASTM, EN)		
b) **Penggunaan Teknologi Pemantauan** seperti aplikasi sistem pengurusan taman tema (tiket digital, kiraan pelawat), CCTV di kawasan permainan, serta sensor keselamatan mekanikal		
c) **Latihan Keselamatan dan Tindak Balas Kecemasan** antaranya ialah latihan kecemasan tahunan, latihan penyelamat, penyediaan manual keselamatan pelawat, serta sistem aduan digital untuk pelancong		

Pengurusan Keselamatan

Pengurusan keselamatan merupakan antara komponen penting dalam pembangunan Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup yang merupakan tumpuan kunjungan orang ramai dan pelawat. Antara kaedah yang dipraktiskan adalah menyediakan Pelan Tindakan Kecemasan (*Emergency Response Plan* – ERP) dan contoh kerangka ERP adalah seperti berikut.

Jadual 7.9: Contoh Kerangka Pelan Tindakan Kecemasan

Bil.	Komponen	Langkah Pelaksanaan
1.	**Tujuan ERP**	▪ Mengenal pasti keperluan keselamatan berdasarkan risiko semasa ▪ Merangka objektif ERP mengikut garis panduan (PBT, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Majlis Keselamatan Negara)
2.	**Skop ERP**	▪ Melakukan penilaian risiko secara menyeluruh (kebakaran, banjir, lain-lain) ▪ Menyenaraikan semua jenis kecemasan yang mungkin berlaku ▪ Mengemas kini skop ERP setiap tahun berdasarkan insiden atau perubahan struktur

Bil.	Komponen	Langkah Pelaksanaan
3.	**Struktur Pasukan ERP**	▪ Melantik ahli pasukan ERP dan mendapatkan latihan daripada pihak berkaitan antaranya Jabatan Bomba dan Penyelamat dan lain-lain ▪ Menetapkan tugas dan tanggungjawab setiap peranan (ketua, pemindahan, pertolongan kecemasan, lain-lain) ▪ Memaparkan carta organisasi ERP di bilik pengawalan keselamatan dan pengurusan
4.	**Prosedur Kebakaran**	▪ Memasang sistem penggera kebakaran dan sistem pemadam automatik ▪ Menetapkan titik berkumpul dan menandakannya dengan papan tanda yang jelas ▪ Melatih pekerja tentang tindakan awalan, laluan evakuasi dan penggunaan alat pemadam api
5.	**Ancaman Bahan Letupan**	▪ Mewujudkan prosedur dalam konteks pengenalpastian dan pelaporan objek mencurigakan ▪ Menghubungi PDRM dan melaksanakan evakuasi secara terancang ▪ Mengelakkan penyebaran maklumat palsu dan hanya memaklumkan menerusi saluran rasmi
6.	**Kecemasan Perubatan**	▪ Menyediakan peti/ kit kecemasan (termasuk *automated external defibrillator* – AED) di setiap aras dan tempat mudah dicapai ▪ Melantik pekerja yang dilatih asas pertolongan kecemasan ▪ Menyediakan sistem rekod insiden kesihatan dan laluan pantas ambulan
7.	**Banjir/ Bencana Alam**	▪ Memantau ramalan cuaca dan amaran JPS ▪ Menetapkan zon selamat di tingkat atas untuk pemindahan ▪ Menyediakan pam air mudah alih dan beg pasir (jika perlu)
8.	**Pemindahan (*Evacuation*)**	▪ Menandakan semua laluan evakuasi dengan jelas ▪ Memastikan lif dikunci semasa pemindahan ▪ Melakukan latihan pemindahan dua (2) kali setahun dengan melibatkan pengunjung dan pekerja
9.	**Kemudahan Sokongan**	▪ Menyemak dan merekod tarikh penyelenggaraan alat pemadam api (setiap enam (6) bulan) ▪ Menyemak CCTV dan sistem rakaman bagi memastikan ia senantiasa aktif dan berfungsi
10.	**Latihan dan Audit**	▪ Menjalankan latihan simulasi berkala (kebakaran, lain-lain) ▪ Melibatkan kerjasama agensi luar (Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia) ▪ Mengaudit ERP secara dalaman setiap tahun dan/ atau selepas berlakunya insiden besar
11.	**Pemantauan dan Penambahbaikan**	▪ Menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Insiden ▪ Mengedarkan borang maklum balas pasca insiden/ latihan ▪ Mengkaji semula kelemahan dan kemaskini dokumen ERP

7.2.8 Intepretasi Pendidikan di dalam Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup

Objektif Pelancongan Pendidikan di dalam Kategori Bandar dan Gaya Hidup adalah meningkatkan kefahaman tentang konsep urbanisasi, bandar pintar dan inovasi sosial melalui aktiviti pembelajaran di ruang bandar. Antara contoh elemen pendidikan yang boleh diterapkan adalah apresiasi seni moden, reka bentuk bandar sejarah, bandar pameran gaya hidup, seminar, ekspo pendidikan dan bengkel pameran industri.

1. **Pusat Interpretasi/ Galeri Informasi**
   - Disediakan di pintu masuk kawasan bersesuaian.
   - Contoh: galeri informasi di pintu masuk MICE, pusat membeli-belah dan taman tema.
   - Menggunakan pendekatan visual, audio dan multimedia untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran.




Contoh Galeri Informasi
Sumber: Buggy Buddys Guide, Perth

2. **Kemudahan Dokumentasi**
   - Ruang khusus untuk pameran berkenaan
   - Digunakan oleh pelancong umum dan institusi pendidikan untuk rujukan ilmiah dan kolaborasi akademik.



Contoh Ruang Pameran
Sumber: Riseroot Architecture & Design

3. **Panduan Susun Atur**
   - **Ruang Pembelajaran**: dekat dengan titik tumpuan utama, dengan aliran pengunjung yang jelas dan tidak bersilang dengan zon perkhidmatan.
   - **Laluan Lawatan**: konsep *one-way circulation* untuk mengurangkan kesesakan dan meningkatkan pengalaman pengunjung.
   - **Kemudahan Sokongan**: ditempatkan di lokasi strategik tanpa mengganggu aktiviti pembelajaran (contoh: kafeteria di pintu masuk/ keluar, bukan di zon sensitif).



Contoh Panduan Susun Atur
Sumber: Exhibition Design Final Project - Egyptian Mythology and Meteorology

7.3 Panduan Pelaksanaan

Bagi memastikan pembangunan pelancongan bandar dan gaya hidup dapat berjalan secara teratur dan mampan, mekanisme kawalan dan pemantauan yang jelas perlu dilaksanakan.

7.3.1 Kaedah Pelaksanaan di Lapangan

Pelaksanaan di lapangan melibatkan **audit lokasi pelancongan**, **pemeriksaan piawaian kemudahan** (terutamanya peralatan permainan di taman-taman tema), **pemantauan aliran peserta** MICE, pelawat/ pengunjung di pusat membeli-belah dan taman tema, **serta penggunaan instrumen ICT** seperti aplikasi pintar dan sistem pengurusan pelancong bagi memastikan operasi harian yang lebih cekap dan konsisten di pusat membeli-belah, restoran, MICE dan taman tema.

7.3.2 Tanggungjawab Agensi dan Pihak Berkepentingan

Perancangan produk pelancongan bandar dan gaya hidup yang melibatkan pembangunan bangunan-bangunan dan kemudahan di pusat tumpuan bandar, PBT bersama agensi-agensi teknikal berkaitan hendaklah menilai setiap cadangan pembangunan tersebut melalui proses permohonan kebenaran merancang (KM).

KM di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] adalah mandatori bagi mana-mana cadangan yang melibatkan pembangunan bangunan kekal dan perlu dikemukakan kepada PBT bersama pelan susun atur tapak, pelan bangunan, laporan-laporan teknikal serta pematuhan kepada keperluan dan syarat-syarat teknikal berkaitan dari segi keselamatan, kebersihan, kesihatan awam dan impak kepada alam sekitar serta trafik lalu lintas tempatan. Manakala tanggungjawab lain (mengikut pihak berkepentingan) adalah seperti di **Jadual 7.10.**

Jadual 7.10: Tanggungjawab Lain-lain Agensi

Bil.	Agensi	Aspek Kawalan Pembangunan
1	PBT	Mengawal Selia Pembangunan dan Lesen Pengoperasian
2	Agensi dan Jabatan Teknikal Berkaitan	Memastikan Aspek Keselamatan dan Kesihatan Pelawat/ Pengunjung dan Pekerja Dipatuhi
3	Pengusaha/ Operator	Menyediakan Perkhidmatan Berkualiti
4	Komuniti Tempatan	Menyokong Industri Melalui Penglibatan Langsung Sebagai Tenaga Kerja dan Sokongan Budaya

7.3.3 Aspek Kawalan Pembangunan

Kawalan pembangunan merujuk kepada proses memastikan semua projek dan aktiviti pelancongan mematuhi syarat kelulusan, garis panduan teknikal serta perundangan.

Jadual 7.11: Aspek Kawalan Pembangunan Berdasarkan Subkategori Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup

Bil.	Subkategori	Aspek Kawalan Pembangunan
1	**Membeli-belah**	▪ Pusat beli-belah dan pasar raya besar perlu mematuhi Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 serta syarat Majlis Bandaraya/Perbandaran dari aspek pelan bangunan, parkir, laluan kecemasan dan integrasi dengan pengangkutan awam
2	**Kulinari**	▪ Restoran, kafe, medan selera dan gerai perlu memiliki lesen premis daripada PBT, sijil kebersihan makanan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, serta pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi yang berkaitan
3	**MICE**	▪ Pusat konvensyen dan hotel perlu mematuhi spesifikasi keselamatan kebakaran (JJBPM), keperluan kemudahan mesyuarat antarabangsa, dan standard hospitaliti yang ditetapkan oleh Tourism Malaysia dan Persatuan Industri
4	**Taman Tema**	▪ Perlu melalui penilaian tahap keselamatan alat/ kemudahan permainan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), kawalan alam sekitar oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), dan kelulusan pembangunan oleh PBT

7.3.4 Aspek Pemantauan

Pemantauan bermaksud aktiviti berterusan untuk memastikan pembangunan dan pengoperasian pelancongan kekal mematuhi standard serta menilai prestasi dari semasa ke semasa.

Jadual 7.12: Aspek Pemantauan Berdasarkan Subkategori Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup

Bil.	Subkategori	Aspek Pemantauan
1	**Membeli- belah**	▪ Pemantauan ke atas tahap keselesaan pelawat, audit harga, kesesakan lalu lintas, penggunaan teknologi pintar (CCTV, kaunter pengunjung). ▪ Keselamatan pengguna oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN)
2	**Kulinari**	▪ Pemeriksaan berkala premis makanan oleh Jabatan Kesihatan dan PBT (gred kebersihan), audit halal oleh JAKIM. ▪ Pemantauan aduan pengguna melalui platform digital
3	**MICE**	▪ Tourism Malaysia, Malaysia Convention and Exhibition Bureau (MyCEB), Tourism Selangor dan PBT memantau tahap kemudahan, kualiti penganjuran acara, serta piawaian antarabangsa bagi persidangan. Pemantauan juga merangkumi kesan lalu lintas dan pengurusan sisa
4	**Taman Tema**	▪ Pemantauan berkala oleh JKKP untuk kelulusan peralatan/ kemudahan permainan, pematuhan SOP keselamatan, audit pengurusan sisa oleh JAS, serta kawalan jumlah pelawat bagi memastikan daya tampung tidak melebihi tahap selamat, terutamanya dari segi peralatan permainan yang ditawarkan

7.3.5 Jadual Pelaksanaan

Jadual pelaksanaan perlu disusun berfasa mengikut tempoh iaitu

i. Jangka pendek (1–2 tahun: inventori dan audit fasiliti);
ii. Jangka sederhana (3–5 tahun: pematuhan piawaian, naik taraf kemudahan, program pemasaran); dan
iii. Jangka panjang (5–10 tahun: kelestarian, inovasi digital, dan perluasan pasaran global).

Rujuk perincian di **Jadual 7.13**.

Jadual 7.13: Jadual Pelaksanaan bagi Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup

Bil.	Komponen Utama	Tindakan Pelaksanaan	Agensi/Pihak Bertanggungjawab	Indikator Kejayaan (KPI)
1	**Inventori dan Audit Fasiliti**	Menyediakan pangkalan data pusat membeli-belah, restoran, kafe, taman tema, dan fasiliti MICE; menjalankan audit keselamatan dan kesihatan	PBT, Tourism Selangor Sdn. Bhd., MOTAC, KKM, JBPM dan lain-lain berkaitan	Inventori lengkap perlu dijalankan ke atas premis pelancongan berlesen dan lulus audit awal
2	**Pematuhan Piawaian dan Naik Taraf**	Melaksanakan pematuhan standard kebersihan, keselamatan dan kemudahan OKU, menaik taraf ruang awam dan kemudahan digital di lokasi pelancongan gaya hidup	PBT, MOTAC, JAS, DOSH, Tourism Malaysia dan lain-lain berkaitan	Setiap premis perlu patuh piawaian, serta lokasi lengkap dengan fasiliti sokongan dan kemudahan OKU
3	**Program Promosi dan Pemasaran**	Melaksanakan kempen pemasaran digital, festival makanan dan beli-belah, serta pakej MICE bersepadu	Tourism Selangor Sdn. Bhd., Tourism Malaysia, MITI, KUSKOP dan lain-lain berkaitan	Cadangan peningkatan 20% pelawat domestik dan antarabangsa serta pertumbuhan jualan sektor 10% setahun
4	**Kelestarian dan Inovasi Digital**	Mengintegrasi sistem tiket pintar, green building di pusat membeli-belah dan taman tema, serta mempromosikan produk kulinari berasaskan kelestarian	PBT, MESTECC (MOSTI), JAS, Tourism Selangor dan lain-lain berkaitan	Mengambil kira lokasi mengggunakan teknologi hijau, pengurangan penghasilan sisa makanan, menggalakan transaksi pelawat secara tanpa tunai (*cashless*)
5	**Perluasan Pasaran Global**	Menarik pelaburan asing dalam sektor gaya hidup dan bandar; memperluas jaringan antarabangsa untuk acara MICE dan destinasi beli-belah premium	MOTAC, MATRADE, MITI, Tourism Malaysia dan lain-lain berkaitan	Pertambahan pelaburan asing, sekurang-kurangnya 5 acara MICE antarabangsa utama setahun di Selangor

7.3.6 Keperluan Latihan/ Capacity Building

Latihan berterusan perlu diberikan kepada operator (penggiat sektor), pekerja sektor pelancongan, dan pihak penguatkuasa termasuk modul perkhidmatan pelanggan, keselamatan awam, pengurusan acara MICE, pengendalian makanan (kulinari), serta penggunaan teknologi pintar untuk memastikan kualiti dan daya saing produk pelancongan bandar dan gaya hidup senantiasa ditingkatkan.

Jadual 7.14 menunjukkan contoh-contoh kategori dan fokus latihan, serta sasaran peserta yang disesuaikan mengikut keperluan kompetensi, tahap perkhidmatan serta jangkaan dan citarasa pelbagai pelancong.

Jadual 7.14: Kategori dan Fokus Latihan bagi Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup

Bil.	Kategori Latihan	Fokus Latihan	Sasaran Peserta
1.	**Kemahiran komunikasi dan perkhidmatan pelanggan**	▪ Komunikasi pelbagai bahasa ▪ Pengurusan aduan pelancong/ pelanggan ▪ Etika layanan dan standard prosedur hospitaliti	*Frontliners* – penyambut tetamu, pemandu pelancong, pekerja hotel dan pengusaha kafe
2.	**Kulinari dan produk tempatan**	▪ Penyediaan makanan beridentiti tempatan ▪ Kebersihan dapur dan pensijilan ▪ Reka bentuk pengalaman subkategori pelancongan makanan	Pengusaha restoran, *food truck* dan chef tempatan
3.	**Pengurusan acara dan festival bandar**	▪ Reka bentuk acara bandar (festival kebudayaan, bandar dan gaya hidup) ▪ Logistik dan promosi acara ▪ Kawalan keselamatan awam semasa acara	Organisasi komuniti tempatan, PBT dan penganjur acara swasta
4.	**Pendigitalan dan promosi digital**	▪ *Content creation* (video, media sosial) ▪ Sistem tempahan awalan atas talian ▪ Pengurusan maklum balas dan aduan atas talian	Pengusaha PMKS, pemandu pelancong dan agensi pelancongan
5.	**Latihan keselamatan bandar**	▪ Keselamatan lokasi/ pusat tumpuan pelancong ▪ Pengurusan kecemasan, laluan pengungsian (*evacuation*) ▪ Kerjasama dengan PDRM dan JPAM	PBT, pengawal keselamatan dan jawatankuasa komuniti tempatan
6.	**Interpretasi warisan dan bandar**	▪ Sejarah dan budaya bandar ▪ *Urban storytelling* dan *city tour crafting* ▪ Isu sensitiviti budaya dan sosial	Pemandu pelancong, pegawai pelancongan (PBT), pemandu bas pelancong dan jawatankuasa komuniti tempatan

7.3.7 Langkah Pemutihan Tapak Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup Sedia Ada

Proses pemutihan tapak pelancongan bandar dan gaya hidup sedia ada bertujuan memastikan pusat beli-belah, restoran, pusat acara (MICE), dan taman tema yang telah beroperasi tanpa kelulusan perancangan yang lengkap dapat diselaraskan semula mengikut keperluan undang-undang, keselamatan, dan keperluan teknikal. Langkah ini memberi ruang perundangan kepada pengusaha swasta untuk menyesuaikan semula operasi mereka mengikut syarat perancangan fizikal, *standard* keselamatan awam serta prinsip kelestarian bandar di Negeri Selangor.

(a) Pematuhan Minimum Tapak

- Tapak pelancongan bandar yang beroperasi tanpa kelulusan lengkap perlu di inventorikan melalui pemeriksaan tapak oleh PBT bersama agensi teknikal untuk penentuan pematuhan syarat teknikal.
- Bagi bangunan sedia ada, pemutihan hanya boleh dipertimbangkan jika struktur dan sistem keselamatan bangunan berada dalam keadaan baik dan mematuhi syarat asas yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.
- Tapak yang berhampiran kawasan kediaman perlu menyediakan langkah mitigasi bunyi, pencemaran udara, dan kawalan waktu operasi bagi mengelakkan gangguan kepada komuniti sekitar.
- Kawasan parkir dan akses keluar masuk perlu memenuhi standard minima bagi kapasiti pelawat serta dilengkapi sistem pengurusan trafik dalaman yang jelas.



Gelongsor air di i-City Theme Park yang telah beroperasi sebelum lesen diberi

Sumber: https://thenews.com.my/berita-semasa/gelongsor-air-kaca-i-city-didakwa-tiada-kelulusan-mbsa-pihak-pengurusan-beri-penjelasan/

(b) Pematuhan Minimum Kemudahan

- Kemudahan utama seperti ruang acara, restoran, tandas awam, dan kemudahan pelawat hendaklah mematuhi piawaian kebersihan dan keselamatan yang ditetapkan oleh PBT serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- Bangunan atau struktur yang telah diubah suai bagi tujuan pelancongan perlu mendapatkan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan (*As Built Plan*) dan Kebenaran Merancang Perubahan Material Penggunaan Bangunan (Tempoh Terhad) daripada OSC PBT.
- Sistem pengudaraan, pembuangan sisa makanan dan minyak perlu mengikut garis panduan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kesihatan Negeri.
- Bagi taman tema atau pusat rekreasi dalam bandar, semua kemudahan permainan perlu mematuhi piawaian keselamatan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

(c) Pematuhan Minimum Operasi


- Semua pengusaha perlu memiliki lesen operasi tahunan daripada PBT serta permit khas jika menjalankan aktiviti hiburan, pementasan, atau penjualan makanan dan minuman.
- Setiap premis wajib mempunyai prosedur keselamatan kebakaran, latihan kecemasan (*fire drill*) dan sistem amaran kebakaran yang berfungsi dengan baik.
- Untuk pusat acara (MICE), kapasiti maksimum pelawat mesti ditetapkan mengikut keluasan lantai, sistem pengudaraan, dan laluan keluar kecemasan yang diluluskan oleh Jabatan Bomba.
- Pengusaha perlu melaksanakan audit keselamatan dan audit tenaga bagi memastikan penggunaan bangunan dan persekitaran bandar adalah efisien dan selamat.

(d) Pematuhan Minimum Undang-Undang Berkaitan

- Tapak pelancongan bandar tertakluk kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) untuk permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan (*As Built Plan*) dan Kebenaran Merancang Perubahan Material Penggunaan Bangunan (Tempoh Terhad).
- Premis mesti berlesen di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian, serta Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
- Bagi aktiviti melibatkan penjualan makanan dan minuman, lesen tambahan perlu diperoleh daripada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan Bahagian Penguatkuasaan Makanan PBT.
- Jika aktiviti melibatkan hiburan awam atau persembahan langsung, pengusaha wajib mendapatkan permit hiburan di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat Hiburan Negeri Selangor 1995.

(e) Carta Alir Proses Pemutihan Tapak Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup

Rajah 7.16: Proses Pemutihan Tapak Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup



(f) Prinsip Tambahan Pemutihan

- Pemutihan bertujuan menyeragamkan operasi pelancongan bandar agar mematuhi prinsip keselamatan awam, kecekapan tenaga dan kawalan pencemaran bandar.
- Tapak yang telah diluluskan melalui proses pemutihan hendaklah melaksanakan pelan penambahbaikan jangka sederhana (3–5 tahun) yang menekankan aspek keselamatan, kemudahan pelawat dan kebersihan.
- PBT hendaklah menyediakan daftar tahunan pemutihan pelancongan bandar bagi pelaporan kepada UPEN Selangor dan STANCO Pelancongan.

7.4 Pemantauan dan Penilaian Panduan

Pemantauan dan semakan berkala, yang mana audit dan penilaian pematuhan SOP dilaksanakan secara konsisten untuk memastikan keberkesanan panduan ini di lapangan. Untuk itu, satu (1) kerangka pengurusan tugas, iaitu RACI (*Responsible, Acountable, Consulted* dan *Informed*) telah digunakan. Menerusi matriks RACI, peranan setiap pihak berkepentingan dapat dikenal pasti secara sistematik, mengurangkan pertindihan tanggungjawab dan memastikan pelaksanaan kawalan aktiviti berisiko secara lebih teratur dan berkesan. Matriks RACI terdiri daripada;

***Responsible* (R)** : Agensi/ individu yang melaksanakan kawalan di lapangan

***Accountable* (A)** : Agensi utama yang bertanggungjawab penuh dalam memastikan kawalan terlaksana

***Consulted* (C)** : Pihak yang perlu dirujuk untuk kepakaran teknikal/ pandangan

***Informed* (I)** : Pihak yang perlu dimaklumkan hasil kawalan (pihak berkepentingan dan komuniti).

Jadual 7.15 menunjukkan perincian RACI bagi Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup.

Jadual 7.15 Perincian RACI bagi Pelancongan Bandar dan Gaya Hidup

Bil.	Subkategori/ Pengurusan Aktiviti	*Responsible* (R)	*Accountable* (A)	*Consulted* (C)	*Informed* (I)
1.	**Membeli-Belah**				
	Festival jualan mega	Operator/ Pengurusan pusat membeli belah	Tourism Selangor Sdn. Bhd dan agensi lain yang berkaitan	KPDN/ Persatuan Perniaga	Pelawat/ pengunjung, Media
	Pameran kraftangan	Kraftangan Malaysia/ PBT	MOTAC/ TSSB	Usahawan IKS (kraftangan)	Pelawat/ pengunjung
	Pasar seni/ pasar malam contoh Pasar Saloma, Pasar Karat, *Flea Market, Uptown*	PBT	PBT	Usahawan/ Peniaga tempatan	Komuniti, Pelawat/ pengunjung
	Pakej *shopping tour*	Agensi pelancongan	MOTAC/ Tourism Selangor Sdn. Bhd	Operator pusat membeli belah, hotel	Pelawat/ pengunjung
	Risiko kecurian, keselamatan pengunjung	Pasukan pegawal keselamatan	Pengurusan pusat membeli belah	Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat	Pelawat/ pengunjung

Bil.	Subkategori/ Pengurusan Aktiviti	*Responsible* (R)	*Accountable* (A)	*Consulted* (C)	*Informed* (I)
	Risiko kesesakan pengunjung semasa festival jualan	Pengurusan pusat membeli belah	Pengurusan pusat membeli belah	Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat	Pelawat/ pengunjung
2.	**Kulinari**				
	Festival makanan	Penganjur festival	PBT/ Tourism Selangor Sdn. Bhd	Chef tempatan, Usahawan F&B	Pelawat, Media
	Promosi bulan makanan	Tourism Selangor Sdn. Bhd / PBT	MOTAC/ Tourism Selangor Sdn. Bhd	Chef tempatan, Usahawan F&B	Pelawat, Komuniti
	Risiko keracunan makanan, kebersihan dapur	Usahawan F&B	Jabatan Kesihatan, PBT	Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan	Pelawat/ pengunjung, pelanggan
3.	**Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE)**				
	Penganjuran persidangan, seminar	Penganjur acara	PBT/ Tourism Selangor Sdn. Bhd	MyCEB, operator pusat konvensyen	Peserta, media
	Pameran perdagangan	Penganjur industri (persatuan)	Kementerian berkaitan	MITI, Tourism Malaysia/ Tourism Selangor Sdn. Bhd	Usahawan, pelancong/ pelawat
	Risiko keselamatan peserta, kebakaran	Penganjur acara	Pengurusan pusat konvensyen	PBT, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat	Peserta, media
	Risiko kegagalan sistem audio-video, elektrik dan pendaftaran	Pengurusan pusat konvensyen	Pembekal perkhidmatan sistem	Kontraktor IT, Jurutera	Penganjur, peserta
4.	**Taman Tema**				
	Pengoperasian taman tema	Operator taman tema	Pengurusan taman tema	PBT, Jabatan Bomba dan Penyelamat	Pelawat/ pengunjung, Media
	Risiko kecederaan pelawat akibat kegagalan alat permainan	Operator taman tema	Pengurusan taman tema	PBT, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan	Pelawat/ pengunjung
	Risiko kerosakan alat permainan	Juruteknik/ pasukan penyelenggaraan taman tema	Pengurus operasi taman tema	PBT, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan (DOSH)	Pelawat/ pengunjung



8

PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN AGRO

8.1 Pendahuluan

8.2 Komponen Panduan

8.3 Pelaksanaan Panduan

8.4 Pemantauan dan Penilaian



Farm Fresh@UPM, Serdang

Sumber: PPPNS (2025)

BAB 8
PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN AGRO

8.1 Pendahuluan

Pelancongan Agro merupakan satu kategori pelancongan yang menggabungkan aktiviti pertanian dengan pengalaman pelancong. Negeri Selangor mempunyai kelebihan dalam sektor ini dengan mempunyai kawasan dan aktiviti pertanian yang giat diusahakan, termasuk kawasan sawah padi, ladang buah-buahan, tanaman kontan, kawasan ternakan serta pusat agro-inovasi.

Permintaan terhadap pelancongan agro semakin meningkat kerana ia menawarkan pengalaman pembelajaran, rekreasi dan makanan berasaskan hasil segar, di samping membuka peluang ekonomi baharu kepada komuniti tani.

Sehubungan ini, pelbagai inisiatif pelancongan agro telah dilancarkan. Antaranya ialah Festival Sawah Padi Sekinchan 2025 di Terminal Sekinchan, Sabak Bernam yang dilancarkan pada April 2025 bagi memperkasa pembangunan pelancongan agro, di samping apresiasi terhadap warisan budaya dan pemerkasaan ekonomi komuniti luar bandar.

Merujuk kepada **Rajah 8.1**, terdapat **52 produk pelancongan agro** yang telah dikenal pasti di sekitar Negeri Selangor. Daripada jumlah ini, 11 produk adalah tertumpu di dalam Daerah Petaling dengan majoritinya merupakan kebun komuniti. Ini diikuti oleh Daerah Hulu Selangor (8 produk) serta Daerah Hulu Langat dan Daerah Kuala Langat yang masing-masing mencatatkan tujuh (7) produk.



8.1.1 Definisi

Menurut Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), 'Pelancongan Agro' ditakrifkan sebagai pelancongan yang menawarkan aktiviti berkaitan pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani untuk beriadah atau mendidik pengunjung sambil membantu meningkatkan pendapatan pengusaha pusat agro pelancongan.

Sektor ini juga memberi peluang kepada pelawat untuk menghargai kehidupan desa, budaya tempatan dan sumber alam secara lebih mendalam. Dengan itu, ia bersesuaian untuk pelancongan keluarga, pendidikan pelajar, pelancongan alam semula jadi dan program pelancongan berasaskan komuniti.

Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong

Rajah 8.1:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN AGRO NEGERI SELANGOR

Daerah Petaling
P1 Hub Pertanian Pusat Kusta Negara
P2 Home Coffee
P3 Setia Alam Central Park
P4 Kebun Komuniti Seksyen 8
P5 Urban Ecolife Agrofarm
P6 Kebun Komuniti USJ 6
P7 Kebun Komuniti USJ 12
P8 Kebun Komuniti P3KU
P9 Kebun Komuniti USJ18
P10 Kebun Komuniti USJ14
P11 Kebun Komuniti Enggang

Daerah Hulu Langat
T1 Kebun Komuniti Laman Hijau
T2 Kebun Komuniti Balai Bomba, Pandan Indah
T3 Kebun Komuniti Ceria Indah
T4 Kelulut Kasih
T5 Saville Wonderland
T6 Ostrich Wonderland
T7 Farmer Village
T8 SK Udang Kara

Daerah Gombak
G1 Kebun Komuniti Rumah Pangsa AU2 Keramat
G2 Kebun Komuniti Taman Bukit Indah Fasa 2
G3 Kebun Komuniti Pegaga

Daerah Sepang
S1 Farm Fresh UPM
S2 Malaysia Agro Exposition Park Serdang
S3 Farm in the City
S4 Nas Agro Farm
S5 HL Dragron Fruit Eco Farm

Daerah Hulu Selangor
H1 Happy Valley, Kalumpang
H2 Wadi Sungai Inki
H3 The Lumpang, Kalumpang
H4 KKB Wind Valley
H5 Rasa Durio Eco Glamz, KKB
H6 Selangor Veggie Park, Hulu Yam
H7 World of Phalaenopsis Ulu Yam
H8 Carpe Diem, Serendah

Daerah Kuala Selangor
R1 Taman Agroteknologi MARDI
R2 Coconut Farm Village
R3 Rock Melon Kg Raja Musa
R4 Fresh Farm Agro
R5 Nusantara Village
R6 Selangor Fruits Valley

Daerah Kuala Langat
L1 Ladang Satelit Bawang Merah Sg Kelambu
L2 Lumayan Agrofarm
L3 Ladang Rock Melon, Kg. Endah
L4 Benefigs, Banting
L5 Kilang Kopi FAMA Banting
L6 Kuan Wellness Eco Park
L7 Ganofarm Sdn. Bhd
L8 Ladang Satelit Cili Fertigasi Sg Kelambu


Daerah Sabak Bernam
B1 D'Hentian Mangga @ Zams Agro
B2 Lemon Myrtle
B3 Pearl Rice Garden- Paddy fun

Petunjuk
- Pelancongan Agro
- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)



Sumber: PPPNS (2025)

Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong



Rajah 8.2:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN AGRO DAERAH PETALING

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Agro

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Lapangan Terbang

Pelan Kunci





Rajah 8.3:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN AGRO DAERAH GOMBAK

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Agro

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Lapangan Terbang

Pelan Kunci





Rajah 8.4:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN AGRO DAERAH HULU LANGAT

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Agro

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM

Pelan Kunci





Sumber: PPPNS (2025)

Rajah 8.5:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN AGRO DAERAH SEPANG

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Agro

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Lapangan Terbang

Pelan Kunci





Sumber: PPPNS (2025)

Rajah 8.6:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN AGRO DAERAH KUALA LANGAT

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Agro

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci





Rajah 8.7:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN AGRO DAERAH HULU SELANGOR

Petunjuk:

Pelancongan


- Pelancongan Agro

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM

Pelan Kunci





Rajah 8.8:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN AGRO DAERAH KUALA SELANGOR

Petunjuk:

Pelancongan

- Pelancongan Agro

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci





Rajah 8.9:

TABURAN PRODUK PELANCONGAN AGRO DAERAH SABAK BERNAM

Petunjuk:

Pelancongan

- Pelancongan Agro

Lain-Lain

- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

Pelan Kunci



8.1.2 Subkategori Pelancongan Agro

Merujuk kepada **Jadual 8.1**, pelancongan agro merujuk kepada aktiviti pelancongan yang berasaskan pertanian aktif, termasuk lawatan ke ladang, penyertaan dalam aktiviti pertanian, pemprosesan hasil tani, pengalaman makanan ladang (*farm-to-table)* serta program pendidikan berkaitan keterjaminan makanan dan inovasi agro.

Jadual 8.1: Subkategori dan Ciri Utama Pelancongan Agro

Bil.	Subkategori	Fokus	Ciri Utama	Contoh Aktiviti	Contoh Lokasi
1.	**Agro Pendidikan**	Pendidikan dan penyelidikan pertanian	Aktiviti *hands-on*, pendedahan teknologi pertanian moden dan tradisional	Menanam padi, penternakan, jelajah kebun, *smart farming demo*	Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang
2.	**Agro Inovasi dan Pameran**	Inovasi, teknologi dan keterjaminan makanan	Demonstrasi agro-teknologi, pameran agro-inovasi, keterlibatan industri	Lawatan ke tapak pameran, pameran pertanian bandar, *farm-to-table*	MAHA Agro Tourism Park, Serdang
3.	**Agro Rekreasi**	Rekreasi dan santai di ladang aktif	Pengalaman pelancongan berasaskan hasil tani dan ternakan	Petik buah, lawatan ladang tenusu, *farmstay*	Selangor Fruit Valley (Rawang), Ladang Tenusu Hulu Selangor
4.	**Agro Herba dan Tradisional**	Warisan pertanian dan ubatan semula jadi	Tanaman herba, produk komuniti desa, nilai budaya	Lawatan herba, bengkel memasak, demo ubat tradisional	Taman Herba Paya Indah Wetlands, dusun komuniti desa
5.	**Agro Bermusim**	Produk bermusim dan pengalaman unik	Aktiviti bermusim, hasil segar	Lawatan dusun durian, festival buah-buahan	Dusun Durian Hulu Langat dan Kuala Langat



Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang – Ladang Farm Fresh

Sumber: https://discoverkl.com/2022/07/29/review-the-acre-farm-fresh-upm-tour-food-animals/

8.1.3 Objektif Panduan

Objektif panduan adalah untuk menyediakan satu (1) kerangka rujukan dalam membangun, mengurus dan mempromosikan pelancongan berasaskan pertanian, selaras dengan keperluan dan inisiatif pembangunan industri pelancongan dan sektor pertanian Negeri Selangor. Ia boleh diperincikan kepada **lima (5) aspek** seperti berikut:

1. Membantu pengusaha/ operator dan agensi kerajaan **mengikuti standard minimum** dalam aspek **keselamatan, kualiti perkhidmatan, reka bentuk kemudahan dan aktiviti agro**;
2. **Meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran dan etika kerja** pengusaha (operator) dalam mengurus pelawat serta **menyediakan produk pelancongan yang berkualiti dan selamat**;
3. **Memberi peluang kepada komuniti luar bandar** untuk **menjana pendapatan tambahan** melalui pelancongan dan mengurangkan pergantungan kepada hasil pertanian semata-mata;
4. **Menetapkan prosedur dan indikator** bagi memastikan semua produk dan perkhidmatan agro adalah selamat, sah dan berkualiti mengikut piawaian agensi-agensi berkaitan; dan
5. **Mendidik pelawat dan komuniti** mengenai amalan pertanian mampan, pemeliharaan biodiversiti dan hubungan manusia-alam.

Sumber: PPPNS, (2025)

8.1.4 Skop Panduan

Panduan ini meliputi semua bentuk pelancongan berasaskan pertanian di Negeri Selangor, antaranya adalah seperti berikut:



Ladang buah-buahan dan sayuran (contoh: dusun durian, ladang sayur organik)

Pusat agro-inovasi dan teknologi pintar (Contoh: ladang pintar berasaskan *Internet of Things* (IoT), pusat penyelidikan dan pembangunan pertanian)





Produk komuniti tani (contoh: inap dusun, makanan ladang ke meja)

Taman Herba dan Tanaman Industri (contoh: herba perubatan, kelapa sawit, getah)






Ternakan (contoh: lembu tenusu, kambing, unggas, ikan sangkar)

8.1.5 Prinsip Panduan

Empat (4) prinsip pelancongan agro yang diberi penekanan dalam pembentukan panduan ini adalah seperti berikut:

Rajah 8.10 : Prinsip Panduan Kategori Pelancongan Agro



8.2 Komponen Panduan

8.2.1 Pemilihan Tapak Yang Bersesuaian

Pemilihan tapak yang bersesuaian akan memastikan pelancongan agro dapat berkembang secara mampan, berdaya saing dan memberi manfaat bersama kepada petani, pelawat dan komuniti tempatan.

a) **Aktiviti Pertanian Yang Aktif dan Berterusan**

Pemilihan tapak merupakan aspek asas dalam pembangunan pelancongan agro kerana ia menentukan kejayaan jangka panjang projek serta penerimaan komuniti setempat. Tapak yang dipilih mestilah mempunyai aktiviti pertanian yang aktif dan berdaya saing. Hanya ladang atau kawasan pertanian yang masih beroperasi dan mempunyai potensi hasil pengeluaran yang konsisten sesuai untuk dijadikan tarikan pelancongan agro. Ini penting bagi memastikan fungsi utama pertanian tidak terjejas, di samping memberi peluang kepada pelawat untuk menyaksikan sendiri amalan pertanian sebenar, bukan sekadar pameran statik.

b) **Zoning atau Pengasingan Kawasan Pelawat Dengan Operasi Utama Pertanian**

Pemilihan tapak juga perlu mempertimbangkan aspek zoning atau pengasingan kawasan pelawat dengan operasi utama pertanian. Kawasan pelawat harus direka bentuk secara khusus dengan kemudahan asas seperti laluan, ruang demonstrasi, tandas dan surau, tanpa mengganggu aktiviti pertanian harian. Zon khas ini juga membantu mengurangkan risiko keselamatan, khususnya pendedahan pelawat terhadap jentera berat, stor bahan kimia atau kawasan ternakan yang memerlukan kawalan biosekuriti. Dengan pengasingan ini, keseimbangan antara fungsi pertanian dan pengalaman pelancong dapat dipelihara.

c) **Aksesibiliti Tapak**

Tapak pelancongan agro hendaklah mempunyai jalan keluar masuk yang baik, selamat dan boleh diakses oleh pelbagai jenis kenderaan, termasuk bas pelancong. Akses yang jelas dan berkualiti bukan sahaja memudahkan pelawat, malah mengurangkan gangguan trafik kepada kawasan kejiranan berhampiran. Penyediaan papan tanda arah yang jelas dari jalan utama ke lokasi juga perlu diberi perhatian.

d) **Mengelak Konflik Dengan Kawasan Kejiranan**

Tapak pelancongan agro tidak boleh menimbulkan konflik dengan komuniti berhampiran, khususnya dari segi pencemaran bau, bunyi dan kesan operasi ladang. Penilaian awalan terhadap sensitiviti persekitaran perlu dibuat bagi mengelakkan aduan masyarakat yang boleh menjejaskan kemampanan produk. Tapak yang ideal ialah tapak yang bukan sahaja sesuai dari segi pertanian, tetapi juga harmoni dengan persekitaran sosial dan komuniti setempat.

e) **Masyarakat Tani Tempatan**

Kehadiran komuniti setempat yang aktif dalam sektor pertanian membolehkan mereka menyertai sebagai pengusaha inap desa, pemandu pelancong, pembekal produk agro-makanan, atau penyedia aktiviti sokongan. Dengan itu, pelancongan agro bukan sahaja meningkatkan nilai tambah kepada hasil pertanian, tetapi juga memperkukuh ekonomi dan kesejahteraan masyarakat luar bandar.



Contoh di Negeri Selangor:

UPM Agro Tourism Park di Serdang memilih kawasan ladang yang aktif dengan tanaman padi, kebun buah-buahan dan ternakan, di mana kawasan pelawat dipisahkan daripada operasi utama melalui zon demonstrasi khusus serta disokong dengan laluan masuk terus dari jalan utama UPM.

Selangor Fruit Valley (SFV) di Rawang mengintegrasikan dusun buah-buahan tropika dengan ruang rekreasi, zoo mini dan kawasan pameran tanpa menjejaskan produktiviti ladang serta mempunyai akses jalan masuk yang terancang. Sementara itu, **dusun durian di Hulu Langat dan Kuala Langat** hanya dibuka pada musim tertentu dengan kawalan akses bagi mengelakkan kesesakan trafik serta gangguan kepada komuniti desa sekitar.

8.2.2 Reka Bentuk Kemudahan Pelawat

Reka bentuk kemudahan pelawat hendaklah berasaskan **tiga (3) prinsip utama**:

a) **Fungsi dan keselesaan** dengan menyediakan kemudahan asas yang mencukupi;

b) **Keselamatan dan ketahanan** dengan menggunakan bahan tahan lasak dan sesuai dengan aktiviti ladang; dan

c) **Kemampanan dan imej ladang** dengan penggunaan bahan mesra alam serta penampilan yang mencerminkan suasana pertanian.

Kemudahan pelawat di tapak pelancongan agro perlu direka bentuk secara **praktikal, mesra pengguna dan tahan lasak** agar mampu menampung pelbagai aktiviti tanpa menjejaskan fungsi asas pertanian. Antara kemudahan asas yang perlu disediakan termasuklah surau, tandas, laluan pengunjung serta ruang demonstrasi.

Semua kemudahan ini harus **direka dengan konsep ringkas tetapi berfungsi** memudahkan pelawat dari pelbagai latar belakang, termasuk kanak-kanak, warga emas dan kumpulan pelancongan besar.

Laluan pengunjung perlu **dibina dengan bahan yang tahan lasak, sesuai untuk berjalan kaki dan penggunaan kenderaan ringan** seperti *buggy* atau basikal. Ruang demonstrasi pula hendaklah ditempatkan di kawasan yang mudah diakses, membolehkan aktiviti seperti pemprosesan hasil tani, demonstrasi penanaman atau pameran teknologi pertanian dilaksanakan secara selamat dan interaktif.

Selain itu, reka bentuk kemudahan perlu **menonjolkan identiti pertanian dengan menggunakan bahan binaan mesra alam** seperti kayu, buluh atau batu yang bersesuaian dengan imej ladang. Pendekatan ini bukan sahaja mewujudkan suasana yang harmoni dengan persekitaran, tetapi juga mengurangkan impak karbon dan kos penyelenggaraan.

Elemen **reka bentuk hijau** seperti pengudaraan semula jadi, pencahayaan semula jadi dan sistem tadahan air hujan boleh digabungkan bagi menekankan prinsip kemampanan.



Kawasan interaksi antara haiwan dan manusia yang selamat perlu disediakan

Sumber: https://www.headout.com/pd-ostrich-show-farm-ticket/tickets-to-pd-ostrich-show-farm-e-21995/



Kemudahan *buggy* untuk membolehkan pelawat melawat kawasan ladang yang luas

Sumber: https://happygokl.com/perak-tourism/



Imej ladang pertanian yang ditonjolkan pada pengunjung sesuai untuk sesi berfoto

Sumber: https://www.viator.com/en-MY/tours/Kota-Kinabalu/KINABALU-PARK-WITH-RUMAH-TERBALIK-and-DESA-COW-FARM/d4171-31593P10

a) **Jalan Masuk dan Parkir**

Kemudahan parkir di kawasan pelancongan agro perlu dirancang dengan teliti bagi mengelakkan kesesakan, kemalangan dengan jentera pertanian dan tekanan kepada ternakan/ kawasan tanaman. Ia hendaklah ditempatkan di **zon berhampiran pintu masuk utama sahaja** manakala **kawasan pertanian mesti bebas daripada kenderaan bermotor**.

Reka bentuk parkir digalakkan dengan menggunakan bahan mesra alam untuk mengurangkan aliran air larian masuk ke kawasan tanaman.



Jalan masuk perlu disediakan berasingan/ dikawal dari konflik dengan jentera berat

Sumber:https://www.facebook.com/SCDOT/videos/shoulder-pulling-operations-like-seen-here-on-furman-rd-s-420-in-clarendon-count/3109680269201836/

b) **Kawasan Perkedaian**

Kawasan perkedaian, termasuk gerai cenderamata dan pusat jualan produk komuniti perlu **disusun secara terkawal di zon peralihan** agar tidak mengganggu zon perlindungan atau rekreasi utama. Reka bentuk gerai **digalakkan dalam skala kecil dan berkonsep terbuka**, **menggunakan bahan binaan semula jadi** seperti kayu atau buluh yang harmoni dengan persekitaran.

Penjualan produk perlu **memberi keutamaan kepada hasil komuniti tempatan** seperti kraftangan dan makanan tradisional yang menyokong ekonomi setempat.

Kawalan perlu dikenakan ke atas aktiviti komersial yang berlebihan atau berbentuk “pasar malam kekal” yang boleh mengganggu aliran pengunjung, landskap, serta suasana semula jadi kawasan tersebut.



Kawasan perkedaian yang terlalu hampir dengan jalan awam tidak dibenarkan atas sebab faktor keselamatan

Sumber: https://livingoutlau.com/cameron-highlands-attractions-malaysia/

c) **Kemudahan Makan dan Minum**

Kemudahan makanan dan minuman perlu dikawal dari segi lokasi, kapasiti dan jenis operasi supaya tidak menjadi punca pencemaran atau kesesakan. Gerai atau kafe hendaklah ditempatkan di zon khas yang **mudah diakses** dan **mempunyai pemandangan yang menarik** ke kawasan pertanian.

Semua pengendali makanan **wajib mematuhi *standard* kebersihan dan pengurusan sisa makanan** termasuk menyediakan tong sampah berasingan dan sistem kitar semula. Penggunaan plastik sekali guna perlu diminimumkan dan diganti dengan bahan mesra alam. Kawalan ini bukan sahaja memastikan kebersihan serta keselesaan pelawat, tetapi juga mengelakkan berlakunya pencemaran air dan gangguan terhadap tanaman dan ternakan.

8.2.3 Jarak Penampan ke Kawasan Sekitar

Jarak penampan yang mencukupi perlu disediakan oleh operator/ pengusaha ternakan, khususnya jarak dari kawasan ternakan ke kawasan penempatan sekitar. Panduan merujuk kepada "Garis Panduan Ladang Penternakan Ayam" (PLANMalaysia) dan tertakluk juga kepada garis panduan berkaitan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Selangor.

Panduan jarak zon penampan adalah seperti berikut:

a) **Zon penampan minimum 200 meter** antara ladang ternakan komersial dengan kawasan petempatan, sekolah, klinik dan kemudahan awam lain.

b) Jika ladang ternakan mempunyai kapasiti yang lebih besar atau ternakan dengan isu bau atau bunyi kuat (contoh: unggas atau fidlot besar), zon penampan yang lebih besar adalah disyorkan — contohnya, 500 meter atau lebih, berdasarkan kes dan kapasiti ladang.

c) Semua cadangan lokasi ladang baharu perlu merujuk kepada "Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007" serta mendapat persetujuan lesen daripada JPV Negeri Selangor dan juga pemeriksaan melalui PBT untuk syarat jarak dan jangkaan impak kepada komuniti.

d) **Pemantauan dan laporan aduan komuniti setempat perlu diambil kira dalam penetapan zon penampan** dan tindakan akan dikenakan jika ada gangguan bau, bunyi, lalat atau hama yang melepasi tahap yang boleh diterima.

Walau bagaimanapun, kawasan perkedaian, pameran statik (tanpa haiwan), tempat parkir, kawasan persembahan dan kawasan tanaman boleh dicadang lebih hampir dengan jalan raya dan kawasan penempatan.

8.2.4 Keselamatan dan Standard Prosedur

Aspek keselamatan merupakan elemen teras dalam pengurusan tapak pelancongan agro. **Akses pelawat perlu dihadkan daripada memasuki kawasan berisiko tinggi** seperti zon penggunaan mesin berat, stor penyimpanan bahan kimia, serta kandang ternakan yang memerlukan kawalan biosekuriti. Pengasingan kawasan ini penting bagi mengurangkan risiko kemalangan, pendedahan kepada bahan berbahaya dan gangguan terhadap operasi pertanian harian. Kawalan boleh dilakukan melalui **sistem pengezonan, pemasangan papan tanda amaran, pagar keselamatan serta laluan khas pelawat** yang telah ditetapkan.

Operator perlu memastikan **latihan keselamatan** diberikan kepada pemandu pelancong, pekerja ladang serta pengendali aktiviti. Latihan ini merangkumi prosedur rawatan kecemasan, penggunaan alat perlindungan diri, pengendalian ternakan dengan selamat serta pengurusan pelawat semasa aktiviti demonstrasi.

Berdasarkan prosedur keselamatan yang jelas dan latihan yang mencukupi, pengalaman pelawat bukan sahaja akan lebih selamat tetapi juga lebih meyakinkan, seterusnya akan meningkatkan kredibiliti tapak pelancongan agro sebagai **destinasi yang profesional dan bertanggungjawab**.



Pembantu ladang mengawasi pergerakan haiwan untuk mengelakkan kecederaan kepada pelawat akibat tendangan/ pergerakan agresif haiwan

Sumber: https://peopleplacesandthoughts.com/home/2019/5/12/a-visit-to-mundo-alpaca-in-arequipa-peru

A. Pengurusan Risiko Keselamatan Pelawat

Keselamatan pelawat merupakan aspek kritikal dalam pembangunan pelancongan agro kerana aktiviti yang dijalankan melibatkan ladang, ternakan, mesin serta interaksi dengan alam sekitar. **Jadual 8.2** menunjukkan isu-isu keselamatan pengoperasian yang perlu diberi perhatian oleh operator pelancongan agro.

Jadual 8.2: Kawalan Keselamatan Pengoperasian Pelancongan Agro

Bil.	Isu Keselamatan	Huraian
1.	**Risiko persekitaran ladang**	Pelawat terdedah kepada kawasan berlumpur, licin, parit, kolam atau sistem pengairan yang boleh menyebabkan tergelincir atau terjatuh. Kawasan ini perlu **ditanda dengan papan amaran dan laluan khas pelawat**
2.	**Pendedahan kepada mesin dan bahan kimia**	Operasi ladang menggunakan jentera berat, traktor, pam air dan bahan kimia pertanian. **Akses pelawat perlu dihadkan daripada zon berisiko**, dengan pematuhan prosedur keselamatan yang ketat
3.	**Interaksi dengan ternakan**	Aktiviti melibatkan haiwan seperti lembu, kambing, ayam atau kuda boleh mendedahkan pelawat kepada gigitan, tendangan atau risiko zoonotik (penyakit dari haiwan ke manusia). Oleh itu, **hanya kawasan ternakan terkawal boleh dilawati dengan pengawasan kakitangan**. Pelawat juga perlu dipisahkan daripada haiwan yang berisiko mencederakan terutama semasa mereka berkelakuan agresif
4.	**Kawalan trafik dan akses**	Jalan masuk ke ladang yang turut digunakan pelawat perlu direka bentuk dengan **laluan yang selamat, parkir yang sesuai serta kawalan keluar masuk** bagi mengelakkan kesesakan atau kemalangan dengan kenderaan ladang
5.	**Kecemasan dan perubatan**	Tapak perlu mempunyai **pelan tindakan kecemasan** termasuk kit pertolongan kecemasan, titik berkumpul serta akses kepada klinik atau hospital berhampiran. Pemandu pelancong dan pekerja perlu diberikan latihan asas pertolongan cemas
6.	**Kebersihan dan kesihatan awam**	Isu kebersihan seperti tandas, air minuman serta penyediaan makanan perlu dikawal ketat bagi mengelakkan penyakit bawaan makanan atau air. ***Standard* kebersihan pelancongan** mesti dipatuhi mengikut garis panduan KKM

Sumber: PPPNS (2025).

Jadual 8.3 dan **Jadual 8.4** menunjukkan perbezaan dalam konteks isu keselamatan di kawasan produk pelancongan agro tanaman dan ternakan.

Jadual 8.3: Risiko Keselamatan dan Tindakan Kawalan di Kawasan Pelancongan Agro Berasaskan Tanaman

Bil.	Lokasi	Risiko Utama	Tindakan Kawalan
1.	**Kebun Buah-buahan**	Buah gugur (durian, kelapa) mencederakan pelawat	▪ Meletakkan papan tanda amaran ▪ Menyediakan laluan khas jauh dari pokok berisiko ▪ Menghadkan akses semasa musim gugur buah
		Laluan curam, akar pokok, permukaan licin	▪ Menyediakan laluan pengunjung yang rata ▪ Membina laluan berturap atau kayu ▪ Menyediakan pagar keselamatan
		Gigitan/ serangan serangga (tebuan, semut api, nyamuk)	▪ Mengawal serangga secara berkala ▪ Menyediakan kit pertolongan kecemasan ▪ Memberi taklimat keselamatan awal kepada pelawat
2.	**Sawah Padi**	Tergelincir di batas sawah licin atau jatuh ke parit	▪ Membina laluan kayu atau konkrit ▪ Menyediakan papan tanda kawasan berbahaya ▪ Memastikan penawaran pemandu pelancong

Bil.	Lokasi	Risiko Utama	Tindakan Kawalan
		Terperangkap dalam lumpur sawah	▪ Mengawasi kawasan interaktif (contoh: aktiviti menanam padi) ▪ Menyediakan pakaian khas seperti kasut *boot* bagi aktiviti berlumpur
		Keletihan haba/ strok haba akibat pendedahan matahari	▪ Menyediakan tempat berteduh ▪ Menyediakan bekalan air minuman ▪ Menjadualkan aktiviti pada waktu pagi/petang
		Risiko alatan/ menuai dengan mesin	▪ Mengehadkan jarak pelawat dari mesin dan hanya ditunjukkan (demonstrasi) oleh operator terlatih ▪ Merancang dan menyediakan kawasan pameran khas

Sumber: PPPNS (2025).

Jadual 8.4: Risiko Keselamatan dan Tindakan Kawalan di Kawasan Pelancongan Agro Berasaskan Ternakan

Bil.	Ternakan	Risiko Utama	Tindakan Kawalan
1.	**Lembu dan kerbau**	Tandukan/ tendangan, terutama jantan atau betina yang melahirkan anak	▪ Mengehadkan interaksi secara terus ▪ Menggunakan pagar/ padang ragut berasingan ▪ Hanya membenarkan aktiviti memberi makan dengan pengawasan
		Tergelincir di kawasan berlumpur/ licin	▪ Menyediakan laluan pejalan kaki berturap atau kayu ▪ Menanda kawasan bahaya ▪ Menyediakan kasut pelindung
2.	**Kambing dan biri-biri**	Menanduk (jantan) atau melompat ke arah pelawat	▪ Hanya membenarkan interaksi di kawasan terkawal dengan pengendali ▪ Menyediakan pagar rendah dan ruang sentuhan terkawal
3.	**Ayam, itik dan unggas**	Gigitan/ paruh, serangan ayam jantan, najis mencemarkan pelawat	▪ Mengawal jumlah pelawat ▪ Menyediakan pelitup kasut sekali guna (*shoe cover*)
		Risiko biosekuriti (jangkitan penyakit unggas)	▪ Mengehadkan akses terus ke reban pengeluaran ▪ Menyediakan zon demonstrasi khas ▪ Mewajibkan sanitasi tangan dan kasut sebelum dan selepas lawatan
4.	**Kuda dan haiwan tunggangan**	Tendangan ke belakang, jatuh semasa tunggangan	▪ Membenarkan aktiviti tunggangan hanya dengan kehadiran jurulatih bertauliah ▪ Mewajibkan pemakaian topi keledar dan *vest* keselamatan ▪ Menandakan laluan menunggang yang jelas
5.	**Arnab / haiwan kecil**	Gigitan kecil, calar pada kanak-kanak	▪ Hanya membenarkan interaksi di ruang pameran khas ▪ Menugaskan kakitangan untuk mengawasi ▪ Memastikan haiwan sihat dan divaksin

Sumber: PPPNS (2025).

Selain tindakan-tindakan kawalan di atas, operator/ pegawai ladang atau pemandu pelancong juga perlu memastikan supaya **memberi penerangan ringkas kepada pelawat** iaitu **perkara yang wajar dilakukan dan perkara dilarang sebelum memulakan lawatan**. Antaranya seperti berikut:

Perkara Yang Dilarang (*Don'ts*)	Perkara Yang Wajar Dilakukan (*Do*)
✗ Masuk ke kawasan operasi ladang, stor bahan kimia, atau kandang tanpa kebenaran.	✓ Mengikuti taklimat dan panduan keselamatan semasa berekreasi di ladang pertanian.
✗ Memberi makan haiwan tanpa pengawasan kakitangan.	✓ Menggunakan laluan pelawat yang telah ditetapkan.
✗ Memetik tanaman atau buah di luar kawasan demonstrasi atau aktiviti "petik sendiri".	✓ Membasuh tangan sebelum dan selepas menyentuh haiwan atau tanaman.
✗ Membuang sampah merata-rata atau mencemarkan kawasan ladang.	✓ Menggunakan kemudahan kebersihan (tandas, surau, tempat cuci tangan) dengan berhemah.
✗ Membuat bising, mengejutkan haiwan atau merosakkan tanaman.	✓ Menggunakan pakaian dan kasut yang bersesuaian untuk aktiviti ladang.
✗ Membawa masuk makanan luar yang boleh menjejaskan kawalan biosekuriti.	✓ Melaporkan segera kepada kakitangan ladang jika berlaku kecederaan, alahan atau sebarang insiden.

8.2.5 Sistem Pengurusan Sisa

Pengurusan sisa di tapak pelancongan agro perlu diberi perhatian bagi memastikan kemampanan alam sekitar dan pengalaman pelawat yang lebih selesa. Antara langkah utama ialah **melaksanakan rawatan air sisa ladang**, khususnya daripada proses pembersihan hasil tani, penyiraman berlebihan atau aktiviti pemprosesan. **Air sisa perlu dirawat sebelum dialirkan keluar** supaya tidak mencemarkan sumber air berhampiran.

Jadual 8.5 menunjukkan contoh amalan baik sistem pengurusan sisa pelancongan agro. Antaranya ialah najis ternakan hendaklah diasingkan dan dikendalikan dengan sistematik, seperti menggunakan **tangki septik khas** atau **sistem biogas** yang boleh ditukar menjadi tenaga alternatif. Manakala sisa pertanian seperti daun, batang atau buah yang rosak boleh dikitar semula menjadi **kompos organik** untuk baja semula jadi. Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan jumlah sisa yang dibuang, malah menambah nilai kepada kitaran pertanian di ladang serta menonjolkan **amalan hijau** yang boleh menjadi tarikan pendidikan kepada pelawat.

Jadual 8.5: Contoh Amalan Baik Sistem Pengurusan Sisa Pelancongan Agro

Bil.	Jenis Ladang	Jenis Sisa	Kaedah Pengurusan	Contoh Amalan Baik
1.	**Dusun tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran**	Buah rosak, daun gugur, batang tanaman	Kompos organik, produk hiliran	Buah strawberi rosak dijadikan kompos atau diproses menjadi jem dan minuman
2.	**Ternakan (lembu, kambing, ayam, itik)**	Najis ternakan, air basuhan kandang	Pengasingan najis, rawatan bio, biogas	Najis lembu diproses dalam sistem biogas - tenaga dan baja cecair; air basuhan kandang dirawat sebelum dialir keluar
3.	**Tanaman herba dan perubatan (contoh: Taman Herba)**	Batang dan daun tidak digunakan	Pengeringan dan kitar semula, kompos	Daun herba rosak dijadikan kompos; sisa herba dikeringkan untuk dijadikan bahan aromaterapi atau serbuk baja

Sumber: PPPNS (2025).

8.2.6 Aktiviti Pendidikan dan Interaktif

Aktiviti pendidikan dan interaktif merupakan komponen penting dalam pelancongan agro kerana ia menawarkan pengalaman rekreasi serta membina pengetahuan dan kesedaran pelawat dalam konteks sektor pertanian.

Jadual 8.6 menunjukkan melalui aktiviti seperti memetik sendiri hasil tanaman, menyaksikan demonstrasi pemprosesan, melawat ladang berteknologi moden serta menikmati konsep *farm-to-table*, pelawat berpeluang **memahami rantaian pengeluaran makanan dari ladang hingga ke meja**. Pendekatan ini akan memperkayakan pengalaman pelancong serta memberi nilai tambah kepada sektor pertanian sebagai medium pendidikan, inovasi dan kemampanan.

Jadual 8.6: Aktiviti Pendidikan dan Interaktif Pelancongan Agro

Bil.	Aktiviti	Hasil Pendidikan / Nilai Tambah	Contoh Lokasi
1.	**Petik sendiri buah-buahan dan sayuran**	Pelawat belajar mengenai musim tanaman, cara penjagaan, serta kepelbagaian hasil pertanian tempatan.	**UPM Agro Tourism Park (Serdang) –** petik strawberi dan sayuran hijau
2.	**Demonstrasi pemprosesan hasil tani**	Kefahaman tentang rantaian nilai pertanian – dari hasil ladang kepada produk makanan.	**Selangor Fruit Valley (Rawang) –** pembuatan jem nanas, kerepek pisang
3.	**Lawatan ladang dan interpretasi teknologi pertanian**	Pendedahan kepada pertanian moden seperti fertigasi, rumah hijau dan IoT.	**MAHA Agro Tourism Showground (Serdang) –** demonstrasi pertanian pintar dan pertanian bandar
4.	**Program "*farm-to-table*" (ladang ke meja)**	Kesedaran tentang keterjaminan makanan, kesegaran hasil tani dan gaya hidup sihat.	**Dusun Durian (Kuala Langat) –** jamuan Musang King **Ladang Tenusu Hulu Selangor –** susu segar

Sumber: PPPNS (2025).

8.2.7 Pembangunan Komuniti Setempat

Pembangunan komuniti setempat dalam pelancongan agro bukan sekadar memberi peluang pekerjaan tetapi juga meningkatkan daya tahan sosial, kesejahteraan ekonomi serta pengekalan identiti budaya tempatan. **Tiga (3) prinsip** asas kepada perkara ini adalah:

a) Komuniti tempatan mesti menjadi **penerima manfaat utama** daripada pembangunan pelancongan agro;
b) Inisiatif perlu **mengutamakan pemerkasaan, penyertaan aktif** dan **pembangunan kapasiti**; dan
c) Aktiviti yang dibangunkan perlu **selaras dengan budaya**, **adat resam dan identiti tempatan** tanpa mengganggu keharmonian sosial.

Tiga (3) strategi utama dalam pelancongan agro untuk pembangunan komuniti setempat adalah seperti di **Jadual 8.7**.

Jadual 8.7: Strategi Pembangunan Komuniti Setempat Dalam Pelancongan Agro

Penyertaan Awal dalam Perancangan	Peluang Pekerjaan dan Keusahawanan	Pembangunan Kapasiti dan Latihan
▪ Komuniti perlu dilibatkan dalam peringkat awal perancangan melalui perundingan, bengkel dan sesi libat urus ▪ Pandangan mereka mesti diambil kira dalam merekabentuk produk pelancongan agro, zon penampan dan prosedur pengoperasian	▪ Menggalakkan komuniti menjadi pengendali inap desa, pemandu pelancongan agro atau pengusaha produk kraf/ tempatan ▪ Menyediakan insentif atau geran sokongan mikro untuk usahawan kecil tempatan	▪ Memberi latihan dalam bidang hospitaliti, keselamatan pelancongan, interpretasi alam sekitar serta pemasaran digital ▪ Memperkukuh kemahiran komuniti menerusi kerjasama antara PBT, NGO dan IPT

Sumber: PPPNS (2025).

Jadual 8.8 menunjukkan perincian kawalan dan pemantauan pembangunan komuniti setempat.

Jadual 8.8: Kawalan dan Pemantauan Pembangunan Komuniti Setempat

Kawalan Kualiti	Pemantauan Manfaat Sosio-Ekonomi	Pengurangan Konflik Sosial
▪ Produk atau perkhidmatan komuniti perlu mematuhi piawaian keselamatan, kebersihan dan standard prosedur pelancongan agro ▪ PBT bersama agensi teknikal boleh menjalankan audit pematuhan secara berkala	▪ Indikator seperti peningkatan pendapatan isi rumah, kadar penyertaan komuniti dalam pelancongan agro dan kepuasan pelawat perlu dipantau	▪ Mengelakkan eksploitasi komuniti melalui aktiviti komersial yang hanya menguntungkan pihak luar ▪ Memastikan faedah ekonomi diagih secara adil dalam kalangan ahli komuniti

Sumber: PPPNS (2025).

8.3 Panduan Pelaksanaan

Bagi memastikan pembangunan pelancongan agro berjalan secara teratur dan mampan, mekanisme kawalan dan pemantauan yang jelas perlu dilaksanakan. Pihak Berkuasa Tempatan bersama agensi teknikal berkaitan hendaklah menilai setiap cadangan pembangunan pelancongan agro melalui proses kebenaran merancang (KM) termasuk syarat-syarat teknikal berkaitan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan awam.

Kebenaran Merancang (KM) di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] adalah mandatori bagi semua pembangunan pelancongan agro bersifat komersial dengan bangunan kekal dibina sebagai komponen pembangunannya. Permohonan KM perlu dikemukakan kepada PBT bersama pelan susun atur tapak, laporan teknikal serta pematuhan kepada keperluan agensi teknikal.

Permohonan dan pembaharuan lesen perniagaan dan aktiviti secara tahunan, permit khas, pemeriksaan tapak dan audit berjadual dengan kerjasama agensi teknikal perlu dikuatkuasa. **Jadual 8.9** menunjukkan kaedah kawalan dan pemantauan berkala untuk pelancongan agro yang melibatkan pelbagai pihak dan agensi teknikal.

Jadual 8.9: Kawalan dan Pemantauan Berkala Bagi Sektor Pelancongan Agro

Bil.	Aspek Kawalan	Agensi Bertanggungjawab	Kaedah Pemantauan
1.	**Kawalan Pembangunan** (reka bentuk kemudahan, pemilihan tapak dan zon pelawat)	PBT, PLANMalaysia Selangor, JPS, IADA Barat Laut Selangor (BLS), Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perikanan (DOF) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)	Proses KM, semakan pelan tapak, keperluan dan syarat teknikal
2.	**Kawalan Penggunaan Tanah** (zoning pertanian, zon penampan, guna tanah bercampur)	PBT, PDT, DOA, JPV, IADA BLS	Semakan keserasian cadangan kegunaan tanah dengan RT, lawatan tapak secara berkala
3.	**Pengurusan Sisa dan Biosekuriti** (najis ternakan, air sisa ladang dan sanitasi pelawat)	DOA, JPV, DOF, JAS	Laporan penyimpanan bekas racun serangga perosak dan racun rumpai, audit kebersihan, persijilan MyGAP dan MyOrganic pemeriksaan secara berkala
4.	**Keselamatan Pelawat dan prosedur Keselamatan**	PBT, IADA BLS, DOA, JPV, DOF, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN Selangor)	Audit tapak tahunan, laporan insiden dan latihan keselamatan
5.	**Sumbangan Ekonomi dan Komuniti** (pendapatan petani, penternak dan penglibatan belia)	PBT, IADA BLS, DOA, JPV, DOF, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Selangor	Audit tahunan impak ekonomi, laporan penyertaan komuniti

Bil.	Aspek Kawalan	Agensi Bertanggungjawab	Kaedah Pemantauan
6.	**Pensijilan MyGAP, MyOrganic** (pengeluaran hasil pertanian secara mesra alam sekitar, komuniti dan pekerja ladang)	DOA, JPV, DOF	Pematuhan piawaian, garis panduan dan amalan terbaik. Contoh: pengiktirafan MyGAP (Tanaman), MyOrganic, MyGAP (Ternakan) dan MyGAP (Akuakultur)

Sumber: PPPNS (2025).

8.3.1 Aspek Kawalan Penggunaan Tanah

Bagi kawalan pembangunan pelancongan agro, ia hanya dibenarkan atas tapak dalam zon tanah pertanian manakala kawasan hutan simpanan kekal (HSK), kawasan tadahan air dan kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) tahap tinggi perlu dielakkan atau memerlukan permit khas dan syarat-syarat teknikal yang ketat. **Kebenaran Merancang (KM) tidak akan diluluskan sekiranya tapak berada di kawasan yang tidak selaras dengan zoning guna tanah dalam Rancangan Tempatan (RT)**.

Sekiranya pengusaha bercadang untuk membangunkan produk pelancongan agro bersifat komersial di tanah persendirian, mereka perlu memohon untuk tukar syarat guna tanah melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), selaras dengan keperluan Kanun Tanah Negara (KTN) 1965. Permohonan **komponen pembangunan pelancongan agro yang bersesuaian dan selaras dengan perancangan (Kelas Kegunaan Tanah) dalam RT boleh dipertimbangkan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan.**

Dari sudut **kawalan penggunaan tanah**, tapak pelancongan agro mestilah berada di dalam zon pertanian sedia ada atau zon komersial bagi taman tema pelancongan agro. Sebarang perubahan guna tanah perlu mendapat kelulusan perancangan bagi mengelakkan konflik di kawasan perumahan, industri atau guna tanah lain. **Penetapan zon penampan antara ladang dengan kawasan kejiranan adalah wajib** bagi mengurangkan risiko pencemaran bau, bunyi dan isu biosekuriti. Pendekatan ini untuk mengelakkan konflik sosial serta mengekalkan keharmonian antara aktiviti pertanian dengan komuniti sekitar.

- **Pembangunan produk pelancongan agro di KSAS seperti HSK, tanah tinggi, sungai, kawasan tadahan air atau tanah gambut tertakluk kepada garis panduan semasa dan ulasan daripada agensi teknikal yang berkaitan**.
- Tapak yang **berhampiran dengan kawasan sensitif** seperti sungai, kawasan hutan, tanah tinggi kawasan tadahan air atau penempatan perlu menyediakan **zon penampan yang bersesuaian bergantung kepada ketetapan dan garis panduan agensi bertanggungjawab** .

8.3.2 Pertimbangan Lain Dalam Kawalan Penggunaan Tanah

Kelonggaran dalam penggunaan tanah boleh dimohon berdasarkan merit bagi kes-kes berikut:

a) Tanah pertanian sedia ada yang mana pelancongan agro dibenarkan beroperasi tanpa perlu tukar syarat penuh kepada perniagaan. Pada kebiasaannya, kelulusan bersyarat atau permit sementara akan diberi di bawah kategori aktiviti sokongan pertanian, tertakluk kepada KTN 1965 dan enakmen-enakmen negeri yang berkaitan.
b) Tanah kampung tradisi seperti pengusaha komuniti membuka tapak pelancongan agro di tanah kampung dengan sokongan PBT, diberi lesen sementara (*temporary permit*) sehingga proses KM lengkap.

Selain itu, terdapat beberapa pertimbangan lain yang perlu diberi penekanan. Agensi teknikal seperti **Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)**, **Jabatan Pertanian (DOA)**, **Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)**, **Jabatan Perikanan (DOF)** dan **PBT** berperanan sebagai penyelaras utama dalam pemantauan dan kelulusan aktiviti. Kelonggaran pengoperasian boleh dimohon berdasarkan merit bagi kes-kes seperti Permit Sementara/ Lesen Khas digunakan untuk program pelancongan agro tahunan atau secara bermusim (contoh: *fruit festival*). Pada kebiasaannya, ia diberi oleh PBT dengan syarat keselamatan ketat oleh JBPM, JPS dan JAS.



Antara festival agro bermusim di Negeri Selangor

Sumber: Sosial media Selangor Fruit Valley/

Kelonggaran struktur sementara seperti *canopy tent*, *portable toilet*, pondok kayu tidak kekal boleh dibenarkan atas dasar sementara (contoh: 2 tahun) sebelum semakan semula.

8.3.3 Pemutihan Tapak Pelancongan Agro Sedia ada

Proses pemutihan tapak pelancongan agro sedia ada bertujuan memastikan semua tapak yang telah beroperasi tanpa kelulusan formal dapat disemak, dinilai dan diselaraskan semula mengikut keperluan perundangan, keselamatan serta garis panduan perancangan semasa. Langkah ini juga memastikan aktiviti pelancongan agro yang dijalankan tidak menjejaskan fungsi asal tanah pertanian dan selaras dengan objektif pembangunan mampan negeri.

Jadual 8.10: Perincian Proses Pemutihan Bagi Sektor Pelancongan Agro


Bil.	Proses Pemutihan	Perincian
1.	**Pematuhan minimum tapak**	▪ Tapak pelancongan agro perlu di inventorikan melalui pemeriksaan tapak oleh PBT bersama agensi teknikal untuk penentuan pematuhan syarat teknikal ▪ Sebarang aktiviti pelancongan yang dijalankan di atas tanah pertanian adalah **tidak dibenarkan untuk menukar guna tanah utama** tetapi berfungsi sebagai **sokongan kepada aktiviti pertanian sedia ada** ▪ Tapak yang terletak berhampiran dengan kawasan sensitif seperti sungai, kawasan tadahan air atau penempatan perlu menyediakan **zon penampan dan sistem kawalan pencemaran** yang mencukupi ▪ Kawasan laluan pelawat, ruang parkir dan tempat aktiviti perlu ditentukan dengan jelas dalam pelan susun atur tapak (*as-built plan*) ▪ Penanaman pokok penampan yang tebal perlu dibuat di kawasan perimeter tapak, sekiranya terdapat jalan raya utama, kawasan perumahan, institusi dan lain-lain di kawasan berhampiran ▪ Pematuhan anjakan bangunan dan zon penampan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh JPV Negeri Selangor
2.	**Pematuhan minimum kemudahan**	▪ Semua kemudahan yang disediakan untuk pelawat seperti **tandas, surau, ruang makan, tempat pameran, atau laluan ladang** perlu mematuhi piawaian keselamatan dan kebersihan asas yang ditetapkan oleh PBT ▪ Jika terdapat struktur kekal seperti **galeri, dewan mini atau inap dusun**, pemilik perlu mendapatkan kelulusan KM Pendirian Bangunan (A*s Built Plan*) dan KM Perubahan Material Penggunaan Bangunan (Tempoh Terhad) ▪ Tapak perlu menyediakan kemudahan asas seperti **bekalan air bersih, pengurusan sisa pepejal dan sistem saliran dalaman** ▪ Bagi aktiviti lawatan ternakan, tanaman atau demonstrasi, **zon keselamatan dan prosedur lawatan terkawal** perlu disediakan bagi mengelak risiko bahaya kepada pelawat ▪ Penyediaan ruang parkir mengikut piawaian yang ditetapkan oleh PBT

Bil.	Proses Pemutihan	Perincian
3.	**Pematuhan Minimum Operasi**	▪ Semua pengusaha/ operator perlu mendapatkan **lesen operasi tahunan daripada PBT** (jika beroperasi pada skala komersial) ▪ Tapak pelancongan agro perlu mempunyai **prosedur operasi standard (SOP) dalaman** yang meliputi waktu operasi, kawalan pelawat, keselamatan aktiviti dan penyelenggaraan ladang ▪ Aktiviti pelancongan tidak boleh dijalankan pada waktu malam atau keadaan cuaca ekstrem tanpa langkah keselamatan tambahan ▪ Pengusaha/ operator digalakkan menyediakan **insurans liabiliti awam (*public liability insurance*)** sebagai langkah keselamatan tambahan
4.	**Pematuhan Minimum Undang-undang Berkaitan**	▪ Semua tapak tertakluk kepada **Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]** - memerlukan **Kebenaran Merancang (KM)** bagi aktiviti pelancongan komersial yang melibatkan kemudahan kekal ▪ Pembangunan pelancongan sedia ada di atas **tanah pertanian/ tanah kampung tradisi** - selaras dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 4/2020 dan terpakai kepada tapak pelancongan sedia ada ▪ Bagi tapak pelancongan agro yang telah sedia beroperasi di atas tanah pertanian (sebelum 1 Januari 2020), permohonan permit khas tahunan bagi penggunaan tanah pertanian untuk tujuan pelancongan (misalnya komersial dan industri) (selain pertanian) boleh dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah bagi kelulusan pembinaan struktur binaan yang **tidak melebihi 2/5 (40%) daripada keluasan tanah milik berdaftar**. ▪ Terdapat juga pengusaha komuniti membuka tapak pelancongan agro di tanah kampung dengan sokongan PBT, diberi permit sementara sebelum proses KM lengkap. Bagi tanah kampung tradisi dengan zoning pertanian, permohonan permit seperti di atas juga terpakai ▪ Kadar fi tahunan menggunakan kadar cukai perniagaan, mengikut keluasan struktur (m²) × kadar sen per meter persegi dikenakan kepada pemohon. **Sekiranya pembangunan sedia ada melebihi 2/5 dari keluasan tanah, pemilik tanah perlu memohon pindaan kategori/ syarat nyata tanah melalui peruntukan undang-undang KTN 1965** ▪ **Pembangunan pelancongan sedia ada di atas kawasan tadahan/ sungai** - bagi tapak pelancongan agro di atas tanah persendirian yang menggunakan sebahagian rezab sungai untuk kegunaan rekreasi/ pelancongan **tanpa pembinaan bangunan kekal**, JPS Negeri Selangor dan PBT **boleh membenarkan dengan syarat aktiviti pelancongan agro di tebing sungai dengan pematuhan syarat zon penampan minimum** dan kawalan ketat (contoh: hanya binaan sementara, tiada struktur kekal), tertakluk kepada merit kes ▪ Tapak juga perlu mematuhi undang-undang kecil PBT seperti: - Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984; - Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian; dan - Undang-Undang Kecil Kawalan Sisa Pepejal dan Kebersihan Awam. ▪ Jika melibatkan ternakan atau tanaman khusus, pengusaha perlu merujuk kepada DOA Negeri Selangor atau JPV Negeri Selangor untuk kelulusan tambahan

Sumber: PPPNS (2025).

Proses Pemutihan Tapak Pelancongan Agro

Rajah 8.11: Proses Pemutihan Tapak Pelancongan Agro



Sumber: PPPNS (2025).

Jenis KM bagi tujuan pemutihan meliputi:

- **KM Pendirian Bangunan (*As Built Plan*)** - Kerja Bangunan bermaksud meruntuhkan, mendirikan, mendirikan semula atau meluaskan suatu bangunan. Lukisan seperti yang dibina (*As Built Plan*) adalah lukisan yang menunjukkan apabila bangunan yang dibina telah siap berdasarkan kedudukannya yang sebenar di tapak bina.
- **KM Perubahan Material Penggunaan Bangunan (Tempoh Terhad)** - perubahan material mengenai penggunaan suatu bangunan adalah apa-apa penggunaan suatu bangunan atau sebahagian daripadanya yang bercanggah atau tidak selaras dengan mana-mana peruntukan rancangan pemajuan dan penggunaan bagi maksud lain suatu bangunan atau sebahagian daripadanya yang pada asalnya dibina sebagai rumah tempat tinggal melibatkan suatu perubahan material mengenai penggunaan bangunan itu.

8.4 Pemantauan dan Penilaian

Pemantauan dan semakan berkala, yang mana audit dan penilaian pematuhan prosedur dilaksanakan secara konsisten untuk memastikan keberkesanan panduan ini di lapangan. Untuk itu, satu (1) kerangka pengurusan tugas, iaitu RACI (*Responsible, Acountable, Consulted* dan *Informed*) telah digunakan. Menerusi matriks RACI, peranan setiap pihak berkepentingan dapat dikenal pasti secara sistematik, mengurangkan pertindihan tanggungjawab dan memastikan pelaksanaan kawalan aktiviti berisiko secara lebih teratur dan berkesan (**Jadual 8.11**). Matriks RACI terdiri daripada;

***Responsible* (R)** : Agensi/ individu yang melaksanakan kawalan di lapangan.

***Accountable* (A)** : Agensi utama yang bertanggungjawab penuh dalam memastikan kawalan terlaksana.

***Consulted* (C)** : Pihak yang perlu dirujuk untuk kepakaran teknikal/ pandangan.

***Informed* (I)** : Pihak yang perlu dimaklumkan hasil kawalan (pihak berkepentingan dan komuniti).

Jadual 8.11: Perincian Pemantauan Aktiviti Pelancongan Agro Menerusi RACI

Bil.	Subkategori dan Aktiviti Berisiko	*Responsible* (R)	*Accountable* (A)	*Consulted* (C)	*Informed* (I)
1.	**Ladang buah dan sayur-sayuran** – risiko buah gugur, laluan licin, penggunaan racun perosak	Operator ladang, PBT (lesen dan pemantauan)	DOA, LPP	JAS, NGO pertanian	Pelawat, Komuniti setempat
2.	**Sawah padi** – risiko terbenam dalam lumpur, jentera menuai, serangan serangga perosak	Operator ladang	DOA, PBT	MARDI, Akademik	Pelawat, Komuniti tani
3.	**Ternakan dan penternakan desa** – risiko gigitan, zoonotik, bau dan pencemaran najis	Operator ladang	JPV, PBT	JKN Selangor, NGO haiwan	Pelawat, Komuniti desa
4.	**Produk tenusu dan agro-proses** – risiko kebersihan susu segar, pencemaran makanan	Operator ladang	JPV, PBT	JKN Selangor, MARDI, NGO makanan sihat	Pelawat, Pengusaha tempatan
5.	**Agro-herba dan tumbuhan perubatan** – risiko keracunan tumbuhan, salah guna herba	Operator ladang	DOA, PBT	JKN Selangor, NGO kesihatan, Akademik	Pelawat, Komuniti pengusaha
6.	**Agro Akuakultur** – risiko tenggelam dalam kolam, pencemaran air, penyakit ikan	Operator ladang	DOF, PBT	JAS, APMM (jika pesisir), NGO akuakultur	Pelawat, Kampung nelayan
7.	**Agro Pendidikan dan Demonstrasi** – risiko penggunaan mesin kecil, kemalangan sewaktu demonstrasi kepada pelajar	Operator ladang	DOA, PBT	Akademik, NGO pendidikan	Pelajar, Pelawat, Komuniti setempat

Sumber: PPPNS (2025).

Untuk melaksanakan panduan pelaksanaan ini, tindakan pelaksanaan disenaraikan untuk menyemak pencapaiannya. Mekanisme pemantauan adalah dalam bentuk laporan pemantauan tahunan, laporan maklum balas pelancong dan komuniti. Laporan tahunan boleh dibuat semakan antara tiga (3) hingga lima (5) tahun sekali. **Jadual 8.12** menunjukkan senarai tindakan pelaksanaan dan cadangan indikator pemantauan.

Jadual 8.12: Tindakan Pelaksanaan dan Cadangan Indikator Pemantauan Mengikut Komponen Kawalan Utama

Bil.	Komponen Utama	Tindakan Pelaksanaan	Agensi / Pihak Pemantauan	Indikator Kejayaan (KPI)
1.	**Pemilihan dan Pengezonan Tapak**	▪ Mengenal pasti tapak pertanian aktif ▪ Mewujudkan zon pelawat berasingan daripada operasi ladang dan zon penampan dengan kawasan perumahan	UPEN, PBT, DOA, JPV, DOF, JAS	Tapak pelancongan agro beroperasi dengan zon pelawat jelas dan peta pengezonan disediakan
2.	**Daya Tampung Pelawat (*Carrying Capacity*)**	▪ Menyediakan kajian kapasiti pelawat bagi ladang yang mempunyai kedatangan pelancong yang tinggi (contoh: SFV, UPM Agro Park, dusun durian)	PBT, TSSB, Akademik, NGO	Had maksimum pelawat ditetapkan, dipantau dan dipatuhi
3.	**Kemudahan Mesra Alam**	▪ Menyediakan surau, tandas kompos, laluan pelawat dan ruang demonstrasi dengan bahan binaan mesra alam	PBT, JKR, DOA, Operator Ladang	70% tapak utama menyediakan kemudahan mesra alam dan tahan lasak
4.	**Keselamatan dan Prosedur Aktiviti**	▪ Mewujudkan prosedur keselamatan pelawat, taklimat keselamatan awal, "*do's* dan *don'ts*" ▪ Mengehadkan akses ke stor kimia/ kandang ▪ Sanitasi selepas interaksi dengan haiwan	PBT, JPV, JKN Selangor, Operator Ladang	Prosedur rasmi dipaparkan, papan tanda amaran keselamatan dipasang, insiden pelawat < 1%
5.	**Pembangunan Komuniti Setempat**	▪ Mewujudkan dan melancarkan latihan petani dan belia tani sebagai pemandu ladang, pengusaha inap desa, produk agro hiliran (*farm-to-table*)	JKN Selangor, DOA, MOTAC, PBT, NGO desa	300 komuniti tani dilatih dan terlibat dalam pakej pelancongan agro
6.	**Pensijilan dan Audit Mampan**	▪ Mewujudkan skim pensijilan agro-lestari (myGAP, myOrganic) dan audit pematuhan tahunan	DOA, JPV, DOF, PBT	Laporan audit tahunan diterbitkan, ≥ 50% tapak mendapat pensijilan

Sumber: PPPNS (2025).



9

PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN INAP DESA DAN INAP DUSUN

9.1 Pendahuluan

9.2 Komponen Panduan

9.3 Pelaksanaan Panduan

9.4 Pemantauan dan Penilaian



Sarang by The Brook, Hulu Selangor

Sumber: PPPNS (2025)

BAB 9
PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN INAP DESA DAN INAP DUSUN

9.1 Pendahuluan

Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun merupakan satu pelancongan berasaskan komuniti yang semakin mendapat permintaan di Negeri Selangor. Ia bukan sahaja menawarkan pengalaman autentik mengenai kehidupan desa, tetapi juga menyokong pembangunan ekonomi tempatan melalui penglibatan langsung penduduk setempat.

Secara amnya, tarikan pelancongan inap desa atau inap dusun adalah berasal daripada tarikan Program Pengalaman *Homestay* yang diperkenalkan oleh MOTAC dengan menekankan kepada pelancong untuk tinggal di kawasan desa bersama keluarga tuan rumah dan menikmati gaya hidup desa sambil menghayati budaya warisan komuniti setempat.

Berikutan dengan perkembangan sektor pelancongan atau pelancongan desa secara khususnya, konsep tarikan ini telah diperkembangkan mengikut keperluan dan permintaan pelancong, yang mana operator hanya menawarkan kemudahan penginapan semata-mata dan tidak lagi tinggal bersama tuan rumah, iaitu dikenali dengan Inap Desa atau Inap Dusun. Tarikan ini semakin mendapat perhatian dan diminati oleh para pelancong, sama ada dalam atau luar negara, yang mana ini telah membawa kepada pembangunannya secara pesat di kawasan pertanian, serta membawa impak tertentu kepada komuniti setempat serta alam sekitar.

Selaras dengan perkembangan tarikan pelancongan ini, menjadi keperluannya untuk mewujudkan panduan pelaksanaan bagi mengawal pembangunan pelancongan ini agar ia dapat dilaksanakan secara mampan, teratur dan selamat.



Sebanyak 17 Program pengalaman *homestay* terdapat di Negeri Selangor dan melibatkan Daerah Sepang, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Gombak, Kuala Langat dan Sabak Bernam. Rujuk **Rajah 9.1** bagi taburan program pengalaman *homestay* di Negeri Selangor

Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong

Rajah 9.1:

TABURAN PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MOTAC NEGERI SELANGOR

Daerah Gombak
G1 Homestay Bougainvillea

Daerah Sepang
S1 Homestay Banghuris

Daerah Hulu Selangor
H1 Homestay Sungai Tengi

Daerah Kuala Selangor
R1 Homestay Sungai Sireh
R2 Homestay Sungai Sembilang
R3 Homestay Felda Bukit Cherakah

Daerah Kuala Langat
L1 Homestay Sungai Lang Tengah
L2 Homestay Kanchong Darat
L3 Homestay Kampung Endah
L4 Homestay Kampung Batu Laut
L5 Homestay Kampung Kundang

Daerah Sabak Bernam
B1 Homestay Sepintas
B2 Homestay Air Manis
B3 Homestay Sungai Panjang
B4 Homestay Sungai Haji Dorani
B5 Homestay Batu 23
B6 Homestay Papitusalem

Petunjuk

- Program Pengalaman Homestay MOTAC
- Bandar
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Tepu Bina 2024
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan PBT
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Stesen KTM
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)



Sumber: 1. Laman Sesawang MOTAC
2. PPPNS (2025)

Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong

9.1.1 Definisi

Bagi pelancongan *homestay*, inap desa dan inap dusun, ia boleh ditakrifkan seperti berikut:

***Homestay*:**

Merupakan program perkhidmatan yang tidak terhad kepada perkhidmatan penginapan sahaja, pelancong akan tinggal bersama keluarga tuan rumah pengusaha *homestay*, menjalani gaya hidup seharian masyarakat Malaysia dan turut serta dalam aktiviti pelancongan berasaskan komuniti. [1] Pengusaha/ Operator perlu memenuhi semua syarat dalam Garis Panduan Program Pengalaman *Homestay* Malaysia dan mendaftar dengan MOTAC, sebelum boleh beroperasi dengan di bawah Program *Homestay*.

Inap Desa:

Rumah penginapan yang ditawarkan di kawasan desa tradisi atau kampung baharu (sekitar rumah perkampungan sedia ada) bagi menghayati persekitaran desa tanpa tinggal bersama dengan tuan rumah atau operator. Pelancong boleh melawat tempat-tempat tarikan yang berhampirannya atas inisiatif sendiri.

Inap Dusun:

Berikutan dengan perkembangan di atas, terdapat operator yang membangunkan rumah penginapan dalam kawasan dusun dan menamakannya sebagai Inap Dusun. Merujuk kepada GPP Pembangunan Premis Penginapan Inap Dusun, ia merujuk kepada tanah pertanian (dusun) yang dibangunkan dengan satu (1) atau lebih rumah dusun serta kemudahan sokongan lain dengan tujuan memberi kemudahan penginapan kepada pengunjung atau dijadikan tempat beriadah pelancongan agro / pelancongan semula jadi serta mempunyai sekurang-kurangnya 50% pokok buah-buahan daripada jumlah pokok yang di inventori.[2]



Homestay Banghuris, Sepang merupakan salah satu homestay berdaftar di bawah Program Pengalaman Homestay MOTAC

Sumber: Banghurissepang.myhomestay

[1] Garis Panduan Program Pengalaman Homestay Malaysia (MOTAC)

[2] GPP Pembangunan Premis Pelancongan Inap Dusun (GP5ID)

9.1.2 Subkategori Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun

Berdasarkan definisi di atas, pelancongan berasaskan komuniti, desa dan dusun ini boleh diteliti kepada tiga (3) subkategori, yang mana fokus dan ciri utamanya adalah seperti di **Jadual 9.1**.

Jadual 9.1: Subkategori dan Ciri Utama Pelancongan Inap Desa/Inap Dusun dan *Homestay*

Bil.	Subkategori	Fokus	Ciri Utama	Contoh Aktiviti	Contoh Lokasi
1.	**Inap Desa**	Kampung, aktiviti desa, *lojing*	▪ Operator hanya menawarkan kemudahan penginapan sahaja ▪ Pelancong menjalankan aktiviti atas inisiatif sendiri ▪ Persekitaran kampung ▪ Aktiviti desa berasaskan alam	▪ Menikmati suasana desa yang ditawarkan ▪ Mengunjungi restoran makanan tempatan	▪ Homestay Kayu Anis Raudhah, Sabak Bernam
2.	**Inap Dusun**	Kawasan pertanian/ agro-rekreasi	▪ Menawarkan kemudahan penginapan beserta aktiviti ▪ Persekitaran kampung ▪ Aktiviti dusun berasaskan alam	▪ Memetik buah ▪ *Water rafting* ▪ BBQ	▪ The Sticks, Hulu Selangor ▪ Inap Dusun Carpe Diem, Kuala Selangor
3.	***Homestay***	Budaya dan kehidupan harian desa	▪ Menawarkan kemudahan penginapan beserta aktiviti ▪ Tinggal bersama keluarga tuan rumah ▪ Berinteraksi dan menimba pengalaman seharian dengan keluarga tuan rumah ▪ Menjalani gaya hidup/ budaya	**Budaya dan Gaya Hidup** ▪ Sejarah ▪ Tarian tradisional, lagu tradisional dan makanan tradisional ▪ Permainan dan sukan tradisional/ sukan rakyat ▪ Acara kebudayaan: Perkahwinan, majlis korban, dan upacara keramaian ▪ Memasak makanan tradisional	▪ Homestay Banghuris, Sepang ▪ Homestay Kg Sungai Haji Dorani, Sabak Bernam ▪ Homestay Kg Batu Laut, Kuala Langat

Bil.	Subkategori	Fokus	Ciri Utama	Contoh Aktiviti	Contoh Lokasi
			masyarakat setempat	**Aktiviti Ekonomi** ▪ Menoreh getah ▪ Penternakan ikan ▪ Pertanian: Padi, koko, minyak sawit, buah-buahan **Rekreasi** ▪ Melawat kawasan-kawasan sekitar homestay (sightseeing) ▪ Merentas hutan (Jungle tracking) ▪ Arung jeram (White Water Rafting) ▪ Melawat produk pelancongan berdekatan **Pemuliharaan Alam Sekitar** ▪ Program Menanam Pokok: Para pelancong digalakkan untuk menanam pokok di homestay yang dilawati dengan tujuan untuk memulihara alam sekitar dan juga mencantikkan lagi landskap homestay tersebut.	

9.1.3 Objektif Panduan

Panduan ini hanya **berfokuskan** kepada **skop 'inap desa'** dan **'inap dusun'** sahaja, manakala untuk skop *'homestay'* akan termaktub kepada "Garis Panduan Program Pengalaman *Homestay* Malaysia". Oleh itu, operator Inap desa dan/ atau inap dusun tidak boleh beroperasi atau di promosi dengan menggunakan nama (label) *homestay*, melainkan ia telah memenuhi semua syarat seperti yang ditetapkan di dalam garis panduan dan berdaftar dengan MOTAC. **Objektif panduan** ini adalah seperti di bawah:

1. Memastikan penglibatan aktif komuniti tempatan dalam pembangunan produk pelancongan inap desa dan dusun;
2. Menyokong kelestarian budaya, adat resam serta amalan pertanian tradisional;
3. Memberi pengalaman autentik kepada pelawat; dan
4. Menjana peluang pekerjaan dan sumber pendapatan kepada komuniti tempatan.


Panduan ini boleh diteliti kepada **aspek-aspek** berikut:

a) Memberikan panduan kepada PBT, agensi teknikal, operator sedia ada dan komuniti tempatan dalam membangun dan mengendalikan projek pelancongan inap desa/ inap dusun;
b) Menetapkan piawaian minimum bagi perkhidmatan penginapan, keselamatan, kebersihan, aktiviti dan interaksi pelancong; dan
c) Menggalakkan pembangunan pelancongan berasaskan komuniti dan budaya dengan menerapkan elemen kemampanan, identiti tempatan dan amalan hijau.

9.1.4 Skop Panduan Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun

Produk pelancongan berasaskan komuniti, desa dan dusun ini dikategorikan kepada dua (2) jenis, iaitu inap desa dan inap dusun. Manakala program pengalaman *homestay* adalah di bawah pendaftaran MOTAC seperti berikut:

Rajah 9.2: Skop Pelancongan Inap Desa, Inap Dusun dan *Homestay*



9.1.5 Prinsip Panduan

Lima (5) prinsip pelancongan inap desa dan inap dusun yang diberi penekanan dalam pembentukan panduan ini, iaitu:

Rajah 9.3: Prinsip Panduan Kategori Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun

1. Autentik dan Keaslian

Produk inap desa dan inap dusun mestilah mengekalkan identiti, budaya serta gaya hidup tempatan agar pengalaman yang ditawarkan kepada pelancong/ pelawat bersifat asli.

2. Penglibatan Komuniti Tempatan

Komuniti tempatan perlu menjadi penggerak utama dalam pembangunan dan pengendalian produk, sama ada sebagai tuan rumah, pemandu pelancong, pengusaha kraftangan, atau penyedia makanan tradisional supaya mereka mendapat manfaat ekonomi setara.

3. Kelestarian Sosio- Budaya dan Alam Sekitar

Aktiviti inap desa/ inap dusun perlu dilaksanakan dengan mengambil kira keseimbangan antara pembangunan ekonomi, kelestarian budaya serta penjagaan alam sekitar. Pembangunan kemudahan atau aktiviti baharu tidak boleh menjejaskan warisan dan ekosistem desa.

4. Keselamatan dan Keselesaan Pelancong

Keselamatan pelancong perlu diutamakan melalui penyediaan kemudahan asas yang lengkap, pengurusan risiko kebakaran, keselamatan, kesihatan dan bencana alam serta piawaian kebersihan dan hospitaliti yang jelas untuk mencapai keselesaan optimum.

5. Pengintegrasian dengan Produk Pelancongan Lain

Inap desa/ inap dusun digalakkan supaya diintegrasikan bersama dengan produk pelancongan lain seperti pelancongan agro, warisan budaya atau semula jadi setempat bagi memperkayakan pengalaman pelancong/ pelawat dan meningkatkan keberhasilan ekonomi komuniti.

9.2 Komponen Panduan

9.2.1 Pemilihan Tapak Yang Bersesuaian

Pengenalpastian tapak yang bersesuaian untuk pembangunan pelancongan inap desa dan inap dusun merupakan langkah awalan bagi mengelakkan berlakunya sebarang impak negatif kepada alam sekitar dan sosial. Oleh itu, cadangan tapak pembangunan seharusnya di luar kawasan yang telah dikelaskan sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) menerusi Rancangan Tempatan (RT).

Walau bagaimanapun, sekiranya pembinaan premis melibatkan kawasan tanah tinggi/ cerun kelas 3 dan 4, atau tanah gambut, pemohon perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Kawasan Sensitif Alam Sekitar Negeri Selangor. Manakala bagi kawasan Jelapang Padi IADA Barat Laut Selangor, pemohon perlu mengambil kira dan mematuhi "Garis Panduan Khusus (GPK) Aktiviti Selain Padi di Kawasan Jelapang Padi" yang telah dirangka dalam Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam 2035 (Penggantian), rujuk **Lampiran 4.**

9.2.2 *Standard* dan Spesifikasi Aktiviti

Berpandukan GPP Pembangunan Premis Pelancongan Inap Dusun (GP5ID) yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Hulu Selangor, terdapat beberapa *standard* dan spesifikasi minimum yang perlu dipatuhi oleh pemohon/ operator produk semasa membuat perancangan pembangunan inap desa dan inap dusun seperti yang telah diperincikan di dalam **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2: Standard dan Spesifikasi Minimum Untuk Pembangunan Inap Desa dan Inap Dusun

Bil.	Perkara	Inap Desa		Inap dusun
		Tanah Persendirian	Kawasan Perumahan Terancang [a]	
1.	**Syarat nyata tanah**	▪ Pertanian ▪ Perumahan	Perumahan (bangunan perumahan)	▪ Pertanian
2.	**Kawalan ketinggian bangunan**	Tidak melebihi dua (2) tingkat (atau 6 meter)	Ketinggian bangunan adalah tertakluk kepada kebenaran PBT	▪ Tidak melebihi dua (2) tingkat (atau 6 meter)
3.	**Pengekalan elemen semula jadi di kawasan sekeliling**	▪ Pengekalan tanaman padi sebanyak 80% daripada keseluruhan tapak inap desa	Pengekalan persekitaran yang sama tanpa menimbulkan kacau ganggu kepada komuniti setempat	▪ Mempunyai sekurang-kurangnya 60% kawasan dusun (pertanian) dan mempunyai 50% pokok buah-buahan dari jumlah pokok yang di inventori

Bil.	Perkara	Inap Desa		Inap dusun
		Tanah Persendirian	Kawasan Perumahan Terancang [a]	
4.	**Pematuhan undang-undang**	▪ Pematuhan undang-undang tempatan (lesen, cukai pelancongan dan lain-lain) ▪ Inap desa terletak di kawasan jelapang padi perlu mematuhi kegunaan sokongan pertanian yang dibenarkan (contoh: pematuhan GPK Aktiviti Selain Padi di Kawasan Jelapang Padi yang dinyatakan dalam RTMDSB2035 (P)	▪ Pematuhan undang-undang tempatan (lesen, cukai pelancongan dan lain-lain) ▪ Pemilik premis perlu memastikan rumah yang disediakan sebagai inap desa perlu mencapai standard minimum kebersihan	▪ Proses kebenaran merancang dan mendapat kelulusan

Nota: [a] Terpakai bagi Inap Desa sahaja.

Sumber: PPPNS (2025)

9.2.3 Panduan Umum

Sebanyak lima (5) panduan umum melibatkan aksesibiliti, tempat parkir, infrastruktur dan utiliti, kemudahan sokongan dan reka bentuk bagi pelancongan inap desa dan inap dusun. Rujuk **Jadual 9.3** bagi perincian.

Jadual 9.3: Panduan Umum Untuk Pembangunan Inap Desa dan Inap Dusun

Bil.	Panduan	Perincian	Contoh
1.	**Aksesibiliti**	▪ Mempunyai jalan masuk yang sah, selamat dan tidak menganggu kawasan atau komuniti sekitar ▪ Permohonan yang tidak mempunyai jalan masuk yang sah boleh mempertimbangkan hak lalu lalang atau/dan pengambilan balik tanah daripada pejabat tanah di bawah seksyen 389(3) Kanun Tanah Negara	 **Contoh laluan masuk ke Rumah Hutan Bonda Rozita**

Bil.	Panduan	Perincian	Contoh
2.	**Tempat Parkir**	Menyediakan parkir yang selamat (dalam kawasan pembangunan dan bukan di tepi jalan yang boleh membawa isu kelancaran trafik dan kesesakan) dan di kawasan yang selamat (tidak terletak di kawasan badan air seperti kawasan gigi sungai, tasik atau mana-mana bahagian air), di samping mematuhi standard minimum yang ditetapkan oleh PBT	 **Contoh tempat parkir di *The Sticks*** *Sumber: MPAJ, 2020*
3.	**Infrastruktur dan Utiliti**	▪ Sanitasi, utiliti dan bekalan air bersih wajib disediakan, sistem pengurusan sisa terkawal ▪ Sistem telekomunikasi yang baik ▪ Penggunaan sistem solar panel dan sistem penuaian air hujan (SPAH) dalam pengoperasian harian pelancongan inap desa dan inap dusun adalah digalakkan untuk penjanaan sumber tenaga dan air alternatif di samping mengurangkan tekanan kepada sistem pembekalan infrastruktur asas sedia ada yang seterusnya boleh membawa impak kepada komuniti setempat	 **Contoh Reka Bentuk Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH)** *Sumber: MPAJ, 2020*
4.	**Kemudahan sokongan**	▪ Surau ▪ Tandas, ▪ Laluan mesra OKU ▪ Dewan makan	 **Contoh bilik mandi/ tandas yang disediakan di *The Sticks*** *Sumber: Thesticks.my*  **Contoh ruang makan/ dewan makan di *Sarang by the brook*** *Sumber: booking.com*

Bil.	Panduan	Perincian	Contoh
5.	**Reka bentuk**	Reka bentuk bangunan pelancongan inap desa dan inap dusun mesti **berteraskan identiti tempatan** (rumah kampung, seni bina Melayu, atau elemen dusun). Bagi menonjolkan lagi identiti tempatan, penggunaan **bahan binaan tempatan, tradisional dan mesra alam** dalam kerja-kerja pembinaan dan landskap pelancongan inap desa dan inap dusun adalah digalakkan. Untuk menyokong pembangunan dan pengoperasian pelancongan inap desa dan inap dusun, pemohon atau operator (hos) perlu memastikan kawasan atau bangunan pelancongan inap desa dan inap dusun dilengkapi dengan infrastruktur asas, iaitu bekalan elektrik dan air serta sistem telekomunikasi yang mencukupi dan stabil	  **Reka Bentuk Rumah Hutan Bonda Rozita yang boleh dijadikan contoh** *Sumber: Bondavalley.com*

9.2.4 Aspek Keselamatan dan Kesihatan

Selaras dengan prinsip mengutamakan keselamatan pelancong, antara elemen-elemen keselamatan yang perlu diberi penekanan adalah seperti berikut:

a) Bangunan inap desa dan inap dusun yang dicadangkan harus memenuhi keperluan dan syarat-syarat keselamatan yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

b) Menyediakan Pelan Keselamatan Kebakaran dan Kecemasan yang antaranya merangkumi:
   i. alat pemadam api yang mencukupi dan diluluskan;
   ii. laluan kecemasan dan tempat berkumpul semasa kecemasan;
   iii. penggera kecemasan kebakaran (pengesan asap);
   iv. peti ubat rawatan kecemasan yang lengkap dan mencukupi, dan
   v. menubuhkan Pasukan Tindakan Kecemasan.

**pelan lokasi alat pemadam api, laluan kecemasan dan tempat berkumpul semasa kecemasan perlu disediakan dan dipaparkan di tempat yang mudah dilihat oleh penginap sebagai langkah amaran dan persediaan awalan – diletak bersama dengan peti ubat kecemasan.*

c) Operator (hos) juga digalakkan untuk menyediakan penilaian risiko bahaya dan keselamatan bagi tapak pembangunan dan kawasan tarikan pelancongan disekitarnya. Ini merangkumi pengenalpastian kawasan tarikan tempatan yang berisiko bahaya seperti tanah runtuh, kepala air, bangunan uzur (jika ada) serta ditanda dan dipamerkan menerusi pelan risiko bahaya sebagai makluman awalan kepada pelancong. Talian kecemasan (24 jam) tempatan, termasuk nama ahli pasukan dan nombor perhubungan Pasukan Tindakan Kecemasan yang perlu dilampirkan bersama.

Bagi elemen kebersihan, antara aspek-aspek yang diberi penekanan dan dipraktikkan oleh operator (hos) adalah seperti berikut:

a) Menggunakan sumber bekalan air terawat (Air Selangor).

b) Sekiranya menggunakan rawatan air persendirian, operator perlu memohon lesen abstraksi air daripada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan pensampelan secara berkala perlu dilakukan. Hasil analisa harus mematuhi standard Mutu Air Minum Kebangsaan yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan, manakala laporan pemantauan pensampelan perlu diserahkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah bagi tujuan pemantauan.

c) Bagi pelancongan inap desa/ inap dusun yang juga menawarkan perkhidmatan makanan dan minuman, kebersihan semasa penyediaan makanan dan minuman perlu dipastikan termasuklah penyimpanan makanan selamat bagi mengelakkan pencemaran silang (*cross-contamination*).

Selaras dengan pengurusan keselamatan dan kesihatan ini, ia boleh dirumuskan kepada pelbagai jenis risiko dan antara langkah pencegahan serta pengurusan risiko yang perlu diambil kira oleh operator (hos) pelancongan inap desa/ inap dusun adalah seperti berikut:

Jadual 9.4: Langkah Pencegahan dan Pengurusan Risiko Keselamatan dan Kesihatan.

Bil.	Risiko	Contoh	Langkah Pencegahan/ Pengawalan
1.	**Risiko keselamatan fizikal**		
	kecederaan	Terjatuh, tergelincir semasa aktiviti sawah, dusun, sungai	▪ Melaksanakan taklimat keselamatan ▪ Menggunakan peralatan perlindungan (kasut getah)
	Kebakaran	Litar pintas, dapur kayu api, pembakaran terbuka	▪ Menyediakan alat pemadam api, pengesan asap ▪ Larangan merokok dalam bangunan
	Haiwan liar/ berbisa	Ular, anjing liar	▪ Membersihkan kawasan secara berkala ▪ Memasang papan amaran ▪ Menyediakan kit pertolongan cemas dan nombor kecemasan
2.	**Risiko kesihatan dan kebersihan**		
	Keracunan makanan	Makanan basi, tidak mematuhi SOP	▪ Mengamalkan kebersihan dapur dan penyimpanan makanan ▪ Menggunakan bahan mentah segar
	Air tidak bersih	Pencemaran air, paip bocor	▪ Menggunakan penapis air ▪ Maklumkan pelawat untuk tidak minum air paip secara terus
3.	**Risiko infrastruktur dan persekitaran**		
	Struktur rumah tidak selamat	Bumbung bocor, lantai reput	▪ Audit tahunan keselamatan fizikal bangunan ▪ Membaik pulih bangunan secara berkala

Bil.	Risiko	Contoh	Langkah Pencegahan/ Pengawalan
	Kemudahan tandas rosak	Tandas luar, tidak bersih	▪ Jadual penyelenggaraan dan pembersihan berkala dan tetap
	Risiko alam sekitar	Tanah runtuh, banjir kilat	▪ Mengelak pembinaan di kawasan berisiko bahaya ▪ Sistem amaran awal dan tanam pokok penahan hakisan
4.	**Risiko sosial dan budaya**		
	Gangguan kepada komuniti	Pelancong bising, tidak hormat adat	▪ Menyediakan kod etika pelancong dan beri taklimat awal (semasa ketibaan pelancong)
	Perbezaan budaya, konflik nilai	Cara berpakaian, pergaulan bebas	▪ Sensitiviti budaya tempatan diberi perhatian melalui komunikasi awalan ▪ Hadkan kawasan privasi komuniti
5.	**Risiko reputasi dan operasi**		
	Aduan dalam talian	Menerima maklum balas negatif	▪ Bertindak balas cepat kepada aduan ▪ Melatih hos untuk menangani pelancong dengan baik ▪ Memantau kualiti perkhidmatan secara berkala
	Tiada sistem tempahan	Tempahan bertindih/ tidak profesional	▪ Menggunakan sistem tempahan rasmi ▪ Menetap dan melantik penyelaras projek
6.	**Risiko undang-undang dan pelesenan**		
	Beroperasi tanpa lesen PBT	Rumah penginapan tidak berdaftar	▪ Mohon lesen inap desa/ inap dusun dari PBT ▪ Lengkapkan permohonan dengan dokumen insurans, permit, sijil
	Liabiliti jika berlaku kemalangan	Pelancong tercedera semasa lakukan aktiviti	▪ Mengambil insurans liabiliti awam ▪ Menyediakan borang pengisytiharan risiko kepada pelancong



***The Sticks,* Hulu Selangor merupakan Inap Dusun yang terkenal di antara pengunjung dalam dan luar Negeri Selangor**

Sumber: Selangor.Travels

9.2.5 Pengurusan Sisa Domestik

Sepanjang tempoh pengoperasian, sisa-sisa domestik yang terjana perlu diuruskan baik yang mana pembuangan ke aliran sungai berhampiran dan pembakaran secara terbuka adalah dilarang sama sekali.

Operator (hos) perlu melantik kontraktor pengurusan sampah yang berdaftar dengan PBT bagi pengutipan dan pelupusan sampah di tapak pelupusan sampah yang sah dan dibenarkan. Bukti pelantikan kontraktor dan jadual pengutipan sampah serta tempat pelupusan sampah perlu direkodkan dengan baik bagi tujuan rekod dan semakan PBT.

Manakala lain-lain perincian dari segi pengurusan sisa domestik adalah seperti berikut:

INAP DESA

1. Bekas tong sampah yang mencukupi dan bersesuaian perlu disediakan di setiap sudut premis (ruang terbuka kawasan premis, bilik tidur, dapur, ruang awam premis (ruang tamu, ruang makan).
2. Tong sampah utama di pintu masuk premis bagi inap desa dan mudah untuk dikutip dan di kumpul oleh petugas kebersihan.
3. Inap desa di tanah persendirian, pembuangan sampah perlu diuruskan oleh pemilik premis dan berjadual.
4. Pembakaran sampah secara terbuka tidak dibenarkan

INAP DUSUN

1. Tong sampah perlu ditempatkan di belakang bangunan atau tempat yang terlindung dan bertutup daripada pandangan awam. Elak menempatkan tong/ bakul sampah berdekatan dengan gigi air sungai/ tasik (perlu ditempatkan melebihi 10m daripada gigi air).
2. Lindung bekas sampah dengan landskap yang menarik
3. Pembuangan sampah diuruskan oleh pemilik premis dan berjadual.
4. Pembakaran sampah secara terbuka tidak dibenarkan.

INAP DESA & INAP DUSUN

1. Amalan kitar semula digalakkan.
2. Penyediaan kawasan/ tong kitar semula di sudut bersesuaian

Sisa kompos yang terjana juga perlu diuruskan dengan baik menerusi kaedah-kaedah seperti berikut:

Pengurusan sisa kompos terpakai kepada **Inap Dusun** sahaja.

Pengurusan sisa kompos bagi **Inap Desa** tidak digalakkan terutamanya inap desa yang terletak di kawasan perumahan terancang

i. Menyediakan bekas pengurusan sisa kompos tertutup.
ii. Menyediakan ruang penyimpanan berteduh dan mempunyai pengudaraan yang baik.
iii. Menggunakan tong/ bekas yang bersesuaian dan berasingan dengan sisa pepejal.
iv. Mengasingkan sisa organik yang berasingan dengan sisa plastik dan kaca.
v. Mengelakkan campuran sisa seperti minyak, plastik, bahan kimia.
vi. Menggunakan hasil sisa kompos bagi penanaman pokok buah-buahan di dusun dan hiasan landskap.

9.2.6 Integrasi Pendidikan dalam Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun

Dalam pelancongan inap desa dan inap dusun terdapat juga elemen pendidikan yang boleh diterapkan kepada pengunjung/ pelancong. Elemen pendidikan merangkumi peluang untuk pelancong mempelajari dan merasakan pengalaman secara langsung dengan cara hidup, budaya dan aktiviti ekonomi masyarakat setempat. Perincian adalah seperti di **Jadual 9.5** di bawah.

Jadual 9.5: Integrasi Pendidikan dalam Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun

Bil.	Aspek	Perincian
1.	**Pembelajaran berasaskan komuniti *(community based learning)***	▪ **Elemen utama:** perkongsian pengetahuan daripada penduduk tempatan kepada pengunjung (sejarah kampung, ekonomi penduduk setempat dan lain-lain) ▪ **Elemen lain:** pengunjung berpeluang merasai pengalaman hidupan kampung seperti yang dikongsikan oleh penduduk.
2.	**Pengalaman pembelajaran berasaskan alam *(eco based learning)***	Inap desa dan inap dusun yang terletak di kawasan semula jadi dan sesuai dijadikan kawasan tapak pembelajaran mengenai ekologi, biodiversiti dan kelestarian. Contoh: ▪ Modul lawatan yang mengajar tentang penjagaan hutan kecil *(micro forest),* konservasi sungai dan penanaman pokok buah-buahan bagi inap dusun ▪ Aktiviti mengenal spesies tumbuhan herba, pokok buah-buahan, burung tempatan dan lain-lain aktiviti desa dan dusun (Elemen ni menanam kesedaran terhadap kemampanan dan keseimbangan ekosistem)
3.	**Pendidikan budaya dan warisan**	Pembelajaran secara *hands on* bagi beberapa elemen budaya dan warisan: ▪ Aktiviti memasak atau merasai hidangan tradisional menggunakan hasil desa atau dusun ▪ Mempelajari adat resam dan nilai komuniti desa (contoh: nilai adat resam dan budaya yang ditonjolkan oleh Kampung Budaya Mah Meri).
4.	**Program akademik atau vokasional**	Kolaborasi inap desa dan inap dusun bersama: ▪ Institut Pengajian Tinggi (IPT) untuk program lapangan atau projek penyelidikan komuniti ▪ Agensi pelancongan atau kementerian bagi modul latihan keusahawanan desa. (Contoh: Program pengalaman *homestay* yang dikenalkan oleh MOTAC)
5.	**Pendidikan lestari dan pembangunan komuniti**	Pendedahan pengunjung kepada amalan hijau yang diterapkan oleh inap dusun seperti pengurusan sisa organik, penggunaan tenaga solar dan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) yang digunakan
6.	**Pembelajaran melalui pengalaman**	▪ Penglibatan diri pengunjung secara langsung dalam pengalaman aktiviti tanaman atau penuaian yang dijalankan ▪ Contoh: Penyertaan pengunjung dalam gotong royong yang dijalankan sambil belajar nilai sosial dan tanggungjawab komuniti, aktiviti penuaian hasil padi dan memetik hasil buah-buahan tempatan

Sumber: PPPNS (2025)

9.2.7 Interpretasi dan *Storeytelling*

Interpretasi dan *storytelling* (penceritaan) merupakan antara komponen penting dalam pembangunan pelancongan inap desa dan inap dusun kerana ia membantu menghidupkan pengalaman pelancong dan menghargai budaya tempatan dalam kalangan pelancong.

Merujuk kepada **Jadual 9.6**, terdapat **lapan (8) aktiviti** atau kaedah interpretasi yang boleh dipraktikkan oleh operator (hos) atau pemandu pelancong semasa bagi meningkatkan pengalaman yang bersifat '*value to money*' dalam kalangan pelancong inap desa dan inap dusun.

Jadual 9.6: Aktiviti dan Kaedah Interpretasi dan *Storytelling* dalam Pembangunan Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun

Bil.	Aktiviti	Penerangan
1.	**Lawatan Kehidupan Desa**	Pelawat diperkenalkan kepada gaya hidup kampung melalui aktiviti harian seperti menoreh getah, menanam padi, atau menternak ternakan
2.	**Demonstrasi Masakan Tradisional**	Tuan rumah atau komuniti menunjukkan cara memasak hidangan tradisional (contoh: gulai kampung, kuih tradisional) sambil berkongsi cerita asal-usul resipi
3.	**Aktiviti Interaktif Dusun**	Pelawat terlibat dalam aktiviti memetik buah bermusim (durian, rambutan, manggis) serta belajar tentang penjagaan dusun
4.	**Program *"Farm-to-Table"***	Pelawat menuai hasil kebun/ dusun dan terus memasak bersama komuniti. Aktiviti ini menekankan konsep kemampanan dan keterhubungan dengan alam
5.	***Storytelling* Budaya dan Warisan**	Sesi bercerita oleh penduduk kampung *(local champion)* mengenai sejarah kampung, legenda tempatan, adat resam, atau kisah pertanian tradisional
6.	**Aktiviti Seni dan Kraf Desa**	Pelawat belajar membuat kraftangan (anyaman, batik, wau, tembikar) sambil mendengar kisah asal-usul seni tersebut
7.	**Permainan dan Sukan Tradisional**	Aktiviti interaktif seperti congkak, gasing, atau sepak raga yang menghidupkan suasana kampung
8.	**Festival dan Acara Desa**	Pelawat menyertai pesta buah, kenduri kampung atau sambutan perayaan bersama komuniti. *Storytelling* digunakan untuk menjelaskan makna budaya di sebalik acara

Operator (hos), pemandu pelancong atau *local champion* yang dikenal pasti di kalangan penduduk tempatan perlu dilatih sebagai pencerita tempatan dengan menyediakan kandungan interpretasi yang menarik tetapi sahih dengan pengesahan daripada orang-orang tua kampung atau sumber bercetak dan tidak direka-reka keterlaluan. Selain disampaikan secara lisan, penggunaan pelbagai medium interpretasi seperti risalah, infografik, video pendek dan kod QR juga boleh digunakan mengikut kesesuaian.

9.2.8 Pengurusan Pelancong

Pengurusan pelancong merupakan antara panduan penting untuk dipraktikkan bagi memastikan pelancongan dijalankan secara selamat, berkualiti, mampan dan memberi manfaat kepada komuniti tanpa menjejaskan sumber semula jadi. Panduan ini juga penting untuk mengelakkan gangguan sosial, privasi dan konflik antara pelancong dengan komuniti setempat. **Jadual 9.7** menunjukkan kaedah atau sistem pengurusan pelancong yang boleh diamalkan oleh operator (hos) pelancongan inap desa dan inap dusun.

Jadual 9.7: Kaedah Pengurusan Pelancong Dalam Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun

Bil.	Kaedah	Penerangan
1.	**Sistem tempahan awal**	▪ Tempahan melalui *WhatsApp*, laman web atau platform pelancongan seperti *Airbnb*, KLOOK ▪ Membolehkan hos mengetahui jumlah pelancong, keperluan khas (jumlah makanan dan minuman) dan tempoh lawatan
2.	**Had kapasiti pelawat**	▪ Menetapkan bilangan maksimum pelancong harian, mingguan atau bulanan, berdasarkan bilangan bilik penginapan yang ditawarkan ▪ Contohnya, lapan (8) hingga 10 orang di dalam sebuah rumah yang mempunyai empat (4) bilik tidur - bagi menjamin keselesaan dan mengelakkan kacau ganggu kepada komuniti setempat (bunyi bising, gangguan trafik dan lain-lain)
3.	**Sistem penjadualan aktiviti**	▪ Mewujudkan jadual pengurusan pelawat bagi aspek masa daftar masuk/ daftar keluar, sarapan/ makan malam, lawatan ke dusun/ sawah, aktiviti seni/ rekreasi dan lain-lain aktiviti ▪ Mengelakkan pertindihan antara kumpulan atau aktiviti pada lokasi yang sama
4.	**Taklimat ketibaan dan kod etika pelawat**	▪ Memberikan taklimat keselamatan, budaya dan norma kampung semasa ketibaan seperti larangan alkohol, mengelakkan pakaian tidak sopan ▪ Boleh dilakukan secara lisan atau melalui infografik/ risalah, video ringkas
5.	**Rekod dan data pelancong**	▪ Merekod data lawatan seperti bilangan pelancong, tempoh tinggal, tempat asal pelancong, jenis aktiviti disertai ▪ Pelaporan kepada MOTAC, PBT atau agensi pelancongan untuk penyelarasan dan perancangan program pelancongan tahunan
6.	**Sistem aduan dan maklum balas pelancong**	▪ Menyediakan borang/ kod QR/ nombor *hotline* untuk pelancong memberi cadangan, aduan keselamatan atau kebersihan ▪ Aduan yang direkod akan digunakan untuk penambahbaikan perkhidmatan pelancongan inap desa dan inap dusun secara berterusan

9.2.9 Modul Latihan Kepada Operator Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun

Di samping program latihan interpretasi dan *storytelling*, perancangan dan pelaksanaan program latihan yang lebih menyeluruh (daripada pelbagai aspek) untuk operator (hos) pelancongan inap desa dan inap dusun adalah penting bagi memastikan mereka berkemahiran, bersedia dan bertindak profesional dalam menyambut kedatangan pelancong selain menjaga kualiti perkhidmatan, keselamatan dan budaya komuniti tempatan. **Jadual 9.8** menunjukkan senarai latihan utama yang perlu atau boleh dijalankan mengikut bidang kompetensi pengurusan pelancongan inap desa dan inap dusun.

Jadual 9.8: Senarai Latihan Utama Bagi Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun

Bil.	Kategori	Modul Latihan	Tujuan
1.	**Pengurusan hospitaliti dan perkhidmatan pelanggan**	Etika layanan pelancong/ penginap	Membentuk sikap mesra, hormat dan proaktif kepada pelancong
		Kemahiran komunikasi asas	Membantu berinteraksi dengan pelancong tempatan dan asing
		Pengurusan *(housekeeping)* rumah penginapan	Kaedah mengemas bilik, kebersihan tandas dan bilik air
		Pengurusan aduan dan maklum balas	Menangani aduan secara profesional
2.	**Penyediaan makanan dan pengendalian selamat**	Penyediaan makanan tradisional untuk pelancong	Menjaga kualiti dan memperkenalkan budaya tempatan
		Amalan kebersihan dapur dan penyimpanan makanan	Mengelakkan keracunan makanan dan memastikan keselamatan pelancong
3.	**Keselamatan dan kecemasan**	Asas pertolongan kecemasan	Memberi bantuan kecemasan awal sebelum ketibaan bantuan perubatan
		Latihan pencegahan kebakaran	Menggunakan alat pemadam api dan mengenal pasti laluan kecemasan
		Keselamatan aktiviti luar (dusun, sungai, sawah)	Mengawal risiko bahaya semasa aktiviti bersama pelancong
4.	**Pengurusan produk dan pakej pelancongan**	Reka bentuk pakej penginapan dan aktiviti	Menggabungkan tarikan pelancongan inap desa/ inap dusun dengan tarikan budaya setempat, dan aktiviti sukan
		Pengurusan tempahan dan jadual aktiviti pelawat	Menyusun waktu lawatan, penyelarasan antara ahli komuniti
		Harga, promosi dan penjenamaan produk	Mengenal pasti nilai jualan, saluran promosi dan strategi pasaran

9.2.10 Penglibatan Komuniti Setempat

Penglibatan komuniti setempat dalam pelancongan inap desa/ inap dusun bukan sekadar memberi peluang pekerjaan, tetapi juga meningkatkan daya tahan sosial, kesejahteraan ekonomi, serta pengekalan identiti budaya tempatan. Prinsip asas pembangunan ini adalah:

a) Komuniti tempatan mesti menjadi penerima manfaat utama daripada pembangunan pelancongan inap desa/ inap dusun.

b) Semua inisiatif perlu mengutamakan pemerkasaan, penyertaan aktif dan pembangunan kapasiti.

c) Aktiviti yang dibangunkan perlu selaras dengan budaya, adat resam dan identiti tempatan tanpa mengganggu keharmonian sosial setempat.

Jadual 9.9 menunjukkan strategi pembangunan komuniti setempat dalam konteks pelancongan inap desa dan inap dusun serta tujuan dan kaedah pelaksanaannya.

Jadual 9.9: Strategi Penglibatan Komuniti Setempat

Bil.	Tujuan	Kaedah Pelaksanaan	Impak Pelaksanaan
1.	**Penyertaan Menyeluruh Komuniti**		
	Komuniti merasai memiliki dan bertanggungjawab terhadap pelancongan yang dibangunkan	▪ Bengkel libat urus bersama komuniti ▪ Pembentukan jawatankuasa pelancongan komuniti tempatan	▪ Sokongan padu antara komuniti tempatan ▪ Keterlibatan semua lapisan masyarakat tempatan
2.	**Pembangunan Kapasiti dan Kemahiran**		
	Meningkatkan kemahiran dan keyakinan komuniti dalam pengurusan pelancongan	▪ Latihan hospitaliti, keselamatan dan kesihatan ▪ Lawatan sambil belajar ke projek inap desa yang berjaya ▪ Penglibatan agensi teknikal dari segi latihan, bantuan kewangan dan promosi	▪ Komuniti lebih berpengetahuan dan kompetitif ▪ Peningkatan kualiti perkhidmatan ▪ Peningkatan peluang pekerjaan tempatan
3.	**Pemeliharaan Budaya dan Alam Sekitar**		
	Menjamin pelancongan tidak menjejaskan identiti dan kelestarian	▪ Mengenal pasti elemen warisan dan alam sebagai aset pelancongan ▪ Mempromosikan pendekatan pelancongan mampan	▪ Tarikan unik warisan budaya dan alam dikekalkan ▪ Aktiviti pelancongan tidak merosakkan nilai dan sumber alam
4.	**Pembangunan Produk dan Pakej Komuniti**		
	Mewujudkan tawaran pelancongan yang menarik dan berasaskan identiti tempatan	▪ Mempromosikan aktiviti berasaskan kehidupan kampung/ desa (masakan tradisi, lawatan dusun)	▪ Pelancong mendapat pengalaman autentik ▪ Lebih ramai ahli komuniti terlibat secara langsung

Bil.	Tujuan	Kaedah Pelaksanaan	Impak Pelaksanaan
		▪ Melibatkan pelbagai kumpulan komuniti setempat termasuk golongan wanita, belia dan OKU	▪ Peningkatan nilai ekonomi aktiviti kampung
5.	**Pengaplikasian Teknologi**		
	Meluaskan capaian pasaran dan mengurus tempahan secara efisien dengan penggunaan teknologi	▪ Menggunakan platform digital dan membina laman web komuniti ▪ Latihan media sosial dan pengiklanan	▪ Tempahan lebih tersusun. ▪ Imej komuniti lebih moden dan diyakini

9.3 Panduan Pelaksanaan

Bagi memastikan pembangunan pelancongan inap desa dan inap dusun berjalan secara teratur dan mampan, mekanisme kawalan dan pemantauan yang jelas perlu dilaksanakan. PBT bersama agensi-agensi teknikal berkaitan hendaklah menilai setiap cadangan pembangunan pelancongan inap desa/ inap dusun melalui proses kebenaran merancang (KM) termasuk syarat-syarat teknikal berkaitan dari segi keselamatan, kebersihan dan kesihatan awam.

Merujuk kepada **Jadual 9.10**, Kebenaran Merancang (KM) di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] adalah mandatori bagi mana-mana cadangan yang melibatkan pembangunan bangunan kekal sebagai rumah penginapan (inap desa dan inap dusun). Permohonan KM perlu dikemukakan kepada PBT bersama pelan susun atur tapak, pelan bangunan, laporan teknikal, serta pematuhan kepada keperluan dan syarat teknikal seperti daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Untuk pengoperasian rumah penginapan (inap desa dan inap dusun), permohonan lesen perniagaan dan lesen inap desa dan inap dusun perlu dikemukakan kepada PBT untuk kelulusan serta diperbaharui setiap tahun.

Jadual 9.10: Kawalan dan Pemantauan Berkala Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun

Bil.	Aspek Kawalan	Agensi Bertanggungjawab	Kaedah Pengawalan/ Pemantauan
1.	**Kawalan lokasi dan reka bentuk**	PBT	▪ Semakan pematuhan zoning guna tanah ▪ Semakan pelan pembangunan dan reka bentuk ▪ Kelulusan KM dan pelan bangunan
2.	**Pelesenan dan pematuhan undang-undang**	PBT, MOTAC	▪ Mendapatkan lesen operasi daripada PBT dan lesen pengendalian daripada MOTAC ▪ Pemeriksaan berkala terhadap lesen perniagaan dan aktiviti ▪ Pematuhan cukai pelancongan
3.	**Keselamatan dan kesihatan**	PBT, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan	▪ Pemeriksaan alat pemadam api dan laluan kecemasan ▪ Audit sanitasi dan kesihatan ▪ Laluan evakuasi
4.	**Kemampanan alam sekitar**	JAS, PBT, NGO alam sekitar	▪ Penilaian impak alam sekeliling (jika perlu) ▪ Pemantauan amalan pelupusan sisa ▪ Latihan komuniti tentang pelancongan mampan
5.	**Kawalan kapasiti pelancong**	PBT, Jawatankuasa Pelancongan Komuniti Tempatan	▪ Had bilangan pelawat ▪ Sistem tempahan awal
6.	**Pemantauan dan audit**	PBT, Tourism Sdn. Bhd., Jawatankuasa Pelancongan Komuniti Tempatan	▪ Sistem aduan dan maklum balas pelancong ▪ Kaji selidik kepuasan pelancong ▪ Mesyuarat pemantauan berkala

Selain daripada kawalan dan pemantauan yang dijalankan oleh agensi-agensi tersenarai, operator pelancongan juga perlu mengamalkan pemantauan kendiri secara berkala dan semua laporan pemantauan dan audit perlu di rekod dan disimpan dengan baik serta teratur bagi tujuan penilaian tahunan serta pembaharuan lesen perniagaan dan aktiviti.

9.3.1 Pemutihan Inap Desa dan Inap Dusun Sedia Ada

Proses pemutihan inap desa dan inap dusun sedia ada bertujuan memastikan pengusaha swasta atau komuniti tempatan yang telah menjalankan operasi tanpa kelulusan perancangan lengkap dapat disemak dan disahkan semula agar mematuhi syarat keselamatan, kebersihan, dan kelestarian sosial setempat. Langkah ini tidak terpakai bagi Program *Homestay* yang telah berdaftar secara rasmi dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), tetapi bagi inap desa/ dusun yang berpotensi diselaraskan melalui proses pemutihan dan pemantauan oleh PBT.

1. **Pematuhan Minimum Tapak**
   - Tapak inap desa atau inap dusun yang telah beroperasi tanpa kelulusan perlu dikenal pasti oleh PBT melalui semakan lapangan dan inventori bagi menentukan kesesuaian lokasi, guna tanah dan akses pelawat.
   - Kawasan penempatan perlu mempunyai laluan masuk yang selamat serta tidak mengganggu ketenteraman penduduk sekitar, khususnya bagi operasi berskala kecil di kampung tradisional.
   - Jika tapak berada berhampiran sungai, dusun atau sawah, zon penampan perlu diwujudkan (tertakhluk pada garis panduan semasa) antara kawasan penginapan dan kawasan aktiviti pertanian atau badan air.
   - Pelan susun atur perlu menunjukkan kedudukan rumah inap, kemudahan pelawat, kawasan tempat letak kereta dan laluan pejalan kaki bagi tujuan semakan keselamatan.


2. **Pematuhan Minimum Kemudahan**
   - Kemudahan asas seperti bilik penginapan, tandas, dapur, ruang makan dan kawasan rehat perlu berada dalam keadaan bersih, berfungsi dan selamat digunakan.
   - Struktur bangunan yang diubah suai bagi tujuan penginapan perlu mendapatkan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan dan Kebenaran Merancang Perubahan Material Penggunaan Bangunan (Tempoh Terhad).
   - Kemudahan tambahan seperti kolam mini, gazebo, atau pondok rehat perlu direka bentuk mengikut keperluan keselamatan pelawat dan tidak mengganggu landskap asal kampung atau dusun.
   - Operator perlu menyediakan sistem pembuangan sisa pepejal dan air buangan yang mematuhi piawaian Jabatan Kesihatan dan PBT.

3. **Pematuhan Minimum Operasi**
   - Setiap pengusaha perlu mendapatkan lesen operasi tahunan daripada PBT dan berdaftar dengan MOTAC Selangor sebagai pengusaha inap desa/ dusun.
   - Pengusaha perlu mempunyai prosedur yang merangkumi kebersihan, keselamatan pelancong, pengurusan pelawat dan aktiviti harian pelancongan.
   - Bagi aktiviti dusun atau ladang, operator perlu memastikan aspek keselamatan pelawat dijaga dengan penyediaan peralatan asas seperti papan tanda amaran dan laluan selamat.
   - Pengusaha digalakkan mempunyai insurans liabiliti awam (public liability insurance) bagi melindungi pelawat dan penduduk tempatan semasa aktiviti dijalankan.

4. Pematuhan Minimum Undang-Undang Berkaitan

- Tapak inap desa dan inap dusun tertakluk kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) bagi mendapatkan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan dan Kebenaran Merancang Perubahan Material Penggunaan Bangunan (Tempoh Terhad).
- Pengusaha perlu mematuhi Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian serta Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
- Jika melibatkan penjualan hasil dusun, kraftangan atau produk komuniti, pengusaha perlu mendapatkan lesen tambahan atau permit jualan sementara daripada PBT.
- Operasi yang melibatkan aktiviti pertanian atau ternakan bersebelahan kawasan penginapan perlu mematuhi garis panduan Jabatan Pertanian dan Jabatan Veterinar Negeri Selangor.

Rajah 9.4: Carta Alir Proses Pemutihan Tapak Pelancongan Komuniti, Inap Desa dan Inap Dusun



5. Prinsip Tambahan Pemutihan

- Pemutihan bertujuan membantu komuniti tempatan mengesahkan operasi pelancongan kecil sedia ada agar mematuhi piawaian keselamatan dan kebersihan.
- Tapak yang telah dipersetujui untuk pemutihan hendaklah mengekalkan identiti budaya dan nilai tempatan sambil meningkatkan tahap kemudahan pelawat secara berperingkat.
- PBT perlu menyediakan daftar tahunan tapak inap desa dan inap dusun yang telah melalui proses pemutihan untuk pemantauan dan pelaporan kepada UPEN Selangor serta STANCO Pelancongan.

9.4 Pemantauan dan Penilaian

Pemantauan dan semakan berkala, yang mana audit dan penilaian pematuhan SOP dilaksanakan secara konsisten untuk memastikan keberkesanan panduan ini di lapangan. Untuk itu, satu (1) kerangka pengurusan tugas, iaitu RACI (*Responsible, Acountable, Consulted* dan *Informed*) telah digunakan. Menerusi matriks RACI, peranan setiap pihak berkepentingan dapat dikenal pasti secara sistematik, mengurangkan pertindihan tanggungjawab dan memastikan pelaksanaan kawalan aktiviti berisiko secara lebih teratur dan berkesan. Matriks RACI terdiri daripada;

***Responsible* (R)**	:	Agensi/ individu yang melaksanakan kawalan di lapangan
***Accountable* (A)**	:	Agensi utama yang bertanggungjawab penuh dalam memastikan kawalan terlaksana
***Consulted* (C)**	:	Pihak yang perlu dirujuk untuk kepakaran teknikal/ pandangan
***Informed* (I)**	:	Pihak yang perlu dimaklumkan hasil kawalan (pihak berkepentingan dan komuniti).

Jadual 9.11 menunjukkan perincian RACI bagi Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun.

Jadual 9.11: Perincian Pemantauan Aktiviti Pelancongan Inap Desa dan Inap Dusun Menerusi RACI

Bil.	Aktiviti Pengurusan dan Aktiviti Berisiko	*Responsible* (R)	*Accountable* (A)	*Consulted* (C)	*Informed* (I)
1.	**Pembangunan tapak/ lokasi inap desa dan inap dusun**	Hos/ Operator	PBT	JPS, Jabatan Bomba dan Penyelamat	Komuniti
2.	**Pendaftaran dan pelesenan**	Hos/ Operator	PBT/ Tourism Selangor Sdn. Bhd	MOTAC/ Jabatan Kesihatan	Komuniti
3.	**Latihan dan pembangunan kapasiti hos/ operator pelancongan**	Tourism Selangor Sdn. Bhd	Tourism Selangor Sdn. Bhd	MOTAC, Institut Latihan Pelancongan	Komuniti, Hos/ Operator
4.	**Kawalan keselamatan bangunan dan fasiliti pelancongan**	Hos/ Operator	PBT	Jabatan Bomba dan Penyelamat	Pelawat, komuniti
5.	**Promosi dan pemasaran pelancongan**	Hos/ Operator, Tourism Selangor Sdn. Bhd	Tourism Selangor Sdn. Bhd	MOTAC, PBT	Pelawat, agensi pelancongan
6.	**Pengurusan aduan dan insiden keselamatan**	Hos/ Operator	PBT	Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan	Tourism Selangor Sdn. Bhd

Untuk melaksanakan panduan pelaksanaan ini, tindakan pelaksanaan telah disenaraikan untuk menyemak tahap pencapaiannya. Mekanisme pemantauan adalah dalam bentuk laporan pemantauan tahunan, laporan maklum balas pelancong dan komuniti. Laporan tahunan boleh di buat semakan antara tiga (3) hingga lima (5) tahun sekali. **Jadual 9.12** menunjukkan senarai tindakan pelaksanaan dan cadangan indikator pemantauannya.

Jadual 9.12: Tindakan Pelaksanaan dan Cadangan Indikator Pemantauan Mengikut Komponen Kawalan Utama

Bil.	Komponen Utama	Tindakan Pelaksanaan	Pihak/ Agensi Pemantauan	Indikator Pemantauan (KPI)
1.	**Kawalan lokasi dan reka bentuk**	▪ Semakan status tanah, pelan tapak	PBT, PDT, Jabatan Bomba dan Penyelamat, JPS	▪ Pematuhan kelas kegunaan tanah dan syarat teknikal
2.	**Pelesenan dan pematuhan undang-undang**	▪ Memohon dan mendaftar lesen perniagaan dan aktiviti	PBT, MOTAC	▪ 100% beroperasi secara sah
3.	**Keselamatan dan kesihatan**	▪ Menyediakan SOP keselamatan ▪ Latihan kecemasan asas ▪ Jadual pembersihan berkala	PBT, Jabatan Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, RELA	▪ 100% ada Pelan Tindakan Kecemasan ▪ 100% aktiviti luar ada SOP keselamatan
4.	**Kemampanan alam sekitar**	▪ Sistem pelupusan sisa ▪ Tiada pembakaran terbuka	JAS, PBT	▪ 100% hos patuhi syarat pengurusan sisa
5.	**Promosi dan informasi pelancongan**	▪ Membina saluran rasmi, etika komunikasi	TSSB/ MOTAC	▪ ≥ 90% maklumat dikemas kini dan sahih
6.	**Pemantauan dan audit**	▪ Borang maklum balas ▪ Mesyuarat pemantauan	PBT, Jawatankuasa Pelancongan Komuniti Tempatan	▪ ≥ 90% aduan diselesaikan dalam 2 minggu



***Sarang by The Brook* merupakan salah satu Inap Dusun di Hulu Selangor yang menjalani proses pemutihan**

Sumber: PPPNS (2025)



10

MEKANISME PELAKSANAAN DAN PENGURUSAN

10.1	Pendahuluan
10.2	Struktur Pengurusan dan Pelaksanaan Pelancongan
10.3	Smart Partnership Pelancongan
10.4	Pendigitalan Pelancongan Negeri Selangor



Kawasan Jelapang Padi di Sekinchan, Sabak Bernam

Sumber: PPPNS (2025)

BAB 10
MEKANISME PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

10.1 Pendahuluan

Pembangunan pelancongan di Negeri Selangor memerlukan satu (1) mekanisme pengurusan dan pelaksanaan yang jelas, telus dan bersepadu bagi memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan menepati piawaian perancangan, undang-undang serta garis panduan yang ditetapkan. Seiring dengan kepelbagaian kategori pelancongan seperti pelancongan alam semula jadi, warisan budaya, agro dan lain-lain, proses permohonan serta kelulusan pembangunan yang sistematik amat penting bagi mengelakkan pertindihan, kelewatan serta risiko pembangunan yang tidak mampan.

Bab ini menerangkan kerangka mekanisme pengurusan, aliran kerja permohonan, serta syarat kelulusan yang boleh dijadikan rujukan utama kepada PBT, pihak pengusaha/ operator dan agensi pelaksana. Mekanisme pengurusan dan pelaksanaan bukan sahaja memberi panduan kepada pelabur dan pengusaha untuk permohonan cadangan projek pelancongan, malah perlu dijadikan sebagai rujukan kepada Kerajaan Negeri untuk memastikan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi, kemampanan alam sekitar, pemeliharaan warisan, serta kesejahteraan komuniti setempat.

10.2 Struktur Pengurusan dan Pelaksanaan Pelancongan

Struktur tadbir urus pelancongan Negeri Selangor dirangka bagi memastikan pembangunan dan pengurusan setiap kategori pelancongan dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun, berkesan dan mematuhi perundangan sedia ada. Tadbir urus yang kukuh menjadi asas kepada penyelarasan antara jabatan dan agensi teknikal di samping menjadi saluran komunikasi yang jelas antara Kerajaan Negeri, PBT, pengusaha/ operator, komuniti setempat, serta pihak berkepentingan yang lain.

Rajah 10.1 : Struktur Tadbir Urus Pelancongan Negeri Selangor



Sumber: PPPNS (2025).

10.2.1 Pengurusan dan Pelaksanaan Pembangunan Pelancongan Peringkat Negeri

Di peringkat negeri, penyelarasan pembangunan pelancongan dan pelaksanaan PPPNS secara khususnya adalah di bawah Jawatankuasa Tetap Pelancongan Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Pembangunan Kampung Baru Selangor yang dipengerusikan oleh YB EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri Selangor.

Fungsi utama Jawatankuasa Tetap Pelancongan Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Pembangunan Kampung Baru Selangor ini adalah untuk membangunkan sektor pelancongan, pengurusan infrastruktur pelancongan dan mempromosikan Selangor di dalam dan luar negara. Jawatankuasa ini juga kerap mengadakan mesyuarat untuk merangka dasar pelancongan dengan penglibatan daripada agensi-agensi yang berkaitan. Selain itu, mana-mana isu teknikal yang berbangkit (jika ada) dapat ditangani secara kolektif, manakala kelulusan dan keputusan pembangunan pelancongan dapat diselaras dan dibuat secara lebih menyeluruh, tersusun serta bersepadu melalui Jawatankuasa ini.

Tadbir urus pembangunan pelancongan akan diselaraskan menerusi Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor sebagai urus setia strategik, yang mana Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT), UPEN, Seksyen Pelancongan bertindak sebagai platform untuk merancang, menyelaras, memantau dan melaksana program-program di bawah Jawatankuasa Tetap Pelancongan, termasuklah program pemutihan tapak pelancongan.

Untuk meningkatkan daya tarikan pelancongan, Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB) merupakan agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri di bawah Menteri Besar Incorporated (MBI) untuk merancang, menyelaras dan memasarkan atau mempromosikan produk pelancongan di Negeri Selangor untuk menjadi sebagai salah satu destinasi pelancongan yang versatil di Malaysia.

10.2.2 Pengurusan dan Pelaksanaan Pembangunan Pelancongan Peringkat Tempatan

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memainkan peranan yang amat penting sebagai pengawal selia di peringkat tempatan. Segala keputusan dan kelulusan berkaitan yang diterjemahkan di peringkat negeri akan dilaksanakan oleh PBT sebagai pihak yang paling hampir dengan kawasan dan operator pembangunan pelancongan, serta komuniti setempat.

Tanggungjawab utama PBT melibatkan proses kebenaran merancang (KM), pengeluaran lesen perniagaan, permit operasi dan aktiviti kawalan pembangunan fizikal, serta penguatkuasaan undang-undang kecil yang berkaitan dengan pelancongan (**Jadual 10.1**). **Unit Pelancongan** perlu ditubuhkan di setiap PBT dengan fungsi amnya seperti menyelaras, menyedia dan melaksanakan promosi serta program pelancongan, termasuklah menyelenggara kemudahan-kemudahan sokongan dan infrastruktur di kawasan tumpuan pelancong.

Jadual 10.1: Aktiviti Pelancongan dan Peruntukan Undang-Undang Sedia Ada Mengikut PBT, 2025

Bil.	PBT	Jabatan	Jenis Aktiviti	Peruntukan Undang-Undang
1.	MBSA	Jabatan Pembangunan Komuniti	▪ Pusat Hiburan Awam ▪ Pusat Istirehat ▪ Pusat Hiburan Keluarga	▪ Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan Negeri Selangor (1995) ▪ Peraturan-peraturan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan Negeri Selangor (1996) ▪ Peraturan-peraturan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan (Permainan Snuker dan Video) (Kawalan dan Penyeliaan) Selangor 1996
2.	MBPJ	Jabatan Pembangunan Masyarakat	▪ Pusat Hiburan	▪ Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan Negeri Selangor (1995) ▪ UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (2007) ▪ UUK Pungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (2007)
3.	MBSJ	Jabatan Pembangunan Masyarakat	▪ Pelancongan Taman Tema	▪ UUK Pelesenan Tred/Perniagaan dan Perindustrian (MBSJ) 2007
			▪ Pelancongan Membeli Belah	
			▪ Pelancongan Kesihatan	
			▪ Pelancongan Makanan	▪ UUK Pelesenan Tred/Perniagaan dan Perindustrian (MBSJ) 2007 ▪ UUK Pelesenan Establisymen Makanan (MBSJ) 2007
			▪ Pelancongan MICE/ Perniagaan	▪ UUK Hotel (MBSJ) 2013 ▪ UUK Pelesenan Tred/Perniagaan dan Perindustrian (MBSJ) 2007
4.	MBDK	Jabatan Kemasyarakatan	▪ Pelancongan Makanan (Restoran, Gerai Makanan, Tapak Penjaja dan Bazar Perniagaan)	▪ UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (2007) ▪ UUK Pelesenan Establisymen Makanan (2007) ▪ UUK Pelesenan Pengendali Makanan (2007) ▪ UUK Penjaja
			▪ Pelancongan Bandar (Pusat Membeli-belah, Hotel, Pusat Peranginan, *Lounge*, Bar dan Kelab Rekreasi)	▪ UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPK) 2007 ▪ Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan Negeri Selangor (1995)
5.	MPKj	Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat	▪ Pelancongan Hiburan (Pusat hiburan)	▪ Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan Negeri Selangor (1995) ▪ Peraturan-peraturan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan Negeri Selangor (1996)

Bil.	PBT	Jabatan	Jenis Aktiviti	Peruntukan Undang-Undang
6.	**MPAJ**	Jabatan Belia, Masyarakat dan Landskap	▪ Pelancongan Hiburan (Pusat hiburan)	▪ Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan Negeri Selangor (1995)
			▪ Pelancongan Kesejahteraan (Pusat *Spa* dan Kecantikan)	▪ UUK Pusat Kecantikan dan Pusat Kesihatan MPAJ
			▪ Pelancongan Rekreasi	▪ UUK Tred Perniagaan dan Perindustrian
			▪ Pelancongan Makanan	▪ UUK *Establishment* Makanan MPAJ
			▪ Pelancongan Membeli Belah	▪ Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan Negeri Selangor (1995)
7.	**MPS**	Jabatan Landskap	▪ *Camping*/Berkhemah	▪ UUK Hotel Majlis Perbandaran Selayang
			▪ Membeli-belah	▪ UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPS
			▪ Makanan dan Kulinari	
8.	**MPSp**	Jabatan Pembangunan Masyarakat	▪ Pelancongan Bandar	▪ Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1995
			▪ Hotel	▪ UUK Hotel (MPSp) 2007
			▪ Pusat Membeli-belah	▪ UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 2007
			▪ *Street Mall,* lain-lain	▪ UUK Penjaja (MPSp) 2007
			▪ Taman Tasik	▪ UUK Taman (MPSp) 1995
9.	**MPHS**	Jabatan Pembangunan Masyarakat	▪ Penginapan Inap Dusun	▪ UUK Hotel (MDHS) 2007
			▪ Tapak Perkhemahan	
			▪ Sukan Lasak *Paragliding* dan *White Water Rafting*	▪ UUK Pusat Sukan Persendirian (MDHS) 2007
10.	**MPKL**	Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat	▪ Pelancongan Rekreasi	▪ UUK Tred Perniagaan dan Perindustrian
11.	**MPKS**	Jabatan Pembangunan Masyarakat	▪ -	▪ -
12.	**MDSB**	Jabatan Pembangunan Masyarakat	▪ Inap Desa	▪ UUK Hotel MDSB 2013
			▪ Kolam Renang	▪ UUK Kolam Renang MDSB 2013
			▪ Pusat Sukan Persendirian	▪ UUK Pusat Sukan Persendirian MDSB 2013
			▪ Produk Jualan IKS	▪ UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian

Sumber: PPPNS (2025).

Diantara aktiviti pelancongan yang telah dikenal pasti, pengusaha/ operator pelancongan perlu memohon lesen daripada PBT sebelum memulakan pengoperasiannya. Sebagai contoh, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah mempraktiskan dua (2) jenis permohonan lesen aktiviti kritikal dan permohonan lesen tred seperti berikut:

i. Prosedur Permohonan Lesen Aktiviti Kritikal (Pusat Hiburan dan Hotel)

01	Pemohon perlu mengemukakan cadangan awal bagi tujuan semakan kesesuaian lokasi
02	Sekiranya lokasi yang dicadangkan diluluskan, pemohon dikehendaki mengemukakan Borang Komposit bagi permohonan Lesen Premis dan Lesen Iklan
03	Tempoh pemprosesan permohonan lesen adalah 70 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima

ii. Prosedur Permohonan Lesen Tred (Perniagaan Am)

01	Pemohon terus mengemukakan Borang Komposit bagi permohonan Lesen Premis dan Lesen Iklan
02	Semua dokumen perlu dikemukakan berdasarkan senarai semak yang ditetapkan
03	Permohonan akan diproses dalam tempoh 30 hari selepas permohonan lengkap diterima


Sumber: Olahan daripada Majlis Perbandaran Selayang (2025).

Manakala Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah melaksanakan prosedur permohonan pelesenan bagi aktiviti pelancongan inap dusun dan tapak perkhemahan, serta pelancongan sukan lasak seperti berikut:

i. Prosedur Permohonan Lesen Inap Dusun dan Tapak Perkhemahan

01	Borang permohonan yang diisi dengan HURUF BESAR – 4 salinan
02	Salinan Kad Pengenalan – 1 salinan
03	Salinan Perakuan Pemerbadanan Syarikat / Pendaftaran Syarikat / Pendaftaran Perniagaan / Pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad (Borang 24 dan Borang 49) – 1 salinan
04	Pelan lokasi yang menunjukkan alamat premis (*Google Maps* / lukisan komputer)
05	Gambar premis dari jarak jauh - 4 salinan
06	Salinan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF) - 4 salinan
07	Salinan permohonan Kebenaran Merancang (KM) - 1 salinan
08	Salinan geran hak milik tanah - 1 salinan
09	Salinan resit cukai taksiran terkini (telah dibayar) - 1 salinan
10	Salinan resit cukai tanah terkini (telah dibayar) - 1 salinan
11	Salinan sijil kelulusan Dewan Bahasa dan Pustaka (untuk paparan iklan) - 1 salinan
12	Salinan pelekat pembelian alat pemadam api - 1 salinan

ii. Prosedur Permohonan Lesen Sukan Lasak



Sumber: Olahan daripada Majlis Perbandaran Hulu Selangor (2025).

Sekiranya terdapat komponen sokongan yang ditawarkan sebagai sebahagian daripada aktiviti pelancongan, pihak PBT memerlukan dokumen (surat) sokongan, termasuklah dokumen teknikal dan pematuhan kesihatan awam. Seperti contoh, sokongan yang diperlukan bagi permohonan aktiviti pelancongan inap desa/inap dusun adalah seperti berikut:

Dokumen tambahan yang diperlukan, sekiranya terdapat premis makanan / restoran di Inap Dusun.

- Senarai pekerja lengkap dengan tugasan masing-masing
- Salinan sijil suntikan TY2 (pemohon dan pekerja)
- Salinan sijil kursus pengendalian makanan (pemohon dan pekerja)
- Sijil Pendaftaran Premis Makanan daripada KKM (FOSIM – dengan alamat premis yang dipohon)
- Gambar pemasangan alat penapis minyak (dengan *timestamp*) di premis
- Salinan resit pembelian alat penapis minyak
- Salinan Kad Pengenalan pekerja
- Surat lantikan panel kawalan haiwan/ serangga perosak (kontrak minimum 1 tahun) yang berdaftar dengan Lembaga Racun Malaysia (LRM)
- Pengiktirafan Tandas BMW (4 bintang dan ke atas) oleh pihak PBT

Sumber: Olahan daripada Majlis Perbandaran Selayang (2025).

Walau bagaimanapun, peranan PBT bukan sekadar memastikan pematuhan teknikal, tetapi juga menjaga kualiti pengalaman pelancong/ pelawat dan kesejahteraan komuniti. Melalui pemantauan di lapangan, PBT dapat mengenal pasti isu-isu pengoperasian dengan cepat. Antaranya seperti kesesakan, pencemaran, ketidakpatuhan syarat lesen, keselamatan dan kesihatan pelancong/ pelawat. Tindakan penguatkuasaan dan pemantauan berkala akan memastikan produk pelancongan yang dibangunkan sentiasa berada pada tahap yang baik.

Kutipan hasil menerusi permohonan KM, lesen dan permit yang dikeluarkan oleh PBT boleh diguna semula untuk memperkemaskan pembangunan pelancongan di kawasan pentadbiran masing-masing. Contohnya dalam bentuk peningkatan kemudahan awam, penyediaan infrastruktur sokongan, penambahbaikan sistem maklumat pelancongan, serta program promosi pelancongan tempatan.

Menerusi pendekatan ini, kitaran kutipan hasil pelancongan di peringkat daerah akan membentuk satu (1) ekosistem mampan, yang mana aktiviti pelancongan bukan sahaja menjana pendapatan kepada Kerajaan Negeri dan Tempatan, tetapi turut memberi impak langsung kepada pembangunan daerah serta kesejahteraan komuniti setempat. Oleh itu, kedudukan PBT dalam struktur tadbir urus pelancongan bukan sekadar sebagai "pelaksana teknikal", tetapi juga sebagai pemacu pembangunan pelancongan di peringkat tempatan bagi memastikan dasar negeri dan PPPNS diterjemahkan kepada tindakan yang nyata, di samping memberi manfaat ekonomi yang boleh dinikmati oleh rakyat di peringkat bermula dari akar umbi.

10.2.3 Pengawal Selia Pembangunan Tanah dan Aktiviti Pelancongan

Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) juga merupakan tonggak utama dalam struktur tadbir urus pelancongan kerana segala bentuk pembangunan dan aktiviti pelancongan pada asasnya berkait dengan pemilikan serta status tanah. Sebagai agensi yang mengawal urusan tanah di peringkat daerah, PDT berperanan memastikan setiap cadangan projek pelancongan mempunyai asas hak milik dan penggunaan tanah yang sah serta selaras dengan peruntukan undang-undang.

Selain itu, PDT berfungsi dalam menilai permohonan tukar syarat, pajakan atau sewaan tanah yang digunakan bagi tujuan pelancongan. Kedudukan ini menjadikan PDT sebagai "pengawal selia dan pemantau awalan" sebelum sesuatu projek pelancongan dibangunkan secara fizikal di tapak.

Dari sudut ekonomi, **kutipan hasil melalui premium tanah, caj tukar syarat dan sewaan** boleh diguna semula untuk pembangunan pelancongan di daerah, sekaligus menyokong usaha Kerajaan Negeri bagi memperkukuhkan pembangunan sektor ini.

Merujuk **Jadual 10.2** adalah peranan PDT dalam struktur tadbir urus pelancongan Negeri Selangor bukan sahaja tertumpu kepada aspek pentadbiran tanah, tetapi juga sebagai penghubung antara Kerajaan Negeri, PBT, jabatan dan agensi teknikal, serta komuniti setempat. Pihak PDT juga memastikan pembangunan pelancongan dilaksanakan secara sah, terancang dan memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat daripada akar umbi.

Jadual 10.2: Peranan Pejabat Daerah dan Tanah Dalam Struktur Tadbir Urus Pelancongan Negeri Selangor

Bil.	Tugas	Penerangan
1.	**Kawalan Tanah dan Guna Tanah**	Merupakan pihak berkuasa yang mengurus dan mengawal status tanah di daerah
		Semua cadangan pembangunan pelancongan yang melibatkan perubahan kategori tanah, syarat nyata atau pajakan mesti mendapat kelulusan PDT
		Memastikan pembangunan pelancongan selari dengan dasar guna tanah negeri dan rancangan struktur/ tempatan
2.	**Proses Permohonan dan Kelulusan Tanah**	Bertindak sebagai pengawal dan pemantau awalan untuk urusan berkaitan tanah bagi pembangunan projek pelancongan, termasuk: ▪ tukar syarat tanah (contoh: daripada pertanian kepada komersial/ pelancongan agro) ▪ kelulusan pajakan tanah bagi tujuan pelaburan pelancongan ▪ siasatan dan pengesahan status tanah sebelum sesuatu projek pelancongan dilaksanakan
3.	**Penjanaan Hasil Negeri dan Daerah**	Berperanan mengutip hasil daripada premium tanah, caj tukar syarat dan sewaan/ pajakan tanah untuk projek pelancongan
		Menyumbang kepada pendapatan negeri dan boleh diguna semula untuk membiayai pembangunan pelancongan serta menaik taraf kemudahan awam di peringkat daerah
		Mekanisme ini menyokong kitaran ekonomi tempatan, yang mana pelaburan pelancongan memberi pulangan semula kepada komuniti setempat
4.	**Penyelarasan di Peringkat Daerah**	Menjadi penyelaras pembangunan daerah kerana ia menghubungkan antara Kerajaan Negeri, PBT, jabatan dan agensi teknikal serta komuniti setempat
		Memastikan pembangunan pelancongan daerah diselaraskan dengan Rancangan Struktur (RS), Rancangan Tempatan (RT), Rancangan Kawasan Khas (RKK) dan aspirasi daerah masing-masing

Sumber: PPPNS (2025).

Jadual 10.3 menunjukkan peranan dan fungsi jabatan dan agensi teknikal yang berkaitan mengikut kategori pelancongan di Negeri Selangor.

Jadual 10.3: Peranan Jabatan dan Agensi Teknikal Berkaitan Dalam Tadbir Urus Pelancongan Negeri Selangor

Bil.	Kategori Pelancongan	Jabatan dan Agensi Utama	Peranan dan Tanggungjawab (Secara Ringkas)
1.	**Alam Semula Jadi**	Jabatan Perhutanan	Pengezonan hutan, kawalan pembangunan, permit masuk, kemudahan berimpak rendah
		Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara	Permit aktiviti hidupan liar, pemuliharaan biodiversiti
		Jabatan Pengairan dan Saliran	Mitigasi banjir, kawalan pembangunan berhampiran sungai/ tasik, daya tampung
		Jabatan Kerja Raya/ Pejabat Daerah dan Tanah	Infrastruktur sokongan (jalan, jejantas, fasiliti rekreasi).
		Jabatan Alam Sekitar	Kelulusan EIA, kawalan pencemaran, pemantauan ekosistem.
2.	**Warisan dan Budaya**	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	Pemeliharaan adat dan warisan negeri, kelulusan pengubahsuaian tapak, interpretasi budaya
		Jabatan Warisan Negara	Kelulusan berasaskan peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005, kawalan aset warisan kebangsaan
		Tourism Selangor Sdn. Bhd.	Promosi produk warisan, penjenamaan destinasi bersejarah
		Pihak Berkuasa Tempatan	Kebenaran merancang, lesen operasi, kawalan pembangunan di tapak warisan
3.	**Sukan dan Rekreasi**	Kementerian Belia dan Sukan/ Majlis Sukan Negeri Selangor	Kawalan acara sukan mega, kemudahan sukan negeri
		Jabatan Kerja Raya/ Pihak Berkuasa Tempatan	Pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur sukan dan rekreasi
		Jabatan Pengairan dan Saliran	Kawalan sungai bandar dan *waterfront tourism*
		Tourism Selangor Sdn. Bhd.	Promosi sukan dan rekreasi, pemasaran antarabangsa
		Pihak Berkuasa Tempatan/ Agensi teknikal	Permit dan SOP keselamatan untuk aktiviti berisiko (sukan lasak)
4.	**Kesihatan (Kesejahteraan)**	Kementerian Kesihatan Malaysia	Akreditasi kemudahan kesihatan, kawalan piawaian dan keselamatan
		Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia	Promosi pelancongan kesihatan di peringkat antarabangsa
		Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari	Mengawal selia pengamal perubatan tradisional dan komplementari – pemberi perkhidmatan kesejahteraan kepada pelancong/ pelawat
		Tourism Selangor Sdn. Bhd.	Pemasaran *medical* dan *wellness tourism*
		Pihak Berkuasa Tempatan/ Jabatan Kerja Raya/ Pejabat Daerah dan Tanah	Lesen kemudahan kesihatan, akses dan sokongan infrastruktur

Bil.	Kategori Pelancongan	Jabatan dan Agensi Utama	Peranan dan Tanggungjawab (Secara Ringkas)
5.	**Bandar dan Gaya Hidup**	Pihak Berkuasa Tempatan	Kebenaran merancang, kawalan pembangunan bandar, lesen pengoperasian perniagaan
		Tourism Selangor Sdn. Bhd.	Promosi gaya hidup (membeli-belah, kulinari, hiburan, kafe)
		Jabatan Kerja Raya	Infrastruktur sokongan bandar dan pusat komersial
		Polis DiRaja Malaysia/ Jabatan Pengangkutan Jalan	Kawalan keselamatan dan trafik di kawasan pelancongan bandar
		Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya/ Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	Kelulusan penganjuran acara dan festival budaya/ gaya hidup
6.	**Pelancongan Agro**	Jabatan Pertanian	Projek tanaman dan kebun, biosekuriti, pembangunan dan promosi produk agro (buah, herba, *smart farming*)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Piawaian kebajikan haiwan, kesihatan ternakan, permit interaksi/ pameran haiwan
		Jabatan Perikanan	Permit akuakultur dan memancing (perikanan rekreasi), kawalan ekosistem akuatik
		Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia	Penyelidikan, inovasi dan latihan agro
		Lembaga Pertubuhan Peladang	Penyertaan peladang, pemasaran hasil tani, koperasi pelancongan agro
7.	**Inap Desa dan Inap Dusun**	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya/ Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	Pensijilan *homestay*, standard kualiti, libat urus komuniti desa
		Jabatan Pertanian	Biosekuriti dusun/ kebun, sokongan teknikal
		Tourism Selangor Sdn. Bhd./ Lembaga Pertubuhan Peladang	Promosi inap desa dan dusun, pemasaran, koperasi komuniti
		Pihak Berkuasa Tempatan	Lesen operasi, kawalan keselamatan dan kemudahan inap desa

Sumber: PPPNS (2025).

10.2.4 Program Pemutihan Pelancongan

Program pemutihan pelancongan adalah tindakan penguatkuasaan bagi aktiviti pelancongan yang beroperasi di atas tapak selain zon rekreasi atau komersial boleh dilaksanakan menerusi penubuhan *task force* khas yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Pembangunan Kampung Baru. Jenis-jenis aktiviti pelancongan yang boleh dipertimbangkan untuk program pemutihan adalah seperti berikut:

a) Aktiviti Pelancongan di Tanah Pertanian/ Tanah Kampung Tradisi

- Selaras dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil.4/2020 – "Permit Khas Kebenaran Penggunaan Sementara Tanah Pertanian Yang Digunakan Selain Tujuan Pertanian (Perniagaan/ Industri Ringan) Di Negeri Selangor" dan terpakai kepada tapak pelancongan sedia ada.

- Bagi tapak pelancongan semula jadi yang telah sedia beroperasi di atas tanah pertanian (sebelum 1 Januari 2020), permohonan permit khas tahunan bagi penggunaan tanah pertanian untuk tujuan pelancongan (selain pertanian) boleh dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah bagi kelulusan pembinaan struktur binaan yang tidak melebihi 2/5 (40%) daripada keluasan tanah milik berdaftar.

- Pengusaha yang mengusahakan tapak khemah di tanah kampung adalah tertakluk kepada sokongan PBT melalui pemberian permit sementara menunggu kelulusan KM diperoleh. Bagi tanah kampung tradisi yang dizonkan sebagai pertanian, permohonan permit sementara adalah terpakai tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan PBT. Kadar fi tahunan permit hendalah dikenakan berdasarkan kadar cukai perniagaan yang ditetapkan oleh PBT. Pengiraan fi adalah berdasarkan keluasan struktur binaan (m^2) x kadar sen bagi setiap meter persegi yang akan dikenakan kepada pemohon.

- Sekiranya pembangunan sedia ada melebihi 2/5 dari keluasan tanah, pemilik tanah perlu memohon pindaan kategori dan syarat nyata tanah melalui peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 124(1)(1) dan (c) atau Seksyen 124A, Kanun Tanah Negara (KTN) 1965.

b) Aktivti Pelancongan di Kawasan Tadahan/ Sungai

- Bagi tapak perkhemahan di atas tanah persendirian yang menggunakan sebahagian rezab sungai untuk kegunaan rekreasi/ pelancongan tanpa pembinaan bangunan kekal, JPS dan PBT boleh membenarkan dengan syarat bagi aktiviti perkhemahan di tebing sungai dengan mematuhi syarat zon penampan (*buffer*) minimum dan kawalan ketat (contoh: hanya khemah sementara, tiada struktur kekal), tertakluk kepada merit kes.

Kelonggaran terhadap tempoh pengoperasian di tapak boleh dimohon berdasarkan merit bagi kes-kes seperti berikut:

i. **Permit Sementara / Lesen Khas** - digunakan untuk program rekreasi tahunan atau musim (contoh: "*camping festival*"), di mana KM penuh tidak sempat diproses. Kebiasaannya diberi oleh PBT dengan syarat keselamatan yang ketat (JBPM, JPS, JAS dilibatkan).
ii. **Kelonggaran Struktur Sementara** - seperti *canopy tent*, *portable toilet*, pondok kayu tidak kekal, dibenarkan atas dasar sementara (contoh: 2 tahun) sebelum semakan semula.
iii. **Had Kepada Kelonggaran** - kelonggaran tidak bermakna kelulusan automatik, ia biasanya untuk sementara waktu sambil menunggu proses rasmi (KM, OSC, permit agensi teknikal).
iv. **PBT boleh meletakkan syarat** seperti had bilangan pelawat, larangan struktur kekal, pengurusan sisa wajib dan pemantauan berkala.

Walau bagaimanapun, perincian mekanisme pelaksanaan PPPNS akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Pembangunan Kampung Baru dan PBT.

10.3 *Smart Partnership* Pelancongan

Smart partnership pelancongan merujuk kepada kerjasama strategik antara pelbagai pihak bagi pembangunan sektor pelancongan secara lebih inovatif, mampan dan berdaya saing. Ia menekankan perkongsian sumber, kepakaran, teknologi dan tanggungjawab antara rakan kongsi yang melibatkan pelbagai pihak iaitu:

i. Jabatan dan agensi kerajaan (perancangan dasar, infrastruktur, promosi, insentif).
ii. Operator swasta (pengurusan destinasi, hospitaliti, pengangkutan).
iii. Komuniti tempatan (budaya dan produk tempatan, inap desa, pemandu pelancong).
iv. NGO dan akademik (pemuliharaan warisan, latihan, penyelidikan pelancongan).
v. Syarikat teknologi (platform digital, analitik data, pelancongan pintar).

Pelaksanaan *smart partnership* menerusi bentuk *public–private partnership* (PPP) telah dilaksanakan di beberapa PBT bersama rakan kongsi strategik seperti:

i. "Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam 2026-2030" – antara MBSA dan UiTM;
ii. "Royal Klang Town Heritage Wall" – antara MBDK dan Tourism Selangor Sdn. Bhd.;
iii. "King of Kemensah" – antara MPAJ dan JPKK Kg. Kemensah;
iv. "Dark Caves" – antara MPS dan MNS, dan
v. "Pusat Terapi Alam Hulu Tamu" – antara MPHS dan MPKK Kg. Genting Malik.

Kerjasama kolaboratif merupakan inisiatif selain *smart partnership* yang turut dilaksanakan oleh PBT untuk menjadikan pembangunan produk pelancongan lebih inklusif serta memberi manfaat secara langsung kepada komuniti setempat dari sudut ekonomi, sosial dan budaya. Antara contoh seperti:

i. "Teater Muzikal Rubiah" – antara MBSA dan JKKN Selangor;
ii. "Geopark Ampang Jaya Night Run 2025" – antara MPAJ dan Persatuan Kembara Negara, dan
iii. "Selangor King of Mountain" – antara MPHS dan Speda Pro Center.

Pelaksanaan inisiatif ini perlu diteruskan dan diperkukuhkan melalui kerjasama antarabangsa yang lebih strategik pada masa hadapan. Pendekatan ini merangkumi pelaksanaan promosi bersama pertukaran kepakaran serta perancangan laluan pelancongan serantau dalam usaha memperluas jaringan pelancongan dan meningkatkan daya saing destinasi di peringkat global. Ini akan membawa manfaat dari segi:

- Mengurangkan kos dan risiko pembangunan;
- Meningkatkan kualiti produk pelancongan dan pengalaman pelancong;
- Menjana pendapatan dan peluang pekerjaan tempatan;
- Memastikan kemampanan alam sekitar dan budaya; dan
- Mempercepatkan inovasi dan adaptasi teknologi pelancongan pintar.

Oleh itu, inisiatif *smart partnership* dan kolaborasi merupakan kunci kepada pembangunan pelancongan moden kerana ia mewujudkan situasi *win-win* antara semua pihak, serta memastikan pembangunan yang inklusif, mampan dan berdaya tahan.

10.3.1 *Smart Partnership* Bersama Organisasi Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan Komuniti dan Operator Pelancongan Swasta

Organisasi Bukan Kerajaan (NGO), persatuan komuniti dan operator pelancongan swasta juga memainkan peranan penting dalam struktur tadbir urus pelancongan negeri. Sebagai golongan pelaksana yang dekat dengan masyarakat dan pelancong, faktor ini telah menjadikan mereka sebagai pemacu utama dalam menghidupkan produk dan pengalaman pelancongan.

i. NGO berperanan dalam aspek khidmat nasihat kemampanan, pemuliharaan alam sekitar dan promosi warisan budaya. Mereka juga merupakan rakan strategik dalam membangunkan kesedaran masyarakat dan pelancong tentang tanggungjawab sosial serta alam sekitar dalam konteks sektor pelancongan negeri.

ii. Persatuan komuniti merupakan nadi kepada pelancongan berasaskan masyarakat (*community-based tourism*). Mereka bukan sahaja menjadi tuan rumah kepada pelancong, tetapi juga memastikan pembangunan pelancongan tidak menjejaskan identiti, adat resam dan kesejahteraan setempat.

iii. Pengusaha/ operator pelancongan swasta bertanggungjawab menyediakan produk, pakej, kemudahan dan perkhidmatan pelancongan yang kompetitif. Mereka memacu inovasi dalam pengalaman pelancongan, serta memastikan pematuhan terhadap syarat lesen, permit, keperluan dan garis panduan yang ditetapkan oleh PBT serta jabatan dan agensi teknikal.

Penglibatan ketiga-tiga pihak ini akan memastikan pembangunan pelancongan di Negeri Selangor bukan hanya digerakkan secara *top-down*, tetapi turut mendapat dukungan *bottom-up*. Ini sekaligus mewujudkan ekosistem pelancongan yang inklusif, mampan dan memberi manfaat secara langsung kepada komuniti setempat.

10.4 Pendigitalan Pelancongan Negeri Selangor

Pendigitalan pelancongan merujuk kepada proses memperkenal dan memanfaatkan teknologi digital untuk memperkasa aktiviti pelancongan tradisional ke arah pelancongan pintar (*smart tourism*) menerusi pembangunan platform, sistem dan aplikasi digital. Kewujudan ekosistem pintar akan meningkatkan kredibiliti Negeri Selangor sebagai destinasi pelancongan kepada pelancong tempatan dan antarabangsa, serta mempercepatkan akses kepada maklumat pelancongan.

10.4.1 *Smart Destination* dan *Smart Attraction*

Perkembangan teknologi pintar seperti *Internet of Things* (IoT), kecerdasan buatan (AI), *big data* dan analitik menunjukkan potensinya untuk diintegrasikan dalam pembangunan pelancongan negeri bagi mewujudkan *smart destination* dan *smart attaction* yang responsif dan efisien.

Dalam konteks *smart destination* secara makro, pembangunan sistem pemantauan secara masa nyata (*real time*) menerusi integrasi antara sensor pintar dan *dashboard* destinasi akan mewujudkan sistem mobiliti pintar dengan menyepadukan perkhidmatan pengangkutan awam ke destinasi dan perkhidmatan parkir pintar di destinasi utama. Sistem *smart destination* boleh diperkembangkan ke konteks mikro menerusi pembangunan aplikasi navigasi pelancong bagi membantu pengurusan aliran pelancong untuk mengurangkan kesesakan di destinasi yang seterusnya memaksimumkan pengalaman pelancong. Ini termasuklah sistem tiket pintar, iaitu tiket elektronik untuk melancong ke destinasi utama, yang mana pelancong boleh membuat bayaran tiket melalui aplikasi dan seterusnya mengurangkan kos pengoperasian operator.



Integrasi inovatif teknologi seperti IoT sensor dan platform pengurusan data dalam pembentukan *smart destination*

Sumber: https://www.tisglobalsummit.com/travel-technologies-smart-destination-management/

Rajah 10.2: Kebaikan Sistem *Augmented Reality /Virtual Reality* Dalam Pembangunan Pelancongan



Sumber: PPPNS (2025).


Bagi *smart attractions*, penggunaan teknologi seperti peta digital dan sistem maklumat interaktif menerusi penanda QR akan memperkayakan maklumat dan pengalaman pelancong ke destinasi utama. Inisiatif ini boleh dikembangkan dengan membangunkan sistem *Augmented Reality* (AR) atau *Virtual Reality* (VR) di destinasi tarikan muzium, galeri atau laman warisan serta laluan alam semula jadi menerusi persembahan maklumat dan interaktif pelancongan untuk pengalaman pelancongan yang *value for money*.

Walau bagaimanapun, untuk mewujudkan ekosistem pelancongan pintar yang berdaya harap, pembangunan infrastruktur digital dan telekomunikasi asas perlu diperkukuhkan seperti menyediakan perkhidmatan Wi-Fi awam di destinasi tarikan utama.

10.4.2 Data Raya Pelancongan Negeri Selangor

Pembangunan data raya pelancongan yang merangkumi pangkalan data bersepadu, serta aplikasi pelancongan negeri dan daerah (*Geographic Information System* - GIS dan *Dashboard* pelancongan) adalah diperlukan bagi memperkukuhkan tadbir urus pelancongan di Negeri Selangor.

Selaras dengan fungsi pangkalan data bersepadu sebagai asas kepada perancangan, pemantauan, dan penilaian prestasi pembangunan pelancongan, ia oleh diakses oleh Kerajaan Negeri, PBT, jabatan dan agensi teknikal, serta rakan strategik pelaksana.



Contoh *dashboard* pelancongan interaktif

Sumber: https://www.mdpi.com/2677826

Melalui integrasi GIS dan *dashboard* pelancongan interaktif, maklumat berkaitan lokasi produk pelancongan, pengezonan, kapasiti pelancong/ pelawat, status lesen/ permit, serta data statistik kedatangan pelancong dapat dipetakan dan dipaparkan secara masa nyata. Ciri ini membolehkan penggubal dasar, PBT, dan pengusaha/ operator membuat keputusan yang lebih tepat, pantas dan berasaskan bukti.

Di peringkat negeri, aplikasi ini akan membantu jabatan dan agensi teknikal, serta Tourism Selangor Sdn. Bhd. untuk menyelaras pembangunan dan promosi produk pelancongan secara strategik. Manakala di peringkat daerah, *dashboard* pelancongan boleh digunakan oleh PBT dan PDT untuk memantau operasi pelancongan, mengenal pasti kekangan di lapangan, serta menyelaras kutipan hasil pelancongan.

Penggunaan aplikasi *"Go Selangor"* juga boleh diperkasa dan diperluaskan sebagai *extension* kepada *dashboard* pelancongan bagi membolehkan pelancong/ pelawat dan komuniti setempat untuk akses kepada maklumat rasmi mengenai produk, acara, kemudahan dan promosi pelancongan semasa.

Dengan ini, data bukan sahaja berfungsi untuk pengurusan dalaman, tetapi juga sebagai medium komunikasi terus kepada pelancong/ pelawat.

Secara keseluruhannya, pangkalan data bersepadu dan aplikasi pelancongan akan menjadi nadi digital tadbir urus pelancongan negeri, di samping menyokong prinsip ketelusan, tahap akses kepada maklumat serta meningkatkan daya saing destinasi pelancongan negeri di peringkat global.

10.4.3 Sistem Maklum Balas Komuniti dan Pelancong

Bagi memastikan pembangunan pelancongan yang inklusif dan responsif terhadap keperluan lapangan, satu (1) sistem maklum balas komuniti dan pelancong perlu diwujudkan. Sistem ini berperanan sebagai saluran komunikasi dua (2) hala antara pihak berkuasa dengan pelbagai pihak berkepentingan terutamanya komuniti setempat yang menjadi tuan rumah serta pelancong/ pelawat yang menggunakan kemudahan dan perkhidmatan pelancongan. Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB) adalah sebagai agensi utama kepada pelancongan Negeri Selangor akan memantau sistem ini.

Melalui sistem ini, komuniti setempat dapat menyuarakan pandangan mengenai impak projek pelancongan terhadap kehidupan seharian mereka, sama ada berkaitan isu sosial, alam sekitar, ekonomi atau kebudayaan. Pada masa yang sama, pelancong/ pelawat juga dapat memberi maklum balas mengenai tahap kepuasan, kualiti kemudahan dan perkhidmatan, pengalaman pelancongan serta cadangan penambahbaikan.

Sistem ini boleh dibangunkan dalam bentuk aplikasi digital bersepadu yang dihubungkan dengan pangkalan data pelancongan negeri. Mekanisme seperti borang aduan dalam talian, penilaian kepuasan pelanggan (*customer satisfaction survey*) atau fungsi interaktif di *dashboard* pelancongan akan memudahkan pengumpulan data. Data ini kemudiannya dianalisis untuk tindakan susulan oleh jabatan dan agensi teknikal berkaitan.

Kelebihan utama sistem adalah meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti/ kebertanggungjawaban, serta memperkukuhkan prinsip pelancongan berasaskan komuniti, yang mana komuniti setempat dan pelancong/ pelawat diberi suara dalam menentukan hala tuju pembangunan pelancongan.



11

KESIMPULAN



Taman Tasik Shah Alam, Shah Alam

Sumber: PPPNS (2025)

BAB 11
KESIMPULAN

Pada tahun 2024, Negeri Selangor telah mencatatkan kedatangan pelancong seramai 7.72 juta orang, iaitu peningkatan sebanyak 18.1% berbanding dengan tahun 2023. Daripada jumlah pelancong ini, 34.2% merupakan pelancong antarabangsa dan menjanakan jumlah perbelanjaan pelancongan sebanyak RM10.79 bilion. Manakala 65.8% selebihnya merupakan pelancong domestik dengan jumlah perbelanjaan pelancongan sebanyak RM3.14 bilion.

Pencapaian prestasi ini dipandu oleh kekayaan tarikan pelancongan yang pelbagai, iaitu sebanyak 825 produk yang boleh dibahagikan kepada lapan (8) kategori pelancongan. Walau bagaimanapun, kategori pelancongan ini telah disesuaikan semula kepada tujuh (7) kategori bagi tujuan penyediaan Panduan Pelaksanaan Pelancongan Negeri Selangor (PPPNS) dengan menerapkan elemen pelancongan pendidikan ke dalam setiap kategori pelancongan, iaitu:

a) pelancongan alam semula jadi;
b) pelancongan warisan dan budaya;
c) pelancongan bandar dan gaya hidup;
d) pelancongan sukan dan rekreasi;
e) pelancongan ksihatan (kesejahteraan);
f) pelancongan agro, dan
g) pelancongan inap desa dan inap dusun.

Selaras dengan penyesuaian semula ini, sejumlah 711 produk pelancongan telah direkodkan di sekitar Negeri Selangor dengan didominasi oleh 31.65% produk pelancongan bandar dan gaya hidup. Ini diikuti oleh 23.21% produk pelancongan alam semula jadi, serta 16.03% produk pelancongan warisan dan budaya.

Berdasarkan hasil libat urus bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), serta jabatan dan agensi berkaitan, terdapat beberapa isu dan kekangan yang dihadapi dalam usaha pembangunan pelancongan negeri, yang mana isu ini boleh dirangkumkan dalam tiga (3) aspek utama berikut:

a) Destinasi dan produk pelancongan

- pencerobohan rizab sungai atau jalan;
- percanggahan zoning guna tanah;
- ketidakpatuhan syarat penggunaan tanah;
- ketiadaan kelulusan kebenaran merancang (KM);
- ketidakpatuhan lesen dan peraturan pengoperasian;
- pencemaran alam sekitar, dan
- risiko keselamatan pelancong/ pengunjung.

b) Kemudahan sokongan pelancongan

- kekurangan kemudahan infrastruktur dan utiliti;
- kekurangan kemudahan rangkaian aksessibiliti, dan
- kekurangan sumber manusia dan tenaga kerja terlatih.

c) Promosi pelancongan

- kekurangan promosi pelancongan yang berkesan.

Bagi memastikan aktiviti pelancongan dijalankan secara terkawal, selamat dan mampan, Panduan Pelaksanaan Pelancongan Negeri Selangor (PPPNS) yang merangkumi tujuh (7) kategori pelancongan di atas telah disediakan. Setiap kategori panduan pelaksanaan ini membincangkan aspek-aspek berikut:

- objektif dan skop panduan;
- komponen panduan;
- pelaksanaan panduan, dan
- pemantauan dan penilaian.

Sehubungan itu, PPPNS penting sebagai panduan utama dalam perancangan pembangunan pelancongan untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai sebuah destinasi pelancongan yang kondusif dan dinamik. Pihak berkepentingan bagi PPPNS adalah seperti berikut:

a) **Pihak Berkuasa Tempatan** - menjadi rujukan untuk menetapkan syarat kelulusan pembangunan, mengurus permit, menyelia pematuhan prosedur operasi standard dan menguatkuasa aktiviti yang menjejaskan kemampanan alam sekitar.

b) **Jabatan dan agensi teknikal** - menjadi rujukan untuk memberikan nasihat, syor teknikal, serta kelulusan berkaitan pembangunan dan pengurusan aktiviti pelancongan.

c) **Pengusaha atau operator pelancongan** - memberi garis sempadan yang jelas dalam merancang, membangun dan mengendali aktiviti serta produk pelancongan.

d) **Komuniti tempatan** - memberi peluang untuk terlibat secara aktif dalam sektor pelancongan dengan peranan seperti pemandu pelancong, pengendali inap desa, atau pengusaha produk komuniti.

Walau bagaimanapun, perincian mekanisme pelaksanaan PPPNS akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan.



12

LAMPIRAN



Taman Eko Rimba Sungai Congkak

Sumber: Selangor.travel

LAMPIRAN 1:

Lokasi Berisiko Tanah Runtuh

PBT	Nama Kampung/ Tempat	Nama Jalan
MBSA	Taman Nusa Subang	Jalan Persiaran Angkasa
	KM 12.9, Federal Highway	Federal Highway (Tesco Shah Alam)
	Majlis Agama Islam Selangor, Seksyen 5	
	Kg Budiman	Lot 4045, Jalan Hamzah, Seksyen U14
	Pangsapuri De Cendana	Persiaran Setia Makmur, Seksyen U13 Setia Alam
	Kg Baru Subang	No. 342, Jalan 2-C, Kg Baru Subang
MBPJ		Jln PJU 1A/3, Ara Damansara
MPAJ		15, Jalan Bukit Indah 3/3, Ampang
		Persiaran Desa Ampang 4
	Taman Melur Ampang	1-15, Jalan Melur 27
	Kg Dato Mufti Shuib Ampang	10, Lorong Dato Mufti 10 Ampang
	Kg Bukit Sungai Puteh, Ampang	280-220, Jln Saidina Hamzah
		Jalan Taman Melawati 3
	Kg Kemensah	No 36, Jalan Chempaka
		Jalan Taman Melawati
	Maahad Tahfiz Munawwarah, Kemensah	
	Kg Klang Gate	Jalan Kolam Air,
	AU1, Tmn Keramat, Ampang	
	No. 4530	Lorong Chong Khoon Lin 1, Ukay Heights
	No 39	Jalan Lee Woon, Taman Zooview
	Taman Dataran Ukay	Jalan Bunga Anggerik, Taman Dataran Ukay
	Laman Oakleaf Bukit Antarabangsa	Jalan LO 2/1, Laman Oakleaf Bukit Antarabangsa
	Taman Bukit Utama	Jalan BU 1 /1
	Bukit Antarabangsa	
	Jalan 2/98, Taman Supreme	
	Bukit Pandan 2 Kondominium	Jalan Perdana 1/91B
	Taman Bukit Jaya	Jalan Bukit Jaya 6a,
		Jalan Wangsa 1
	Block D Riverdale Park Apartment	
MPKj	Kampung Sungai Gahal, Batu 14	Lot 818
	Sg Tekali	Jalan Sg Tekali, Hulu Langat
		Jalan Genting Peras-Kuala Kelawang
	SMK Damai Perdana, Cheras	
	Kg Cheras Baru	Lot 126 Jalan 45b, Bukit D
	Bukit Ketumbar, Cheras	
	Venice Hill	

PBT	Nama Kampung/ Tempat	Nama Jalan
	Jalan 1/154, Taman Bukit Anggerik	
MPSp	Taman Diamond Garden, Dengkil	Jalan Intan 5/2
	Kg Sg Merab Hulu, Kajang	
MBDK	Taman Summit, Klang	
	Kg Bukit Kapar	23B, Jln Haji Abdul Latif
MPHS	Taman Idaman	Jalan Angsana 2
MPKS	Kg Bestari Jaya	Jalan PKPS
	Tapak Perlombongan Pasir	Lot 2506 & Lot 2318
MPS	Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh	
	Apartment Teratai, Selayang	Jalan 3/9, Baru Selayang, 68100 Batu Caves
		Jln Banglo, Batu Arang
	Taman Suria	Jalan Utama, Taman Suria, Desa Aman
	Taman Bukit Idaman	70, Bukit Idaman 1, Batu Caves
	Taman Seri Melati	No.15, Jalan Melati 7,
	Taman Seri Melati	No. 2, Jalan Melati 20
	Apartment Casa Venezia, Selayang	Jalan Bukit Idaman 1/5
	Kg Selayang Indah	Jalan 12, Kg Selayang Indah
	Taman Seri Melati	23, Jalan Melati 7
	Taman Sri Gombak, Batu Caves	No. 5, Jalan SG 7/3A
	Blok C Mahallah Zubair Al-Awwam, UIAM	
	Puncak Templer	No. 52, Jalan Persiaran 3
		Jalan Kuching (Selayang)
	Medan Selera Selayang	Jalan SJ 1, Taman Selayang Jaya
		Jalan Manggis, Batu Caves
	Batu 16, Rawang	No. 1C, Jln Sepakat, Batu 16
	Taman Bukit Mas	No 1 & 3, Jalan 2/4B
	Pangsapuri Taman Setia	Jalan Damai, Kampung Melayu Batu 16
MPKL	Kg Sg Kelambu	Jalan Dahlia, Banting (ladang kelapa sawit)
		Bukit Jugra (Lokasi 2 - Perkuburan Cina)
		Jalan ke Rumah Api Bukit Jugra
	Bukit Jugra (rumah api)	
	Hutan Simpan Bukit Jugra	Belakang kawasan Tangki Air Selangor Bukit Jugra
	Kg Sepakat Jaya (Lokasi 1)	Jalan Lombong Emas 3
	Kg Sepakat Jaya (Lokasi 2)	Jalan Lombong Emas 3

Sumber: Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Selangor (2025)

Kawasan Sejarah Bencana

Lokasi	Tahun	Bencana
Jalan Kuala Lumpur - Rawang, Selayang	2009	Tanah Runtuh
Wangsa Heights Condominium, Hulu Kelang	2009	Tanah Runtuh
Taman Cheras Awana	2009	Tanah Runtuh
Taman Indah Perdana, Kepong	2010	Tanah Mendap
Taman Desawan, Klang	2010	Tanah Mendap
Salak Tinggi	2011	Kegagalan Cerun
Hulu Langat	2011	Tanah Runtuh
Taman Bukit Kajang Baru, Kajang	2011	Kegagalan Cerun
Perumahan Bandar Puteri 9	2011	Tanah Runtuh
Menara Tinjau, Ampang, Hulu Langat	2012	Kegagalan Cerun
Taman Sunway Semenyih, Semenyih	2012	Tanah Mendap
Cheras	2013	Tanah Runtuh
Banting	2013	Batuan Kurang Stabil
Pusat Bandar Putra Permai, Seri Kembangan	2017	Tanah Runtuh
Jalan Kelab UK2, Taman Kelab Ukay, Ampang	2019	Tanah Mendap

Sumber: Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Selangor (2025)

LAMPIRAN 2: SENARAI PRODUK WARISAN YANG DIWARTAKAN

Produk Warisan Ketara yang Diwartakan

Menurut rekod JWN, sebanyak 21 produk warisan ketara diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645], seperti berikut:

i. **Kategori Alam Semula Jadi (1 Produk)**
   - Taman Hutan FRIM Selangor- UNESCO *World Heritage Site* (Warisan dunia)

ii. **Kategori Bangunan (12 produk)**
   - Kuil Sri Subramaniar Swamy, Kuala Selangor
   - Gedung Raja Abdullah, Klang
   - Sekolah Convent, Klang
   - Masjid Diraja Sultan Suleiman, Klang
   - Masjid Al-Hidayah Ampang Pecah, Hulu Selangor
   - Bekas Bangunan Gereja, Hulu Selangor
   - Istana Alauddin Kampung Banda, Kuala Langat
   - Masjid Diraja Sultan Ala'eddin, Kuala Langat
   - Pejabat Daerah Lama, Kuala Langat
   - Penjara Lama Jugra, Kuala Langat
   - Stor Peluru, Kuala Langat
   - Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz (bangunan Sultan Suleiman), Klang

iii. **Kategori Monumen/Makam (5 produk)**
   - Kota Raja Mahadi, Klang
   - Ibu Empangan Sungai Tengi, Hulu Selangor
   - Makam Saiyid Mansor bin Mohammad Ash-Shahab, Hulu Selangor
   - Makam Almarhum Sultan Abdul Samad, Kuala Langat
   - Makam Diraja, Bukit Melawati

iv. **Kategori Arkeologi (3 produk)**
   - Bukit Raja, Kuala Selangor
   - Kota Bukit Selangor / Kota Malawati
   - Kota Tanjung Keramat / Kota Bukit Tanjung (Bukit Belanda), Kuala Selangor

Produk Warisan Tidak Ketara

Selain warisan fizikal, Negeri Selangor turut menonjol melalui warisan tidak ketara. Berdasarkan rekod JWN, sebanyak 8 elemen warisan tidak ketara telah diwartakan sebagai warisan kebangsaan:

i. Kategori Tokoh Orang Hidup (WAKOH) (5 produk)
   - Vatsala A/P G.R. Kurup – Tarian Bharthanatyam dan Katakali
   - Tan Sri Ahmad Othman Merican - Muzik
   - Kumaresan Karthigesu – Seni Muzik Sitar
   - Maznah Anak Unyan – Anyaman Kraftangan Tradisional Orang Asli
   - Dato' Md Aripin Bin Said – Lagu Rakyat

ii. Kategori Makanan (3 produk)

iii. Burasak - Makanan Ruji

iv. Nasi Ambeng - Makanan Ruji

v. Bak Kut Teh - Makanan (sup)

LAMPIRAN 3:

Garis Panduan Perancangan (GPP) Pemuliharaan Kawasan dan Bangunan Warisan (PeWARIS)



https://drive.google.com/drive/folders/1Tz-_0DtGStYKuVVkQlEbA_K3TRQwky_C?usp=sharing

LAMPIRAN 4:

Garis Panduan Khas (GPK) Kawalan Aktiviti Selain Padi di Kawasan Jelapang Padi

<table>
<tr><td>1.</td><td>Kawasan Pemakaian GP</td><td>:</td><td>Kawasan jelapang padi IADA BLS yang merupakan kawasan Zon Perlindungan Skim Jelapang Padi Selangor</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Justifikasi GP</td><td>:</td><td>1. Amalan semasa dan ancaman kepada kesuburan sawah padi menyebabkan hasil pendapatan yang masih belum cukup baik bagi meningkatkan pendapatan isi rumah, serta isu guna tenaga petani mengurus sawah menurun kerana peningkatan usia.
2. Petani memerlukan sumber pendapatan yang lebih baik dari sawah padi menyebabkan kecenderungan menukar lebih 20 peratus tapak sawah kepada pembangunan selain padi dengan penambakan kawasan sawah. Amalan ini telah mengurangkan keluasan kawasan bertanam, mengurangkan jumlah pengeluaran padi daerah dan melanggari syarat nyata tanah menurut Akta 828 Kanun Tanah Negara (Pindaan 2020), Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Terpilih, Kaedah-kaedah Tanah Selangor 2003 serta Kaedah-kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2005 (Selangor State Land Rules - SSLR 2003).
3. Selaras dengan pencapaian dasar MP12 RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan) iaitu:
Dasar MP12: Kawasan Pertanian Utama (KPU) yang merupakan Pengeluaran Makanan Dikekalkan dan Dipelihara bagi Menyumbang kepada Jaminan Sekuriti Makanan Negara.
<table>
<tr><th colspan="4">Inisiatif Pelaksanaan</th></tr>
<tr><td>P1 - Mengekalkan KPU Tahap 1 iaitu Kawasan jelapang padi IADA Barat Laut Selangor untuk tanaman padi sahaja dan tidak dibenarkan untuk tujuan pembangunan lain atau jenis tanaman lain melainkan pemilik tanah jelapang padi sedia ada.</td><td>P2 - Mengekalkan Kawasan jelapang padi IADA Barat Laut Selangor sebagai kawasan sumber makanan negara selaras dengan Peta Cadangan Guna Tanah Rancangan Tempatan dan KAGUMN.</td><td>P3 - Meningkatkan intensiti pengairan kawasan jelapang padi IADA Barat Laut Selangor kepada 50 meter per hektar.</td><td>P4 - Memantau perubahan aktiviti atau penggunaan tanah di Kawasan jeJapang padi.</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Tujuan GP</td><td>:</td><td>Menjamin kawasan penghasilan makanan bagi pengeluaran padi berterusan dan dalam masa sama membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat tani Daerah Sabak Bernam melalui:</td></tr>
</table>



			1. Membenarkan sebahagian kawasan sawah padi digunakan untuk tujuan sokongan pertanian lain secara sah tanpa melanggari KTN dan tanpa menjejaskan secara serius persekitaran jelapang padi dan hasil pendapatan padi. 2. Meningkatkan pendapatan pesawah dari aktiviti lain di atas tanah sawah secara terkawal yang dibenarkan oleh KTN dan garis panduan khususnya dari jenis pembangunan industri huluan, hiliran pertanian dan tarikan pelancongan agro berasaskan padi.
4.	**Prinsip Kepentingan Jelapang Padi Sebagai Jaminan Makanan**	:	1. Mengekalkan sebaik mungkin kegunaan tanah padi di dalam kawasan kompartmen/blok pengairan IADA BLS sebagai kawasan penanaman sawah padi. 2. Menekankan kepentingan mematuhi KTN 2020 dan SSLR 2003 bagi penggunaan lain selain padi di kawasan sawah padi. 3. Memberi pertimbangan dalam membangunkan struktur di atas sawah padi dengan memastikan: a. Kemampuan air pengairan dan cahaya matahari sampai ke tanaman padi. b. Kemudahan proses operasi penanaman, pembajaan dan penuaian secara mekanikal. c. Kecukupan air dan kesuburan tanah untuk tanaman padi.
5.	**Garis Panduan Umum berdasarkan keperluan tanaman padi**	:	1. Tidak menutupi cahaya matahari yang sampai ke tumbuhan. 2. Tidak mengganggu/menghalang infrastruktur, sistem pengairan dan pengaliran air di pembetung ke kawasan sawah dan ke tanah sawah bersebelahan. 3. Tidak menutup/menambun keseluruhan tanah sawah untuk tujuan lain. 4. Tidak menanam tanaman lain yang menggunakan banyak air dan mengurangkan jumlah air yang sampai ke tanaman padi. 5. Tidak menjejaskan tumbesaran tanaman dari anak benih ke padi matang. 6. Tidak menganggu kelancaran penanaman, pembajaan dan penuaian padi yang dijalankan secara mekanikal/jentera. 7. Sebarang halangan struktur perlu memastikan pergerakan jentera masih boleh terus dilakukan dengan lancar. 8. Tidak menganggu laluan keluar masuk jentera, kenderaan dan petani ke kawasan petak sawah. 9. Tidak menyebabkan pencemaran kepada air dan tanah yang berpunca dari kumbahan/ sampah sarap/ minyak dan lain-lain dari aktiviti manusia. 10. Tidak mengurangkan kesuburan tanah akibat pengenalan unsur-unsur yang (berpotensi) mencemar tanah. 11. Tidak membawa masuk haiwan perosak tanaman, atau menggalakkan pembiakan haiwan perosak.

Garis Panduan Aktiviti Lain Atas Jelapang Padi (GPK Padi) dibangunkan dengan berasaskan kepada kawalan penggunaan tanah menurut KTN 1965 dengan menambah perincian-perincian kawalan seperti berikut:


Jadual 4.1.1: Perincian Kawalan GP Aktiviti Lain di atas Jelapang Padi (GPK Padi)

<table>
<tr><th>Bil</th><th>Kawalan</th><th>Perincian</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Kegunaan Utama Pertanian</td><td>Tanaman Padi</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Jenis Penanaman Lain</td><td>1. Hanya penanaman padi dibenarkan di dalam Jelapang Padi IADA BLS.
2. Tiada jenis penanaman tanaman lain/aktiviti pertanian lain dibenarkan (contohnya akuakultur dan penternakan).</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Kegunaan Sokongan Pertanian Yang dibenarkan</td><td>Kegunaan pertanian bagi menyokong aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil padi dibenarkan dengan syarat memperoleh kelulusan permit penggunaan tanah dan kelulusan kebenaran merancang perubahan material seperti senarai di bawah.
1. Kegunaan yang dibenarkan oleh KTN 2020 seperti berikut:
• Rumah kediaman/rumah kampung
• Rumah Pekerja dan bangunan rehat
• Bangunan penyimpanan jentera dan baja
• Bangunan pemprosesan hasil padi berskala kecil
• Bangunan bengkel pembaikan jentera padi berskala kecil
2. Kegunaan yang dibenarkan menurut SSLR 2003.
3. Kegunaan sokongan lain seperti (tanpa melanggari syarat-syarat KTN 2020 dan SSLR 2003) :
<table>
<tr><td>• Bangsal/Openshed;</td><td>• Tapak semaian;</td></tr>
<tr><td>• Gerai makanan sementara;</td><td>• Tempat letak kereta</td></tr>
<tr><td>• Gerai buah-buahan;</td><td>• Menara pandang</td></tr>
<tr><td>• Kemudahan pelancongan/wakaf/pit stop laluan berbasikal
• Penginapan pelancong (rumah inap/chalet)</td><td>• Pemajuan/aktiviti pertanian yang melibatkan pembinaan struktur rain shelter dan struktur yang bersifat sementara.</td></tr>
</table>
4. Lain-lain menurut takrifan PTD dan MDSB dan diluluskan oleh PBN.</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Keluasan tanah sawah yang dibenarkan untuk kegunaan lain</td><td>1. Tertakluk kepada Akta 828 Kanun Tanah Negara (Pindaan 2020) dibenarkan unit rumah kediaman di atas lot pertanian persendirian dengan keluasan tidak melebihi 1/5 keluasan lot tersebut (20%) atau (8,712 kaki persegi/ekar tanah) (809 mp), termasuk kawasan tempat letak kenderaan dan semua kemudahan berkaitan. [1]
2. Tidak menambun keseluruhan tanah lot sawah dan hanya maksima 20% sahaja dari keluasan keseluruhan tanah. Penggalakan penggunaan bangunan bertiang dan pengekalan kawasan padi sebaik mungkin.</td></tr>
</table>

[1] Bagi tanah bersaiz besar melebihi 24.7 hektar, keluasan maksimum 20% untuk kegunaan lain tidak melebihi 2 hektar (maksimum 4.94 ekar). Sebagai makluman, tiada tanah sawah bersaiz besar melebihi 5 ekar di Daerah Sabak Bernam pada masa kini.

Bil	Kawalan	Perincian
5.	*Plinth* rumah kampung/ bangunan sokongan padi hanya 20% dan kurang dari keluasan tanah sawah	
6.	Kedudukan bangunan dan kegunaan lain di atas sawah padi (pengecualian kepada rumah kampung)	1. Pembangunan selain padi dikumpulkan di satu bahagian di hadapan jalan utama sahaja dan meninggalkan kawasan selebihnya (80%) terpelihara sebagai kawasan penanaman padi. 2. Kawasan keutamaan pertimbangan kelulusan penggunaan adalah pemohonan pembangunan di atas tanah yang terletak di dalam kawasan perkampungan sedia ada (di dalam kelompok rumah-rumah kampung).  Nota : Perletakan di hadapan jalan utama di kecualikan bagi pembinaan rumah kampung/kediaman (bukan inap desa)
7.	Gangguan kepada Infrastruktur pertanian	1. Pembangunan bangunan, jalan dan kemudahan lain di atas infrastruktur perbekalan air tanaman/pengairan tidak dibenarkan. 2. Kawasan tanah pertanian yang melibatkan **gangguan kepada infrastruktur pengairan** (ban saluran air dan lain-lain) **tidak dibenarkan**. 3. Penyaluran air (*tapping*) dari ban pengairan tidak dibenarkan. 4. Penutupan laluan/ban pertanian/batas padi tidak dibenarkan. 5. Pengalihan sistem saliran padi tidak dibenarkan.
8.	Bilangan tingkat dibenarkan	Maksimum 2 tingkat

Bil	Kawalan	Perincian
9.	Lebar jalan masuk dan kawasan turapan/tambun tanah	1. Ke bangunan kediaman - Minimum kelebaran 6.096 meter (20 kaki) 2. Ke bangunan kedai/industri - Minimum kelebaran 9.14 meter (30 kaki) 3. Maksimum keluasan kawasan tambunan ialah 20- 65 mp/hek. (700kp/hek.) untuk menempatkan bangunan, kemudahan tempat letak kereta, kemudahan utiliti dan infrastruktur.
10.	Anjakan hadapan bangunan	Jarak anjakan 6.096 meter (20 kaki) dari garisan lot hadapan untuk garisan bangunan (*building line*) ke sempadan atau ke parit awam untuk penyediaan landskap dan tempat letak kenderaan
11.	Anjakan sisi bangunan ke sempadan lot	1. Jarak anjakan 3.048 meter (10 kaki) bagi anjakan sisi diukur dari jarak hujung bumbung (*roof eaves*) kepada garisan sempadan lot. 2. Anjakan sisi boleh menempatkan kawasan landskap, tempat pengurusan sampah dan utiliti
12.	Anjakan antara bangunan dalam lot yang sama	Anjakan antara bumbung ke bumbung dalam lot yang sama ialah minimum 3 meter (10 kaki)
13.	Tempat letak kenderaan	1. Peruntukan TLK untuk bangunan kediaman ▪ Dua (2) lot minimum tempat letak kenderaan bagi satu (1) bangunan penginapan; atau ▪ Mengikut garis panduan tempat kenderaan untuk bangunan penginapan; iaitu satu (1) tempat letak kereta bagi setiap 125mp (tertakluk kepada yang mana lebih tinggi); atau ▪ Satu (1) tempat letak kenderaan bagi tiga (3) bilik (premis penginapan) 2. Peruntukan TLK untuk bangunan perniagaan/industri ▪ TLK/46.452 mp. (500 kaki persegi) ruang lantai kasar + 20% TLK pelanggan dari jumlah keseluruhan TLK
14.	Pelantar Pejalan kaki di Sawah	1. Kelebaran pelantar minimum 1.524 m (7 kaki) 2. Ketinggian pelantar minimum 0.1-meter (3 kaki) dari aras tanah

Bil	Kawalan	Perincian
15.	Tataatur Tipikal (Contoh)	
16.	Sistem kumbahan	1. Menyediakan penyaluran air kumbahan ke sistem pembetungan yang sempurna untuk mengelakkan keracunan ecoli dan penyakit berjangkit dari bawaan air. 2. Sistem kumbahan jenis konvensional (curah dan tangki septik) dan jenis mekanikal jika perlu berdasarkan keperluan jabatan. 3. Pemasangan perangkap minyak dari dapur dan kawasan memasak luar dan dalam bangunan.
17.	Perbekalan utiliti	1. Mempunyai perbekalan utiliti yang sempurna (bekalan air, elektrik dan perparitan) bagi kemudahan perniagaan (seperti inap desa) ▪ Pendawaian elektrik tiga (3) fasa bagi bangunan inap desa dan hanya dua fasa bagi rumah kediaman ▪ Kemudahan telekomunikasi sekurang-kurang 1 talian tetap dan internet 100 mbbs (*starlink*) 2. Perbekalan air bersih dari paip awam dengan tekanan yang mencukupi atau ditambah dengan penggunaan pam persendirian 3. Kemudahan dan peralatan pemadaman api serta pencegahan kebakaran tersedia di kawasan mudah capai semasa kecemasan.

Bil	Kawalan	Perincian
18.	Pembuangan sampah	Ditempatkan di belakang bangunan atau tempat yang terlindung daripada pandangan awam.
19.	Tindakan Penguatkuasaan bagi Penggunaan Lain yang melanggari syarat tanah sawah padi oleh Kanun Tanah Negara 1965	Tindakan penguatkuasaan kepada penggunaan yang melanggari syarat tanah padi di kawasan jelapang padi di bawah Seksyen 127 hingga 129 dan pelucuthakan di bawah Seksyen 130 Akta 828 Kanun Tanah Negara (Pindaan 2020) dan Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Terpilih dan Kaedah-kaedah Tanah Selangor 2003 serta Kaedah-kaedah Tanah Selangor (pindaan) 2005 (*Selangor State Land Rules* - SSLR 2003).
20.	Cadangan Tindakan Program Pemutihan (tanaman dan bangunan) di atas Tanah Sawah	1. Program Pemutihan bagi kegunaan sedia ada berdasarkan syarat-syarat tambahan GPK Kawalan Aktiviti Lain di Atas Jelapang padi dicadangkan untuk kegunaan bangunan dan pertanian lain yang melanggari Sek 127 hingga 129. 2. Permohonan bagi menyertai program pemutihan hendaklah dibuat pemohon kepada PDT untuk mendapatkan kelulusan permit khas tahunan bagi penggunaan sementara tanah padi bagi kegunaan selain padi bagi proses pertimbangan oleh Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negeri Selangor (JSMNS) sebelum di angkat ke PBN untuk kelulusan tanah. 3. Ulasan dan sokongan kebenaran merancang perubahan material dan pembinaan bangunan dari Majlis Daerah Sabak Bernam perlu diperolehi dalam mempertimbangkan permohonan yang melibatkan pembinaan bangunan melebihi 20% dari keluasan tanah yang dibenarkan. 4. Kelulusan permit penggunaan adalah bersifat tahunan dengan maksima pemakaian permit selama 2 tahun (1 kali *extension*), dan dalam tempoh berkenaan pemohon perlu membuat pembayaran denda berdasarkan **pada satu kadar yang ditetapkan oleh JSMNS** (rujuk no.21). 5. Kadar denda melibatkan dua jenis denda iaitu denda bangunan dan denda tanaman lain atas kegagalan menanam padi. 6. Kadar denda tertakluk kepada kajian lanjutan berkaitan oleh PTG dan kelulusan JSMNS.

<table>
<tr><th>Bil</th><th>Kawalan</th><th>Perincian</th></tr>
<tr><td>21.</td><td>Cadangan Penggenaan Denda Pelanggaran Syarat oleh GPK Kawalan Padi RTMDSB 2035</td><td>
1. Denda dikenakan kepada pihak terlibat yang telah mengamalkan penggunaan tanah secara tidak bertepatan dengan tujuan asal tanah padi yang telah disediakan dengan infrastruktur tanaman padi dan dari amalan itu telah mengakibatkan kecacatan/kerugian kepada hak penggunaan awam.
2. Konsep pengiraan denda berdasarkan sejumlah peratusan dari perbezaan nilai purata pendapatan tahunan yang diperolehi oleh pemilik tanah hasil dari aktiviti yang berbeza dari penanaman padi.
3. Cadangan denda adalah pada kadar 15% (atau lain-lain peratus yang bersesuaian pada pandangan PBN) dari perbezaan nilai purata pendapatan tahunan (berbanding pendapatan dari penanaman padi).
4. Jumlah denda adalah wajar untuk tidak terlalu membebankan pemohon tetapi dalam masa yang sama mengekang kecenderungan untuk menukar kepada tanaman lain selain padi.
5. Selepas tempoh 2 tahun, pemilik tanah perlu memulihkan tanah mereka kepada tanaman padi iaitu balik kepada bentuk asal seperti dalam syarat nyata di dalam geran tanah masing-masing.
6. Contoh konsep pengiraan seperti berikut :

Kadar kompaun = 15% x Nilai Pendapatan Purata Bersih dari Perbezaan Aktiviti Berbanding Padi (A-B)
Yang mana
A= Nilai purata pendapatan bersih tahunan dari penanaman jenis lain/kegunaan lain
B= Nilai purata pendapatan bersih tahunan dari penanaman padi
Contoh pengiraan = Rujuk Aliran Kewangan
Anggaran Kos dan Pendapatan Bagi Tanaman Padi dengan Tanaman Agro Makanan Terpilih (Nilai Semasa Tahun 2022) dan Anggaran Nilai Kompaun Tahunan (15%).
<table>
<tr><th>Anggaran Nilai (RM)</th><th>Padi</th><th>Jambu Batu</th><th>Pisang Berengan</th><th>Bendi</th><th>Kacang Panjang</th><th>Ubi Kayu</th></tr>
<tr><td>Kos</td><td>8,586</td><td>44,829</td><td>36,099</td><td>59,092</td><td>80,047</td><td>20,811</td></tr>
<tr><td>Pendapatan Kasar</td><td>*12,480</td><td>106,094</td><td>44,800</td><td>120,000</td><td>150,000</td><td>43,200</td></tr>
<tr><td>Pendapatan Bersih</td><td>*3,894</td><td>61,265</td><td>8,701</td><td>60,908</td><td>69,953</td><td>22,389</td></tr>
<tr><td>Perbezaan Pendapatan Bersih (A) **</td><td>-</td><td>57,371</td><td>4,807</td><td>57,014</td><td>66,059</td><td>18,495</td></tr>
<tr><td>Kompaun 15% dari nilai (A)</td><td>-</td><td>8,605.65</td><td>721.05</td><td>8,552.10</td><td>9,908.85</td><td>2,774.25</td></tr>
</table>
Nota: * Pendapatan berdasarkan purata hasil padi 4 tan/musim.
** Perbezaan pendapatan dari tanaman padi dengan lain-lain tanaman terpilih yang lain.
Potensi hasil bergantung kepada pengurusan tanaman dan pengeluaran maksimum.
Aliran kewangan berdasarkan usaha penanaman 1 hektar tanah.
Sumber: “Booklet Statistik Tanaman 2022”. Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, 2023.
</td></tr>
</table>

Bil	Kawalan	Perincian
22.	Konsep pengekalan persekitaran padi	1. Rekabentuk tradisi dengan penggunaan bahan-bahan binaan tempatan (seperti kayu dan bata) atau seumpama bagi menonjolkan ciri-ciri senibina tempatan. 2. Menggunakan konsep bertiang dan pelantar laluan bagi meminimumkan gangguan kepada kawasan penanaman. 3. Menggunakan konsep *spaceframe*/tidak berdinding/dinding minimum dan kerja batuan ringkas.
23.	Contoh rekabentuk	 Konsep bertiang dengan penambakan tanah minimum *Kafe Padi (Teratak Toksu) di Simpang Empat, Semanggol*  Kawasan sawah dikekalkan sebaik mungkin *Laman Padi Langkawi*  Penggunaan pelantar antara bangunan ke bangunan *Laman Padi Langkawi*  Bangunan bertingkat dan tingkat bawah sebagai kawasan riadah *https://glamping.si/en/glamp-offer/glamping-okrslan/*

Bil	Kawalan	Perincian
		  Bangunan bersaiz kecil dan bertiang serta pelantar bagi mengekalkan tanah sawah sebaik mungkin *Sumber : https://www.designboom.com/architecture/h2-ruong-resort-field-vietnam-03-25-2020/*
24.	Rekabentuk bangunan rumah inap desa/chalet/restoren bertiang yang mengelakkan kawasan sawah ditambun sepenuhnya dan menggunakan sistem pelantar	 The Hampton, Long Island New York Sumber:https://insteading.com/blog/homes-on-stilts/
		 Hood Canal Cabin, Washington Sumber:https://insteading.com/blog/homes-on-stilts/
		 Villa Budi, Bali Sumber:https://www.tripadvisor.com/VacationRentalReview
25.	Aktiviti yang meminimakan gangguan kepada kawasan penanaman padi dibenarkan dengan syarat	 Salah satu tarikan aktiviti sawah padi. Sumber:https://www.kosmo.com.my/2023/04/20/bercuti-sambil-lakukan-aktiviti-di-sawah-padi/
		 ATV di sawah padi. Sumber:https://www.utusan.com.my/terkini/2023/01/
		 Berbasikal di sawah padi. Sumber:https://www.klook.com/ms-MY/activity/39012-cycling-tour-ubud/

Rujukan Garis Panduan

A. Takrifan Pertanian oleh Kanun Tanah Negara 1965

Aktiviti "pertanian" termasuklah hortikultur, perladangan, penanaman tanaman, pokok buah-buahan, sayur-sayuran, atau pokok, penanaman tumbuh-tumbuhan untuk digunakan sebagai makanan binatang, perladangan tenusu, pembiakan dan pemeliharaan ternakan, ikan, atau lebah, dan menggunakan tanah bagi maksud tambahan pada mana-mana kegiatan itu atau pada mana-mana kegiatan pertanian yang lain; tetapi tidak termasuk menggunakan tanah sebagai sebuah taman untuk digunakan bersama dengan suatu bangunan yang bercantum pada tanah itu; dan "pertanian" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

B. Takrifan Pertanian Dalam RT MDSB 2035 (Penggantian)

Pertanian dalam pemakaian RT bermaksud aktiviti **'TANAMAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN'.** Terdapat pelbagai aktiviti tanah dan bangunan yang ditakrifkan sebagai aktiviti pertanian yang mana PADI adalah salah satu tanaman utama di dalam kelas ini. Aktiviti tanah dan bangunan bagi setiap satu kelas pertanian adalah seperti diperincikan di dalam **Jadual 4.1.2**.

Jadual 4.1.2: Aktiviti tanah dan bangunan bagi kelas pertanian


Kelas	Aktiviti Tanah & Bangunan	Kelas	Aktiviti Tanah & Bangunan
KELAS 1 Tanaman	a. Padi b. Pengeluaran benih padi c. Taman Kekal Pengeluaran Makanan d. Perkebunan Campuran (Agro *Mix Farm*) e. Tanaman Komoditi (kelapa sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, kenaf dan tembakau) f. Sayur-sayuran (jenis daun, buah, kekacang, umbisi, bunga) dan Buah-buahan g. Tanaman Ladang (semua jenis ubi, jagung, kacang tanah, tebu kuning, sengkuang dan lain-lain) h. Tanaman Industri (kelapa, kopi, teh, nipah, pinang, *roselle*, rumbia / sagu, cendawan, lebah kelulut, lebah madu, jagung bijian) i. Herba (cekur, lidah buaya, mengkudu / noni, misai kucing, pegaga, serai wangi, sirih, tongkat ali dan lain-lain) j. Rempah-Ratus (lada hitam, asam gelugor / jawa, bunga kantan, cengkih, halia, kunyit, lengkuas, limau kasturi, limau nipis, pala, serai) k. Florikultur (bunga-bungaan & rumput semaian) l. Tanaman Lain (Mengikut Tafsiran MDSB)	**KELAS 2** Penternakan	a. Ternakan Ruminan (lembu, kerbau, kambing, biri-biri, rusa dan lain-lain) b. Unggas (ayam, itik, angsa, walit, puyuh dan lain-lain) c. Padang Ragut / Taman Kekal Pengeluaran Makanan d. Rumah Sembelihan m. Lain-lain jenis (Mengikut tafsiran agensi-agensi teknikal berkaitan dan MDSB)
		KELAS 3 Perikanan	a. Akuakultur Air Tawar (kolam, bekas lombong, sangkar, tangki, kandang ikan, ikan hiasan, tumbuhan akuatik) b. Akuakultur Air Payau/Marin (kolam, sangkar, tangki, kerang-kerangan, rumpai laut) c. Perikanan Darat d. Perikanan Tangkapan Marin e. Zon Industri Akuakultur (pengeluaran, pengkulturan, tuaian menggunakan teknik yang direkabentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semulajadi). f. Pusat Hatcheri e. Lain-lain jenis (Mengikut tafsiran agensi-agensi teknikal berkaitan dan MDSB)

LAMPIRAN 5:

Rujukan Pelan Bagi Setiap Kategori Pelancongan PPPNS



https://drive.google.com/drive/folders/1-rkveaa6n9i2Q-5wJEQgou5Gf1Oe1Psk?usp=sharing



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR
(PLANMalaysia Selangor)
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

PANDUAN PELAKSANAAN PELANCONGAN NEGERI SELANGOR